KEPERLUAN PROGRAM PASCAPEMBEBASAN DAN JAGAAN LANJUTAN BERASASKAN KOMUNITI UNTUK BEKAS BANDUAN

MOHD ALIF BIN JASNI

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

University of Malaya

# KEPERLUAN PROGRAM PASCAPEMBEBASAN DAN JAGAAN LANJUTAN BERASASKAN KOMUNITI UNTUK BEKAS BANDUAN

**MOHD ALIF BIN JASNI**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2018**

University of Malaya

**UNIVERSITI MALAYA**

**<u>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</u>**

Nama: Mohd Alif Bin Jasni
No. Pendaftaran/Matrik: AHA140004
Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah dalam Keadilan Jenayah
Tajuk Tesis: Keperluan Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti untuk Bekas Banduan.

Bidang Penyelidikan: Keadilan Jenayah

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon　　　　　　　　Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi　　　　　　　　Tarikh

Nama:
Jawatan:

University of Malaya

**KEPERLUAN PROGRAM PASCAPEMBEBASAN DAN JAGAAN LANJUTAN BERASASKAN KOMUNITI UNTUK BEKAS BANDUAN**

## ABSTRAK

Ketiadaan akses jagaan lanjutan kepada bekas banduan menyebabkan mereka berisiko untuk kembali semula melakukan jenayah. Perkembalian kepada aktiviti jenayah berpunca daripada pelbagai faktor penyumbang yang wujud sepanjang mereka berada di dalam proses berintegrasi semula. Kajian ini cuba mengenalpasti faktor-faktor risiko dan pelindung yang berada di persekitaran bekas banduan yang berupaya mempengaruhi keputusan mereka untuk cenderung mengulanglaku jenayah atau menjauhkan diri dari jenayah. Pemilihan keputusan ini menentukan titik perubahan yang berlaku dalam peristiwa hidup yang cenderung untuk membawa sama ada mengulang laku semula jenayah atau mengelakkan diri dari jenayah. Satu kajian kualtitatif telah dijalankan di Kuala Lumpur dalam kalangan 16 responden pengulanglaku jenayah dan 3 responden yang berhenti dari jenayah. Temubual mendalam telah mendapati kegagalan majoriti bekas banduan untuk berintegrasi telah membawa kepada pengulangan jenayah yang berterusan sepanjang dibebaskan. Kajian ini dibina berlandaskan Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Tidak Formal dalam memahami titik perubahan yang berlaku sepanjang peristiwa hidup bekas banduan ini. Analisis yang dibuat telah membawa kepada pengenalpastian pelbagai faktor risiko dan pelindung yang wujud dalam persekitaran hidup bekas banduan sepanjang menghadapi peristiwa hidup. Dapatan kajian ini telah membekalkan maklumat yang realistik dalam mencadangkan pembentukan sebuah program yang mampu memudahkan integrasi semula bekas banduan ini. Pemahaman yang kritikal terhadap keperluan memulihkan bekas banduan berdasarkan maklumat pengenalpastian faktor penyumbang yang terkumpul ini telah membawa kepada inisiatif pembinaan satu program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti berterusan yang berkesan untuk memantau dan membimbing bekas banduan sebaik dibebaskan dari penjara agar berupaya berintegrasi dengan baik dan menjadi seorang yang patuh kepada nilai, norma serta undang-undang.

**Kata kunci:** residivisme, faktor risiko, pemberhentian dari jenayah, faktor pelindung, Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak Formal

University of Malaya

**THE NEED OF COMMUNITY BASED POST RELEASE AND AFTERCARE PROGRAMME FOR FORMER PRISONER**


**ABSTRACT**

Insufficiency of aftercare situates former prisoners at high risk of recidivism. Their tendency to repeating criminal activity resulted from various factors that could influence them in the ongoing recovery process. This study attempts to identifying risks and existing protective factors in the social environment of the former prisoners that could affect their decision either repeat or refrain themselves from undesirable behaviour towards criminal activities. Their choices would determine changes in their life afterwards whether turn back as a criminalize or avoiding it. A qualitative study has been carried out in Kuala Lumpur among sixteen recidivists, and three demisters through a series of in-depth interviews. The analysis indicates that majority of the former prisoners have failed to reintegrate with the community as a whole. As a result, failing from being threaded equally in society leading them in contributing to recidivism. This study implemented the Age Graded Theory of Informal Social Control as the theoretical framework to understand changes that occurred during life occurrences or incidents of these former prisoners. Hence, this analysis has been preceded to the identification of various risk and protective factors that responding as contribution factors to their recidivate and desistance behaviour. Thus, inputs are vital for the establishment of a realistic community-based post-release and post rehabilitation programme that could facilitate the reintegration process of the former prisoners. As a conclusion, the ex-convictors need to be observed in the community form time to time. Therefore, a post rehabilition programme should be one of the initiative in bringing ex-convictors back to normal functioning community and well blend in. In addition, post rehabilitation could help the former prisoners to reintegrate and become an obedient and law abiding citizen.



**Keywords:** recidivism, risk factor, desistance, protective factor, Age Graded Theory of Social Informal Control


University of Malaya

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi yang memudahkan perjalananku, yang memberikan aku kekuatan dan kesihatan selama menyambung pelajaran di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Kriminologi ini,

Terima kasih kepada penyeliaku, Prof. Dr. Siti Hajar Abu Bakar Ah dan Prof. Madya Dr. Jal Zabdi Mohd Yusoff yang banyak membimbingku,

Terima kasih kepada ibuku, Rusnah Abd Mutalib, bapaku Jasni Jaafar, nenekku, Rapeah Ibrahim dan adik beradikku, Syafiqa Jasni, Nini Jasni dan Daniel Dubies Jasni yang menjadi tulang belakangku selama hari ini.

Yang bersyukur ke atas kenikmatan dan peluang ini,


(………………………….)


Mohd Alif Bin Jasni
alevmikail@gmail.com
mohdalifjasni@gmail.com


University of Malaya

# ISI KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| ABSTRAK | | iii |
| ABSTRACT | | iv |
| PENGHARGAAN | | v |
| ISI KANDUNGAN | | vi |
| SENARAI GAMBAR RAJAH | | x |
| SENARAI JADUAL | | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | | xv |
| | | |
| **BAB 1** | **LATARBELAKANG KAJIAN** | 1 |
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.3 | Tujuan dan Objektif Kajian | 24 |
| 1.4 | Skop Kajian | 25 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian | 29 |
| 1.6 | Pembahagian Bab | 35 |
| | | |
| **BAB 2** | **ULASAN LITERATUR** | 37 |
| 2.1 | Pendahuluan | 37 |
| 2.2 | Konsep Residivisme dan Pengulanglaku Jenayah | 37 |
| 2.3 | Integrasi semula, Cabaran yang dihadapi dan Pengulangan Jenayah | 49 |
| 24 | Faktor-faktor risiko kepada Residivisme dalam kalangan Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula | 52 |
| | 2.4.1 Faktor risiko statik | 54 |
| | 2.4.2 Faktor risiko dinamik | 55 |
| | 2.4.2.1 Pengangguran | 56 |
| | 2.4.2.2 Hubungan bermasalah antara bekas banduan dan anggota keluarga mereka | 58 |
| | 2.4.2.3 Hubungan berisiko antara bekas banduan dengan rakan sebaya dan sokongan sosial | 60 |
| | 2.4.2.4 Penerimaan masyarakat dan stigma sosial | 61 |
| | 2.4.2.5 Penyalahgunaan dadah dan alkohol | 63 |
| | 2.4.2.6 Masalah mental | 64 |
| | 2.4.2.7 Ketiadaan sistem sokongan sosial | 65 |
| 2.5 | Faktor-faktor Pelindung yang Membantu Bekas Banduan Menjauhkan Diri dari Jenayah | 66 |
| | 2.5.1 Faktor luaran | 68 |
| | 2.5.1.1.Pekerjaan yang sah, insentif ekonomi dan pendapatan tetap | 68 |
| | 2.5.1.2 Penerimaan keluarga, berumahtangga dan tanggungjawab perkahwinan | 70 |
| | 2.5.1.3 Kawasan kediaman, masyarakat sekeliling dan pengaruh | |


University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| | rakan sebaya | 74 |
| | 2.5.2 Faktor Dalaman | 75 |
| | 2.5.2.1 Kematangan dan usia | 75 |
| | 2.5.2.2 Harapan dan motivasi | 76 |
| 2.6 | Kesimpulan | 77 |
| **BAB 3** | **TEORI PENGKELASAN UMUR SEBAGAI KAWALAN SOSIAL TIDAK-FORMAL** | 78 |
| 3.1 | Pendahuluan | 78 |
| 3.2 | Latarbelakang Teori PengkelasanUmur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal | 79 |
| 3.3 | Andaian Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal Mengenai Tingkahlaku Jenayah Individu | 82 |
| 3.4 | Komponen Utama Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal Berkaitan Perlakuan Jenayah Individu | 88 |
| | 3.4.1 Trajektori penjenayahan | 88 |
| | 3.4.2 Transisi | 89 |
| | 3.4.3 Titik Perubahan (*Turning Point)* | 90 |
| 3.5 | Kekuatan dan Kelemahan Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal dalam Menjustifikasi Mengapa Banduan Menjadi Pengulanglaku Jenayah | 94 |
| 3.6 | Kesimpulan | 100 |
| **BAB 4** | **METODOLOGI KAJIAN** | 101 |
| 4.1 | Pendahuluan | 101 |
| 4.2 | Pendekatan Kajian | 101 |
| 4.3 | Reka Bentuk Kajian | 102 |
| 4.4 | Populasi Kajian | 104 |
| 4.5 | Lokasi Kajian | 105 |
| 4.6 | Sampel Kajian | 106 |
| 4.7 | Teknik Persampelan Kajian Data | 108 |
| | 4.7.1 Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling technique*) | 108 |
| | 4.7.2 Teknik persampelan bola salji (*snowball sampling technique*) | 109 |
| 4.8 | Teknik Pengumpulan Data | 112 |
| | 4.8.1 Data primer | 112 |
| | 4.8.2 Data Sekunder | 115 |
| 4.9 | Instrumen Kajian | 115 |
| 4.10 | Pra Uji Instrumen Kajian | 118 |
| 4.11 | Etika Penyelidikan | 122 |
| 4.12 | Teknik Analisa Data | 124 |
| **BAB 5** | **FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG MENDORONG BEKAS BANDUAN MENJADI PENGULANGLAKU JENAYAH** | 128 |
| 5.1 | Pendahuluan | 128 |
| 5.2 | Profil Demografi Sosial Responden Kajian Pengulanglaku Jenayah | 129 |
| 5.3 | Faktor Risiko kepada Tingkahlaku Residivisme Responden | 149 |
| | 5.3.1 Tiada tempat tinggal untuk berteduh | 153 |

University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| | 5.3.2 Penolakan ahli keluarga dan pasangan | 158 |
| | 5.3.3 Kegagalan memasuki alam perkahwinan dan hubungan rumahtangga yang berkonflik dalam kalangan bekas banduan pengulanglaku jenayah | 167 |
| | 5.3.4 Kesukaran mendapat kerja dan pengangguran | 174 |
| | 5.3.5 Kejiranan yang tidak peduli dan gemar melabel | 192 |
| | 5.3.6 Pergaulan semula dengan rakan-rakan senasib | 199 |
| | 5.3.7 Berterusan menagih dadah | 200 |
| | 5.3.8 Masalah Kesihatan menjejaskan kualiti kehidupan | 215 |
| 5.4 | Kesimpulan | 219 |
| **BAB 6** | **FAKTOR-FAKTOR PELINDUNG YANG MEMBAWA PEMBERHENTIAN DARI JENAYAH** | 220 |
| 6.1 | Pendahuluan | 220 |
| 6.2 | Profil Demografi Sosial Responden yang Berhenti dari Jenayah | 221 |
| 6.3 | Faktor-faktor Pelindung kepada Tingkahlaku Pemberhentian dari Jenayah Dalam Kalangan Bekas Banduan | 221 |
| | 6.3.1 Mempunyai tempat tinggal | 227 |
| | 6.3.2 Sokongan padu ahli keluarga | 233 |
| | 6.3.3 Hubungan perkahwinan yang kukuh | 243 |
| | 6.3.4 Pekerjaan yang stabil | 250 |
| | 6.3.5 Komuniti dan persekitaran yang menyokong | 257 |
| | 6.3.6 Pengelakkan diri dari pengaruh rakan yang negatif | 263 |
| | 6.3.7 Bebas dari sebarang penyalahgunaan bahan dadah | 267 |
| | 6.3.8 Kelebihan sihat tubuh badan ke atas kesejahteraan hidup bekas banduan | 270 |
| 6.4 | Kesimpulan | 272 |
| **BAB 7** | **PROGRAM PASCAPEMBEBASAN DAN JAGAAN LANJUTAN BERASASKAN KOMUNITI UNTUK BEKAS BANDUAN** | 274 |
| 7.1 | Pendahuluan | 274 |
| 7.2 | Program Pasca Pembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasas Komuniti untuk Bekas Banduan yang Berada dalam Proses Integrasi Semula | 275 |
| 7.3 | Komponen-komponen Berkesan Program Pasca Pembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasas Komuniti | 279 |
| | 7.3.1 Pendekatan penjagaan komuniti | 280 |
| | 7.3.2 Pelbagai jaringan perkhidmatan sosial | 281 |
| | 7.3.3 Penjagaan spesifik untuk bekas banduan yang mempunyai keperluan khas | 284 |
| | 7.3.3.1 Perkhidmatan rumah perantaraan | 284 |
| | 7.3.3.2 Perkhidmatan terapeutik rekreasi | 295 |
| | 7.3.3.3 Perkhidmatan rawatan kesihatan dan pemulihan lanjutan | 298 |
| | 7.3.3.3(a) Program mengukuhkan akses bekas banduan kepada rawatan kesihatan dan pemulihan lanjutan dalam komuniti | 298 |
| | 7.3.3.3(b) Program terapi ketagihan dadah | 299 |

University of Malaya

7.3.3.4 Perkhidmatan/program penempatan pekerjaan dan latihan kerja 307
7.3.4 Alat pangkalan data bekas banduan yang berada di dalam komuniti 312
7.3.5 Program pemulihan yang berorientasikan keluarga 316
7.3.5.1 Program terapi pasangan dan perkahwinan 323
7.3.5.2 Program kaunseling keluarga berkaitan penyakit HIV/AIDS 326
7.3.6 Pemulihan sosial yang berasaskan sistem pementoran 328
7.3.7 Terapeutik sosial pelbagai sistem (*multisystemic therapy*) 337
7.4 Pengenalpastian Kumpulan Berkepentingan dan Agensi yang Releven dalam Mengemudi Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti 338
7.4 Kesimpulan 342

**BAB 8 RUMUSAN DAN PENUTUP** 344
8.1 Rumusan 344
8.2 Cabaran yang bakal dihadapi dalam pelaksanaan program intervensi 345
8.3 Limitasi-limtasi kajian 351
8.4 Cadangan kajian di masa hadapan 354
8.5 Penutup 356

**SENARAI RUJUKAN** 358

**LAMPIRAN 1** 392
**LAMPIRAN 2** 398
**LAMPIRAN 3** 402
**LAMPIRAN 4** 403

University of Malaya

## SENARAI GAMBAR RAJAH


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Rajah 1.1: | Model Konseptual Kajian | 28 |
| Rajah 2.1: | Model Pengukuran Residivisme | 48 |
| Rajah 3.1: | Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal | 87 |
| Rajah 5.1: | *Ecomap* Lufti | 133 |
| Rajah 5.2: | *Ecomap* Siva | 134 |
| Rajah 5.3: | *Ecomap* Hafiz | 135 |
| Rajah 5.4: | *Ecomap* Suhaimi | 136 |
| Rajah 5.5: | *Ecomap* Suhaila | 137 |
| Rajah 5.6: | *Ecomap* Rahimah | 138 |
| Rajah 5.7: | *Ecomap* Latif | 139 |
| Rajah 5.8: | *Ecomap* Nabil | 140 |
| Rajah 5.9: | *Ecomap* Amir | 141 |
| Rajah 5.10: | *Ecomap* Ramli | 142 |
| Rajah 5.11: | *Ecomap* Razak | 143 |
| Rajah 5.12: | *Ecomap* Zahid | 144 |
| Rajah 5.13: | *Ecomap* Naim | 145 |
| Rajah 5.14: | *Ecomap* Zarul | 146 |
| Rajah 5.15: | *Ecomap* Fikri | 147 |
| Rajah 5.16: | *Ecomap* Syamsul | 148 |
| Rajah 5.17: | Kod dan Tema yang berkaitan Ketiadaan Tempat Tinggal dalam kalangan bekas banduan. | 153 |
| Rajah 5.18: | Kod dan Tema berkaitan Penolakan Ahli Keluarga | 159 |
| Rajah 5.19: | Kod dan Tema berkaitan Kegagalan Bekas Banduan Memasuki Alam Perkahwinan | 168 |
| Rajah 5.20: | Kod dan Tema berkaitan Pengangguran dalam Kalangan Bekas Banduan dan Kesan yang berlaku | 175 |
| Rajah 5.21: | Kod dan Tema Berkaitan Diskriminasi dan Stigma Masyarakat | 192 |


University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 5.22: | Kod dan Tema berkaitan Pergaulan dengan Rakan-Rakan Senasib. | 199 |
| Rajah 5.23: | Kod dan Tema berkaitan Ketagihan Dadah | 205 |
| Rajah 5.24: | Ketagihan Dadah/Alkohol dan Residivisme | 206 |
| Rajah 5.25: | Kod dan Tema berkaitan Tahap Kesihatan dalam Kalangan Bekas Banduan yang Pengulanglaku Jenayah | 216 |
| Rajah 6.1: | *Ecomap* Muiz | 223 |
| Rajah 6.2 : | *Ecomap* Syafiq | 224 |
| Rajah 6.3: | *Ecomap* Rizal | 225 |
| Rajah 6.4: | Kod dan Tema berkaitan Kejayaan Memperolehi Tempat Tinggal | 229 |
| Rajah 6.5: | Kod dan Tema berkaitan Sokongan Padu Keluarga dengan Kehadiran Bekas Banduan | 235 |
| Rajah 6.6: | Kod dan Tema berkaitan Hubungan Perkahwinan dalam Kalangan Bekas Banduan | 244 |
| Rajah 6.7: | Kod dan Tema berkaitan Pekerjaaan yang Stabil dalam Kalangan Bekas Banduan | 252 |
| Rajah 6.8: | Kod dan Tema berkaitan Komuniti dan Persekitaran yang Menyokong dalam Kehidupan Bekas Banduan | 258 |
| Rajah 6.9: | Kod dan Tema berkaitan Hubungan Persahabatan dengan Rakan-Rakan | 265 |
| Rajah 6.10: | Kod dan Tema berkaitan  Bebas Dadah dalam Kalangan Bekas banduan | 268 |
| Rajah 6.11: | Kod dan Tema berkaitan Kesihatan dan Kesejahteraan hidup dalam Kalangan Bekas Banduan | 270 |
| Rajah 7.1: | Faktor Risiko kepada Residivisme dan Faktor Pelindung kepada Pemberhentian dari Jenayah Dalam Ruang Komuniti | 282 |
| Rajah 7.2: | Program Program Rumah Perantaraan untuk Bekas Banduan | 294 |

University of Malaya

Rajah 7.3: Program Terapeutik Rekreasi untuk Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula 297
Rajah 7.4: Program Pengukuhan Akses Bekas Banduan kepada Rawatan Kesihatan dan Pemulihan Lanjutan dalam Komuniti 300
Rajah 7.5: Program Rawatan Terapeutik Komuniti Ketagihan Dadah Lanjutan untuk Bekas Banduan yang Berada dalam Proses Integrasi Semula 306
Rajah 7.6: Program Penempatan Pekerjaan untuk Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula 313
Rajah 7.7: Sistem Pangkalan Data Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula 317
Rajah 7.8: Program Pengukuhan Hubungan Kekeluargaan 324
Rajah 7.9: Program Terapi Perkahwinan, Terapi Pasangan dan Program Kesedaran HIV 329
Rajah 7.10: Program Kumpulan Sokongan Berasaskan Sistem Pementoran 336
Rajah 7.11: Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Bekas Banduan yang Berada di Dalam Proses Integrasi Semula 343

University of Malaya

## SENARAI JADUAL


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Jadual 1.1: | Banduan Pengulanglaku Jenayah, 2000-2016 | 7 |
| Jadual 1.2: | Program Jagaan Lanjutan di Beberapa Negara Terpilih | 20 |
| Jadual 1.3: | Peruntukan Kewangan Negara untuk Perkhidmatan Pelulihan dan Rawatan Pesalah Jenayah, 2011 – 2016 | 33 |
| Jadual 2.1: | Definisi residivisme | 39 |
| Jadual 2.2: | Sembilan masalah pendefinisian konsep residivisme sebagai langkah penilaian program yang dikenalpasti | 41 |
| Jadual 2.2: | Makna Konsep Pemberhentian dari Jenayah atau *Desistance* Berdasarkan Kajian-Kajian Lepas | 67 |
| Jadual 4.1: | Pembebasan Banduan, 2014-2016 | 105 |
| Jadual 4.2: | Ciri-ciri  Inklusif Kelayakan Menyertai Kajian | 107 |
| Jadual 4.3: | Senarai Topik Temubual Mengikut Kategori Responden | 117 |
| Jadual 5.1: | Responden Kajian | 129 |
| Jadual 5.2: | Profil Demografi Sosial Responden Pengulanglaku Jenayah | 131 |
| Jadual 5.3: | Peristiwa Hidup Berisiko Responden Pengulanglaku Jenayah | 151 |
| Jadual 5.4: | Faktor Ketiadaan Tempat Tinggal | 155 |
| Jadual 5.5: | Pergaulan Semula dengan Rakan Senasib | 201 |
| Jadual 6.1: | Profil Demografi Sosial Responden yang Berheni dari Jenayah | 222 |
| Jadual 6.2: | Peristiwa Hidup Responden yang Berhenti dari Jenayah | 228 |
| Jadual 6.3: | Faktor Pembentukan Sokongan Padu Ahli Keluarga | 237 |


University of Malaya

Jadual 6.4: Pengelakkan diri dari pengaruh rakan negatif 266
Jadual 7.1: Senarai Program Rumah Perantaraan di Amerika Syarikat 288

University of Malaya

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ACSO | *Australian Community Support Organisation* |
| ASRO | *Addressing Substance Related Offending* |
| AIDS | *Acquired immune deficiency syndrome* |
| CBA | *Cost Benefit Analysis* |
| CEO | *Center for Employment Opportunities* |
| CD4 | *Cluster of differentiation 4* |
| CT | *Communities* Therapeutic (Terapeutik Komuniti) |
| ECRIS | *European Criminal Records Information System* |
| HIV | *Human immunodeficiency virus* |
| IC | *Identitification Card* (Kad Pengenalan) |
| IKHLAS | Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia |
| ISAP | *Intensive Substance Abuse Program* |
| IQ | *Intelligence quotient* (Nilai Kecerdasan) |
| MST | *Multisystemic Therapy* (Terapeutik Sosial Pelbagai Sistem) |
| NGO | *Non-governmental organization* (Badan-Badan Bukan Kerajaan) |
| NICoE | *National Intrepid Center of Excellence* |
| OSAP | *Substance Abuse Programme* |
| OTIS | *The Offender Tracking System* |
| PACT | *Prison Advice and Care Trust* |
| PDRM | Polis DiRaja Malaysia |
| PARS | *People At Risk Solutions Incorporated* |
| POPS | *Partners of Prisoners and Families Support Group* |
| PPH | *PERTAPIS Halfway Houses* |
| PPI | Pelan Pembangunan Insan |
| SAMSHA | *Substance Abuse and Mental Health Services Administration* |
| SCA | *Second Chance Act* |
| SPAN | *Supporting Prisoners Advice Network* |
| STAR | *Substance abuse-treatment and reentry program* |
| STD | *Sexually Transmitted Diseases* (Penyakit Kelamin) |

University of Malaya

| | |
|---|---|
| REO | *Reentry Employment Opportunities* |
| TB | *Tuberculosis* (Batuk Kering) |
| TR | *Therapeutic Recreational* (Terapeutic Rekreasi) |
| WFC | *John Inmann Work and Family Center* |
| WIPAN | *Women in Prison Advocacy Network* |
| WOTC | *Work Opportunity Tax Credit* |

University of Malaya

# BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN

## 1.1 Pendahuluan

Sehingga akhir Disember 2016, Jabatan Penjara Malaysia (2017) melaporkan terdapat seramai 4,359 orang pengulang laku jenayah yang telah dipenjarakan semula di penjara-penjara seluruh negara di Malaysia. Perangkaan ini telah membuktikan masih terdapat ramai bekas banduan yang terus terjebak semula di dalam jenayah ketika berada di dalam proses integrasi semula dengan anggota masyarakat. Secara tidak langsung, jumlah dalam residivisme yang masih tinggi juga memperlihatkan masih terdapat ramai bekas banduan yang masih kurang berupaya untuk berintegrasi semula dengan masyarakat umum. Ataupun, anggota masyarakat tidak dapat menerima kehadiran bekas banduan di dalam kehidupan mereka. Perkara ini juga menunjukkan yang integrasi semula bukanlah satu proses yang mudah buat bekas banduan. Mereka terpaksa mengharungi cabaran yang besar selepas dibebaskan dari penjara.

Ketika berada di dalam pemenjaraan, semua banduan perlu melalui pelbagai program integrasi sosial sebagai persediaan untuk berinteraksi semula dengan masyarakat umum. Sayangnya, sebahagian besar bekas banduan terlibat semula dengan jenayah sebaik sahaja dibebaskan daripada hukuman pemenjaraan. Punca utamanya adalah kerana mereka gagal untuk berintegrasi semula dengan kehidupan masyarakat (Kaplan & Nussio, 2016; Ray, Grommon, Buchanan, Brown & Watson, 2015; Cuervo & Villanueva, 2014; Pizarro, Zgoba & Haugebrook, 2014; Mears, Wang, Hay & Bales, 2008; Solomon, Visher, La Vigne & Osbourne, 2006; Visher & Travis, 2003). Selain itu, ketiadaan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan (*post-*

University of Malaya

*release and aftercare*) yang meliputi program penyeliaan susulan, pemantauan dan sokongan sosial yang berkesan kepada bekas banduan di Malaysia telah menyukarkan lagi proses integrasi semula mereka ke dalam kehidupan masyarakat (La Vigne, Brooks & Shollenberger, 2007; Agnew, 2005).

Bagi segelintir bekas banduan, proses integrasi semula berlaku dengan mudah dan lancar apabila keluarga mereka menerima mereka kembali (Hochstetler, DeLisi & Pratt, 2010; Martinez & Christian, 2009; Naser & Visher, 2006), mempunyai pekerjaan untuk membiayai kehidupan (Mears & Mestre, 2012; Sampson, Laub & Wimer, 2006; Uggen, 2000) dan terdapat serangkaian sokongan sosial (*social support network*) untuk membantu mereka di sepanjang proses tersebut (Cochran, 2014; Haerle, 2014; Liem, Zahn & Tichavsky, 2014; Martinez & Abrams, 2013; Cobbina, Huebner & Berg, 2012; Taylor, 2012; Chiricos, Barrick, Bales & Bontrager, 2007).

Sebaliknya, bagi segelintir bekas banduan yang lain pula, proses integrasi semula mereka ibarat ranjau berduri apabila keluarga tidak menerima kehadiran mereka (Liem, 2017; Morash, Kashy, Bohmert, Cobbina & Smith, 2017; Powers, Kaukinen & Jeanis, 2017; Bird & Grattet, 2016; Mears, Cochran, Bales & Bhati, 2016; Skeem & Lowenkamp, 2016; Mulder, Brand, Bullens & Marle, 2010; Petrosino, Derzon & Lavenberg, 2009; Shapiro & Schwartz, 2001), gagal memperoleh pekerjaan yang stabil bagi membiayai kehidupan harian mereka (Harris & Keller, 2005; Holzer, Raphael & Stoll, 2004), kehadiran kawan lama yang antisosial yang mendorong mereka untuk melakukan semula tabiat jenayah (Taylor & Becker, 2015; Tenibiaje, 2013) dan kembali semula menagih dadah  dan alkohol (Noor Zalifah, 2009; Nurhazlina, 2009).

University of Malaya

Tidak semua bekas banduan menjadi pengulanglaku jenayah; iaitu mengulanglaku jenayah atau terlibat semula dengan kegiatan dan perlakuan jenayah. Terdapat juga bekas banduan yang berjaya berintegrasi semula dengan masyarakat, menjauhkan diri daripada perbuatan atau aktiviti jenayah dan kemudiannya menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat yang berjaya dalam hidup. Proses pemberhentian banduan dari tingkah laku jenayah *atau desistance* dirujuk sebagai proses "menjauhkan" atau "menjarakkan" diri daripada perlakuan, tabiat atau aktiviti jenayah (McNeill & Maruna, 2007) dan mengekalkan kehidupan bebas jenayah (Kazemian, 2007; Farrall & Calverley, 2006; Ezell & Cohen, 2005; Maruna & LeBel, 2003).

Residivisme dan pemberhentian dari jenayah merupakan dua fenomena sosial yang bertentangan; walaupun kedua-duanya berlangsung dalam proses integrasi semula bekas banduan ke dalam kehidupan masyarakat. Kewujudan kedua-dua fenomena tersebut ditentukan oleh kehadiran sekelompok faktor risiko (*risk factors*) dan faktor pelindung (*protective factors*) dalam persekitaran sosial bekas banduan, yang boleh menjadi sama ada faktor pendorong atau faktor penghalang untuk mereka terlibat semula dengan aktiviti jenayah atau sebaliknya. Faktor risiko adalah faktor-faktor prajadian yang mendorong bekas banduan untuk terlibat semula dalam kehidupan berisiko (Casey, Warren & Elek, 2011; Bonta, & Wormith, 2008; Andrew & Dowden, 2006; Hanson & Morton-Bourgon, 2005; Hanson, 2003; Beech, Friendship, Erikson & Hanson, 2002). Sebaliknya, faktor pelindung pula merupakan serangkaian faktor penghalang yang melindungi bekas banduan daripada pengaruh untuk terlibat semula dengan aktiviti jenayah (Laub & Sampson, 2003; Maruna, 2001).

University of Malaya

Perbezaan yang wujud di dalam kedua-dua fenomena ini telah menarik minat pengkaji untuk memberi tumpuan kepada faktor-faktor risiko dan faktor-faktor pelindung yang wujud dalam proses integrasi semula yang menyebabkan bekas banduan menjadi sama ada pengulanglaku jenayah atau berhenti dari jenayah (McGrath, Lasher & Cumming, 2011; Farrall & Calverley, 2006). Kajian ini memfokus kepada faktor-faktor prajadian residivisme dan berhenti dari jenayah bagi menunjukkan satu konsensus baru yang penting dalam menjelaskan dua keadaan. Keadaan pertama adalah mengapa terdapat segelintir bekas banduan masih melibatkan diri di dalam kehidupan jenayah selepas dibebaskan daripada penjara? Keadaan kedua pula adalah mengapa terdapat segelintir bekas banduan berjaya mengelakkan diri dari mengulanglaku jenayah selepas dibebaskan daripada penjara? Pemahaman yang komprehensif mengenai peranan faktor risiko dan faktor pelindung dalam mempengaruhi bekas banduan untuk menjadi sama ada mengulangi jenayah atau berhenti dari jenayah mampu membekalkan maklumat yang realistik mengenai tindakan-tindakan intervensi yang boleh diambil di dalam proses integrasi semula bagi memastikan bekas banduan tidak lagi melibatkan diri dalam perlakuan atau aktiviti jenayah.

Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan untuk bekas banduan di kebanyakan negara mempunyai dua objektif hakiki (Maruna, 2001). Pertama, untuk memastikan bekas banduan tidak melakukan semula jenayah, ataupun berhenti dari perbuatan jenayah setelah dibebaskan daripada hukuman pemenjaraan. Kedua, mencegah bekas banduan daripada dipenjarakan semula. Bagi memastikan kedua-dua objektif tersebut tercapai, kebanyakan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan untuk bekas banduan merangkumi pelbagai bentuk intervensi yang menyasarkan

University of Malaya

kepada program-program yang berupaya menghalang bekas banduan daripada terlibat semula dalam tingkah laku jenayah; sekaligus menggalakkan bekas banduan untuk berhenti daripada jenayah. Atas alasan ini, pengkaji terpanggil untuk meneliti secara mendalam masalah-masalah atau cabaran-cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan semasa berada di dalam proses integrasi semula. Usaha untuk membantu bekas banduan kembali berjaya kepada kehidupan bermasyarakat perlu mengambil kira faktor-faktor risiko dan faktor-faktor pelindung yang hadir secara berbeza-beza di dalam setiap diri bekas banduan. Menghalang residivisme memerlukan intervensi yang berkesan. Intervensi ini perlu dibentuk berdasarkan pemahaman yang sistematik mengenai faktor-faktor risiko kepada residivisme dan faktor-faktor pelindung kepada pemberhentian dari jenayah yang hadir dalam persekitaran integrasi sosial semula bekas banduan.

Pemahaman yang kritikal terhadap faktor-faktor risiko residivisme dan faktor-faktor pelindung pemberhentian dari jenayah boleh membawa kepada inisiatif-inisiatif pembinaan satu program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan untuk bekas banduan. Program intervensi sosial ini mampu membantu bekas banduan menjadi seorang yang patuh kepada undang-undang dan berjaya membina semula kehidupan mereka secara produktif. Selain itu, pemenjaraan semula bekas banduan dapat dicegah sekiranya elemen pemulihan dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti bekas banduan memberi perhatian serius terhadap faktor-faktor penyumbang kepada pengulangan kesalahan (Andrews & Dowden, 2006), dan faktor-faktor pemberhentian dari jenayah (Kazemian, 2007).

University of Malaya

## 1.2 Permasalahan dan Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai tiga persoalan kajian yang cuba dirungkaikan. Persoalan-persoalan tersebut ialah:

(1) Apakah faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan terus terjerumus dalam kehidupan jenayah ketika mereka berada di dalam proses integrasi semula?

(2) Mengapa ada segelintir bekas banduan berjaya menghalang diri mereka daripada terlibat semula dengan aktiviti jenayah ketika mereka berada di dalam proses integrasi semula?

(3) Bagaimana sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang mampu mencegah residivisme dan mengukuhkan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan dapat dibangunkan?

Pernyataan masalah bagi setiap persoalan kajian tersebut dinyatakan secara terperinci di dalam subtopik masing-masing.

University of Malaya

### 1.2.1 Apakah faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan terus terjerumus dalam kehidupan jenayah ketika mereka berada di dalam proses integrasi semula?

**Jadual 1.1:** Jumlah Banduan Pengulanglaku Jenayah, 2000-2016

| Tahun | Bebas 3 Tahun | Banduan Pengulanglaku Jenayah | |
|---|---|---|---|
| | **Jumlah (Orang)** | **Jumlah (Orang)** | **Peratus (%)** |
| 2000 | 27,579 | 11,157 | 28.8 |
| 2001 | 29,253 | 12,215 | 29.5 |
| 2002 | 32,574 | 16,669 | 33.9 |
| 2003 | 49,757 | 15,878 | 24.2 |
| 2004 | 46,564 | 19,202 | 29.2 |
| 2005 | 41,477 | 19,857 | 32.4 |
| 2006 | 55,869 | 16,746 | 23.1 |
| 2007 | 62,966 | 18,918 | 23.1 |
| 2008 | 79,144 | 8,019 | 9.3 |
| 2009 | 56,503 | 23,375 | 29.3 |
| 2010 | 75, 397 | 5,524 | 7.32 |
| 2011 | 76,699 | 6,033 | 7.86 |
| 2012 | 81,862 | 6,524 | 7.97 |
| 2013 | 88,883 | 6,769 | 7.61 |
| 2014 | 94,495 | 7,619 | 8.06 |
| 2015 | 102, 214 | 8,897 | 8.70 |
| 2016* | 50,747* | 4,359* | 8.59* |

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia, 2017.
*Tahun 2016 pengulanglaku jenaya/ pengulangan jenayah tidak mengambil kira kesalahan pengulangan dadah.

Data di dalam Jadual 1.1 di atas memperlihatkan yang bilangan banduan pengulanglaku jenayah masih begitu tinggi setiap tahun. Walaupun statistik ini menunjukkan pengurangan kadar jenayah dari tahun-tahun sebelumnya, namun tidak dapat dinafikan jumlah terkini pada tahun 2016 masih mencatatkan jumlah pengulanglaku jenayah yang sangat tinggi. Keadaan ini menunjukkan keperluan kajian ini dalam mengenalpasti faktor kegagalan bekas banduan ini berintegrasi dengan lancar di dalam komuniti sepanjang berada di dalam kehidupan berkomuniti. Sistem keadilan jenayah harus menerima hakikat yang pengulangan jenayah ini terus berlaku di Malaysia.

University of Malaya

Pengurangan kadar jenayah yang dipertunjukkan di dalam statistik tidak boleh dijadikan kayu pengukur bahawa sistem keadilan jenayah sudah berjaya memulihkan bekas banduan yang dibebaskn sedangkan setiap tahun masih mencatatkan kadar pengulangan jenayah yang begitu tinggi sekali. Pasti terdapat pandangan yang melihat pengurangan kadar pengulangan jenayah berdasarkan statistik yang dilampirkan di atas sebagai suatu kejayaan buat sistem keadilan jenayah. Kononnya terdapat program yang ada di dalam penjara mahupun di luar penjara sedang berjalan lancar dalam memastikan pengurangan jenayah setiap tahun. Sedangkan tugas sistem keadilan jenayah tidak boleh berhenti begitu sahaja dalam memastikan pemulihan bekas banduan yang berterusan. Keperluan kajian yang terkini dalam mengkaji apa yang menjadi faktor atau punca yang menyebabkan masih terdapat bekas banduan yang terus mengulangi jenayah sedangkan terdapat yang lain telah berjaya berhenti dari tingkah laku jenayah.

Jumlah seramai 4,359 orang pengulanglaku jenayah pada tahun 2016 masih menunjukkan kegagalan sistem keadilan jenayah memastikan pemulihan bekas banduan yang berterusan sebaik dibebaskan. Malahan jumlah yang dilampirkan untuk tahun 2016 tersebut tidak meliputi pengulanglaku dari kesalahan yang melibatkan kesalahan dadah. Hal ini kerana rekod statistik yang diperolehi dari Jabatan Penjara Malaysia tidak memasukkan jumlah pengulanglaku jenayah untuk kesalahan dadah bagi tahun 2016 tersebut. Pengkaji yakin ianya pasti melibatkan jumlah yang lebih tinggi jika statistik tersebut memasukkan jumlah pengulanglaku jenayah yang meliputi kesalahan dadah juga. Hal ini dapat dirujuk kembali pada statistik apabila sebanyak 8,897 pengulanglaku jenayah dicatatkkan pada tahun 2015 dan sebanyak 7,619 pengulanglaku jenayah pada tahun 2014. Kedua-dua tahun ini menunjukkan jumlah

University of Malaya

pengulanglaku jenayah sebanyak dua kali ganda lebih besar daripada tahun 2016 yang tidak mencatatkan jumlah pengulanglaku jenayah dari kalangan yang melakukan kesalahan berkaitan dadah.

Keadaan ini membuatkan pengkaji yakin akan kerelevenan kajian ini untuk dijalankan di dalam konteks tempatan. Usaha untuk mengenalpasti faktor yang membawa kepada pengulangan jenayah pasti membawa manfaat yang besar ke dalam badan ilmu di Malaysia. Hal ini kerana kadar pengulangan jenayah yang berterusan ini amat membimbangkan orang awam dan tidak boleh lagi dipandang remeh oleh pihak polisi, dan agensi-agensi di dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia. Persoalan yang selalu dihamburkan kepada pihak berkuasa ialah mengapakah bilangan bekas banduan yang terlibat semula dalam jenayah masih begitu tinggi; sedangkan mereka telah mengikuti pelbagai program pemulihan semasa berada di dalam penjara. Orang awam mempertikaikan kemampuan pihak penjara di dalam memulihkan banduan ketika menjalani proses pemenjaraan. Bagi konteks negara Malaysia, sewaktu pemenjaraan, banduan perlu mengikuti satu siri program hukuman dan pemulihan sosial berasas institusi yang dikenali sebagai Pelan Pembangunan Insan (PPI).

PPI merupakan satu program pemulihan sosial untuk para banduan ketika melalui hukuman pemenjaraan yang dibina berasaskan sistem fasa yang mengandungi 4 program utama iaitu Program Terapeutik Komuniti, Halaqah, Program Pendidikan dan Bimbingan serta Akademik. PPI bertujuan untuk melengkapkan banduan dengan kemahiran sosial yang diperlukan untuk berintegrasi semula dengan masyarakat apabila dibebaskan kelak. Namun begitu, sekiranya kita meneliti data pengulanglaku jenayah yang masih tinggi pada setiap tahun dalam Jadual 1.1 di atas, jelas

University of Malaya

menunjukkan yang bekas banduan gagal berintegrasi semula dengan masyarakat apabila dibebaskan. Semasa berada dalam proses integrasi semula, segelintir daripada mereka yang terlibat semula dengan aktiviti jenayah, ditangkap, dijatuh hukum dan dipenjarakan semula.

Bilangan banduan pengulanglaku jenayah yang masih tinggi pada setiap tahun juga memberi gambaran bahawa terdapat pelbagai faktor yang wujud dalam proses integrasi semula yang menyebabkan bekas banduan terlibat dan melakukan semula aktiviti jenayah. Bekas banduan berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam usaha mereka untuk menyesuaikan semula diri mereka ke dalam kehidupan bermasyarakat. Setiap bekas banduan mengalami pelbagai kesukaran dan pengalaman hidup yang berbeza-beza ketika berintegrasi semula ke dalam kehidupan komuniti (Koschmann & Peterson, 2013; Walters, 2012; Bales & Mears, 2008; Agnew, 2005; Travis, 2005; Braman, 2004). Realitinya, proses integrasi semula bukanlah suatu yang mudah kerana status mereka sebagai bekas banduan membawa pelbagai stigma negatif yang lazimnya menyebabkan mereka disisih daripada kehidupan masyarakat (Solomon et al., 2006). Tekanan yang berlaku ini menyebabkan bekas banduan kembali semula ke dalam tingkah laku jenayah.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula terlibat semula dengan kegiatan atau aktiviti jenayah (Folk, Stuewig, Blasko, Claudy, Martinez, Maass, Taxman & Tangney, 2017; Clark, 2014). Faktor-faktor tersebut boleh bersifat peribadi, keluarga, rakan sebaya dan juga komuniti (Derzon, 2005). Bagi faktor peribadi, antara faktor risiko diri yang menyebabkan bekas banduan terlibat semula dengan jenayah adalah kegagalan mereka

University of Malaya

untuk mendapatkan pekerjaan yang sah (Berg & Huebner, 2011; Harris & Keller, 2005; Holzer et al., 2004), ketiadaan wang untuk membiayai kehidupan harian, bergaul semula dengan rakan jenayah lama, terlibat semula dengan penyalahgunaan dadah serta keadaan kesihatan yang merosot kerana menghidapi penyakit-penyakit tertentu (Andrews & Dowden, 2006).

Bagi faktor keluarga pula, terdapat banyak bukti empirikal yang menunjukkan keluarga merupakan punca utama bekas banduan terlibat semula dalam kegiatan jenayah (Hochstetler et al., 2010). Keluarga yang bermasalah mempunyai pengaruh yang cukup bermakna ke atas tingkahlaku anggotanya. Kegagalan anggota keluarga, khususnya ibubapa dan adik-beradik terdekat memberi sokongan yang sewajarnya kepada bekas banduan menyebabkan mereka hilang tempat sokongan (Travis, Solomon & Waul, 2001). Ramifikasinya luas. Antaranya ialah bekas banduan sebegini terpaksa bergantung harap atau mendapatkan sokongan daripada rakan senasib, yang kemudiannya meletakkan mereka dalam potensi yang cukup merbahaya untuk terlibat semula dengan aktiviti jenayah bagi menampung keperluan hidup seharian (La Vigne et al., 2007).

Sebaliknya, situasi yang berbeza dialami oleh bekas banduan yang mempunyai hubungan baik dengan ahli keluarga (Kazemian & Maruna, 2009; Martinez & Christian, 2009; Maruna, 2001). Selepas dibebaskan daripada penjara, mereka ini cenderung untuk berjaya menjauhkan diri daripada mengulangi semula aktiviti jenayah kerana menerima sokongan keluarga untuk membina semula kehidupan (Martinez & Abrams, 2013; Taylor, 2012). Bekas banduan yang mempunyai hubungan yang baik dengan keluarga mereka kurang berkemungkinan untuk dipenjarakan semula kerana

University of Malaya

potensi mereka untuk residivisme adalah rendah (Martinez & Christian, 2009). Sokongan yang ditunjukkan oleh anggota keluarga mendorong bekas banduan untuk menjauhkan diri daripada perlakuan jenayah, serta mendorong mereka untuk memulakan atau meneruskan rawatan seperti dadah dan alkohol atau penjagaan kesihatan mental (Petrosino et al., 2009). Pendek kata, sokongan keluarga adalah penting dalam memastikan bekas banduan tidak menjadi seorang pengulanglaku jenayah.

Bagi faktor pengaruh rakan jenayah pula, terdapat banyak bukti empirikal yang menunjukkan bekas banduan yang dibesarkan di dalam persekitaran sosio-ekonomi keluarga yang mencabar dan miskin sering beralih kepada rakan-rakan mereka untuk menggantikan hubungan kekeluargaan yang rapuh (Taylor & Becker, 2015; Tenibiaje, 2013). Pengaruh rakan jenayah merupakan motif tunggal yang paling kerap mendorong bekas banduan untuk terlibat semula dalam tingkah laku jenayah (McGuire, 2009). Apabila bekas banduan tersebut bergaul dengan rakan jenayah lama; potensi mereka untuk terlibat semula dalam aktiviti jenayah adalah cukup tinggi (Benda, 2005).

Seterusnya, penerimaan komuniti ke atas bekas banduan turut mempunyai impak yang signifikan terhadap tingkahlaku sosial mereka; sama ada untuk melakukan semula jenayah atau tidak melibatkan diri lagi dengan aktiviti jenayah (McNeill & Whyte, 2007). Bekas banduan yang mendiami komuniti kediaman yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi mempunyai kecenderungan tinggi untuk terlibat semula di dalam jenayah. Kembali kepada persekitaran yang sama, dan terdedah kepada faktor risiko yang sama mendorong ramai bekas banduan untuk terlibat semula dalam

University of Malaya

jenayah. Sikap anggota masyarakat yang secara simboliknya menyokong perlakuan jenayah, serta anggota komuniti yang tidak peduli dengan apa yang berlaku di dalam komuniti lazimnya menghidupkan semula keinginan bekas banduan untuk terlibat semula dalam aktiviti jenayah.

Semua bukti empirikal di atas diambil daripada kajian-kajian di luar negara. Bagi konteks tempatan, kajian sistematik mengenai residivisme belum ada lagi dilakukan. Masih tidak terdapat satu kajian yang spesifik di peringkat tempatan yang mengeksplorasi secara sistematik mengapa bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula terlibat atau melakukan semula kegiatan atau perlakuan jenayah. Ketiadaan data empirikal ini menyukarkan kerajaan, menerusi agensi Jabatan Penjara Malaysia untuk mengambil tindakan susulan bagi menangani masalah residivisme yang semakin membimbangkan.

Bertitik-tolak daripada limitasi ini, pengkaji terpanggil untuk melakukan kajian ini bagi mengeksplorasi faktor-faktor risiko yang menyebabkan bekas banduan yang berada dalam proses integrasi semula menjadi pengulanglaku jenayah. Berkaitan dengan hal ini, persoalan pertama yang ingin dijawab oleh kajian ini ialah apakah faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan yang berada dalam proses integrasi semula menjadi pengulanglaku jenayah?

University of Malaya

### 1.2.2 Mengapa ada segelintir bekas banduan berjaya menghalang diri mereka daripada terlibat semula dengan aktiviti jenayah ketika mereka berada di dalam proses integrasi semula?

Tidak semua bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula gagal membina semula kehidupan mereka. Terdapat juga bekas banduan yang tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah dan menjadi seorang yang patuh kepada norma dan peraturan sosial. Proses "menjauhkan" diri dari melakukan jenayah ini dirujuk sebagai *desistance* atau pemberhentian dari jenayah. Selain daripada faktor-faktor risiko yang berpotensi mendorong bekas banduan menjadi pengulanglaku jenayah, pemberhentian dari jenayah telah menjadi tumpuan utama dalam kajian kriminologi kerana ia menyediakan serangkaian faktor pelindung yang boleh mencegah atau menghalang bekas banduan daripada menjadi pengulanglaku jenayah (Farrall, 2002; Maruna, 2001). Sama seperti faktor risiko kepada residivisme yang bersifat pelbagai, pemberhentian dari jenayah juga mempunyai faktor-faktor pelindung yang pelbagai dan tersendiri dalam menerangkan mengapa bekas banduan berjaya berintegrasi semula ke dalam kehidupan bermasyarakat.

Terdapat dua kelompok faktor yang mempengaruhi pemberhentian dari jenayah iaitu, faktor luaran (*external*) yang melibatkan pengaruh yang wujud di sekeliling individu serta faktor dalaman (*internal*) yang berpunca daripada dalam diri individu (Kazemian & Maruna, 2009). Antara faktor-faktor luaran yang sering dikaitkan dengan pemberhentian dari jenayah adalah memperolehi pekerjaan yang sah, penerimaan keluarga dan pengaruh lingkaran sosial yang bersifat pro-sosial dan kondusif.

University of Malaya

Terdapat konsensus umum bahawa pekerjaan yang stabil menggalakkan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan (Maruna & Farrall, 2004). Pekerjaan merupakan faktor pelindung yang kritikal di dalam membantu bekas banduan menjauhkan diri daripada perlakuan dan aktiviti jenayah (Mears & Mestre, 2012; Sampson & Laub, 2005). Pekerjaan penting kepada kejayaan proses integrasi semula kerana mempunyai pekerjaan yang stabil mencegah bekas banduan daripada kembali semula kepada jenayah (Baron, 2008; Sampson et al., 2006; Western, 2006; La Vigne, Visher & Castro, 2004; Uggen, 2000).

Selain pekerjaan, kualiti hubungan antara bekas banduan dan keluarga mereka penting dalam membantu bekas banduan membina semula kehidupan (Tewksbury & DeMichele, 2005). Ikatan keluarga yang kukuh adalah penting kerana keluarga berfungsi sebagai kawalan sosial tidak formal di dalam memantau bekas banduan untuk menjauhkan diri daripada jenayah. Hubungan baik yang terbentuk antara bekas banduan dan keluarga menjadi "gam" yang melekatkan bekas banduan dengan keluarga mereka, yang seterusnya mendorong bekas banduan untuk tidak melibatkan diri dengan jenayah bagi menjaga hubungan tersebut (Martinez & Abrams, 2013; Maruna & Farrall, 2004; Maruna, 2001).

Faktor luaran terakhir yang turut mempengaruhi pemberhentian dari jenayah adalah persekitaran sekeliling yang didiami atau dianggotai oleh bekas banduan seperti hubungan rakan sebaya, dan masyarakat sekeliling. Bekas banduan yang kembali ke kawasan yang dikelilingi dengan persekitaran positif dan dihadiri dengan rakan-rakan sebaya yang tidak terlibat di dalam jenayah mampu melindungi bekas banduan daripada pengaruh jenayah (McNeill & Maruna, 2007; Farrall, 2002; Maruna, 2001).

University of Malaya

Selain faktor luaran yang dibincangkan di atas, terdapat juga beberapa faktor dalaman yang turut menyumbang kepada pemberhentian dari jenayah di dalam kalangan bekas banduan. Salah satu faktor terbesar yang menyumbang kepada pemberhentian dari jenayah adalah kematangan dan umur (Giordano, Cernkovich & Rudolph, 2002). Semakin matang umur bekas banduan, semakin tinggi kecenderungan mereka untuk mengelakkan diri dari melakukan jenayah (Maruna, 2001). Semakin berumur seseorang bekas banduan, beliau akan menjadi semakin berhati-hati dalam membuat keputusan bagi mengelakkan diri dari tingkah laku yang boleh membawa mereka ke dalam jenayah.

Bukti empirikal dan literatur akademik mendapati bekas banduan yang berjaya menjauhkan diri daripada perlakuan jenayah mempunyai ciri-ciri khusus. Sama seperti faktor risiko kepada residivisme, masih tidak terdapat sebarang kajian mengenai pemberhentian dari jenayah di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian yang pertama dilakukan di dalam konteks tempatan bagi meneliti faktor-faktor pelindung yang wujud dalam proses integrasi sosial semula bekas banduan yang melindungi mereka daripada terlibat semula dengan salahlaku jenayah. Berkait rapat dengan hal ini juga, persoalan kedua yang cuba dirungkai oleh kajian ini ialah mengapa ada segelintir bekas banduan berjaya menghalang diri mereka daripada terlibat semula dengan aktiviti jenayah?

University of Malaya

### 1.2.3 Bagaimana sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang mampu mencegah residivisme dan mengukuhkan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan dapat dibangunkan (*develop*)?

Bekas banduan memerlukan satu program atau intervensi sosial lanjutan yang dapat mengawal dan mencegah mereka daripada menjadi pengulanglaku jenayah. Penyelidikan sosial yang bersifat *action-based* tidak boleh berhenti hanya dengan mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu isu sosial itu berlaku. Apa yang lebih penting adalah mencari tindakan resolusi yang boleh bertindak-balas dengan isu sosial tersebut dengan berkesan. Secara spesifiknya, permasalahan ketiga kajian ini berkait rapat dengan keperluan untuk membangunkan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang bertindak sebagai satu bentuk jaringan sokongan kepada bekas banduan yang berada dalam proses integrasi semula. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini signifikan dalam membantu memulihkan sepenuhnya bekas banduan.

Pengalaman negara maju dalam menangani isu residivisme adalah dengan cara mewujudkan satu persekitaran sosial yang kondusif dan menerima (*acceptance environment*) dalam proses integrasi sosial semula bekas banduan ke dalam kehidupan komuniti setempat (Farall, 2002). Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berlangsung di dalam persekitaran yang kondusif dan menerima didapati berkesan dalam mencegah residivisme. Di samping itu, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang mengambilkira faktor-faktor risiko residivisme dan faktor-faktor pelindung pemberhentian dari jenayah juga telah terbukti menjadi satu program intervensi yang komprehensif, yang

University of Malaya

dapat mengawal dan mencegah bekas banduan daripada menjadi pengulanglaku jenayah.

Di Amerika Syarikat, lebih daripada 700,000 banduan dibebaskan dari penjara negeri dan Persekutuan, serta hampir 9 juta dibebaskan dari penjara tempatan pada setiap tahun (Carson & Sobel, 2012). Pada tahun 2011 sahaja, seramai 688,384 banduan lelaki dan wanita; iaitu kira-kira 1,885 individu sehari telah dibebaskan dari penjara negeri atau persekutuan (Carson & Sobel, 2012). Dua pertiga daripada bekas banduan yang dibebaskan ini didapati sering ditangkap semula, dan hampir setengah akan dipenjarakan semula dalam tempoh tiga tahun daripada pembebasan mereka. Bagi bertindakbalas dengan kadar residivisme dan kadar pemenjaraan semula yang tinggi ini, kerajaan Amerika Syarikat juga telah memberi perhatian rapi kepada program integrasi semula (*reintegration program*) bagi membantu bekas banduan berintegrasi semula dengan anggota masyarakat selepas mereka dibebaskan.

Selain itu, Kongres Amerika Syarikat telah meluluskan Akta Peluang Kedua 2007 (*Second Chance Act of 2007* atau SCA) bagi mengurangkan pengulangan jenayah dan meningkatkan hasil pemulihan dalam kalangan banduan setiap kali dibebaskan (Bureau of Assistance, 2015). Tumpuan khusus diberikan kepada kesinambungan penjagaan dari penjara kepada masyarakat. Pelbagai agensi dan sektor sosial dalam komuniti terlibat di dalam menyelia bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula.

University of Malaya

Namun begitu, sehingga kini masih tidak terdapat satu pun garis panduan atau piawaian antarabangsa mengenai komponen yang perlu ada di dalam sesebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan untuk bekas banduan yang berada di dalam proses intergrasi semula dalam komuniti. Apa yang ada adalah desakan untuk setiap negara menyediakan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk memastikan banduan yang dibebaskan mampu berintegrasi semula dan tidak lagi mengulangi kesalahan. Memandangkan populasi penjara yang semakin berkembang pesat di kebanyakan negara, maka keperluan terhadap suatu program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang berkesan di dalam sistem pemulihan setiap negara adalah kritikal. Jadual 1.2 memaparkan beberapa contoh program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang terdapat di beberapa buah negara yang terpilih, serta pendekatan yang digunakan oleh setiap negara berkenaan dalam menyelia bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula dengan komuniti setempat.

Bagi konteks Malaysia, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan untuk bekas banduan dapat dilihat menerusi pelaksanaan sistem parol; iaitu pembebasan bersyarat seseorang banduan sebelum habis tempoh menjalani hukuman penjara sebenar kerana berkelakuan baik, namun mereka masih di bawah pemantauan pegawai parol dan perlu menjalani program-program yang diatur (Wan & Najibah, 2014; Khadijah, Fauziah, Suhaimi, Shahrazad, Salina & Norulhuda, 2013). Sistem parol diwujudkan bagi memudahkan bekas banduan berintegrasi semula dengan anggota komuniti mereka. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mewujudkan semula rasa tanggungjawab bekas banduan terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Pelbagai program disediakan di bawah sistem parol.

University of Malaya

**Jadual 1.2:** Program Jagaan Lanjutan di Beberapa Negara Terpilih

| **Negara** | **Agensi yang mengendalikan Program Pasca Pembebasan dan Jagaan Lanjutan** | **Pendekatan untuk Penyeliaan Program Pasca Pembebasan dan Jagaan Lanjutan** |
|---|---|---|
| Australia | *The State or Territory Department of Corrective Services* | Membantu bekas banduan kembali ke dalam masyarakat dengan pengawasan dan nasihat daripada pegawai-pegawai parol (Borzycki & Baldry, 2003) |
| Kanada | *The Correction Service of Canada* (Parole Board of Canada, 2010); *Local police jurisdictions* menerusi *Integrated Police-Parole Initiative* (Axford & Ruddell, 2010) dan beberapa agensi berasaskan komuniti dan individu (Correctional Service Canada, 2007). | Perkhidmatan parol merupakan penghubung antara pemenjaraan dan masyarakat. Ia menyediakan bantuan dan pengawasan (Parole Board of Canada, 2010). Pendekatan ini memberi keutamaan kepada strategi pengurusan risiko. Pegawai parol berperanan sebagai ejen penguatkuasaan dan kaunselor. |
| Finland | *Probation service* menyediakan perkhidmatan parol dan meletakkan syarat-syarat pembebasan. Pihak berkuasa, komuniti, majikan di tempat kerja, dan orang persendirian sering membantu *Probation service* dalam menyediakan perkhidmatan sampingan. | Matlamat penyeliaan adalah untuk membantu bekas banduan mengamalkan kehidupan tanpa jenayah, menggalakkan integrasi semula bekas banduan ke dalam masyarakat dan mengurangkan kebarangkalian peluang pengulangan jenayah. |
| Jerman | Hampir semua perkhidmatan percubaan (*probation)* dikendalikan oleh kerajaan mengikut bidang kuasa negeri masing-masing, dengan dibantu oleh sektor persendirian yang dikenali sebagai 'NEUSTART' (Jörg-Martin Jehle, 2009). | Penekanan minimum diletakkan di atas pengawasan. Mahkamah tidak memerlukan pengawasan dalam setiap kes. Pegawai parol membantu dan membimbing bekas banduan yang berada di bawah jagaan parol. Walaupun pematuhan dipantau, namun setiap kesalahan baru tidak membawa kepada pembatalan parol. Pembatalan hanya berlaku apabila banduan parol melanggar syarat yang ditetapkan (Jörg-Martin Jehle, 2009). |
| England dan Wales | *Probation Service* yang terletak dalam *Ministry of Justice*, bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan parol. Perkhidmatan turut disumbangkan oleh sektor swasta dan penglibatan sukarelawan dalam penyediaan perkhidmatan (The European Organization for Probation, 2010). | Kedua-dua *Parole Board* dan *Probation Service* berfungsi melindungi keselamatan awam dengan mengawal risiko yang bakal timbul apabila meletakkan banduan parol dalam komuniti (National Probation Service, 2003). Penekanan kepada pengurusan risiko dan penyeliaan yang berdasarkan kepada pemantauan dan kawalan. |
| Amerika Syarikat | Penyeliaan dikendalikan oleh agensi pengawasan parol yang dipantau oleh *Parol Board*, yang ditempatkan di bawah *State Department of Corrections*, atau dalam agensi kerajaan negeri yang berasingan (Lawrence & James, 2010). Agensi-agensi peringkat Negeri dan Persekutuan, pertubuhan-pertubuhan masyarakat, NGOs, dan penguatkuasaan undang-undang tempatan sering terlibat dalam menyediakan perkhidmatan parol. | Tumpuan kepada pengukuhan pengawasan, menghadkan risiko dan pemulihan. Menggunakan strategi rawatan mengurangkan pengulangan jenayah (Lawrence & James, 2010). |

University of Malaya

Sistem parol telah dilaksanakan melalui pindaan Akta Penjara 1995 pada tahun 2008 yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2008. Pelepasan secara Perintah Parol yang pertama adalah seramai 64 orang banduan pada 26 Julai 2008. Sistem Parol adalah satu pelepasan secara Perintah Parol, yang mana banduan yang layak, boleh memohon dilepaskan bagi menjalani baki hukuman di luar penjara. Pelepasan ini adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Parol dan ia merupakan kesinambungan kepada program pemulihan dalam penjara iaitu Program Pembangunan Insan (PPI) yang mana 90 peratus banduan perlu mengikuti program ini. Selain itu, sistem parol juga bertujuan memudahkan penerimaan bekas banduan dalam kalangan keluarga serta masyarakat dalam proses memulihkan mereka (AWANI, 2017).

Umumnya, kebanyakan kesalahan yang boleh diparol adalah seperti kesalahan mencuri, pecah rumah manakala kesalahan-kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Keempat Akta Penjara seperti kesalahan merogol, liwat, hukuman mati dan sebagainya adalah tidak boleh diparol (AWANI, 2017). Banduan layak untuk dipertimbangkan bagi pelepasan secara parol jika memenuhi syarat-syarat ini: 1. menjalani separuh daripada hukuman, 2. menjalani program pemulihan seperti yang telah ditetapkan oleh Komisioner Jeneral Penjara, 3. mendapat sokongan keluarga dan 4. terdapat perancangan pekerjaan selepas banduan dilepaskan secara Perintah Parol (AWANI, 2017).

Di samping itu, Jabatan Penjara Malaysia turut menyediakan rumah perantaraan (*halfway houses*) sebagai tempat penginapan atau tempat kediaman sementara kepada bekas banduan yang dibebaskan daripada hukuman penjara. Idea

University of Malaya

penubuhan rumah perantaraan telah dicetuskan dalam Makmal Pengurangan Jenayah (*Crime Lab*) yang telah diadakan pada 5 Oktober 2009 - 16 November 2009 (Jabatan Penjara Malaysia, 2012). Rumah perantaraan merupakan premis tempat tinggal, tempat riadah dan kelas-kelas pembelajaran yang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO). Terdapat 13 buah rumah perantaraan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak (Jabatan Penjara Malaysia, 2012). Rumah perantaraan menempatkan bekas banduan yang baru dibebaskan setelah tamat menjalani hukuman penjara. Ia juga merupakan penempatan altenatif kepada banduan yang sedang menjalani Perintah Parol. Rumah perantaraan merupakan inisiatif Jabatan Penjara dalam menyediakan medium perantaraan kepada bekas banduan yang baru sahaja tamat menjalani hukuman penjara sebelum kembali ke pangkuan masyarakat.

Aspek penting berkaitan rumah perantaraan adalah ia cuba membantu Jabatan Penjara mengurangkan kadar residivisme dalam kalangan bekas banduan yang menyertai sebagai penghuni ini ke dalam program ini (Wan & Najibah, 2014). Rumah perantaraan ini akan memberi perlindungan serta sokongan untuk memastikan mereka yang dibebaskan daripada penjara tidak terabai dan berasa tertekan dengan persepsi masyarakat (Utusan Online, 2011). Rumah perantaraan akan menyediakan bekas banduan ini secara emosi dan mental serta membekalkan bantuan sokongan lain dalam proses membantu banduan yang bebas memasuki semula ke dalam masyarakat dengan lancar (Utusan Online, 2011).

University of Malaya

Permasalahan yang dikenalpasti daripada program parol dan rumah perantaraan sedia ada ini apabila ianya bersifat selektif dan tidak dapat ditawarkan kepada seluruh banduan setiap kali dibebaskan. Kebolehan untuk mendapat akses ke dalam sistem parol bergantung kepada kesalahan yang dilakukan dan hanya akan dipertimbangkan setelah banduan selesai menjalani separuh daripada hukuman di dalam penjara. Begitu juga dengan program rumah perantaraan yang didapati mempunyai limitasi yang tersendiri apabila tidak mampu menampung kadar jumlah banduan yang dibebaskan setiap tahun akibat daripada infrastruktur yang begitu terhad di Malaysia. Sehingga 2017, hanya terdapat tiga belas buah rumah perantaraan yang diperuntukan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. Ianya belum mengambil kira masalah dari segi tempoh banduan-banduan terbabit dibenarkan tinggal iaitu tidak melebihi dari tiga bulan. Tempoh masa yang begitu pendek ini dilihat tidak realistik memandangkan proses memulihkan bekas banduan ini memerlukan proses yang panjang dan boleh menjadi berperingkat-peringkat dari segi menyediakan pemantauan serta program susulan dalam memastikan pemulihan yang berkesan.

Kegagalan kedua-dua program ini dalam menampung seluruh jumlah banduan setiap kali dibebaskan membuktikan masih belum ada lagi sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti di Malaysia yang benar-benar diwujudkan dalam membantu transisi semua banduan ke dalam kehidupan berkomuniti. Keadaan ini membuatkan pengkaji berpandangan akan keperluan untuk merangka sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang mampu dinikmati oleh semua bekas banduan yang memerlukan setiap kali dibebaskan ke dalam dalam proses integrasi sosial semula. Harapan pengkaji akan

pembentukan sebuah program yang mampu diakses oleh seluruh bekas banduan yang memerlukan dan menjadikan ianya sebuah program yang julung-julung kalinya dapat diperkenalkan di dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia. Perangkaan sebuah program yang berusaha tinggi dalam memastikan bekas banduan yang mendapat akses ini untuk berupaya menjadi seorang yang patuh kepada undang-undang dan produktif dari segi ekonomi dan sosial.

Program ini perlu dibina dan dirangka berdasarkan kepada faktor-faktor risiko residivisme dan faktor-faktor pelindung pemberhentian dari jenayah yang dilaporkan sendiri oleh bekas banduan agar program yang dirangka tersebut bersifat realistik. Selain itu, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini juga perlu mengambilkira ciri-ciri program-program sedia ada yang berkesan daripada negara-negara maju. Sekiranya ini dapat dilakukan, persoalan ketiga kajian ini; iaitu bagaimanakah satu program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan dan mampu mencegah residivisme serta mengukuhkan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan dapat dibentuk terjawab.

## 1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk merekabentuk (*design*) sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang dapat membantu bekas banduan berintegrasi semula dengan jayanya dalam kehidupan masyarakat. Secara spesifiknya, kajian ini dilakukan bertujuan untuk:

University of Malaya

1) Mengenalpasti faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan yang berada dalam proses integrasi sosial terjerumus semula dalam aktiviti atau perlakuan jenayah (residivisme),
2) Menganalisis faktor-faktor pelindung yang wujud dalam proses integrasi semula yang menjauhkan bekas banduan daripada aktiviti dan perlakuan jenayah; dan,
3) Mencadangkan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan (*post-release and aftercare program*) berasaskan komuniti yang boleh berfungsi sebagai satu sistem sokongan tambahan kepada bekas banduan agar mereka mampu berintegrasi semula ke dalam kehidupan bermasyarakat dengan jayanya.

## 1.4 Skop Kajian

Tumpuan utama kajian ini adalah pada residivisme; iaitu perlakuan mengulangi semula aktiviti jenayah dalam kalangan bekas banduan sehingga menyebabkan mereka perlu menjalani semula hukuman pemenjaraan dan program pemulihan serta memahami proses pemberhentian dari jenayah yang pada sama berlaku dalam kalangan bekas banduan; yang merujuk kepada penamatan bekas banduan daripada melakukan sebarang kesalahan jenayah atau berhenti bertingkah laku jenayah dan menjadi patuh kepada norma serta peraturan sosial. Kajian ini bertitik tolak daripada persoalan tentang mengapa terdapat banduan yang mengulangi jenayah; sedangkan dalam masa yang sama terdapat juga sesetengah banduan yang berjaya mengelakkan diri dari jenayah? Dua persoalan ini telah membawa kepada kepentingan memahami faktor-faktor risiko dan faktor-faktor pelindung yang wujud dalam proses integrasi semula

University of Malaya

yang mempengaruhi bekas banduan untuk sama ada cenderung untuk mengulangi semula perlakuan jenayah ataupun menjauhkan diri daripada perlakuan jenayah.

Ahli-ahli kriminologi telah menggunakan pelbagai teori dan perspektif bagi menjelaskan fenomena residivisme dan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan. Bagi konteks kajian ini, pengkaji meneliti kedua-dua fenomena sosial berkenaan daripada perspektif Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal (*Age Graded Theory of Informal Social Control)* yang diperkenalkan oleh Sampson dan Laub (1993). Teori ini meneliti peristiwa sosial yang berlaku dalam kalangan bekas banduan pada satu tahap umur tertentu, dan bagaimana peristiwa sosial tersebut mempengaruhi bekas banduan sama ada mengulangi semula jenayah atau menjauhkan diri dari melakukan jenayah (McNeill & Weaver, 2010; Maruna & LeBel, 2009; Farrall & Calverley, 2006).

Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal mengikuti perjalanan hidup seseorang penjenayah pada setiap tahap kehidupan mereka (Sampson & Laub, 1992). Teori ini menjelaskan mengenai perkembangan atau pembangunan tingkahlaku jenayah bekas penjenayah pada kitaran dan tahap hidup yang berbeza (Infra, Bab Tiga). Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal menjelaskan perbezaan dalam pola-pola tingkahlaku dan jenis aktiviti jenayah individu pada setiap tahap kehidupan individu.

Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal lazimnya digunakan bagi mengenalpasti corak penglibatan individu dalam perlakuan atau aktiviti jenayah berdasarkan kepada setiap kitaran hidup mereka; iaitu sewaktu kanak-

University of Malaya

kanak, remaja, orang dewasa dan orang berusia (Kazemian, 2007). Teori ini menyediakan satu corak perlakuan jenayah individu mengikut tahap umur individu berkenaan. Pola-pola ini kemudiannya digunakan sebagai indikator dalam memahami mengapa seseorang bekas banduan itu mengulangi kesalahan jenayah dalam kehidupan mereka dan juga mengapa terdapat bekas banduan yang mengurangkan, atau berhenti daripada melakukan kesalahan jenayah pada satu tahap umur tertentu. Secara konvensionalnya, Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial-Tidak Formal mengkaji antara kumpulan umur yang berbeza-beza (sebagai contohnya, kanak-kanak, remaja, orang dewasa, orang berusia) dalam jenayah. Teori ini menumpukan kepada perkembangan diri individu dan mengiktiraf pengaruh kewujudan peristiwa-peristiwa sosial pada setiap peringkat umur individu terhadap tingkahlaku jenayah individu. Namun begitu, kajian ini hanya memfokus kepada peringkat umur dewasa sahaja.

Teori ini menjelaskan bagaimana setiap peristiwa hidup yang dilalui oleh banduan yang berada pada tahap umur dewasa bertindak sebagai titik perubahan (*turning point)* dalam mempengaruhi keputusan mereka untuk sama ada terlibat semula (residivisme) atau berhenti dari jenayah (Sampson & Laub, 2005). Mengikut Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal, corak penglibatan individu dalam perlakuan atau aktiviti jenayah adalah berbeza, mengikut pengalaman atau peristiwa hidup yang dialami sepanjang mereka dibebaskan. Pengkaji telah membina model konseptual dan analitikal kajian ini seperti di dalam Rajah 1.1. Model konseptual dan analitikal ini menunjukkan serangkaian peristiwa sosial pada tahap umur dewasa yang berupaya mempengaruhi tingkah laku bekas banduan sama ada untuk menjadi pengulanglaku jenayah atau berhenti dari jenayah.

University of Malaya

**Peristiwa Hidup Dalam Kalangan Bekas Banduan Dewasa Yang Bertindak Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal**

1. **Faktor Peribadi**
   - Memiliki tempat tinggal
   - Berjaya memperolehi pekerjaan yang sah
   - Melalui alam perkahwinan yang gembira  dan menggalas tugas sebagai suami dan bapa bertanggungjawab
   - Bebas dari sebarang ketagihan dadah dan alkohol
   - Kesihatan terjaga dan menjalani kesejahteraan  hidup yang bahagia

2. **Faktor Hubungan Keluargaan**
   - Diterima keluarga
   - Mendapat kasih sayang dan sokongan dari ahli keluarga
   - Keperluan dipenuhi oleh ahli keluarga
   - Penerimaan ahli keluarga membolehkan individu dapat tinggal bersama ahli keluarga

3. **Faktor Sosialisasi dan Persekitaran**
   - Penerimaan masyarakat sekeliling tanpa stigma negatif dan diskriminasi
   - Pergaulan dengan rakan-rakan sekeliling yang positif
   - Menghabiskan masa melakukan aktiviti yang sah
   - Pergerakan yang bebas

→ Pemberhetian dari jenayah (*desistance*) dan tidak mengulangi jenayah (residivisme)

**Rajah 1.1:** Model Konseptual Kajian

University of Malaya

## 1.5 Kepentingan Kajian

Pengalaman beberapa negara maju yang mempunyai sistem pemulihan dan pengadilan jenayah yang terancang memperlihatkan kajian-kajian berkaitan residivisme dan pemberhentian dari jenayah penting dalam memantapkan program-program pascapembebasan dan jagaan lanjutan bekas banduan yang dibebaskan ke dalam komuniti. Hasil kajian-kajian di Barat memperlihatkan maklumat yang dikumpulkan secara sistematik daripada kajian-kajian ekstensif mengenai residivisme dan pemberhentian dari jenayah memberi pulangan yang positif kepada golongan bekas banduan, komuniti setempat dan agensi-agensi yang terlibat dalam sistem pengadilan. Hasil kajian ini dijangka amat bermanfaat kepada bekas banduan yang sedang berada di dalam proses integrasi semula dalam komuniti. Kajian ini memaparkan luahan dan pengalaman sebenar mengapa bekas banduan terlibat semula dengan aktiviti atau perlakuan jenayah, walaupun telah mengalami pelbagai bentuk hukuman dan pemulihan sewaktu di dalam penjara jenayah.

Kajian ini juga melaporkan fakta sebenar mengenai persekitaran integrasi sosial semula yang diperlukan oleh bekas banduan yang menjauhkan mereka daripada aktiviti jenayah atau mengulang-laku jenayah. Secara tidak langsung, kajian ini menyediakan ruang untuk bekas banduan menyuarakan dan melaporkan defisit keperluan yang mereka alami sewaktu berada di dalam proses integrasi semula yang berlangsung dalam komuniti. Setiap program sosial yang dirancang berdasarkan penelitian yang sistematik mengenai defisit keperluan yang dialami oleh kumpulan sasar program berpotensi tinggi untuk menghasilkan program yang berkesan dalam bertindak-balas dengan masalah sosial yang cuba ditangani oleh program tersebut.

University of Malaya

Data atau maklumat yang dikumpulkan menerusi analisis keperluan yang dilakukan oleh pengkaji dalam kajian ini berpotensi tinggi untuk menjadi input yang berguna untuk perancangan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan untuk bekas banduan. Sekiranya ini dapat dilakukan, potensi untuk residivisme dapat dicegah dengan berkesan. Malah, bekas banduan boleh dibentuk semula menjadi anggota masyarakat yang produktif dan sama-sama bertanggungjawab menjaga keselamatan komuniti.

Selain itu, anggota komuniti dan agensi-agensi yang mengurus-tadbir pasca pemulihan bekas banduan juga boleh menggunakan maklumat-maklumat yang diperolehi dari hasil kajian ini dalam membantu bekas banduan daripada mengulangi semula perbuatan jenayah mereka. Ini kerana, mahu atau tidak, tanggungjawab memulihkan bekas banduan secara sepenuhnya setelah mereka dibebaskan daripada institusi pemenjaraan adalah tanggungjawab bersama; bukannya terletak sepenuhnya kepada diri bekas banduan itu sahaja ataupun agensi pemulihan yang terlibat (spt. Jabatan Penjara, Polis). Ini kerana perkembangan institusi pemulihan dan pemenjaraan di negara-negara maju telah memperlihatkan yang kajian-kajian residivisme dan pemberhentian dari jenayah yang dilakukan secara sistematik telah menyumbang kepada penambahbaikan secara dinamik program pemulihan berasaskan institusi (*institutional-based rehabilitation program*) dan juga program pascapemulihan berasaskan komuniti (*community-based post rehabilitation program*) mereka. Pengkaji juga berharap dapatan kajian ini mampu memberi sumbangan yang sama kepada institusi-institusi pemulihan dan penjara di negara kita; khususnya kepada Jabatan Penjara Malaysia.

University of Malaya

Program integrasi sosial semula (*social reintegration program*) boleh dibahagikan kepada dua jenis; iaitu (1) program integrasi sosial dalam institusi penjara yang disediakan untuk banduan semasa berada di dalam penjara, dan (2) program integrasi sosial semula dalam komuniti untuk bekas banduan yang bebas dari pemenjaraan. Peningkatan bilangan pengulanglaku jenayah secara tidak langsung memperlihatkan yang program integrasi sosial dalam institusi penjara kurang berkesan dalam menyedia-lengkap para banduan dengan segala kemahiran ekonomi dan sosial yang diperlukan apabila mereka masuk semula ke dalam kehidupan masyarakat setelah dibebaskan kelak.

Pengakuan jujur dan penjelasan bekas banduan pengulanglaku jenayah mengenai hal ini boleh membekalkan input yang berguna untuk pihak penjara menambahbaik program integrasi sosial sedia ada di penjara agar program yang lebih berkesan yang benar-benar dapat menjamin banduan yang dibebaskan terus pulih dan tidak mengulangi kesalahan ketika proses peralihan ke dalam masyarakat. Penambahbaikan ini penting dalam memastikan sistem hukuman dan pemulihan penjara (*correctional treatment*) di Malaysia dapat memulihkan banduan yang dibebaskan menjadi masyarakat yang produktif dan patuh undang-undang. Harapan tinggi masyarakat terhadap institusi penjara dalam memastikan bekas banduan ini mampu pulih dan berintegrasi terus ke dalam masyarakat mungkin tercapai sekiranya perkara ini dapat dilakukan.

Selain memberi perkhidmatan perlindungan kepada masyarakat dan keselamatan kepada negara, penjara juga berperanan sebagai institusi koreksional untuk membentuk dan memulih tingkah laku banduan agar selaras dengan keperluan

University of Malaya

norma dan nilai-nilai masyarakat. Negara dan masyarakat meletakkan jangkaan dan harapan yang tinggi terhadap institusi penjara dalam memulihkan para banduan yang dipenjarakan secara sepenuhnya. Kadar residivisme yang tinggi memperlihatkan yang jangkaan masyarakat terhadap peranan institusi sosial ini adalah meleset. Untuk mengembalikan semula keyakinan masyarakat, institusi penjara perlu memastikan yang program pemulihannya benar-benar berkesan dalam menghukum dan memulihkan para banduan.

Justeru itu, inisiatif penambahbaikan terhadap program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang dibuat berdasarkan dapatan kajian ini amat membantu untuk pihak penjara menghasilkan sebuah program pemulihan yang berkesan untuk para banduan yang dibebaskan. Program pemulihan penjara adalah mahal. Ini misalnya boleh dilihat menerusi bajet perbelanjaan mengurus institusi penjara yang meningkat saban tahun (Jadual 1.3). Bajet yang diperuntukkan untuk program pemulihan dan rawatan telah menunjukkan peningkatan yang dinamik pada setiap tahun. Peruntukan besar ini menunjukkan komitmen kerajaan terhadap kepentingan program pemulihan dan rawatan agar banduan dapat menjalani tempoh hukuman atau penahanan dalam persekitaran yang selamat dan terjamin. Ia juga memperlihatkan iltizam kerajaan di dalam membentuk semula akhlak dan sikap banduan melalui pendekatan pemulihan yang efektif supaya mereka insaf dan berjaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab serta produktif.

University of Malaya

**Jadual 1.3:** Peruntukan Kewangan Negara untuk Perkhidmatan Pemulihan dan Rawatan Pesalah Jenayah, 2011 - 2016

| **Output** | **2011 (sebenar)** | **2012 (Anggaran)** | **2013 (Anggaran)** | **2014 (sebenar)** | **2015 (Anggaran)** | **2016 (Anggaran)** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah Peruntukan (RM) | 79,559,200 | 71,655, 200 | 72,141,000 | 102,749,200 | 105,749,400 | 140,000,000 |
| Bil Kemasukan banduan | 100,000 (anggaran) | 120,000 (anggaran) | Tidak dinyatakan | Tidak dinyatakan | Tidak dinyatakan | Tidak dinyatakan |
| Bil. Pembebasan banduan (Orang) | 123,402 | 112,536 | 124,379 | 179,712 | 188, 298 | 197,712 |
| Peratus penyertaan program pembangunan Insan (%) | 96.8 | 95.0 | 95.0 | 96.0 | 98.0 | 96.0 |
| Bil. Banduan diparol (Orang) | 1,482 | 2,193 | 3,289 | 2, 268 | 2,700 | 3,000 |
| Bil. Bengkel beroperasi | 371 | 378 | 290 | 469 | 469 | 475 |
| Bil. Banduan mengikut latihan perusahaan dan vokasional (Orang) | 9,987 | 11,495 | 13,318 | 6,117 | 6,200 | 6,300 |

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (2016)

Justeru itu, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang mampu mengurangkan residivisme dan pemenjaraan semula adalah penting dalam memastikan perbelanjaan dan pembiayaan institusi pemenjaraan digunakan secara optimum yang mungkin dan dapat dijimatkan. Pemantapan sistem kebajikan sosial dan perkembangan profesion kerja sosial di kebanyakan negara mempengaruhi orientasi semula polisi hukuman daripada pemenjaraan kepada pemulihan, khususnya pemulihan dalam komuniti.

Input-input yang dikumpulkan oleh kajian ini dijangka amat bermanfaat dalam merangka sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuiti yang berusaha dalam merendahkan faktor risiko kepada residivisme dan memperkukuhkan faktor kejayaan kepada pemberhentian dari jenayah dalam kalangan

University of Malaya

bekas banduan setiap kali dibebaskan dari institusi pemenjaraan di Malaysia. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti merupakan komponen penting dalam sistem pemantauan dan pemulihan dalam mengurangkan kadar residivisme yang sekaligus bertujuan untuk meningkatkan keselamatan awam. Maklumat-maklumat yang terkumpul daripada kajian ini boleh digunakan oleh pihak komuniti dalam merancang dan mereka bentuk sebuah persekitaran sosial dalam komuniti yang kondusif untuk proses integrasi sosial semula berlangsung antara bekas banduan dengan anggota komuniti.

Selain itu, kerjasama dan persefahaman bersama yang wujud antara bekas banduan dan anggota komuniti menjanjikan proses integrasi sosial semula yang lancar. Sekiranya ini tercapai, sudah pasti residivisme dalam kalangan bekas banduan dapat dikawal. Bukan sahaja bekas banduan berjaya memperbaiki hidup mereka; malah, perkara yang lebih penting adalah semua anggota komuniti boleh hidup dalam sebuah persekitaran sosial yang selamat. Keadaan ini dapat mewujudkan keselamatan awam yang lebih baik apabila wujudnya komuniti yang bebas jenayah. Masyarakat hidup dengan perasaan selamat dari menjadi mangsa jenayah. Akhirnya, pengkaji yakin yang kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu bidang sistem pengadilan jenayah menerusi cadangan pelaksanaan intervensi pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang lebih jitu kepada banduan yang dibebaskan. Kajian ini mampu memberi gambaran yang jelas dan komprehensif tentang intervensi yang bersesuaian serta faktor-faktor penyumbang kepada berlakunya residivisme.

University of Malaya

Sebagai kesimpulan, kajian ini mempunyai manfaat dan kepentingan yang tidak boleh dinilai secara kewangan. Kepentingan sosial kajian ini adalah infiniti. Negara dan anggota masyarakat menikmati manfaat bersama daripada kajian ini. Negara boleh berjimat dari segi peruntukan kewangan negara untuk program pemenjaraan, pemulihan, prosiding keadilan jenayah dan sara hidup penjenayah yang berada di dalam tahanan. Masyarakat pula boleh hidup dengan aman, tenang dan selamat kerana bekas banduan yang dibebaskan semula ke dalam kehidupan masyarakat mempunyai kecenderungan yang amat minimum untuk mengulangi aktiviti jenayah mereka.

## 1.6 Pembahagian Bab

Penulisan tesis ini disusun kepada lapan bab utama. Bab satu menjelaskan latarbelakang kajian ini, permasalahan kajian dan tiga persoalan utama yang mendasari kajian ini, objektif kajian, skop kajian serta kepentingan kajian ini. Bab dua pula adalah mengenai ulasan literatur terdahulu berkaitan dengan faktor risiko yang dihadapi oleh bekas banduan dalam mengintegrasikan diri ke dalam masyarakat serta faktor-faktor pelindung yang menyebabkan bekas banduan mengelakkan diri dari melakukan jenayah. Dalam bab ini juga pengkaji ada menjelaskan mengenai konsep residivisme, integrasi sosial semula dan konsep pemberhentian dari jenayah. Seterusnya, bab tiga adalah penjelasan mengenai kerangka teoritikal kajian ini; iaitu Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal. Bab empat pula adalah mengenai metodologi kajian ini.

University of Malaya

Dapatan kajian ini dipaparkan dan dibincangkan dalam tiga bab yang berasingan. Di dalam bab lima, pengkaji memaparkan dapatan kajian berkaitan faktor-faktor risiko yang membawa kepada pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan ini. Manakala, di dalam bab enam pengkaji membincangkan dapatan kajian yang berkaitan faktor-faktor pelindung yang membawa kepada pengelakkan jenayah dalam kalangan bekas banduan ini pula. Ianya diikuti dengan bab tujuh yang membincangkan implikasi dapatan kajian ini terhadap pembinaan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti alternatif yang sesuai dengan keperluan bekas banduan. Sebagai penutup, di dalam bab lapan pengkaji menyatakan implikasi dapatan kajian ini terhadap sistem pemulihan dan pengadilan negara, limitasi-limitasi yang terdapat di dalam kajian ini serta input-input penting yang dijumpai oleh kajian ini, yang boleh dikaji dengan lebih mendalam oleh para pengkaji akan datang.

University of Malaya

# BAB 2: ULASAN LITERATUR

## 2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji mengulas kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan faktor-faktor risiko yang menyebabkan bekas banduan memilih untuk terus terlibat dengan perlakuan atau aktiviti jenayah sehingga menyebabkan mereka tertangkap, disabitkan bersalah dan dipenjarakan semula. Selain itu, pengkaji juga mengulas bahan-bahan terdahulu berkaitan dengan faktor-faktor pelindung kepada pemberhentian dari jenayah di dalam kalangan bekas banduan. Namun begitu, pengkaji terlebih dahulu menjelaskan konsep utama yang menjadi penelitian kajian ini; iaitu konsep pengulangan semula tingkahlaku jenayah atau dipanggil sebagai residivisme. Selepas itu, pengkaji menjelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan dalam proses integrasi semula (*reintegration*) yang berlangsung dalam komuniti yang kemudiannya mendorong mereka untuk menjadi pengulanglaku jenayah.

## 2.2 Konsep Residivisme dan Pengulanglaku Jenayah

Ketiadaan definisi yang seragam menyebabkan wujudnya percanggahan pendapat mengenai makna residivisme dan siapa yang boleh dirujuk sebagai pengulanglaku jenayah. Walaupun maksud residivisme seakan mudah, ianya masih tidak dapat menggambarkan realiti sebenar kadar residivisme yang berlaku di dalam sesebuah negara (King & Elderbroom, 2014; Harris, Lockwood & Mengers, 2009; Gehring, 2000). Contohnya, residivisme yang diukur berdasarkan data rekod jenayah rasmi hanya mencakupi pengulang-laku jenayah yang telah ditahan atau disabitkan sahaja

University of Malaya

(Ruggero, Dougherty & Klofas 2015; Lyman & LoBuglio, 2006). Jumlah rekod tangkapan berulang tidak membuktikan sama ada tertuduh benar-benar melakukan kesalahan berulang. Ini kerana pengulangan jenayah yang tepat hanya boleh diukur menerusi jumlah pemenjaraan semula (Ruggero, et al., 2015).

Terma residivisme berasal dari perkataan latin *"recidere"* yang membawa maksud kembali (*fall back*) (Maltz, 1984: 1). Residivisme digunakan untuk menggambarkan aktiviti jenayah berulang, dan pengulanglaku jenayah adalah individu yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Residivisme adalah situasi perkembalian semula bekas banduan ke dalam penjara selepas dibebaskan akibat daripada pengulangan bekas banduan dalam aktiviti jenayah (Esperian, 2010). Di sebalik istilah yang seolah-olah mudah ini, residivisme merupakan satu terma yang agak generik. Definisinya boleh berbeza-beza mengikut pendekatan atau metodologi yang digunakan di dalam sesebuah penyelidikan.

Terma residivisme sering digunakan silih berganti dengan terma-terma lain seperti kesalahan berulang atau pengulangan jenayah. Seperti kebanyakan konsep kriminologi yang lain, residivisme adalah terma yang sentiasa ditakrifkan semula. Ini kerana terdapat banyak percubaan baru dan inovatif yang dijalankan untuk memahami mengapa bekas banduan mengulangi kesalahan atau terlibat semula dengan aktiviti jenayah. Keadaan ini membawa kepada usaha pengkaji untuk meringkaskan beberapa definisi yang diperkenalkan oleh beberapa pengkaji-pengkaji sebelum ini berkaitan konsep pengulangan jenayah. Berikut merupakan senarai definisi residivisme yang dikenalpasti (rujuk jadual 2.1).

University of Malaya

**Jadual 2.1:** Definisi Residivisme

| Penyelidik | Definisi |
|---|---|
| Blumstein & Larson (1971) | Residivisme bererti pelakuan suatu kesalahan oleh individu yang sudah diketahui melakukan sekurang-kurangnya satu kesalahan lain sebelum. |
| Durose, Cooper, & Snyder (2014) | Bekas banduan kembali dengan corak tabiat jenayah lalu selepas dibebaskan dari penjara |
| King & Elderbroom (2014) | Residivisme ditakrifkan sebagai melibatkan semula diri dalam jenayah selepas menerima hukuman atau intervensi. |
| Maltz (1984) | Residivisme ditakrifkan sebagai perkembalian seseorang individu kepada tingkah laku jenayah selepas dia telah disabitkan atas suatu kesalahan terdahulu, dihukum, dan (mungkin) telah dipulihkan. |
| Matthews & Kohl (2011) | Bekas banduan dikembalikan ke penjara untuk salah satu daripada dua sebab: melakukan jenayah baru yang menyebabkan sabitan baru, atau untuk pelanggaran pengawasan, seperti tidak melaporkan diri kepada pegawai parol atau pengawasan, atau gagal ujian dadah. |
| Mohd Alf, Siti Hajar, Jal Zabdi, Khairiyah & Noralina (2017) | Residivisme merupakan sebarang penglibatan semula oleh mana-mana individu yang sekurang-kurangnya mempunyai satu atau lebih jumlah rekod pemenjaraan ke dalam mana-mana jenis aktiviti yang telah diperuntukkan sebagai jenayah di dalam undang-undang negara (tanpa mengira jenis kesalahan yang dilakukan sebelum itu) dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pembebasan dari penjara di mana aktiviti jenayah berulang yang dilakukan tersebut telah membawa kepada penangkapan, pendakwaan, penyabitan sehingga dihukum masuk ke dalam penjara semula dan seterusnya |
| Payne (2007) | Pengulangan jenayah merujuk kepada aktiviti jenayah berulang dan sinonim dengan istilah kesalahan berulang atau mengulangi kesalahan berulang. Pengulanglaku jenayah secara umumnya dilihat sebagai individu yang terlibat dalam kegiatan jenayah berulang. |
| Tenibiaje (2013) | Pengulangan jenayah merupakan kecenderungan untuk kembali semula kepada corak tabiat jenayah lalu. Pengulangan jenayah ini kemudiannya melibatkan penangkapan semula, penyabitan semula, atau pemenjaraan semula bekas banduan |

Daripada pendefinisian di dalam jadual 1, pengulangan jenayah dapat difahamkan sebagai perkembalian atau pengulangan ke dalam tabiat kesalahan lampau, terutamanya selepas menjalani hukuman pemenjaraan yang membawa kepada tangkapan, penyabitan dan pemenjaraan semula. Dengan kata lain, bekas banduan kembali melakukan aktiviti menyalahi undang-undang selepas dibebaskan dari penjara.

Ianya turut diperbincangkan di dalam kajian Maltz (1984). Beliau telah mentakrifkan residivisme secara *ad hoc;* kerana kesukaran dalam menentukan pendefinisian yang tepat dalam merujuk kepada realiti pengulangan jenayah yang berlaku. *Ad hoc* adalah suatu penyelesaian yang dibentuk untuk menyelesaikan

University of Malaya

masalah tertentu. Dalam bukunya yang bertajuk ‘*Recidivism*’ (1984), Maltz telah membentangkan analisis yang teliti mengenai konsep pengulangan jenayah. Hampir separuh daripada perbincangan dalam buku ini menerangkan peranan definisi residivisme yang berbeza-beza dalam mencapai matlamat program pemulihan.

Pengkaji turut melampirkan kesemua masalah yang dilihat timbul dari perbincangan mengenai residivisme yang digariskan oleh Gehring (2000) (rujuk Jadual 2.2). Sembilan masalah yang dijadualkan Gehring (2000) tersebut turut ditambah dan diperkembangkan mengikut pandangan pengkaji yang disokong berdasarkan pengkaji-pengkaji lepas menerusi tinjauan literatur. Hal ini bagi memastikan perbincangan kesemua masalah yang digariskan oleh Gehring (2000) ini dapat dibincangkan dengan analitikal dan turut disokong dengan kajian-kajian yang lebih terkini daripada kajian tersebut.

Pendek kata, tidak terdapat satu makna yang spesifik bagi menerangkan secara jelas dan praktikal tentang konsep residivisme (King & Elderbroom, 2014). Kewujudan pelbagai makna terhadap konsep residivisme, serta kepelbagaian pendekatan dalam mengukur kadar residivisme menyebabkan wujud juga pelbagai kriteria yang berbeza untuk melabelkan seseorang sebagai pengulang laku jenayah. Namun, cara yang paling biasa digunakan untuk mentakrif residivisme ialah sama ada seseorang telah kembali ke penjara dalam tempoh masa tertentu. Tempoh masa yang biasa digunakan adalah dua atau tiga tahun. Cara lain temasuklah penangkapan semula, penyabitan semula, pendakwaan semula dan pemenjaraan semula.

University of Malaya

**Jadual 2.2:** Sembilan masalah pendefinisian konsep residivisme sebagai langkah penilaian program yang dikenalpasti (diadaptasi dari Gehring, 2000)

| Persoalan yang timbul | Penjelasan | Contoh |
|---|---|---|
| (1) Tiada siapa yang tahu apa makna istilah residivisme yang paling tepat. Kekaburan yang wujud membolehkan pendefinisian menjadi pelbagai mengikut interpretasi yang dibuat. | Setiap bidang kuasa perundangan negara mengunakan definisi yang berbeza-beza dalam menakrif istilah residivisme (King & Elderbroom 2014; Armstrong & McNeill 2012; Beck 2001). | Perbezaan adalah bergantung kepada kriteria (penangkapan semula/ penghukuman semula) dan tempoh masa (selalunya di antara 12 sehingga 60 bulan) (Gehring 2000). Sistem keadilan jenayah di Amerika Syarikat contohnya, pendefinisian yang dibuat sungguh berbeza-beza sehingga membolehkan pengukuran dilakukan mengikut jumlah tangkapan semula, atau penyabitan semula atau pemenjaraan semula (Beck 2001). Malahan tempoh masa untuk mengira pengulangan jenayah dilihat turut berbeza-beza di dalam pelbagai sistem penjara negeri yang boleh bermula seawal dari tempoh satu tahun sehingga 22 tahun lamanya selepas banduan ini dibebaskan dari penjara (Beck, 2001). |
| (2) Tiada kaedah yang diterima pakai wujud untuk pengumpulan data dalam mengukur kadar residivisme; tiada repositori. | Residivisme adalah langkah pengukuran yang tidak spesifik (King & Elderbroom 2014). Hal ini berlaku di negara yang memperuntukkan bidang kuasa yang berbeza-beza pada setiap negeri berkaitan permulihan bekas banduan. | Setiap negara tidak memulakan keseragaman untuk pengumpulan data dan tiada negeri secara bersama boleh melaksanakan prosedur secara menyeluruh di seluruh negara (Gehring 2000). Sesebuah negara boleh mengunakan lima kaedah dalam pengumpulan data berkaitan pengulangan jenayah (a) jenis kesalahan, (b) kawasan geografi, (c) jenis banduan, (d) tahap keselamatan institusi, dan (e) mengikut kaedah yang diperuntukkan oleh setiap institusi (Lyman & LoBuglio 2006; Gehring, 2000). Maka menimbulkan persoalan tentang pengumpulan data yang tepat dalam mengukur situasi pengulangan jenayah yang berlaku di kalangan pengulanglaku jenayah ini. |
| (3) Tiada konsensus dalam bagaimana tafsiran mengenai konsep residivisme harus dibuat. | Tafsiran mengenai data residivisme ini perlu membuat perbandingan di antara dua atau beberapa program yang sama. Dengan hanya mengetahui kadar pengulangan jenayah untuk hanya sebuah program yang dijalankan, tidak dapat memberitahu banyak tentang punca sebenar dan kekurangan program tersebut (Beck 2001). Ianya memerlukan perbandingan dengan dua atau beberapa program sama yang turut ditawarkan. | Banyak kajian residivisme tidak dapat membezakan *output* yang ingin diukur (Gehring 2000). Sebagai contoh, sama ada kadar pengulangan jenayah untuk jumlah peratusan sebanyak 30, 40 atau 50 peratus dikira baik atau buruk? (Beck 2001). Satu kadar pengulangan jenayah sebanyak 40 peratus boleh menjadi buruk jika program sama yang diadakan di tempat lain mengalami kadar pengulangan jenayah hanya sebanyak 20% sahaja. Sebaliknya, kadar pengulangan jenayah sebanyak 50 peratus boleh menjadi baik jika program yang sama yang disediakan di tempat lain mengalami kadar pengulangan jenayah sebanyak 70 peratus (Beck 2001). Untuk memahami data pengulangan jenayah, perbandingan dengan program lain adalah mesti dibuat. Selain itu, bagi memastikan perbandingan yang baik, sesebuah kajian mesti jelas menyatakan definisi residivisme yang ditakrifkan dan langkah-langkah yang harus berasal daripada takrifan tersebut (King & Elderbroom 2014). |

Sumber: Mohd Alif et al. (2017)

University of Malaya

Sambungan **Jadual 2.2**

| **Persoalan yang timbul** | **Penjelasan** | **Contoh** |
|---|---|---|
| (4) Residivisme boleh digunakan untuk '*pemalsuan maklumat*'. Hal ini berlaku apabila setiap data statistik yang digunakan membawa kepada hasil '*output*' pengulangan jenayah yang berbeza. | Ramai pemerhati yakin laporan residivisme berupaya menyembunyikan maklumat sebenar mengenai keberkesanan sesebuah sistem pemenjaraan / pemulihan yang ditawarkan oleh sistem keadilan setiap negara. Hal ini yang telah diperkatakan oleh Gehring (2000) tentang penggunaan tempoh masa yang digunakan dalam mengukur kadar pengulangan jenayah yang berlaku di dalam sesebuah negara. Tempoh masa yang lebih pendek boleh membawa kepada jumlah residivisme yang lebih kurang. Hal ini kerana tempoh masa yang panjang akan meliputi lebih banyak jumlah tangkapan semula atau pemenjaraan semula bekas banduan ini (Andersen & Skardhamar 2014; Beck 2001). | Sesetengah negara mengubah data prosedur tanpa notis; banyak menggunakan definisi yang berbeza untuk mendapatkan hasil yang berbeza. Ianya bertujuan untuk mengubah kadar residivisme yang lebih rendah (Gehring 2000). Hal ini kerana kebolehan untuk memilih jenis pengukuran yang diingini telah memberi kelebihan buat sistem keadilan jenayah sesebuah negara dalam melaporkan kadar yang dirasakan lebih memberi kelebihan kepada negara mereka (Beck 2001; Gehring 2000). Ianya belum mengambil kira bagaimana perubahan data boleh berlaku dengan menukar jenis data statistik yang digunakan dalam pengukuran. Setiap jenis data statistik ini boleh menjadi berbeza-beza di antara satu sama lain. Hal ini kerana jumlah tangkapan meliputi semua bekas banduan yang ditangkap semula tanpa mengira sama ada disabitkan dengan pemenjaraan semula atau tidak. Berbeza pula dengan jumlah pemenjaraan yang hanya meliputi pesalah pengulanglaku jenayah yang disabit hukuman penjara sahaja (Beck 2001). Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada bekas banduan yang ditangkap atas disyaki melakukan sesuatu aktiviti jenayah boleh dikira telah mengulangi jenayah semula atau tidak. Hasil jumlah yang lebih rendah berupaya menunjukkan jumlah residivisme yang lebih kurang berlaku di dalam sesebuah negara. Akhirnya pengukuran mana yang lebih tepat dalam mengukur bekas banduan; adakah jumlah tangkapan semula ataupun jumlah pemenjaraan semula? Kesemua ini telah menambahkan lagi kepada kekaburan yang sedia ada. Keadaan ini menyebabkan pengukuran residivisme yang kabur ini berupaya membawa kepada maklumat yang tidak tepat dalam mengambarkan situasi yang sebenar berlaku di dalam sesebuah negara (Beck 2001). |
| (5) Residivisme adalah canggih / dikotomi, suatu pengukuran yang terminal | Kebanyakan kajian residivisme hanya mengukur data ya / tidak, tetapi tidak dapat memberikan maklumat berguna yang boleh digunakan untuk peningkatan sesuatu program (King & Elderbroom 2014; Gehring 2000). Ianya menunjukkan sama ada sesuatu jumlah itu tinggi atau tidak. Maka ianya terpulang kepada intepretasi pengkaji-pengkaji yang mengukur kadar pengulangan jenayah dalam membuat analisis daripada data yang terhasil. | Kebanyakan kajian residivisme tidak dapat mengenalpasti penambahbaikan yang perlu dilakukan; jika orang yang bersenjata mengulangi jenayah yang berlainan iaitu sebagai contohnya kesalahan pelmasuan dokumen, adakah boleh mengatakan individu tersebut gagal? Maka apa yang timbul, apakah yang menyebabkan seseorang itu boleh dikira sebagai pengulanglaku jenayah? Adakah dengan melakukan sebarang jenayah berulang sahaja akan dikategorikan sebagai pengulanglaku jenayah? Ini merupakan permasalahan yang timbul dari pengukuran kadar residivisme di dalam sesebuah negara serta kajian tentang konsep ini. Selain itu Maltz (1984) sendiri berkata mengukur kadar residivisme ini bukan bererti untuk mengukur suatu yang negatif sahaja. Ianya juga boleh digunakan untuk mengukur nilai yang postif pada sesuatu situasi atau program. Namun, pengkaji dewasa ini mendapati rata-rata daripada kajian lepas banyak mengkaji residivisme dalam menunjukkan tahap keberkesanan program yang kurang efektif. Hal ini telah menimbulkan stereotaip pada mana-mana sistem pemulihan yang sering dilihat sebagai gagal yang akhirnya menjadi kurang tepat. Sedangkan Maltz (1984) sendiri memperakui bahawa itu bukannya tujuan konsep residivisme dibincangkan oleh beliau di dalam bukunya. Tetapi lama kelamaan telah menjadi budaya yang semakin menebal dalam kajian sains sosial sendiri apabila penggunaan konsep residivisme adalah bertujuan untuk mengukur kegagalan program yang tidak berkesan atau gagal |

Sumber: Mohd Alif et al. (2017)

University of Malaya

Sambungan **Jadual 2.2**

| Persoalan yang timbul | Penjelasan | Contoh |
|---|---|---|
| (6) Pemenjaraan telah mengurangkan peluang dalam menjalani integrasi yang lancar buat bekas banduan ketika berada dalam tempoh pasca pembebasan | Kesan keseluruhan penjara adalah amat negatif buat bekas banduan ini. Hal ini kerana tidak banyak program yang bersifat pemulihan disediakan di dalam penjara buat bekas banduan. Rekod penjara yang dipegang mereka membawa kepada stigma dan diskriminasi ketika berada di dalam kehidupan berkomuniti (Andersen & Skardhamar 2014; Gehring 2000). Keadaan ini telah memberi cabaran yang besar untuk bekas banduan ini berintegrasi dengan jaya selepas dibebaskan dari penjara (Gehring 2000). | Pemenjaraan telah menggalakkan lebih banyak jenayah dilakukan selepas banduan dibebaskan. Pemenjaraan juga telah menimbulkan perasaan terasing dalam kalangan bekas banduan apabila berada di dalam kehidupan berkomuniti. Perasaan stigma dan prejudis yang wujud menyebabkan punca kegagalan bekas banduan berintegrasi dengan baik. Lantas, pengasingan ini telah mengganggu pertumbuhan perkembangan seseorang selepas mereka dibebaskan kelak (Gehring 2000). Penggubal undang-undang lebih menitikberatkan langkah yang lebih punitif dengan memenjarakan banduan, memberi hukuman seperti rotan serta mengasingkan bekas banduan daripada masyarakat (Andersen, & Skardhamar 2014; Beck 2001; Gehring, 2000). Sedangkan bekas banduan yang dipenjarakan harus dipulihkan agar mereka dapat dipersiapsedia untuk menjadi patuh undang-undang dan dapat menjadi seorang yang mengikut nilai norma serta seorang yang produktif ketika dibebaskan di dalam kehidupan berkomuniti. Hal ini kerana ketiadaan program pemulihan yang cukup efektif dalam membentuk bekas banduan untuk menghadapi dunia luar selepas dibebaskan (Beck 2001; Gehring 2000). Kekurangan penekanan pada kemahiran sosial ketika seseorang banduan ini dipenjarakan (Gehring 2000). Program yang bersifat mempersiapsediakan bekas banduan ini dalam menghadapi dunia luar boleh meliputi program seperti latihan kerja, persediaan kerja dan sebagainya. Kegagalan penyediaan program seperti ini bukan sahaja merugikan bekas banduan malahan sistem keadilan jenayah sekali kerana akan sering gagal membentuk bekas banduan yang menjadi individu yang patuh norma dan undang-undang selepas dibebaskan dari penjara (King & Elderbroom 2014; Gehring 2000). |
| (7) Ketiadaan sebuah program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan berasas komuniti yang effisien bagi membantu proses peralihan bekas banduan dari tempoh pembebasan ke dalam kehidupan berkomuniti. | Ketiadaan program bimbingan dan pemulihan yang efisien yang berterusan ternyata telah menjadi punca kegagalan dalam memastikan proses berintegrasi dengan baik oleh bekas banduan yang dibebaskan ini (Gehring 2000) Pelbagai cabaran yang dialami serta keperluan yang tidak dapat dipenuhi ketika berada di dalam proses integrasi. Cabaran hidup yang sukar ini telah menjadi faktor penyebab kepada kecederungan untuk melibatkan diri ke dalam kehidupan yang berisiko dan aktiviti jenayah. | Sikap prejudis dan menghukum banduan yang telah dilepaskan lebih banyak terjadi daripada pemberian bantuan dalam membantu proses integrasi sebaik dibebaskan. Servis pemberian penempatan pula selalunya kurang diberi perhatian yang berpunca ketiadaan dana peruntukan dalam mewujudkan rumah perantaraan atau tempat tinggal sementara sebaik bekas banduan ini dibebaskan. Pembentukan program sebegini membolehkan bekas banduan yang dibebaskan ini membuat transisi ke dalam kehidupan bermasyarakat dengan lebih lancar (Gehring 2000). Belum lagi mengira program seperti pekerjaan, hubungan kekeluargaan, komuniti dan sebagainya. Maka dengan itu, kebanyakan sistem keadilan jenayah di dunia masih gagal menyediakan program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan yang menyeluruh kepada bekas banduan ini selepas mereka dibebaskan dari penjara. Ketiadaan program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan telah merugikan sistem keadilan jenayah sendiri apabila tidak dapat memastikan pemulihan bekas banduan yang berterusan. Setiap dana dan peruntukan yang digunakan dalam membiayai program pemulihan ketika banduan ini melalui hukuman pemenjaraan ternyata merugikan akhirnya. Hal ini kerana bekas banduan ini akan terus mengulangi kembali tingkah laku lama kerana gagal membuat peralihan hidup yang baik dari kehidupan di dalam penjara kepada kehidupan di dalam bermasyarakat. |

Sumber: Mohd Alif et al. (2017)

University of Malaya

Sambungan **Jadual 2.2**

| **Persoalan yang timbul** | **Penjelasan** | **Contoh** |
|---|---|---|
| (8) Kadar dominasi yang dipertunjukkan oleh sesuatu kaum adalah lebih tinggi daripada kaum lain serta masalah dari segi hubungan di antara kadar penangkapan dan pemenjaraan adalah berbeza-beza. | Kadar banduan dalam kategori kelompok minoriti melebihi daripada banduan yang berkelompok dominan; perbezaan sosio-ekonomi di antara banduan adalah jelas (Gehring 2000). | Selalunya negeri dikritik kerana pemenjaraan ini mewujudkan perbezaan disebabkan oleh budaya. Banduan dari sesuatu kaum yang minoriti di dalam sesebuah negara akan didapati lebih banyak dari banduan dalam kalangan kaum majoriti yang lain (Beck 2001; Gehring 2000). |
| (9) Birokrasi sering mencadangkan pemenjaraan semula kepada bekas banduan yang disabitkan kesalahan berulang. Pemenjaraan dilihat sebagai hukuman yang terbaik dalam mengasingkan bekas banduan daripada masyarakat. Sedangkan hukuman yang bersifat punitif ini membawa kepada lebih keburukan daripada kebaikan terutama apabila bekas banduan ini yang tidak dipulihkan ini dibebaskan dari penjara selepas menghabiskan tempoh pemenjaraan. | Bekas banduan biasanya diawasi dengan teliti oleh pihak polis dan lain-lain, sebagai *'suspek utama'*. Bekas banduan terpaksa melalui kehidupan yang penuh diskriminasi terutama disebabkan oleh rekod jenayah yang dipegang (Gehring 2000). Pendiskriminasian yang berlaku akibat perasaan takut oleh masyarakat atau komuniti terhadap ancaman yang dibawa oleh bekas banduan ini atau perasaan mengenai kebarangkalian bekas banduan ini mengulangi jenayah semula. | Semua bidang kuasa mempunyai hukuman penguatkuasaan undang-undang yang berbeza-beza yang digunakan ke atas bekas banduan. Namun pemilihan hukuman pemenjaraan sering dikenakan ke atas pengulanglaku jenayah dengan andaian bahawa mereka ini berada di dalam kelompok individu yang berisiko. Maka penyabitan hukuman pemenjaraan merupakan cara yang terbaik dalam menghukum para pengulanglaku jenayah yang ditangkap semula. Andaian bekas banduan ini untuk dipulihkan dan dirawat ketika melalui proses pemenjaraan ternyata meleset apabila program pemulihan sedia ada di dalam penjara masih gagal merawat bekas banduan tersebut (King & Elderbroom 2014). Ianya terbukti dengan pengulangan yang sering dilakukan oleh para pengulanglaku jenayah. Ataupun kegagalan sistem keadilan jenayah dalam menyediakan program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan kepada bekas banduan selepas dibebaskan bagi membimbing mereka melalui kehidupan berkomuniti dan memenuhi keperluan yang tidak dapat dipenuhi akibat stigma ke atas rekod pemenjaraan tersebut (King & Elderbroom 2014) |

Sumber: Mohd Alif et al. (2017)

University of Malaya

Pentakrifan residivisme yang terhasil daripada pelbagai kaedah yang berbeza telah menimbulkan beberapa masalah atau limitasi khusus. Contohnya, limitasi di dalam penggunaan takrifan kadar penyabitan semula dalam menentukan siapakah bekas banduan pengulanglaku jenayah. Tidak semua bekas banduan disabitkan dengan semua jenayah yang telah mereka lakukan. Selain itu, tidak semua bekas banduan yang ditangkap akan didakwa di mahkamah dan disabitkan dengan hukuman pemenjaraan semula. Ini kerana pihak berkuasa tidak mempunyai cukup bukti untuk mendakwa bekas banduan sebegini sebagai pengulanglaku jenayah. Pendek kata, data yang dikumpul tidak menggambarkan bilangan bekas pengulanglaku jenayah yang sebenar berlaku di dalam sesebuah negara.

Perkara penting yang perlu dilakukan oleh para pengkaji yang mengkaji residivisme ialah membangunkan satu pendekatan konseptual yang sesuai (Payne, 2007). Saintis sosial bertanggungjawab untuk menentukan model pengukuran residivisme yang mampu memberikan data yang tepat. Model pengukuran (Rajah 2.1) yang digunakan juga perlu menyatakan secara teliti tiga perkara berikut (Payne, 2007):

1) *Sampel* - merujuk kepada sekumpulan bekas banduan yang mengulangi jenayah (pengulanglaku jenayah) dalam tempoh masa tertentu. Pemilihan sampel khusus penting dalam menilai kejayaan sistem pemulihan untuk banduan. Tujuan pemilihan suatu sampel yang khusus adalah untuk menilai kejayaan sama ada jangka masa panjang atau pendek sesebuah sistem pemulihan untuk banduan (Payne, 2007). Kadar pengulangan jenayah boleh dikira menggunakan kaedah yang berbeza. Masalah yang berkaitan dengan pemilihan suatu sampel ini berpunca daripada kekurangan keseragaman dalam tempoh susulan dan kekurangan maklumat yang lengkap (Mohd Alif et al., 2017; Maltz, 1984).

University of Malaya

2) *Penunjuk peristiwa* – jumlah bilangan dan jenis peristiwa yang berlaku yang mendorong kepada pengulangan kesalahan. Pengulangan jenayah biasanya diukur dari segi dua peristiwa; iaitu waktu dibebaskan dan waktu pengulangan jenayah. Peristiwa pembebasan boleh menjadi salah satu daripada beberapa peristiwa; misalnya pelepasan dari pemenjaraan, pelepasan dari pengawasan parol dan pelepasan dari program rumah perantaraan.
3) *Tempoh susulan/masa* - tempoh urutan penunjuk peristiwa. Tempoh susulan untuk pengiraan kadar pengulangan jenayah bergantung kepada tujuan kajian dan ketersediaan (*availability*) data. Tempoh susulan mempunyai kesan ke atas kadar pengulangan jenayah yang dilaporkan. Sebagai contoh, lebih lama tempoh susulan, lebih besar jumlah banduan yang kembali mengulang laku jenayah.

Residivisme lazimnya melibatkan empat proses utama; iaitu (1) penangkapan semula, (2) penyabitan semula, (3) pendakwaan semula, dan (4) pemenjaraan semula (Durose et al., 2014; Lyman & LoBuglio, 2006; McMackin, Tansi & Lafratta 2004). Rekod penangkapan semula hanya digunakan apabila tidak ada maklumat yang disediakan. Rekod penyabitan semula pula dapat ditentukan menerusi jumlah keputusan mahkamah yang dibuat dalam menentukan seseorang individu itu telah melakukan satu jenayah baru. Seterusnya, rekod pendakwaan semula pula dapat ditentukan daripada jumlah kehadiran bekas banduan yang mengulangi jenayah ke mahkamah (Lyman & LoBuglio, 2006). Akhir sekali, pemenjaraan semula adalah merujuk kepada jumlah tangkapan yang mengakibatkan pemenjaraan semula atau hukuman pemenjaraan (Durose et al., 2014).

University of Malaya

Berkait rapat dengan empat proses di atas, Langan dan Levin (2002) menyatakan terdapat empat pengukuran residivisme; iaitu penangkapan semula, penyabitan semula, hukuman semula ke penjara, dan kembali ke penjara dengan atau tanpa hukuman baru. Keempat-empat ukuran ini kemudiannya bersetuju untuk merujuk residivisme sebagai penglibatan semula bekas banduan dalam aktiviti jenayah dalam mana-mana tempoh 3 tahun selepas pembebasan dari penjara (Langan & Levin, 2002). Cara yang praktikal untuk mengukur pengulangan jenayah adalah menilai bilangan bekas banduan yang disabitkan atas suatu jenayah baru dalam tempoh masa yang telah ditetapkan selepas dibebaskan.

Tempoh susulan tiga tahun lazim digunakan oleh agensi keadilan jenayah untuk mengira pengulangan jenayah. Namun ianya bergantung kepada sistem keadilan jenayah sesebuah negara itu sendiri dalam menentukan tempoh masa yang diikut. Seringkali tempoh masa yang diambil adalah tiga tahun tetapi ianya bukan suatu yang mewajibkan untuk mengira kadar residivisme dalam tempoh berikut. Perubahan tingkah laku bekas banduan boleh berubah-ubah tanpa mengira masa, ianya boleh menjadi lebih cepat pada seseorang individu dan lebih lambat pada seseorang individu yang lain (Mohd Alif et al., 2017; Andrews & Dowden, 2006; Hanson & Morton-Bourgon, 2005).

Ahli kriminologi telah lama memahami kepentingan mengukur tempoh masa sebelum suatu jenayah itu berlaku (Maltz, 1996). Tempoh masa pengulangan jenayah membezakan antara bekas banduan yang cepat menjadi pengulanglaku jenayah dan mereka yang mengambil masa lama untuk mengulanglaku semula tabiat jenayah mereka. Perbezaan ini penting kerana bekas banduan yang cepat mengulangi perlakuan

University of Malaya

jenayahnya secara langsung memperlihatkan yang program pemulihan yang diikuti mereka semasa berada di dalam penjara kurang berkesan (Kurlychek, Bushway & Brame, 2012).




Sumber: Payne (2007)

**Rajah 2.1:** Model Pengukuran Residivisme

Setiap negara mempunyai perundangan sosial tersendiri berkaitan residivisme. Perundangan ini selalunya diletakkan di bawah bidang kuasa sistem penalogi dan/atau Akta Penjara sesebuah negara. Dari segi perundangan Malaysia contohnya, Akta Penjara (Pindaan) 2014 (A1460) merujuk pengulanglaku jenayah sebagai individu yang berulang kali melakukan kesalahan jenayah, disabitkan dengan kesalahan, dihukum penjara dan seterusnya berulang kali menjalani hukuman penjara di mana-mana institusi penjara di Malaysia dalam tempoh yang sama. Ini bermakna, mana-mana bekas banduan yang pernah menjalani hukuman penjara lebih daripada sekali dan menjalani semula hukuman penjara dalam tempoh 3 tahun sepanjang dibebaskan boleh diklasifikasikan sebagai pengulanglaku jenayah.

University of Malaya

Bagi konteks kajian ini, selain daripada takrifan pengulanglaku jenayah yang telah digariskan oleh Akta Penjara (Pindaan) 2014 (A1460), pengkaji telah memilih rekod jumlah pemenjaraan sebagai kaedah atau cara untuk mengukur pengulanglaku jenayah. Pengkaji memilih pendekatan ini kerana ia memintas masalah yang berkaitan dengan pendakwaan, mahkamah dan pemulihan data yang tidak lengkap atau dipercayai sebagai data penangkapan penguatkuasaan. Apabila residivisme ditakrifkan dengan cara ini, pengulanglaku jenayah adalah individu yang kembali kepada aktiviti jenayah, ditangkap dan disabitkan pemenjaraan semula sahaja (Kim, Benson, Rasmussen & Zuehlke, 1993). Justeru itu, fokus kajian ini adalah hanya pada pengulanglaku jenayah yang mempunyai rekod pemenjaraan berulang dan dibebaskan ke dalam kehidupan berkomuniti.

## 2.3 Integrasi semula, Cabaran yang dihadapi dan Pengulangan Jenayah

Selepas menjalani hukuman di dalam institusi penjara, bekas banduan yang dibebaskan akan kembali semula ke dalam kehidupan berkomuniti (La Vigne et al., 2007; Andress, Wildes, Rechtine & Moritsugu, 2004). Mereka yang dibebaskan ini perlu berintegrasi semula (*reintegration*) dengan kehidupan masyarakat. Integrasi semula merupakan satu istilah yang merujuk kepada satu program atau perkhidmatan sosial transisi dari penjara ke dalam pengawasan komuniti untuk membantu dan membimbing bekas banduan yang baru dibebaskan daripada penjara (Hughes & Wilson, 2004).

Menerusi buku yang bertajuk *Introductory Handbook on the Prevention of Recidivism and the Social Reintegration of Offenders* (2012) oleh United Nation Office on Drugs and Crime, organisasi ini merujuk integrasi sosial sebagai:

University of Malaya

> *…interventions designed to help offenders who have been placed in an institution, such as a reform school, a detention centre or a prison, a mental health institution or a residential drug treatment centre. They include rehabilitation, education and pre-release programmes offered in prison, as well as conditional release, post-release and aftercare interventions. The primary objective of social reintegration programmes is to provide offenders with the assistance and supervision they need to learn to lead crime-free lives and to avoid reoffending. Their purpose is to help offenders desist from crime, successfully reintegrate into the community and avoid a relapse into crime. Reintegration programmes are typically developed on the basis of the current understanding of the dynamic risk factors associated with recidivism, the needs of offenders and the challenges they encounter upon their release from prison. Programmes vary according to the risk factors and the type of social integration challenge they are designed to address.*
>
> (hal.6)

Program integrasi semula melibatkan serangkaian intervensi yang mampu membantu bekas banduan memperolehi kemahiran hidup yang diperlukan untuk berjaya dalam masyarakat dan menjauhkan diri daripada peluang dan aktiviti jenayah (Phillips & Lindsay, 2011; Austin, 2001; Travis & Petersilia, 2001). Kebanyakan program integrasi semula berkisar kepada penyediaan pelbagai peluang dan akses pekerjaan kepada bekas banduan, membina semula hubungan yang bermakna dengan anggota keluarga mereka, peluang untuk memiliki kediaman/rumah yang bersesuaian untuk perkembangan keluarga, menikmati semula kehidupan sivil mereka, menjadi semula anggota komuniti yang bermanfaat, berpeluang untuk menyertai semula secara prososial aktiviti-aktiviti sosial dalam masyarakat dan bersama-sama terlibat di dalam proses pembangunan negara (Thompskins, 2010). Hampir semua definisi program integrasi semula menyentuh istilah kemasukan semula (*re-entry*). Istilah ini menerangkan mengenai penyediaan program dan perkhidmatan sosial yang direka untuk membantu bekas banduan memasuki semula ke dalam kehidupan bermasyarakat (Wheeler & Patterson, 2008).

University of Malaya

Istilah kemasukan semula adalah satu istilah yang luas yang digunakan untuk merujuk kepada isu-isu yang berkaitan dengan peralihan banduan dari penjara ke dalam kehidupan masyarakat umum, dan menjadi anggota masyarakat yang produktif dan berguna (Hung-en, 2011; Travis, 2005; Hughes & Wilson, 2004). Pendek kata, integrasi semula dalam konteks pengajian penalogi adalah merujuk kepada inisiatif-inisiatif sosial berasas komuniti yang diterapkan ke atas bekas banduan yang memasuki semula kehidupan bermasyarakat (Bruce, Barbour & Thacker, 2004). Selain itu, integrasi semula juga mencerminkan suatu proses menyatukan bekas banduan yang dibebaskan dengan kehidupan dalam masyarakat. Dalam proses ini, bekas banduan perlu berintegrasi atau 'bersatu' dengan anggota masyarakat dan hidup sebagai anggota masyarakat tersebut. Berintegrasi atau 'bersatu' dengan kehidupan masyarakat sebagai salah seorang anggota masyarakat secara simboliknya membawa makna yang bekas banduan mempunyai peranan dan tanggungjawab sosial yang sama dengan anggota masyarakat yang lain.

Namun begitu, proses integrasi semula ini bukanlah suatu proses yang mudah. Kebanyakan bekas banduan yang melalui proses ini mengalami cabaran dan pengalaman yang tidak menggembirakan. Sebilangan besar bekas banduan yang berada dalam proses integrasi semula gagal untuk berintegrasi semula dengan kehidupan masyarakat umum. Malahan, sebilangan besar bekas banduan yang berada dalam proses ini terlibat semula dengan aktiviti atau kegiatan jenayah sehingga menyebabkan mereka ditangkap, disabit dengan kesalahan dan dihukum pemenjaraan semula. Pendek kata, proses integrasi semula adalah suatu proses yang begitu mencabar; bukan sahaja kepada bekas banduan, malah buat anggota masyarakat yang harus menerima kehadiran bekas banduan di dalam kehidupan mereka.



University of Malaya

## 2.4 Faktor-Faktor Risiko Kepada Residivisme dalam Kalangan Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula

Pengetahuan terperinci mengenai faktor-faktor risiko kepada residivisme dalam tempoh proses integrasi semula amat membantu dalam mengenalpasti bekas banduan yang berpotensi tinggi untuk menjadi pengulanglaku jenayah, yang kemudiannya boleh menjadi indikator kritikal untuk inisiatif-inisiatif pencegahan yang lebih kukuh (Andrews & Bonta, 2006; Andrews & Dowden, 2005; Hanson & Morton-Bourgon, 2005; Travis, 2005; Travis et al., 2001). Ramai ahli kriminologi telah cuba untuk mengenalpasti faktor yang dikaitkan dengan pengulangan jenayah kerana ia mendorong kepada pelaksanaan intervensi yang bersesuaian. Selain itu, kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan yang kebarangkalian bekas banduan untuk mengulangi jenayah boleh berkurangan apabila keperluan kriminogenik mereka dipenuhi (Glover, Nicholson, Hemmati, Bernfield & Quinsey, 2002).

Faktor-faktor yang membawa kepada residivisme turut dikenali sebagai faktor risiko (*risk*) atau peramal residivisme (Casey et al., 2011; Hanson & Morton-Bourgon, 2005). Ia juga merujuk kepada ciri-ciri bekas banduan dan pengalaman hidup mereka yang berkait rapat dengan tingkah laku jenayah. Pelbagai kajian telah dijalankan dalam mengkaji bagaimana pengalaman dan cabaran yang dihadapi bekas banduan mendorong kepada pengulangan jenayah (Travis et al., 2001). Antara faktor yang membawa kepada pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan adalah kesukaran memperolehi pekerjaan (Uggen, 2000), kesukaran untuk mewujudkan hubungan peribadi dengan keluarga dan rakan sebaya serta masyarakat sekeliling (Nelson, Deess & Allen, 1999), kesukaran mencari penginapan (Baldry, McDonnell,

University of Malaya

Maplestone & Peeters, 2003), kegagalan mengambil bahagian dalam program-program selepas pembebasan seperti rawatan penyalahgunaan dadah dan arak (Zanis, Mulvaney, Coviello, Alterman, Savitz & Thompson, 2003) serta kesukaran untuk menangani masalah yang berkaitan seksual yang dialami oleh sesetengah bekas banduan (Wilson, Stewart, Stirpe, Barrett & Cripps, 2000).

Kadar aktiviti pengulangan jenayah yang berterusan di kalangan bekas banduan yang dilepaskan telah membawa kepada pelbagai penyelidikan yang besar dan banyak perbincangan teoritis tentang cara terbaik untuk meramal residivisme, serta bagaimana untuk merangka strategi, intervensi dan program untuk mengurangkan kemungkinan pengulangan jenayah semula (Stahler, Mennis, Belenko, Welsh, Hiller & Zajac, 2013; Andrews & Bonta, 2010a; Makarios, Steiner & Travis, 2010; Andrews & Dowden, 2007).

Salah satunya adalah Andrews, Bonta & Wormith (2011) sendiri yang telah membentuk sebuah model yang dikenali sebagai *Risk-Needs-Responsivity model (RNR)* yang telah memberi kesan yang besar dalam sistem keadilan dan koreksional di Kanada, United Kingdom, Australia, New Zealand, dan Amerika Syarikat (Andrews & Bonta, 2010b; Andrews, Bonta & Wormith, 2006). Faktor-faktor risiko yang dijelaskan dalam model ini telah dikenalpasti dari meta-analisis penyelidikan terdahulu dan termasuk faktor-faktor kriminogenik yang nampaknya meningkatkan kemungkinan untuk mengulangi jenayah: personaliti antisosial, sikap projenayah, pergaulan dengan rakan antisosial, penyalahgunaan dadah, hubungan keluarga yang lemah, institusi perkahwinan yang rapuh, masalah di sekolah / tempat kerja, kekurangan aktiviti rekreasi prososial dan sejarah jenayah yang lalu (Bonta &

University of Malaya

Andrews, 2007; Andrews et al., 2006; Taxman & Marlowe, 2006; Taxman, Thanner & Weisburd, 2006).

Model RNR ini telah digunakan secara meluas dalam menilai keperluan rawatan banduan dan dalam merancang intervensi berdasarkan prinsip "risiko" (iaitu menyediakan rawatan yang paling intensif bagi mereka yang berada di tahap tertinggi risiko), "keperluan" (iaitu, padanan perkhidmatan kepada keperluan kriminogenik tertentu), dan "responsif" (iaitu, memadankan mod perkhidmatan kepada gaya pembelajaran individu dan kebolehan banduan).

Secara umumnya, tiada faktor risiko tunggal yang mempengaruhi residivisme dalam kalangan bekas banduan (Rimke, 2011). Faktor-faktor risiko yang dikenalpasti berpotensi tinggi untuk meningkatkan residivisme dalam kalangan bekas banduan perlu dicegah bagi menghalang berlakunya pengulangan jenayah dan pemenjaraan semula (Andrews & Bonta, 2006). Selain itu, faktor risiko kepada residivisme boleh dikelaskan kepada dua kategori; faktor risiko statik dan faktor risiko dinamik (Andrews, Zinger, Hoges, Bonta, Gendreau & Cullen, 1990).

### 2.4.1 Faktor risiko statik

Faktor risiko statik adalah tetap, tidak berubah-ubah dan sangat berguna dalam menilai potensi pengulangan jenayah jangka panjang (Andrews & Bonta, 2006; Hanson & Morton-Bourgon, 2005, 2004). Contoh faktor risiko statik adalah seperti sejarah jenayah, umur pada kemasukan pertama ke perkhidmatan pemulihan, rekod pemenjaraan dan kesalahan yang berkaitan dengan pengulangan jenayah (Casey et al., 2011). Justeru itu, rekod sejarah kesalahan lampau, khususnya yang berkaitan dengan

University of Malaya

umur pada permulaan tingkah laku jenayah, keseriusan sejarah kesalahan, dan bilangan rekod kesalahan terdahulu yang mempunyai kaitan dengan jenayah masa depan perlu dipertimbangkan apabila menilai risiko bekas banduan.

Walaupun faktor statik tidak boleh diubah dengan rawatan, ia menyediakan maklumat penting dalam menilai risiko yang terdapat dalam seseorang bekas banduan (Kelly & Welsh, 2008; Beech, Fisher & Thornton, 2003). Kewujudan pelbagai rekod rasmi sebagai sumber boleh menyediakan satu rekod jenayah yang mengandungi pelbagai pembolehubah berkaitan dengan kesalahan sejarah. Rekod tersebut temasuk laporan polis, kenyataan mangsa, rekod penangkapan dan lain-lain dokumen sejarah jenayah yang pernah dilakukan oleh seseorang banduan atau bekas penjenayah.

### 2.4.2 Faktor risiko dinamik

Berbeza daripada faktor risiko statik, faktor risiko dinamik boleh berubah dari masa ke masa, terutama selepas menerima rawatan (Vincent, Guy & Grisso, 2012; Casey et al., 2011; Bonta & Wormith, 2008; Andrew & Dowden, 2006; Hanson & Morton-Bourgon, 2005; Cottle, Lee & Heilbrun, 2001). Faktor-faktor dinamik boleh berubah sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan dalaman dan luaran atau persekitaran, yang seterusnya boleh menghalang pengulangan jenayah (Hanson & Harris, 2000). Faktor-faktor risiko dinamik berubah dengan cepat dan menggambarkan keadaan dalaman (spt. sikap, personaliti, keadaan kognitif) individu. Faktor risiko dinamik boleh berubah dari masa ke masa, dan oleh itu, intervensi perlu dibangunkan untuk menangani domain-domain kriminogenik ini. Kehadiran faktor risiko dinamik (spt. pergaulan semula dengan rakan-rakan jenayah, sejarah jenayah tingkah laku antisosial, pencapaian sosial yang rendah dan hubungan bermasalah dengan anggota keluarga)

University of Malaya

berpotensi tinggi untuk meningkatkan kecenderungan bekas banduan untuk menjadi pengulanglaku jenayah (Bonta & Wormith, 2008).

Faktor-faktor dinamik boleh memberikan maklumat penting tentang jenis keadaan dan sistem sokongan sosial yang paling sesuai untuk mengalakkan pemberhentian dari jenayah (Bynum, 2001). Apabila ditangani secara berkesan, perubahan atau peningkatan dalam faktor-faktor dinamik boleh mengurangkan kemungkinan pengulangan jenayah (Cottle et al., 2001). Mengenalpasti faktor-faktor dinamik dan mengaitkan mereka dengan keperluan individu telah terbukti berjaya dalam mengurangkan kadar pengulangan jenayah. Ini kerana ia membetulkan tingkah laku yang berpotensi meningkatkan risiko. Penyelidikan mengenai faktor risiko dinamik berpotensi membawa kepada pembangunan program penjara atau komuniti dan intervensi yang dapat menangani keperluan bekas banduan dan berpotensi untuk menurunkan kebarangkalian pemenjaraan semula selepas dibebaskan (Andrews & Bonta, 2010a, 2010b). Bagi memudahkan pemahaman pembaca, pengkaji mengkelompokkan faktor risiko dinamik residivisme kepada komponen-komponen tertentu, seperti berikut:

*2.4.2.1 Pengangguran*

Kebanyakan bekas banduan cenderung menganggur atau mempunyai pengalaman kerja yang tidak stabil (Denver, Siwach & Bushway, 2017; Berg & Huebner, 2011; McGrath et al., 2011; Wang, Mears & Bales, 2010; Levenson, 2009; Stoll & Bushway, 2008; Hanson & Morton-Bourgon, 2005; Hanson & Harris, 2000; Kruttschnitt, Uggen & Shelton, 2000). Kebanyakan bekas banduan gagal memperolehi kerja kerana faktor-faktor berikut:

University of Malaya

(1) Pekerjaan rekod jenayah lampau mereka (Ramakers, Apel, Nieuwbeerta, Dirkzwager & Wilsen, 2014; Pettit & Lyons, 2007; Fashey, Roberts & Engel, 2006; Travis, 2005; Holzer et al., 2004; Bushway & Reuter, 2002),
(2) buta huruf, tahap pendidikan dan kemahiran vokasional yang rendah dan kekurangan kemahiran interpersonal (Winterfield, Coggeshall, Burke-Storer, Correa & Tidd, 2009; Aos, Miller & Drake, 2006; Fashey et al., 2006; Erisman & Contardo, 2005; Chappell, 2004; Vacca, 2004; Harlow, 2003; Rossman & Roman, 2003; Steurer & Smith, 2003),
(3) tidak mempunyai '*resume*' yang berdaya saing, tidak mempunyai kemahiran kerja serta membawa bersama stigma negatif disebabkan oleh rekod dan sejarah jenayah mereka (Vacca, 2004; Pager, 2003) dan,
(4) kebimbangan majikan terhadap bekas banduan yang dilihat mempunyai kecenderungan untuk mengulangi jenayah pada masa akan datang (Bellair & Kowalski, 2011; Fashey et al., 2006; Kurlychek, Brame & Bushway, 2006; Houston, 2005; Holzer et al., 2004; Buck, 2000).

Semua faktor risiko dinamik berkenaan menyebabkan bekas banduan menghadapi cabaran yang besar dalam mencari kerja dan terpaksa berhadapan dengan persaingan pekerjaan yang sengit (Aaltonen, Skardhamar, Nilsson, Andersen & Backman, 2017; Aaltonen, Macdonald, Martikainen & Kivivuori, 2013; Visher, Bebus & Yahner, 2008; Kurlychek et al., 2006; Petersilia, 2003; Giguere & Dundes, 2002). Impaknya, pengalaman tersebut mendorong bekas banduan yang menganggur untuk mengulangi jenayah dan dipenjarakan semula (Baharom, & Habibullah, 2008, 2009; Pettit & Lyons, 2007).

University of Malaya

Kajian terdahulu juga membuktikan yang program pekerjaan selepas pembebasan (*post-release employment*) berkesan di dalam mencegah atau mengelakkan residisvisme dalam kalangan bekas banduan (Aaltonen, 2016; Ramakers, Wilsem, Nieuwbeerta & Dirkzwager, 2016; Bushway & Apel, 2012; Zweig, Yahner & Redcross, 2011; Visher et al., 2008; Solomon et al., 2006; Harrison & Schehr, 2004; Uggen & Staff, 2001; Uggen, 2000). Memperolehi pekerjaan selepas pembebasan adalah peramal penting untuk mengelakkan dari residivisme dan kejayaan kemasukan semula bekas banduan ke dalam masyarakat (La Vigne, Davies, Palmer & Halberstadt, 2008).

*2.4.2.2 Hubungan bermasalah antara bekas banduan dan anggota keluarga mereka*

Hubungan bekas banduan dengan anggota keluarga mereka mempengaruhi tingkahlaku residivisme (Brunton-Smith & McCarthy, 2017; Hochstetler et al., 2010; La Vigne et al., 2007; Breese, Ra'el & Grant, 2001). Risiko pengulangan jenayah dan kembali ke penjara tinggi sekiranya bekas banduan tidak diterima atau dilayan dengan buruk oleh keluarga mereka (Sanei & Mir-Khalili, 2015; Petrosino et al., 2009; Shapiro & Schwartz, 2001). Cara bagaimana hubungan antara bekas banduan dan ahli keluarga mereka mempengaruhi tingkahlaku residivisme dalam kalangan bekas banduan adalah seperti berikut:

(1) Ahli keluarga adalah sumber sokongan psikologi dan sokongan kewangan penting dalam membantu bekas banduan membina semula hidup mereka (Cattell, 2001). Keluarga menjadi sumber emosi untuk bekas banduan menghadapi hidup (Agnew, 2005). Malah, hubungan baik antara bekas banduan dengan keluarga mereka berfungsi sebagai perisai untuk

University of Malaya

menghalang bekas banduan daripada terlibat semula dengan aktiviti jenayah (Maruna, 2001).

(2) Hubungan keluarga mempunyai kesan kawalan tidak-formal untuk tingkah laku bekas banduan (Berg & Huebner, 2011). Hubungan baik antara bekas banduan dengan anggota keluarga mereka merupakan sumber kawalan sosial yang mampu menghalang *impuls* bekas banduan untuk mengulangi jenayah (Laub & Sampson, 2003).

(3) Keluarga merupakan teras rangkaian sosial (*social networking*) untuk bekas banduan berintegrasi ke dalam kehidupan bermasyarakat (Malik-Kane & Visher, 2008; Braman, 2004; Farrall, 2004; Shapiro & Schwartz, 2001).

(4) Keluarga menyediakan tempat tinggal yang selamat untuk bekas banduan (Martinez & Abrams, 2013; Martinez & Christian, 2009).

Model kawalan sosial menganggap motivasi bekas banduan untuk menjadi pengulanglaku jenayah dihalang oleh hubungan sosial yang wujud antara bekas banduan dengan masyarakat, khususnya ikatan sosial positif yang wujud antara bekas banduan dengan anggota keluarga mereka. Hubungan baik antara bekas banduan dengan keluarga mereka adalah pelindung kepada bekas banduan daripada pengaruh jenayah, khususnya ketika mereka memasuki kehidupan bermasyarakat. Hubungan yang berkualiti di antara keluarga dengan bekas banduan menyekat mereka untuk menjadi pengulanglaku jenayah.

University of Malaya

*2.4.2.3 Hubungan berisiko antara bekas banduan dengan rakan sebaya dan sokongan sosial*

Rakan sebaya juga berperanan penting dalam mempengaruhi tingkahlaku pengulanglaku jenayah. Menurut Teori Pembelajaran Sosial dan Teori *Differential Association*, rakan sebaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi individu ke arah tingkah laku jenayah. Rakan sebaya yang positif dan prososial mampu mengurangkan kesalahan berulang di dalam kalangan bekas banduan (McGrath et al., 2011; Levenson, 2009; Kruttschnitt et al., 2000).

Sebaliknya pula, pengaruh rakan sebaya yang negatif dan antisosial boleh mengukuhkan semula tingkah laku jenayah bekas banduan (Hanson, 2003). Selama beberapa dekad, ahli kriminologi telah mengakui bahawa bilangan rakan sebaya bermasalah yang dipunyai oleh individu merupakan peramal yang kuat untuk penglibatan individu dalam jenayah (Tenibiaje, 2013). Benda (2005) misalnya mendapati bekas banduan cenderung untuk menjadi pengulanglaku jenayah dan kembali semula ke penjara sekiranya mereka berkawan atau bergaul semula dengan rakan sepenjenayah atau rakan sebaya yang menyokong perlakuan jenayah.

Bekas banduan yang terlibat dalam aktiviti jenayah berpunca daripada hubungan yang terbentuk daripada bon sosial dengan rakan-rakan yang memegang kepercayaan atau tingkah laku yang sama (Hanson, 2003). Hal ini kerana salah satu faktor yang boleh mempengaruhi pengulangan jenayah adalah sokongan sosial (Taylor & Becker, 2015). Sokongan sosial boleh dikonsepkan sebagai sokongan emosi atau fizikal yang ditawarkan oleh rakan sebaya kepada bekas banduan yang baru dibebaskan. Dalam kriminologi, pandangan yang menghubungkan sokongan sosial

University of Malaya

kepada jenayah telah membawa kepada pelbagai penyelidikan teoritikal dan empirikal (Cullen, 1994). Perkembalian bekas banduan pada rakan-rakan senasib adalah sebagai suatu bentuk sistem sokongan sosial yang mampu membantu bekas banduan ini dalam mencari tempat tinggal, pengangkutan, pekerjaan, dan sebagainya. Bekas banduan yang kembali pada rakan-rakan mereka bagi menggantikan keluarga yang mereka tiada.

Namun malangnya, rangkaian rakan senasib ini telah menyumbang kepada kecenderungan bekas banduan untuk terlibat di dalam pengulangan jenayah semula (Andrews, Bonta & Wormith, 2011; Visher & Travis, 2003). Bekas banduan yang hidup berdekatan dengan orang yang masih melakukan jenayah akan meningkatkan kembali kemungkinan mereka untuk turut terlibat semula ke dalam tingkah laku jenayah (Mennis & Harris, 2011).

*2.4.2.4 Penolakan masyarakat dan stigma sosial*

Selain itu, ada juga yang berpendapat bahawa tingkah laku jenayah dipengaruhi oleh ciri-ciri kejiranan di mana tempat individu itu diami atau tinggal (Sampson, Morenoff & Gannon-Rowley, 2002). Hal ini kerana penerimaan dan sokongan masyarakat penting dalam membantu bekas banduan berintegrasi semula ke dalam kehidupan masyarakat. Hubungan yang lemah, kurang baik dan berkonflik antara bekas banduan dengan anggota komuniti yang dianggotainya meninggikan risiko bekas banduan untuk menjadi pengulanglaku jenayah (Hanson & Harris, 2000; Hipp, Petersilia, & Turner, 2010). Sikap masyarakat yang suka melabel atau memberi stigma negatif kepada bekas banduan mengakibatkan peminggiran atau isoloasi sosial dalam kalangan bekas banduan, yang kemudiannya mendorong kepada residivisme dalam

University of Malaya

kalangan bekas banduan (Hipp & Yates, 2009; LeBel, Burnett, Maruna & Bushway, 2008).

Perlabelan oleh masyarakat dapat memberi kesan yang besar terhadap cara bekas banduan berfikir dan melihat diri mereka sendiri, serta bagaimana mereka mengharapkan untuk dilayan apabila berada di dalam persekitarannya (Moore, Stuewig & Tangney, 2016; Crocker, Major & Steele, 1998; Link, Cullen, Struening, Shrout & Dohrenwend, 1989). Penyelidikan psikologi menunjukkan bahawa stigma pada bekas banduan ini boleh membawa kepada tindak balas yang mengganggu fungsi, dan membawa kepada tingkah laku jenayah, kesihatan mental yang kurang baik, dan kesulitan untuk berpartisipasi di dalam komuniti (Moore et al., 2016; Inzlicht, Tullett & Gutsell 2012).

Bekas banduan adalah kumpulan yang sangat dipinggirkan dan diabaikan dari segi hak suara, akses kepada perumahan, bantuan kewangan, pekerjaan, dan aspek lain di dalam penglibatan masyarakat (Pogorzelski, Wolff, Pan & Blitz, 2005). Halangan struktur mampu mempengaruhi integrasi bekas banduan dalam komuniti (Morani, Wikoff, Linhorst & Bratton, 2011; Winnick dan Bodkin 2008). Tanggapan bekas banduan secara psikologi terhadap stigma adalah penting dalam memahami proses integrasi mereka di dalam komuniti.

Selain itu, rangkaian sosial di kawasan kejiranan juga mampu mempengaruhi tingkah laku jenayah dalam kalangan bekas banduan. Hal ini boleh berlaku apabila kawasan kejiranan dipenuhi dengan aktiviti jenayah seperti rakan senasib yang mampu mempengaruhi tingkah laku jenayah, perjualan dadah yang rancak di kawasan

University of Malaya

kejiranan, aktiviti pelacuran yang tinggi dan sebagainya (Wehrman, 2010; Kirk, 2009; Kubrin & Stewart, 2006). Kesemua ini mampu mempengaruhi tingkah laku seseorang bekas banduan untuk lebih cenderung masuk ke dalam aktiviti jenayah sepanjang dibebaskan dari penjara. Maka, perbincangan mengenai faktor kawasan kejiranan adalah tidak tersekat hanya pada pendiskriminasian dan stigma sosial yang mampu memberi kesan emosi dan perasaan penolakan di dalam kehidupan bekas banduan sehingga membawa kepada pemilihan kehidupan jenayah. Malahan, faktor kejiranan juga boleh dilihat dari sudut pengaruh buruk daripada rangkaian sosial negatif yang wujud di persekitaran hidup bekas banduan dan mampu membawa kepada pengaruh jenayah di dalam diri mereka.

*2.4.2.5 Penyalahgunaan dadah dan alkohol*

Masalah penyalahgunaan dadah dan ketagihan arak yang kritikal merupakan faktor risiko kriminogenik kritikal kepada residivisme dalam kalangan bekas banduan (Scott, Grella, Dennis & Funk, 2014; Green & Winik, 2010; Malik-Kane & Visher, 2008; Hanson & MortonBourgon, 2005, 2004; Hanson, 2003; Spohn & Holleran, 2002; Nazruel, 2000). Bekas banduan yang tidak mempunyai akses kepada jagaan pemulihan dadah dan arak lanjutan adalah berisiko untuk kembali semula kepada penyalahgunaan dadah dan ketagihan arak (Rowe, Bellamy, Baranoski, Wieland, O’Connel, Benedict, Buchanan & Sells, 2007). Penyalahgunaan dadah merupakan faktor penyumbang utama yang membawa kepada kadar residivisme yang lebih tinggi (Adams, Peden, Hall, Rayes, Staten & Leukefeld, 2011; Castillo & Alarid, 2011; Wood, 2011; Baillargeon, Bingwanger, Penn, Williams & Murray, 2009; Derry & Batson, 2008). Sering kali, bekas banduan melakukan perbuatan jenayah untuk menampung ketagihan mereka (Hiday & Wales, 2009).

University of Malaya

Penglibatan semula dalam penyalahgunaan dadah dan ketagihan arak berpotensi tinggi untuk mendorong mereka terlibat semula dengan aktiviti jenayah bagi membiayai ketagihan mereka (McSweeney & Hough, 2005). Bekas banduan yang gagal memulihkan ketagihan arak dan penyalahgunaan dadah yang dialami menyebabkan mereka boleh kembali kepada tabiat asal (Nurhazlina, 2009; Seddon, 2000). Perkembalian kepada ketagihan dadah dan arak biasanya terjadi disebabkan oleh kekecewaan bekas banduan terhadap keluarga dan anggota komuniti mereka. Kesannya, mereka 'memujuk diri' dengan mengambil alkohol atau dadah, yang kemudiannya mendorong mereka untuk terus terlibat semula di dalam kehidupan berisiko dan aktiviti jenayah (Noor Zalifah, 2009).

*2.4.2.6 Masalah mental*

Masalah mental turut menyebabkan residivisme dalam kalangan bekas banduan (Abracen, Langton, Looman, Gallo, Ferguson, Axford & Dickey, 2013; Cochran, Mears, Bales, & Stewart, 2012; McGrath et al., 2011; Castillo & Alarid, 2010; Mann, Hanson & Thornton, 2010; Knight & Thornton, 2007; Hanson & Morton-Bourgon, 2005, 2004; Hanson, 2003; Cattell, 2001). Sanei dan Mir-Khalili (2015) misalnya mendapati terdapat hubungan yang jelas di antara penyakit mental (terutamanya skizofrenia dan psikosis lain) dengan pengulangan jenayah. Bekas banduan yang mempunyai gangguan mental menghadapi beberapa masalah apabila berintegrasi ke dalam masyarakat (Abracen, Gallo, Looman & Goodwill, 2015; Malik-Kane & Visher, 2008).

University of Malaya

Gangguan mental yang dihadapi menyebabkan bekas banduan ini cenderung untuk mengalami pengasingan sosial yang melampau apabila berada di dalam kehidupan berkomuniti. Mereka juga sering menghadapi kesukaran tertentu dalam menjalani integrasi terutama mencari tempat penginapan yang sesuai dan memperolehi pekerjaan. Kebanyakan mereka memerlukan perkhidmatan perubatan dan terapeutik lanjutan yang berterusan dalam memastikan masalah mental yang dapat dibendung agar mereka mampu menjalankan kehidupan yang sihat sekaligus berupaya mengelakkan diri dari cenderung ke arah kehidupan berisiko atau perlakuan jenayah.

*2.4.2.7 Ketiadaan sistem sokongan sosial*

Peralihan dari persekitaran yang bersifat institusi ke dalam persekitaran komuniti boleh menimbulkan pelbagai masalah dan cabaran, khususnya apabila bekas banduan belum bersedia. Kebanyakan bekas banduan memerlukan serangkaian sokongan dalam membantu mereka berjaya berintegrasi semula ke dalam kehidupan berkomuniti (Hochstetler et al., 2010). Bekas banduan yang tidak mempunyai sistem sokongan yang berterusan berpotensi tinggi untuk mengulangi jenayah. Sokongan sosial boleh disediakan oleh institusi penjara, masyarakat, rangkaian sosial, keluarga dan rakan-taulan prososial bekas banduan. Sokongan sosial merupakan komponen penting dalam kesihatan psikologi bekas banduan (Listwan, Colvin, Hanley & Flannery, 2010).

University of Malaya

## 2.5 Faktor-Faktor Pelindung yang Membantu Bekas Banduan Menjauhkan Diri dari Jenayah

Dalam satu situasi yang berbeza, terdapat segelintir bekas banduan yang berjaya berintegrasi semula ke dalam kehidupan bermasyarakat dan berjaya mengelakkan diri dari terlibat semula dengan kegiatan jenayah. Proses menjauhkan diri dari melakukan jenayah ini dirujuk sebagai pemberhentian dari jenayah. Selain daripada faktor-faktor risiko yang berpotensi mendorong bekas banduan menjadi pengulanglaku jenayah, pemberhentian dari jenayah juga telah menjadi tumpuan utama dalam kajian kriminologi kerana ia menyediakan serangkaian faktor pelindung yang boleh mencegah atau menghalang bekas banduan daripada menjadi pengulanglaku jenayah (Farrall, 2002; Maruna, 2001). Salah satu objektif utama dalam kajian-kajian kriminologi yang berkaitan dengn pemberhentian dari jenayah adalah untuk meneroka faktor-faktor pelindung yang berkaitan dengan pemberhentian dari jenayah dan menjelaskan bagaimana dan mengapa bekas banduan menjauhkan diri daripada jenayah.

Pemberhentian dari jenayah atau *desistance* boleh ditakrifkan sebagai menahan diri atau membendung diri daripada jenayah (Laub & Sampson, 2003). Pemberhentian dari jenayah adalah tempoh masa di mana bekas banduan tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah atau satu ruang masa di mana bekas banduan patuh kepada norma dan peraturan sosial dan tidak terlibat atau melakukan sebarang bentuk/aktiviti jenayah (Maruna, 2001). Pendek kata, pemberhentian dari jenayah adalah penamatan bekas banduan daripada melakukan aktiviti jenayah atau bekas banduan berhenti bertingkah laku jenayah (Laub & Sampson, 2001; Sampson & Laub, 2003). Di dalam Jadual 2.3,

University of Malaya

pengkaji telah meringkaskan beberapa takrifan pemberhentian dari jenayah atau *desistance* yang lazim digunakan oleh para pengkaji terdahulu.

**Jadual 2.3:** Makna Konsep Pemberhentian dari Jenayah atau *Desistance* Berdasarkan Kajian-Kajian Lepas

| Kajian/Pengkaji | Definisi Pengoperasian |
|---|---|
| Bushway, Piquero, Broidy, Cauffman, & Mazerolle, (2001) | Bekas banduan berhenti atau telah berjaya mencegah diri daripada melakukan ataupun terlibat semula dengan aktiviti jenayah. |
| Farrall & Bowling (1999) | Berakhirnya jenayah dalam kalangan bekas banduan |
| Farrington & Hawkins (1991) | Individu yang pernah disabit dengan kesalahan jenayah, tetapi, tidak ditangkap dan disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah dalam tempoh 10-11 tahun selepas sabitan pertama. |
| Haggard, Gumpert & Grann (2001) | Dalam tempoh susulan, tiada penyabitan semula bekas banduan dalam kesalahan jenayah dalam tempoh 10 tahun (sekurang-kurangnya) |
| Kruttschnitt et al. (2000) | Ketiadaan kesalahan baru direkodkan secara rasmi atau pelanggaran pengawasan dalam tempoh 2 tahun. |
| Laub & Sampson (2003, 2001) | Pemberhentian dari jenayah sebagai proses sebab dan akibat yang menyokong penamatan daripada tingkah laku bersalah. |
| Loeber, Stouthamer-Loeber, Van Kammen & Farrington (1991) | Bekas banduan tidak melakukan kesalahan sepanjang kurang dari tempoh satu tahun. |
| Maruna (2001) | Individu tidak melakukan kesalahan pada masa akan datang, dan melaporkan sekurang-kurangnya 1 tahun tingkah laku bebas jenayah. |
| Maruna, LeBel, Mitchell, & Naples, (2004). | Ketiadaan penyabitan semula selepas dibebaskan dari penjara dalam tempoh masa 10 tahun. |
| Pezzin (1995) | Individu yang dilaporkan telah melakukan kesalahan pada masa lalu yang tidak melakukannya lagi (tiada laporan tangkapan selepas tangkapan pertama). |
| Sampson & Laub (1993) | Delinkuen juvana yang tidak ditangkap (tiada penglibatan dalam kegiatan jenayah) ketika dewasa. |
| Shover (1996) | Penamatan sukarela daripada terlibat ke dalam aktiviti jenayah yang serius. |
| Shover & Thompson (1992) | Tiada tangkapan dalam 36 bulan (3 tahun) selepas dibebaskan dari penjara dan penamatan daripada jenayah serius. |
| Weitekamp & Kerner (1994) | Pemberhentian daripada tingkah laku jenayah atau berhenti daripada delinkuen selama-lamanya. |

University of Malaya

Realitinya, adalah menjadi impian buat bekas banduan untuk mengelakkan diri daripada jenayah dan berintegrasi semula dengan jayanya ke dalam kehidupan berkomuniti. Malangnya, hanya segelintir sahaja daripada mereka yang dapat mencapai matlamat ini. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa ramai banduan berhenti tanpa sedar; iaitu mereka meninggalkan jenayah tanpa pernah berniat untuk berbuat demikian (Laub & Sampson, 2003).

Sama seperti faktor risiko kepada residivisme yang bersifat pelbagai, faktor-faktor pemberhentian dari jenayah juga bersifat pelbagai, khususnya dalam membincangkan mengapa seseorang bekas banduan itu mampu mengelakkan diri dan berhenti daripada aktiviti jenayah (Soyer, 2014; LeBlanc & Loeber, 1993). Pengkaji telah membahagikan faktor-faktor yang mendorong individu untuk menjauhkan diri daripada perlakuan jenayah kepada dua kelompok utama; iaitu:

(i) Faktor luaran

(ii) Faktor dalaman

### 2.5.1 Faktor luaran

Antara faktor luaran yang boleh menghalang bekas banduan daripada terlibat semula dengan jenayah adalah seperti berikut:

#### *2.5.1.1.Pekerjaan yang sah, insentif ekonomi dan pendapatan tetap*

Pekerjaan yang stabil menggalakkan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan (Kazemian & Maruna, 2009). Pekerjaan yang stabil penting kepada proses integrasi semula kerana ia mengurangkan inisiatif bekas banduan untuk terlibat semula dalam jenayah (Loeffler, 2013; Mears & Mestre, 2012; Savolainen, 2009; Vennard & Hedderman, 2009; Baron 2008; Sampson et al., 2006; Western, 2006; La Vigne et al., 2004; Uggen 2000). Sebaliknya, pengangguran meningkatkan kecenderungan bekas banduan untuk mengulangi perbuatan jenayah (Morenoff & Harding, 2011; Visher et al., 2008; Meredith, Speir & Johnson 2007).

Tiga perkara utama yang menghubungkan pemberhentian dari jenayah dan pekerjaan adalah keuntungan kewangan yang ditawarkan, ikatan sosial yang disediakan oleh kerja dan had masa yang ada untuk melakukan jenayah (Berg &

University of Malaya

Huebner, 2011; Bloom, 2006). Potensi untuk bekas banduan yang boleh mengekalkan pekerjaan yang stabil untuk mengulangi kesalahan semula dan dipenjarakan semula dalam tahun pertama adalah rendah (La Vigne et al., 2007). Gottfredson dan Hirschi (1990) mendakwa bahawa individu yang mempunyai pekerjaan mempunyai kecenderungan untuk menghormati undang-undang, dan pematuhan terhadap peraturan sosial ini mengelakkan mereka daripada terlibat atau melakukan aktiviti jenayah.

Dengan kata lain, individu yang mempunyai pekerjaan tidak akan memaparkan kecenderungan untuk melakukan jenayah kerana sebab-sebab berikut (Warr, 1998):

(i) Pekerjaan memerlukan individu memperuntukkan banyak masa dan tenaga untuk bekerja. Ini menyebabkan individu tidak mempunyai banyak masa atau menyibukkan dirinya dengan aktiviti jenayah.

(ii) Pekerjaan menyediakan pendapatan untuk individu membiayai kehidupan seharian, dan ini mengurangkan keperluan individu untuk melakukan jenayah bagi memenuhi keperluan hidup.

(iii) Pekerjaan membuatkan seseorang individu memperolehi status dan rasa keyakinan diri. Atas sebab itu, individu yang ada pekerjaan akan mengelakkan aktiviti menyalahi undang-undang.

(iv) Sekiranya individu yang memiliki pekerjaan terlibat dalam aktiviti jenayah, ia akan menghadapi risiko kehilangan kerja tersebut. Oleh itu, mereka berusaha untuk mengelakkan diri dari jenayah bagi mengekalkan pekerjaan tersebut.

(v) Bekas banduan cenderung untuk membina hubungan yang rapat dengan orang konvensional di tempat kerja dan akhirnya menjadi lebih cenderung untuk mematuhi peraturan sosial.

University of Malaya

Pendek kata, bekas banduan perlu mempunyai pekerjaan yang baik bagi mencegah mereka dari terlibat dengan aktiviti jenayah (Uggen, 2000). Pekerjaan yang produktif dan membekalkan pendapatan yang secukupnya, membuka ruang untuk bekas banduan mengubah dan memajukan diri berupaya mengurangkan residivisme dalam kalangan bekas banduan.

*2.5.1.2 Penerimaan keluarga, berumahtangga dan tanggungjawab perkahwinan*

Pakar dalam bidang koreksional mendapati hubungan kekeluargaan amat penting bagi membantu banduan semasa dan selepas dipenjarakan (Bersani & Doherty, 2013; Barnes & Beaver, 2012; Burt, Donnellan, Humbad, Hicks, McGue & Iacono, 2010; Bersani, Laub, & Nieuwbeerta, 2009; Beaver, Wright, DeLisi & Vaughn, 2008; Sampson et al., 2006; Maume, Ousey & Beaver, 2005; Tewksbury & DeMichele 2005). Keutuhan ikatan keluarga penting kepada banduan kerana institusi sosial berkenaan berfungsi sebagai kawalan sosial tidak formal. Bekas banduan yang mempunyai ikatan sosial yang kuat dengan ahli keluarga lebih cenderung untuk berhenti daripada terus melakukan jenayah; berbanding mereka yang tidak mempunyai ikatan yang kuat dengan keluarga (Craig & Foster, 2013; Doherty & Ensminger, 2013; Martinez & Christian, 2009; Sampson & Laub, 2003; Shapiro & Schwartz, 2001).

Dalam kalangan bekas banduan yang sedang berintegrasi semula ke dalam kehidupan komuniti, hubungan dan sokongan yang terdapat dalam keluarga merupakan komponen kritikal kepada kejayaan integrasi (van Schellen, Apel & Nieuwbeerta, 2012; Forrest & Hay, 2011; McGloin, Sullivan, Piquero, Blokland & Nieuwbeerta, 2011; Theobald & Farrington, 2011; King, Massoglia & MacMillan, 2007). Ini kerana keluarga menyediakan kedua-dua kawalan sosial dan sokongan

University of Malaya

sosial yang menghalang aktiviti jenayah. Kepentingan hubungan keluarga dalam peralihan dari pemenjaraan dapat dilihat melalui tiga komponen berikut (Sampson et al., 2006):

1) hubungan keluarga mempunyai kawalan sosial untuk bekas banduan mengelakkan diri dari tingkah laku jenayah,
2) keluarga menyediakan satu peruntukan sokongan emosi; dan
3) keluarga memudahkan transformasi identiti.

Di samping itu, Warr (1998) juga mendapati perkahwinan adalah satu aspek penting dalam pemberhentian dari jenayah. Kebanyakan individu yang baru berkahwin berasa bimbang untuk mengambil risiko jenayah, dan perlakuan jenayah oleh lelaki yang sudah berkahwin hanya sedikit dan agak kecil; berbanding dengan individu yang belum berkahwin. Kebanyakan kajian terdahulu mendapati perkahwinan mengurangkan kemungkinan bekas banduan untuk terlibat semula dalam aktiviti jenayah (Porter & Purser, 2010; Tripodi, 2010; Theobald & Farrington, 2009; Rhule-Louie & McMahon, 2007; Benda, Harm & Toombs, 2005; Benda, Toombs & Peacock, 2003; Waite & Gallagher, 2000).

Bukti terbaik mengenai hubungan perkahwinan dan jenayah telah dibincangkan oleh Farrington dan West (1995). Perkahwinan membawa kepada pengurangan keinginan individu untuk terlibat dalam tingkah laku bersalah. Perkahwinan tidak meramalkan jenayah, tetapi keupayaan untuk mengekalkan perkahwinan meramalkan pemberhentian dari jenayah. Semenjak lahir, kanak-kanak yang berada di bawah jagaan ibu bapa, secara umumnya akan mengelakkan diri untuk tidak terlibat dalam aktiviti bersalah dan jenayah.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, pada tahun-tahun remaja mereka, kanak-kanak secara beransur-ansur melepaskan diri daripada kawalan ibu bapa dan tingkah laku mereka mula dipengaruhi oleh rakan sebaya. Selepas umur 20 tahun, pengaruh rakan sebaya diambil-alih oleh pengaruh hubungan perkahwinan (spt. hubungan antara suami-isteri, hubungan antara bapa-anak). Salah satu penemuan utama Farrington dan West (1995) adalah perkahwinan mengelakkan individu, terutamanya yang tinggal dengan pasangan mereka, daripada melakukan kesalahan. Sebaliknya, lelaki yang berstatus bujang atau bercerai mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk terlibat dalam tingkah laku jenayah. Dengan kata lain, potensi bekas banduan yang berkahwin untuk terlibat semula dengan jenayah adalah lebih rendah sekiranya mereka tinggal bersama suami/isteri mereka.

Hubungan di antara perkahwinan dan jenayah telah dilaporkan secara meluas dalam kedua-dua kajian kuantitatif dan kualitatif (spt, Sampson et al., 2006; Blokland & Nieuwbeerta, 2005; Maume et al., 2005; Laub & Sampson, 2001). Perubahan dalam tingkah laku jenayah boleh berlaku sebagai tindak balas kepada ikatan sosial yang terbentuk hasil daripada perkahwinan. Idea ini mencerminkan kawalan sosial yang dibentuk secara tidak langsung oleh perkahwinan mewujudkan sistem saling bergantung, sokongan bersama, dan kekangan yang berpotensi tinggi untuk mengelakkan kecenderungan individu terlibat dan melakukan jenayah (Sampson et al., 2006; Sullivan, Mino & Nelson, 2002; Shapiro & Schwartz, 2001).

Perkahwinan juga mempengaruhi pemberhentian dari jenayah kerana ia membawa kepada perubahan besar dalam rutin dan corak kehidupan individu/pasangan yang berkahwin. Osgood, Wilson, O’Malley, Bachman dan



University of Malaya

Johnston (1996) mendapati aktiviti tidak berstruktur yang cenderung kepada tingkah laku devian aktif berlaku di dalam kalangan mereka yang berumur 18 hingga 26 tahun. Perkahwinan mempunyai potensi untuk mengubah aktiviti rutin tersebut, terutamanya yang berkaitan dengan hubungan rakan sebaya yang terlibat di dalam aktiviti devian.

Perkahwinan memerlukan banyak tanggungjawab yang cenderung untuk mengurangkan aktiviti riadah di luar daripada keluarga. Individu yang berkahwin juga kurang menghabiskan masa dengan rakan-rakan yang sama jantina. Pendek kata, peralihan kepada perkahwinan yang diikuti dengan pengurangan menghabiskan masa dengan rakan-rakan yang bermasalah mengurangkan kecenderungan individu untuk terlibat dengan aktiviti jenayah (Sampson et al., 2006).

Tripodi (2010) pula mendapati perkahwinan membawa kepada pengurangan dalam masa yang dihabiskan dengan rakan-rakan, yang akhirnya mendorong bekas penjenayah untuk menahan diri daripada tingkah laku jenayah. Selain itu, perkahwinan juga melahirkan tanggungjawab suami-isteri dan keibubapaan yang boleh membawa kepada perubahan dalam aktiviti rutin kerana lebih banyak masa dihabiskan dalam aktiviti keluarga. Secara teori, perkahwinan boleh membawa kepada pemberhentian dari jenayah kerana kawalan sosial yang dikenakan oleh pasangan wanita / lelaki.

Perkahwinan menyebabkan isteri berupaya menghadkan pergaulan di antara suami mereka dengan rakan-rakan; yang sekaligus menjejaskan hubungan mereka dengan rakan-rakan. Isteri bertindak sebagai agen kawalan atau penjaga tidak-formal kehidupan sosial suami mereka. Umberson (1992) menyatakan perkahwinan adalah baik untuk kesihatan kerana pasangan akan memantau dan mengawal pasangan

University of Malaya

mereka. Perkahwinan membuatkan kaum lelaki menjadi lebih baik kerana ia mengekang mereka daripada tingkah laku tertentu (contoh., meminum arak dan mengambil dadah). Perkahwinan mempunyai kapasiti untuk menjana kawalan sosial langsung, terutamanya dalam bentuk penyeliaan (Sampson et al., 2006; Waite & Gallagher, 2000). Perkahwinan juga mentransformasi kognitif individu (Sampson et al., 2006). Hubungan perkahwinan menyebabkan pasangan menjadi dewasa dan bertanggungjawab. Perkahwinan bermakna mempunyai seseorang untuk dijaga dan menjaga. Rasa kepunyaan dan '*memiliki*' ini boleh menimbulkan rasa berhenti dari jenayah dalam kalangan bekas banduan.

*2.5.1.3 Kawasan kediaman, masyarakat sekeliling dan pengaruh rakan sebaya*

Kebanyakan banduan yang dilepaskan dari penjara terperangkap di dalam persekitaran yang bersifat destruktif seperti kemiskinan dan komuniti yang suka mendiskriminasi. Bekas banduan yang kembali semula ke kawasan-kawasan seperti ini menghadapi pelbagai rintangan (Pager, 2003). Sokongan simbolik anggota komuniti terhadap aktiviti antisosial menjadi pencetus untuk bekas banduan melakukan semula jenayah kerana sikap komuniti sebegini seolah-olah menyampaikan mesej yang berbunyi melakukan jenayah adalah cara yang sah untuk berjaya dalam hidup.

Bekas banduan juga berhadapan dengan kesukaran hidup sekiranya komuniti yang dianggotainya mengasingkan dan memulau bekas banduan daripada kehidupan prososial komuniti. Ini menyebabkan bekas banduan merasakan yang mereka bukan sebahagian daripada anggota komuniti berkenaan. Ketiadaan rasa "kebersamaan" dan diterima menyebabkan bekas banduan tidak mempunyai rasa kekitaan, yang

University of Malaya

seterusnya mendorong mereka untuk melakukan semula jenayah. Ini kerana mereka tidak mempunyai rasa untuk menjaga kepentingan bersama.

Teori kawalan sosial menganggap bahawa motivasi bekas banduan untuk melakukan jenayah dihalang oleh hubungan mereka dengan masyarakat (Hirschi, 1969). Masyarakat yang mampu membina ikatan mesra dan menunjukkan penerimaan boleh menjadikan bekas banduan berpotensi tinggi untuk "menjarakkan" diri daripada perlakuan jenayah (McNeill & Whyte, 2007). Pendek kata, ikatan sosial yang wujud antara bekas banduan dengan komuniti sekitarnya mempengaruhi kecenderungan mereka untuk melakukan semula atau tidak jenayah.

### 2.5.2 Faktor dalaman

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini tumpuan kepada latarbelakang peribadi banduan untuk menjelaskan pemberhentian dari jenayah berkembang pesat (Sampson & Laub, 2003; Giordano et al., 2002; Maruna, 2001). Salah satu elemen yang hilang dari penjelasan mengenai pemberhentian dari jenayah adalah peranan individu sendiri (Kazemian & Maruna, 2009). Ahli kriminologi telah mencari penjelasan dari sudut dalaman pesalah sendiri dalam menjelaskan proses pemberhentian dari jenayah yang berlaku di dalam kalangan bekas banduan. Antara faktor dalaman yang sering mempengaruhi pemberhentian dari jenayah adalah seperti berikut:

#### *2.5.2.1 Kematangan dan usia*

Kajian membuktikan bahawa kematangan dan peningkatan usia mampu memberi kesan dalam diri bekas banduan. Lanjutan usia dijangka membawa kepada kematangan seseorang bekas banduan yang akhirnya membawa kepada kecenderungan mereka

University of Malaya

untuk mengelakkan diri dari melakukan jenayah (Sampson & Laub, 2003; Maruna, 2001). Terdapat banyak bukti empirikal yang memperlihatkan kadar kesalahan memuncak pada peringkat remaja atau awal 20-an, dan akan menurun secara berterusan sebelum turun secara mendadak di sekitar umur 30-an.

Bekas banduan mula memberi perhatian yang lebih kepada keluarga dan hubungan sosial yang wujud di sekeliling mereka apabila mereka semakin berusia. Kemungkinan bekas banduan untuk mengulangi jenayah akan berkurang selari dengan usia yang meningkat. Sebagai individu yang sedang meningkat umur, mereka cenderung untuk mengurangkan kekerapan bersalah mereka, sehingga mereka terhenti melakukan jenayah. Ini digambarkan oleh lengkung usia jenayah, yang menunjukkan bahawa kebanyakan banduan mengikuti corak yang sama.

*2.5.2.2 Harapan dan motivasi*

Salah satu daripada elemen yang mempengaruhi keputusan bekas banduan untuk berhenti dari melakukan jenayah adalah harapan dan motivasi bekas banduan itu sendiri. Harapan dan motivasi telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor penting dalam pemberhentian dari jenayah (Sampson & Laub, 2003; Maruna, 2001). Antara contoh motivasi adalah merasa bangga apabila memperolehi pendapatan yang sah, bercita-cita untuk mencapai identiti yang diterima dari segi sosial dan untuk mencari makna dalam kehidupan. Bekas banduan yang menanam semangat untuk berhenti daripada terlibat dalam aktiviti jenayah mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk berhenti; berbanding bekas banduan yang tiada semangat dan niat untuk berubah (Serin & Lloyd, 2009).

University of Malaya

Kejayaan pemberhentian dari jenayah yang paling bermakna adalah apabila bekas banduan yang mempunyai rekod jenayah tidak melihat dirinya sebagai bekas banduan. Sebaliknya, ia melihat dirinya sebagai seorang yang pada dasarnya baik tetapi telah melakukan kesilapan. Bekas banduan perlu digalakkan untuk mempercayai bahawa mereka boleh dan akan berubah, dan mereka mempunyai sesuatu untuk disumbangkan kepada masyarakat atau orang lain, khususnya keluarga (Sampson & Laub, 2003). Anggota komuniti pula boleh bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan dan membantu bekas banduan dalam perjalanan mereka ke arah proses pemberhentian dari jenayah.

## 2.6 Kesimpulan

Residivisme dan pemberhentian dari jenayah merupakan dua konsep penting di dalam proses integrasi semula bekas banduan ke dalam masyarakat. Kedua-dua konsep berkenaan penting dikaji secara bersama di dalam sebarang usaha untuk mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada pengulangan jenayah dan juga pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan. Pengenalpastian faktor-faktor ini dapat menyumbang kepada satu inisiatif yang mampu membantu bekas banduan menjalani proses integrasi semula mereka dengan baik. Faktor-faktor risiko dan pelindung ini merupakan peristiwa hidup yang dialami oleh bekas banduan di dalam proses integrasi sosial mereka. Di dalam bab berikutnya, pengkaji menjelaskan bagaimana kehadiran faktor-faktor tersebut di dalam umur mereka bertindak sebagai kawalan sosial tidak formal di dalam mempengaruhi keputusan bekas banduan untuk menjadi sama ada pengulanglaku jenayah atau berhenti dari jenayah.

University of Malaya

# BAB 3: TEORI PENGKELASAN UMUR SEBAGAI KAWALAN SOSIAL TIDAK-FORMAL

## 3.1 Pendahuluan

Terdapat tiga persoalan berkaitan jenayah yang sering menghantui kebanyakan ahli kriminologi. Persoalan pertama ialah apakah yang membuatkan seseorang individu mengulangi jenayah? Seterusnya adalah persoalan mengapa penjenayah yang menunjukkan corak kesalahan yang sama datang dari latar belakang yang berbeza? Persoalan ketiga adalah apa yang boleh dilakukan untuk mencegah seseorang individu daripada berterusan terlibat dalam aktiviti tingkah laku jenayah? Ahli Kriminologi kemudiannya memperkenalkan dan mengembangkan pelbagai teori jenayah bagi menjelaskan tiga persoalan tersebut. Salah satu teori jenayah tersebut adalah Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal (*Age Graded Theory of Informal Social Control)* yang diperkenalkan oleh Sampson dan Laub (1993).

Penerangan dalam bab kerangka teoritikal ini adalah mengenai Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal yang merupakan sebahagian daripada perspektif kriminologi mengenai Kitaran Kehidupan Perlakuan Jenayah (*Life Course Perspective of Criminality Theory*). Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal menjelaskan bagaimana setiap tahap umur dan peristiwa dalam hidup individu bertindak sebagai titik perubahan (*turning point*) dalam mempengaruhi keputusan individu untuk sama ada terlibat semula (residivisme) atau menjauhkan diri (*desistance)* daripada jenayah. Pemahaman yang mendalam mengenai peristiwa sosial yang berlaku pada setiap tahap umur bekas banduan sangat membantu dalam analisis

University of Malaya

mengapa ada bekas banduan kembali semula mengulangi perlakuan jenayah mereka dan dalam masa yang sama mengapa terdapat juga segelintir bekas banduan menjauhkan diri daripada perlakuan jenayah.

Selain itu, Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal dipilih kerana berupaya menjelaskan kedua-dua fenomena pengulangan jenayah dan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan. Ianya selari dengan objektif kajian yang cuba mengenalpasti faktor-faktor risiko yang membawa kepada pengulangan jenayah dan faktor-faktor pelindung yang membawa kepada pemberhentian dari jenayah. Kekuatan teori ini apabila mengetengahkan tentang kawalan sosial yang terbentuk menerusi institusi yang hadir di dalam peristiwa hidup individu yang mampu menentukan trajektori sama ada cenderung ke arah melakukan aktiviti jenayah atau bergerak jauh dari kehidupan jenayah. Maka, penggunaan teori ini terbukti sesuai sebagai kerangka teoritikal untuk menjawab persoalan kajian.

## 3.2 Latarbelakang Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal

Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal telah diperkenalkan oleh Sampson dan Laub pada tahun 1993 menerusi bukunya yang bertajuk '*Crime in the making: Pathways and turning points through life'*. Mereka membangunkan teori ini bagi menjelaskan tingkah laku jenayah di sepanjang perjalanan dan peristiwa hidup penjenayah. Teori ini melihat peristiwa dan peralihan hidup (spt. perkahwinan, pekerjaan, kawalan keluarga, keadaan sekolah, hubungan individu dengan rakan-rakan ketika di zaman kanak-kanak dan remaja, tahap pendidikan, hubungan perkahwinan,

University of Malaya

hubungan keibubapaan dan hubungan individu dengan masyarakat sekitarannya) yang berlaku di dalam setiap tahap umur individu dalam mendorongnya untuk melakukan jenayah atau menghalang individu berkenaan daripada melakukan jenayah.

Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal dimajukan daripada hasil kajian Sheldon Glueck dan Eleanor Glueck berkaitan tingkahlaku delinkuen dalam kalangan para juvenil. Sampson dan Laub telah menyusuli semula responden kajian ‘*Unraveling Juvenile Delinquency*’ yang dilakukan oleh Sheldon Glueck and Eleanor Glueck pada tahun 1950. Seldon dan Eleanor Gluecks telah menggunakan sampel sebanyak 500 pesalah delinkuen dan 500 pelajar bukan delinkuen yang dipadankan berdasarkan umur, bangsa, IQ dan tempat tinggal mereka di Boston.

Sampson dan Laub (1993) telah membina semula data kajian tersebut dan membuat temu bual susulan dengan responden asal, yang pada ketika itu telah berada di umur lewat 60 tahun. Sampson dan Laub mendapati sebahagian besar daripada responden dalam kajian Glueck dan Glueck itu terlibat di dalam jenayah di sepanjang kehidupan mereka. Terdapat juga antara responden kajian tersebut yang menjalani kehidupan konvensional dan tidak mempunyai masalah undang-undang; iaitu dengan kata lain telah meninggalkan aktiviti jenayah. Perubahan ini telah membuatkan Sampson dan Laub bertanya mengapa ada individu yang bermasalah ketika muda berubah menjadi baik apabila meningkat usia atau apabila memasuki tahap umur tertentu. Ini kemudiannya mendorong mereka untuk menjelaskan jenayah yang berlaku di sepanjang perjalanan hidup individu.

University of Malaya

Menerusi Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal, Sampson dan Laub menunjukkan terdapat kesinambungan dan perubahan di sepanjang perjalanan kehidupan individu (spt. zaman kanak-kanak, remaja, dewasa) di dalam mempengaruhi penglibatan individu dalam jenayah. Teori ini menafikan apa yang diperkatakan oleh Moffit (1993) mengenai *Life Course Persistent* iaitu merujuk kepada individu yang terus melakukan kesalahan dari kanak-kanak sehingga dewasa. Pandangan ini berbeza daripada argumen Sampson dan Laub (1993) yang menegaskan bahawa seseorang itu berpotensi mengalihkan diri mereka daripada jenayah menerusi hubungan sosial yang terbina di sepanjang kehidupan seseorang. Ini tidak bermakna seseorang individu yang menunjukkan tingkah laku devian pada umur remaja akan terus kekal berpelakuan jenayah apabila meningkat dewasa. Ini kerana trakjektori kehidupan penjenayah boleh berubah disebabkan peristiwa positif yang berlaku di sepanjang kehidupan mereka.

Sampson dan Laub (1993) juga mendapati responden yang delinkuen pada usia muda dan kemudiannya menemui "jalan lurus" atau bertaubat daripada perlakuan jenayah mereka mengalami beberapa jenis titik perubahan iaitu peristiwa hidup (*life event*) yang menarik mereka keluar daripada gaya hidup jenayah ke dalam corak hidup yang lebih konvensional. Sampson dan Laub (1993) mendapati kestabilan pekerjaan dan hubungan perkahwinan ketika di alam dewasa amat signifikan dalam perubahan tingkahlaku sosial responden kajian tersebut. Semakin kuat hubungan responden dengan pekerjaan dan keluarga, semakin kurang jenayah yang mereka lakukan. Penemuan ini mencadangkan bahawa hubungan sosial yang wujud ketika peralihan ke alam dewasa (spt. hubungan perkahwinan, kestabilan dalam pekerjaan) menjelaskan variasi dalam perlakuan jenayah.

University of Malaya

Penemuan kajian tersebut telah mendorong Sampson dan Laub (1993) mengukuhkan Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal mereka. Ini kemudiannya mendorong mereka untuk membuat kesimpulan sifat-sifat peribadi penjenayah, pengalaman mereka semasa zaman kanak-kanak, remaja dan dewasa penting dalam mempengaruhi trajektori jenayah sama ada secara positif atau lebih negatif.

## 3.3 Andaian Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal Mengenai Tingkahlaku Jenayah Individu

Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal menekankan kepentingan peristiwa tertentu dan perubahan hidup yang dialami oleh penjenayah di dalam mempengaruhi keputusan mereka untuk melakukan atau tidak melakukan jenayah. Memandangkan individu perlu melalui kehidupan pada setiap kitaran umur yang berbeza, perlakuan jenayah individu juga akan sentiasa mengalami perubahan. Kelakuan jenayah individu akan berubah arah pada setiap kitaran umur yang berbeza; kadang-kadang menjadi lebih baik pada satu tahap umur yang lebih muda dan kadang-kadang berkelakuan buruk pada tahap umur dewasa (Martinez & Abrams, 2013; Sampson & Laub, 2003; Maruna, 2001).

Menurut Sampson dan Laub (1993) lagi, setiap individu mengalami proses peralihan hidup; bermula dari kehidupan sebagai seorang kanak-kanak kepada remaja, dan berubah dari kehidupan remaja kepada dewasa, dari tidak berkahwin kepada memasuki alam berkahwin, dari tidak bekerja kepada mempunyai pekerjaan, daripada tidak mempunyai anak kepada mempunyai anak-anak dan sebagainya. Setiap proses

University of Malaya

peralihan sosial tersebut mempunyai pengaruh dalam menentukan perlakuan antisosial atau jenayah di dalam diri individu (Sampson et al., 2006; Maume et al., 2005).

Contohnya, kanak-kanak. Pembentukan kehidupan seorang kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh institusi keluarga dan alam persekolahan. Keluarga berperanan penting dalam membentuk dan mencorak tingkah laku, pemikiran dan sahsiah diri kanak-kanak. Institusi keluarga yang harmoni dan berjaya mensosialisasi anggota mudanya dengan baik mampu melahirkan insan yang patuh kepada peraturan dan norma sosial. Begitu juga, kewujudan pengaruh jenayah di dalam sesebuah keluarga mampu memberi pengaruh bermakna dalam membentuk tingkah laku jenayah kanak-kanak. Kanak-kanak yang membesar di dalam keluarga yang anti sosial dan berkonflik sesama mereka (spt. suka bertengkar, mengeluarkan kata-kata kesat) cenderung untuk membesar menjadi seorang yang antisosial dan kasar perlakuannya.

Seterusnya, apabila berada di tahap umur remaja, institusi sekolah dan hubungan rakan sebaya mula berperanan besar dalam mempengaruhi perlakuan jenayah individu. Ketika di alam persekolahan, hampir sebahagian besar waktu individu dihabiskan di dalam insitusi sekolah dan dikelilingi oleh rakan sebaya yang memberi pengaruh dalam membentuk kehidupan individu ini. Pengaruh rakan sebaya yang pro sosial akan membentuk ciri-ciri personaliti yang baik pada individu. Sebaliknya, sekiranya rakan-rakan sebaya memberi contoh yang negatif seperti melepak, mencuri dan ponteng sekolah, individu yang berada di dalam kumpulan rakan sebaya sebegini akan turut mencontohi perlakuan antisosial rakan sebayanya.

University of Malaya

Kemudiannya, apabila individu menjadi dewasa, pekerjaan dan perkahwinan merupakan faktor yang signifikan di dalam mempengaruhi tingkahlaku individu. Pekerjaan mampu membentuk sifat bertanggungjawab di dalam diri individu. Individu akan mula memikirkan kesan yang bakal diperolehi sekiranya terlibat di dalam jenayah seperti kehilangan kerja, sumber pendapatan dan lain-lain. Begitu juga dengan perkahwinan yang mampu menjadi suatu peralihan di dalam kehidupan seseorang individu. Individu akan mengelakkan diri dari jenayah apabila merasakan ia akan kehilangan orang yang tersayang, perlu menjaga maruah keluarga serta memikirkan kesan-kesan negatif kepada keluarga sekiranya melakukan jenayah. Sifat tanggungjawab berkenaan semakin tebal sekiranya individu tersebut merupakan pencari rezeki utama (*breadwinner*) dalam keluarga.

Pendek kata, sebaik sahaja individu berada pada tahap umur kematangan, faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku mereka akan turut berubah sepanjang kehidupan yang dilalui. Apabila semakin meningkat umur seseorang, tingkahlaku antisosialnya juga berubah. Pengalaman hidup atau peristiwa sosial yang positif boleh membantu penjenayah berhenti daripada jenayah, manakala, pengalaman dan peristiwa sosial negatif pula boleh menyebabkan mereka meneruskan aktiviti jenayah mereka (Sampson & Laub, 2003).

Sepuluh tahun kemudian, buku kedua Laub dan Sampson yang bertajuk '*Shared Beginnings, Divergent Lives*' telah diterbitkan pada 2003. Menerusi buku ini, Laub dan Sampson telah menyemak semula Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal yang diperkenalkan oleh mereka. Walaupun masih mengekalkan andaian mereka mengenai Teori Ikatan Sosial terhadap trajektori

University of Malaya

tingkahlaku jenayah individu, Laub dan Sampson (2003) juga telah mengembangkan analisis mereka mengenai proses pemberhentian dari jenayah. Mereka mendapati terdapat beberapa perkara yang berlaku pada tahap umur tertentu atau kitaran hidup tertentu yang mendorong bekas penjenayah berhenti daripada melakukan jenayah. Dalam buku ini juga, Laub dan Sampson (2003) menekankan kepentingan titik perubahan (*turning point*) tertentu dan perubahan hidup yang dapat mengubah keputusan bekas penjenayah untuk melakukan atau tidak melakukan semula jenayah.

Menerusi buku kedua ini juga, Laub dan Sampson (2003) telah mengetengahkan dua konsep penting penjenayahan; iaitu umur dan jenayah serta mekanisma pemberhentian dari jenayah. Laub dan Sampson (2003) mendapati bahawa penglibatan individu dalam jenayah menurun apabila umurnya semakin meningkat; tanpa mengambilkira faktor IQ yang rendah, tingkah laku agresif, atau permulaan awal tingkah laku antisosial. Beberapa titik perubahan (*turning point*) seperti perkahwinan, menyertai tentera, sekolah dan memperolehi pekerjaan merupakan aspek-aspek yang boleh menghalang individu daripada melakukan jenayah secara berterusan, atau menjauhkan/menjarakkan individu daripada perlakuan jenayah (*desistance*).

Secara ringkasnya, perbincangan mengenai Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal di atas adalah mengenai titik perubahan (*turning point*) yang berlaku sepanjang peristiwa hidup individu serta faktor-faktor pelindung yang wujud pada setiap tahap umur individu yang mendorong mereka untuk tidak melakukan atau terlibat dengan aktiviti jenayah. Memandangkan salah satu fokus utama tesis ini adalah menjelaskan proses pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan, penggunaan Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-

University of Malaya

Formal ini dilihat mampu menjelaskan dengan sistematik bagaimana seseorang bekas banduan yang berada dalam tahap-tahap umur tertentu akan menjauhkan diri mereka daripada perlakuan atau aktiviti jenayah.

Teori yang sama juga boleh digunakan bagi menjelaskan ulangan perlakuan antisosial dan jenayah yang berlaku dalam kalangan bekas banduan selepas dibebaskan dari penjara. Teori ini menjelaskan tingkah laku jenayah yang terbentuk di sepanjang proses integrasi semula bekas banduan akibat daripada peristiwa hidup yang dialami mereka. Hubungkait antara peristiwa sosial yang berlaku pada tahap umur dewasa dengan perlakuan residivisme dan pemberhentian dari jenayah bekas banduan sepertimana yang dijelaskan oleh Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal boleh digambarkan secara grafik menerusi Rajah 3.1.

Namun begitu, pengkaji ingin mengingatkan para pembaca yang kajian ini hanya berkisar pada tahap umur dewasa sahaja; iaitu hanya melibatkan bekas banduan dewasa. Kajian ini tidak mengambilkira pengalaman bekas banduan semasa berada di tahap umur kanak-kanak dan remaja.

University of Malaya




**Rajah 3.1:** Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal

Sumber: Samspson, R., & Laub, J.1993. *Crime in the making: Pathways and turning points through life*, hal.244-245. Cambridge, MA: Harvard University Press.

## 3.4 Komponen Utama Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal Berkaitan Perlakuan Jenayah Individu

Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal menjelaskan tingkahlaku jenayah para penjenayah menerusi tiga komponen asas berikut (Blokland & Nieuwbeerta, 2006):

(i) Trajektori penjenayahan,

(ii) Transisi kehidupan; dan,

(iii) Titik perubahan.

### 3.4.1 Trajektori penjenayahan

Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal membincangkan bagaimana kehidupan seseorang individu ditentukan melalui peristiwa-peristiwa hidup tertentu yang berlaku dalam hidup individu (Benson, 2001). Teori ini melihat peristiwa-peristiwa hidup dalam konteks peringkat kehidupan, titik perubahan (*turning points)* dan haluan hidup (*pathway*) individu. Trajektori adalah haluan hidup sepanjang kitaran kehidupan, yang melibatkan pola jangka panjang peristiwa, seperti pekerjaan atau sejarah hubungan kekeluargaan.

Trajektori penjenayahan melibatkan pola jangka panjang yang stabil dan perubahan di dalam kehidupan seseorang, yang melibatkan pelbagai peralihan (Elder, Kirkpatrick & Crosnoe, 2003; Sampson & Laub, 2003; Maruna, 2001). Sebagai contoh, berkahwin adalah peralihan memandangkan ia membawa kepada perjalanan yang membawa kepada kestabilan atau mungkin akan melibatkan peralihan lain di sepanjang jalan tersebut. Sampson dan Laub (1993) mengatakan bahawa perkahwinan

University of Malaya

sahaja tidak semestinya akan meningkatkan kawalan sosial. Walau bagaimanapun, berpegang teguh kepada pasangan dan ikatan emosi yang wujud antara pasangan yang berkahwin mewujudkan ikatan sosial saling bergantung antara dua individu tersebut. Ini kemudiannya membawa kepada pengurangan dalam tingkah laku jenayah atau anti sosial.

### 3.4.2 Transisi

Transisi melibatkan aktiviti jangka pendek (spt. perkahwinan, perceraian, atau kekeluargaan) yang mengakibatkan perubahan kehidupan (Wolfgang, Thornberry & Figlio, 1987; Elder, 1985). Transisi memainkan peranan penting ke arah trajektori masa depan. Transisi seseorang boleh membawa kepada pengubahsuaian dalam trajektori hidup. Pengalaman di zaman kanak-kanak memberi kesan peristiwa dalam peringkat remaja dan dewasa, sama seperti peristiwa di zaman remaja atau dewasa yang boleh mengubah trajektori di masa tua (Sampson & Laub, 1990). Transisi yang berlaku boleh memberi kesan yang mendalam kepada perjalanan kehidupan melalui pengubahsuaian haluan atau trajektori (Thornberry, 1997).

Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal mencadangkan bahawa setiap individu mengalami beberapa peralihan yang mewakili satu penyimpangan berbeza daripada peranan yang terdahulu (Elder et al., 2003). Kehidupan setiap individu ini penuh dengan transisi seperti memasuki alam persekolahan, mencapai akil baligh, meninggalkan alam persekolahan, mendapat pekerjaan pertama, bersara, memasuki alam perkahwinan dan pelbagai lagi. Kebanyakan transisi yang berlaku adalah berkaitan dengan kehidupan keluarga; misalnya perkahwinan, kelahiran cahaya mata, perceraian, perkahwinan semula dan

University of Malaya

kematian. Transisi boleh dicetuskan oleh pelbagai peristiwa (*event*) yang berlaku dan boleh mengarahkan haluan, kemudiannya mengubahsuai haluan di masa depan. Peristiwa hidup setiap individu adalah berbeza-beza dari individu ke individu yang lain, yang boleh membawa kepada trajektori yang berbeza di dalam perlakuan jenayah mereka (Elder, 1985).

### 3.4.3 Titik Perubahan *(Turning Point)*

Titik perubahan yang berubah pada setiap tahap kehidupan individu adalah pengalaman yang boleh mengarahkan trajektori jenayah sama ada dalam cara yang positif atau negatif (Sampson & Laub, 2005). Maka itu, bagi membantu para penyelidik memahami tingkahlaku jenayah seseorang bekas penjenayah di sepanjang kehidupannya, mereka perlu mengetahui lebih lanjut tentang titik perubahan (*turning point*) yang dialami oleh bekas penjenayah. Peristiwa sosial seperti memasuki alam perkahwinan dan memperolehi perkerjaan yang bermakna merupakan antara contoh titik perubahan yang positif yang boleh mendorong kepada pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas penjenayah. Sebaliknya, memasuki institusi pemenjaraan untuk tempoh yang panjang, penyalahgunaan alkohol dan pengangguran yang berpanjangan telah dikenalpasti sebagai titik perubahan yang negatif, yang mendorong kepada residivisme.

Para pengkaji mengakui bahawa institusi keluarga, sekolah, rakan sebaya adalah kumpulan yang paling berpengaruh dalam kehidupan seseorang individu. Memetik institusi keluarga sebagai contoh, Sampson dan Laub (1993) mendapati terdapat tiga komponen kawalan tidak-formal sosial dalam konteks keluarga; iaitu disiplin keluarga yang konsisten, kualiti pemantauan keluarga, dan hubungan rapat

University of Malaya

(*attachment)* yang terbentuk dalam kalangan anggota keluarga. Ibu bapa yang menolak kehadiran anak mereka, menggunakan disiplin yang keras dan tidak menentu, dan tidak memantau aktiviti anak-anak menyebabkan anak-anak lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti antisosial; berbanding kanak-kanak yang ibu bapa tidak menolak mereka, menggunakan disiplin lembut dan konsisten, serta memantau aktiviti harian mereka (Demuth & Brown, 2004).

Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal juga mengesahkan faktor struktur sosial seperti gangguan keluarga, pengangguran, mobiliti kediaman, status sosio-ekonomi keluarga serta ikatan sosial keluarga secara tidak langsung memberi kesan kepada tingkahlaku antisosial individu. Dengan memberi tumpuan kepada bagaimana struktur keluarga mempengaruhi proses keluarga, Sampson dan Laub (1993) menyatakan bahawa kemiskinan, mobiliti kediaman, dan gangguan keluarga mempunyai impak yang signifikan terhadap tingkahlaku sosial individu.

Maka itu, dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga yang bermasalah atau miskin, lebih cenderung untuk mengalami penolakan emosi daripada ibu bapa mereka dan kurang cenderung untuk membangunkan ikatan emosi yang kuat untuk ibu bapa mereka. Kelemahan sosioekonomi menyebabkan pembentukan keibubapaan yang baik terhalang. Begitu juga, faktor-faktor yang berkaitan dengan kelemahan sosioekonomi, seperti kemiskinan dan kesesakan penghuni di dalam rumah, boleh mengganggu ikatan hubungan di antara individu dengan anggota keluarganya; khususnya dengan ibu bapa dan adik beradik. Apa yang berlaku di dalam keluarga adalah dipengaruhi oleh faktor seperti kemiskinan, mobiliti

University of Malaya

kediaman, saiz keluarga, pekerjaan, dan status immigran. Pada peringkat pertama kehidupan, proses kawalan sosial yang terdapat dalam keluarga merupakan instrumen kawalan langsung dan tidak langsung. Jika individu mempunyai hubungan keluarga yang kukuh, proses ini boleh menghalang ia daripada bertingkahlaku antisosial dan jenayah (Laub & Sampson, 2001).

Sampson dan Laub (1993) juga telah menggunakan ikatan sosial yang lemah dalam menjelaskan kesinambungan tingkah laku antisosial remaja dan dewasa. Mereka mendapati tingkah laku antisosial remaja meramalkan ikatan sosial dewasa lemah. Dua indikator ikatan sosial yang lemah adalah pencapaian pendidikan yang rendah dan kualiti perkahwinan yang rendah. Kenakalan di zaman kanak-kanak sedikit sebanyak memberi kesan tidak langsung ke atas tingkah laku jenayah dewasa melalui kelemahan ikatan sosial.

Seterusnya, ikatan sosial yang lemah menyebabkan kebanyakan orang dewasa gagal memperolehi pekerjaan yang stabil, yang seterusnya menggalakkan jenayah yang berterusan. Pemberhentian dari jenayah berkait rapat dengan mencari pekerjaan kerana pekerjaan yang stabil menggalakkan pemberhentian dari jenayah (Kazemian & Maruna, 2009). Mempunyai pekerjaan mengukuhkan pematuhan sosial (Sampson & Laub, 1993). Kestabilan pekerjaan, komitmen kerja dan hubungan saling bergantung antara majikan dengan pekerja adalah faktor signifikan di dalam mempengaruhi bekas penjenayah untuk berhenti daripada melakukan jenayah. Pendek kata, pekerjaan merupakan antara pendinding (*shield*) penting untuk melindungi individu daripada melakukan jenayah.

University of Malaya

Selain itu, perkahwinan juga dilihat sebagai faktor yang mampu mengelakkan bekas banduan daripada mengulangi jenayah dan berhenti dari jenayah. Kajian literatur mengenai pemberhentian dari jenayah telah lama membincangkan mengenai hubungan romantis perkahwinan sebagai instrumen kritikal dalam menstabilkan hubungan di antara pasangan (Maruna, 2001). Hubungan yang kuat di dalam institusi perkahwinan membolehkan individu mematuhi dan mengurangkan peluangnya untuk terlibat dalam aktiviti jenayah (Laub & Sampson, 2003).

Perkahwinan difahamkan menggalakkan kawalan sosial tidak-formal dan pemberhentian dari jenayah melalui empat cara berikut (Sampson et al., 2006); iaitu:

1. perkahwinan mengurangkan potensi jenayah kerana aktiviti jenayah boleh mengancam kebahagian yang kemudiannya boleh membawa kepada penceraian (Sampson & Laub, 1993).
2. perkahwinan membuatkan bekas banduan mengelakkan diri dari keadaan dan hubungan sosial yang memberikan peluang jenayah dan pengaruh.
3. perkahwinan menyediakan struktur dan penyeliaan, terutamanya apabila pasangan itu mengharapkan bekas banduan mempunyai pekerjaan yang sah, menyumbang pendapatan, dan menyokong isi rumah, dan untuk mengelakkan aktiviti yang mungkin mengancam kestabilan ekonomi keluarga.
4. perkahwinan boleh mengubah cara seseorang bekas banduan melihat diri mereka sendiri, tanggungjawab mereka, dan perhubungan mereka dengan orang lain dan mengukuhkan keupayaan norma konvensional untuk mengawal tingkah laku agar tidak bercanggah dengan jangkaan peranan.

University of Malaya

Pendek kata, Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal ini merumuskan yang semua tahap umur, peringkat kitaran kehidupan dan titik perubahan (*turning point*) adalah penting dalam memahami proses-proses perubahan tingkahlaku individu; khususnya yang berkaitan dengan tingkahlaku antisosial dan jenayah individu.

## 3.5 Kekuatan dan Kelemahan Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal dalam Menjustifikasi Mengapa Bekas Banduan Menjadi Pengulanglaku Jenayah

Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal mampu menjelaskan tingkahlaku antisosial dan jenayah individu secara menyeluruh kerana ia mengambilkira perubahan yang berlaku dan faktor-faktor yang mempengaruhi setiap kitaran kehidupan manusia. Ia melihat perubahan tingkahlaku individu dari pelbagai kitaran kehidupan individu; iaitu dari dilahirkan, menjadi kanak-kanak, memasuki alam remaja dan menjadi dewasa. Selain itu, teori ini juga membincangkan dengan terperinci setiap institusi yang wujud di sepanjang kitaran hidup individu, yang berupaya mempengaruhi titik perubahan (*turning point*) kehidupan individu berkenaan di dalam setiap peringkat umur berbeza.

Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal adalah berbeza daripada idea Moffit (1993) yang mengkategorikan kehidupan manusia kepada dua  kategori; iaitu *life course persistent* dan *adolescence limited*. Menurut Moffit (1993), *adolescence limited* mempamerkan tingkah laku antisosial semasa remaja sahaja manakala *life course persistent* pula mempamerkan perlakuan anti-sosial

University of Malaya

seawal zaman kanak-kanak sehingga ke alam dewasa. Persoalan timbul mengenai *life course persistent* apabila timbul pandangan di dalam Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Tidak-Formal yang menunjukkan bekas banduan boleh berubah dan berhenti dari melakukan jenayah apabila berada di tahap dewasa (Moffitt, Caspi, Dickson, Silva & Stanton, 1996). Menurut Teori Pengkelasan Umur lagi, terdapat kecenderungan buat bekas banduan untuk mengelakkan diri dari melakukan jenayah di setiap peringkat umur. Teori yang membincangkan tentang peristiwa hidup yang dilalui oleh bekas banduan mampu mengubah trajektori di dalam hidupnya. Berbeza dengan *life course persistent* yang mengatakan individu yang melakukan jenayah di peringkat dewasa akan berterusan dengan tingkah laku jenayah tersebut. Ini yang menjadi kekuatan di dalam Teori Pengkelasan Umur apabila bersifat neutral dalam membincangkan kedua-dua fenomena yang berlaku di dalam kehidupan bekas banduan.

Model-model dan teori jenayah lain yang kebanyakannya berorientasikan psikologi tingkah laku jenayah individu memberi pandangan yang lebih statik mengenai jenayah dalam individu dari masa ke masa. Contohnya boleh dilihat dalam Teori *Dual Taxonomy* yang diperkenalkan oleh Moffit (1993) dan Teori Kawalan Sosial yang diperkenalkan oleh Gottfredson & Hirschi (1990). Perspektif Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal adalah berbeza sekali daripada model-model atau teori-teori tersebut apabila ia mengandaikan yang wujudnya kemungkinan perubahan dalam tingkah laku yang berubah mengikut peringkat kemesraan atau ikatan sosial yang terbentuk dari masa ke semasa. Kebanyakan para akademik suka menggunakan Teori Kawalan (*Social Control*) yang

University of Malaya

diperkenalkan oleh Gottfredson dan Hirshi (1990) bagi menerangkan punca delinkuen atau tingkahlaku jenayah dalam kalangan individu.

Gottfredson dan Hirschi (1990) mengatakan kanak-kanak akan sama ada membangunkan kawalan diri pada akhir awal kanak-kanak atau gagal untuk membangunkan ia sama sekali seumur hidup. Pada awalnya, Gottfredson dan Hirschi (1990) menyimpulkan yang kawalan diri yang rendah, bermasalah dengan sekolah, ketiadaan minat untuk melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah, hubungan bermasalah dengan ibu bapa serta hubungan dengan rakan sebaya yang antisosial merupakan punca-punca mengapa individu; terutamanya kanak-kanak terlibat dalam tingkahlaku antisosial dan jenayah.

Fokus Teori Kawalan Sosial yang cenderung tertumpu kepada kehidupan di zaman kanak-kanak dan remaja gagal merangkumi tahap umur dewasa individu. Walaupun Sampson dan Laub (1993, 2003) bersetuju dengan Hirschi (1969) bahawa jenayah bermula pada usia yang muda, mereka percaya yang tingkah laku ketika di zaman kanak-kanak tidak meramalkan tingkah laku yang tepat dan sama apabila kanak-kanak itu menjadi seorang dewasa. Ini kerana terdapat banyak peristiwa hidup yang akan mengubah tingkahlaku kanak-kanak atau individu tersebut. Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak Formal percaya bahawa umur adalah amat penting dalam menentukan tingkahlaku jenayah individu.

Selain itu, Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal sesuai digunakan untuk memahami mengapa pada tahap umur tertentu individu melakukan atau tidak melakukan jenayah kerana ia turut menekankan tentang titik

University of Malaya

perubahan yang berlaku pada peristiwa kehidupan (*life event*) seseorang individu. Pemberhentian dari jenayah di kalangan remaja yang lebih muda (14-15) adalah lebih cenderung untuk dikaitkan dengan penilaian negatif jenayah. Bagi remaja dewasa (18-19), umur yang semakin meningkat matang, sering dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa kitaran kehidupan seperti pekerjaan atau hubungan keluarga, dan peralihan ke alam dewasa adalah lebih cenderung untuk beralih ke arah pemberhentian dari jenayah. Bagi orang dewasa muda (22-25), pemberhentian dari jenayah dikaitkan dengan andaian peranan baru, seperti menjadi ibu bapa atau pencari nafkah (McNeill & Whyte, 2007). Ringkasnya, kematangan tidak menyebabkan pemberhentian dari jenayah tetapi, peralihan tertentu dan peristiwa-peristiwa hidup boleh memberi kesan ke atas proses pemberhentian dari jenayah itu.

Walaupun begitu, Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal mempunyai beberapa kelemahan atau limitasi dalam menjelaskan mengapa terdapat segelintir bekas banduan melakukan jenayah setelah dibebaskan, atau mengapa ada bekas banduan tidak lagi melakukan jenayah setelah dibebaskan. Kelemahan pertama adalah teori ini gagal membincangkan kesan pemenjaraan terhadap bekas banduan. Tempoh pemenjaraan mempunyai beberapa kesan sampingan ke atas bekas banduan. Pemenjaraan yang dilalui menyebabkan bekas banduan kehilangan mata pencarian, barangan peribadi mereka, keupayaan mereka untuk mengekalkan perumahan, halangan hak pemilikan rumah, kekangan dalam menerima bantuan awam, kehilangan hubungan peribadi yang penting dan mengalami masalah dalam penyalahgunaan dadah dan kesihatan mental (Cohran et al., 2012; Mears & Mestre, 2012; La Vigne et al., 2008; Kubrin & Stewart, 2006). Bermula daripada tempoh pemenjaraan selesai, peralihan kepada masyarakat adalah sukar buat bekas

University of Malaya

banduan. Tanpa akses kepada aset-aset ini, mereka mempunyai risiko yang lebih besar untuk mengulangi jenayah selepas dibebaskan. Kesukaran dan cabaran dalam proses integrasi semula ke dalam kehidupan bermasyarakat mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam mempengaruhi mereka untuk menjadi seorang pengulanglaku jenayah.

Selain itu, Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal menekankan perkahwinan sebagai faktor penting dalam mencapai pemberhentian dari jenayah*;* sedangkan pada realitinya tidak semua bekas banduan akan memasuki alam perkahwinan. Jenayah yang dilakukan menyukarkan bekas banduan untuk menemui pasangan hidup. Ringkasnya, faktor perkahwinan tidak dapat diaplikasikan kepada semua bekas banduan. Terdapat banyak faktor lain yang penting dalam memastikan pemberhentian dari jenayah di dalam kalangan bekas banduan. Andaian Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal berkaitan hubungan di antara pemberhentian dari jenayah dan perkahwinan adalah kurang konsisten (Western, 2007; Giordano et al., 2002).

Selain perkahwinan, Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal juga menekankan pekerjaan sebagai institusi yang penting dalam memastikan pemberhentian dari jenayah. Pekerjaan yang konsisten menyediakan bekas banduan dengan rutin, peluang untuk mendapatkan wang, persekitaran yang pro-sosial dan insentif yang terhad untuk melakukan jenayah (Solomon et al., 2006; Bushway & Reuter, 2002; Uggen, 2000). Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada mudah bagi bekas banduan untuk mendapat pekerjaan. Masalah timbul apabila bekas banduan menghadapi halangan dalam memperoleh pekerjaan.

University of Malaya

Tahap pendidikan yang rendah, rekod jenayah, stigma negatif, sekatan undang-undang syarikat yang dikenakan dalam pengga mbilan pekerja, dan diskriminasi yang dikenakan daripada bakal majikan dan keengganan majikan untuk mengambil bekas banduan sebagai pekerja tidak ditekankan oleh Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal. Realitinya, pengangguran berlaku dalam kalangan bekas banduan disebabkan oleh peluang pekerjaan yang rendah (Vennard & Hedderman, 2009; Bales & Mears, 2008; Harris & Keller, 2005; Travis & Petersilia, 2001). Bekas banduan yang menganggur berpotensi tinggi untuk mengulangi jenayah; berbanding mereka yang telah menemui pekerjaan yang stabil (Meredith et al., 2007). Kesemua ini gagal dibincangkan dengan terperinci oleh Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal.

Limitasi seterusnya adalah berkaitan dengan kegagalan Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal membincangkan tentang kepentingan rawatan yang berterusan buat bekas banduan. Seperti yang diketahui, bekas banduan ini dibebaskan dengan masalah seperti ketagihan arak dan penyalahgunaan dadah serta mengalami masalah psikologi yang masih belum dipulihkan secara sepenuhnya. Kesemua ini disediakan kepada bekas banduan ketika di dalam pusat pemulihan. Namun, mereka tidak lagi diberi perkhidmatan pemulihan berkenaan selepas mereka dibebaskan. Akibatnya, bekas banduan tidak mendapat akses yang sepatutnya dalam mencegah faktor risiko yang wujud di dalam diri bekas banduan sendiri. Ini berbeza daripada amalan dan bukti empirikal di luar negara yang banyak menunjukkan pemulihan dari ketagihan dadah dan penyalahgunaan alkohol amat penting dalam proses pemberhentian dari jenayah.

University of Malaya

Limitasi terakhir Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial-Tidak Formal yang ingin disentuh oleh pengkaji adalah berkaitan dengan kepentingan keimanan (*faith*) dalam setiap individu dalam mengelakkan diri dari terlibat dalam jenayah. Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal gagal melihat elemen ini sebagai salah satu komponen kerohanian dan disiplin diri yang wujud sepanjang kehidupan seseorang individu. Sekiranya keimanan dan kerohanian yang kukuh dibentuk dalam diri seseorang, kebarangkalian untuk seseorang individu untuk mengelakkan diri dari jenayah adalah tinggi (Sampson & Laub, 2003; Maruna, 2001). Begitu juga, sekiranya keimanan dan kerohanian individu adalah rendah, ia berisiko tinggi untuk melakukan jenayah (Serin & Lloyd, 2009; Sampson & Laub, 2003). Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal terlepas pandang mengenai kepentingan elemen ini dalam pembentukan tingkahlaku antisosial atau jenayah individu.

### 3.6 Kesimpulan

Bab ini bertujuan untuk memberikan penjelasan dan justifikasi teoritikal dalam menunjukkan faktor-faktor penyumbang kepada pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan, serta juga faktor-faktor pemberhentian dari jenayah yang menyebabkan segelintir bekas banduan menjauhkan diri daripada jenayah atau tidak mengulangi semula perlakuan jenayah mereka. Dalam bab seterusnya, pengkaji menjelaskan metodologi yang digunakan bagi mengumpulkan data mentah dan sekunder kajian ini, serta metod yang digunakan bagi menganalisis data-data tersebut.

University of Malaya

# BAB 4: METODOLOGI KAJIAN

## 4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji menjelaskan metodologi yang digunakan bagi menjalankan penyelidikan ini. Penerangannya meliputi reka bentuk kajian, penentuan populasi kajian, pemilihan sampel kajian, instrumen yang digunakan dalam mengumpul data, cara penggumpulan dan pengurusan data, proses analisis data serta etika penyelidikan yang terlibat dalam kajian ini. Di dalam bahagian ini juga, pengkaji menerangkan beberapa limitasi yang terdapat di dalam kajian ini.

## 4.2 Pendekatan Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Pengkaji memilih pendekatan kualitatif kerana ia membolehkan pengkaji mengetengahkan aspek kehidupan bekas banduan seperti penerimaan keluarga, pencarian kerja, hubungan rakan sebaya dan sebagainya dengan lebih terperinci. Pendekatan kualitatif juga membantu pengkaji memahami dunia sosial bekas banduan; khususnya yang berkaitan dengan keadaan sosial mereka, pengalaman mereka, serta perspektif mereka terhadap beberapa perkara kehidupan. Berbanding pendekatan kuantitatif, pengkaji yakin yang pendekatan kualitatif adalah lebih sesuai digunakan untuk menerokai dan menganalisis satu konsep dan tema sosial dengan mendalam (Creswell, 2007). Pendek kata, paradigma kualitatif menyediakan pemahaman mendalam mengenai subjek yang sedang dikaji.

University of Malaya

## 4.3 Reka Bentuk Kajian

Dalam usaha untuk memahami pengulangan jenayah (residivisme) dan pemberhentian dari jenayah, pengkaji menggunakan reka bentuk fenomenologi (*phenomenology*). Fenomenologi memberi penekanan kepada pengalaman dan tafsiran subjek kajian (Merriam & Merriam, 1998). Reka bentuk fenomenologi telah dikembangkan oleh seseorang ilmuwan Eropah yang bernama Edmund Husserl pada awal abad ke 20 (sekitar tahun 1935-an). Pengkaji memilih reka bentuk ini kerana fenomenologi berupaya memberi pemahaman mendalam dan tepat kepada isu-isu sosial yang kompleks dari sudut atau perspektif pengalaman hidup responden kajian.

Fenomenologi adalah pendekatan untuk penyelidikan kualitatif yang memberi tumpuan kepada pengalaman hidup dalam kumpulan tertentu. Pendekatan fenomenologi memberi tumpuan kepada pengalaman kehidupan manusia. Matlamat asas pendekatan ini adalah untuk mencapai gambaran tentang sifat fenomena tertentu (Creswell, 2013). Tujuan pendekatan fenomenologi adalah untuk menerangkan sesuatu fenomena secara spesifik, untuk mengenalpasti fenomena melalui bagaimana mereka dilihat oleh subjek.

Biasanya, temu bual dilakukan dengan sekumpulan individu yang mempunyai pengetahuan langsung tentang peristiwa, situasi atau pengalaman tertentu. Pendekatan fenomenologi ini dilakukan dengan memasukkan persepsi subjek kajian, melihat bagaimana mereka melalui pengalaman hidup tersebut dan menunjukkan fenomena dan mencari makna dari pengalaman subjek. Temu bual cuba menjawab dua persoalan (Moustakas, 1994): Apa yang anda alami dari fenomena ini? Apakah konteks atau

University of Malaya

situasi yang biasanya mempengaruhi pengalaman anda terhadap fenomena ini (Creswell, 2013)?

Bentuk lain data seperti dokumen dan kaedah pemerhatian juga boleh digunakan dalam pendekatan fenomenologi ini. Data ini kemudian dibaca dan dibaca semula dan dikumpulkan untuk frasa dan tema yang kemudian dikumpulkan untuk membentuk kelompok makna (Creswell, 2013). Melalui proses ini, pengkaji boleh membina makna sejagat mengenai peristiwa, keadaan atau pengalaman dan mencapai pemahaman yang lebih mendalam mengenai fenomena tersebut. Pendekatan fenomenologi cuba untuk mengekstrak data yang mentah dan mendokumentasikan pengalaman peribadi subjek (Maxwell, 2013).

Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengekslporasi faktor-faktor yang mendorong pengulangan jenayah atau pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan. Pengkaji menggunakan pendekatan fenomenologi untuk mendapatkan jawapan daripada subjek kajian yang digunakan. Daripada lima pendekatan yang diterangkan oleh Creswell, pendekatan fenomenologi dilihat paling selaras dengan objektif kajian yang ingin dicapai. Ini amat sesuai dengan fenomena residivisme dan pemberhentian dari jenayah yang dikaji oleh kajian ini. Fenomenologi yang mementingkan perspektif dan pengalaman hidup bekas banduan melalui sepanjang proses integrasi sosial semula. Fenomenologi membolehkan pengkaji menyelami kehidupan bekas banduan seperti penerimaan keluarga terhadap mereka, pencarian kerja, hubungan mereka dengan rakan, penyalahgunaan dadah dan sebagainya (Creswell, 1998).

University of Malaya

## 4.4 Populasi Kajian

Populasi kajian ini adalah bekas banduan yang telah tamat hukuman pemenjaraan, dan kini sedang berada dalam proses integrasi semula yang berlangsung dalam komuniti. Bekas banduan ini merangkumi mereka yang pengulanglaku jenayah dan juga mereka yang tidak mengulangi semula perbuatan jenayah mereka. Kedua-dua jenis bekas banduan ini diliputi dalam kajian ini kerana ia membolehkan pengkaji mendapat atau mengumpulkan maklumat yang menyeluruh mengenai faktor-faktor residivisme dan faktor-faktor pemberhentian dari jenayah.

Bagi konteks kajian ini, responden pengulanglaku jenayah merujuk kepada bekas banduan yang mempunyai rekod pemenjaraan berulang yang melebihi sekali tanpa mengira jenis kesalahan yang dilakukan, jantina dan bangsa serta tempoh masa jenayah berulang mengambil masa. Manakala responden yang berhenti dari jenayah pula merujuk kepada bekas banduan yang telah berjaya mengelakkan diri dari jenayah untuk tempoh melebihi tiga tahun tanpa mengira jenis kesalahan, jantina dan bangsa serta tempat penjara yang dijalani.

Sehingga Disember 2016, terdapat seramai 50,747 orang banduan yang telah dibebaskan daripada hukuman pemenjaraan dalam tempoh tiga tahun (Jadual 4.1). Daripada jumlah tersebut, 4,359 orang bekas banduan merupakan pengulanglaku jenayah dan dikenakan hukuman pemenjaraan semula.

University of Malaya

**Jadual 4.1:** Pembebasan Banduan, 2014-2016

| Tahun | Bebas 3 Tahun | Banduan Pengulanglaku Jenayah | |
|---|---|---|---|
| | **Jumlah (Orang)** | **Jumlah (Orang)** | **Peratus (%)** |
| 2014 | 94,495 | 7,619 | 8.1 |
| 2015 | 102, 214 | 8,897 | 8.7 |
| 2016* | 50,747* | 4,359* | 8.6* |

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia, 2017.
*Tahun 2016 pengulanglaku jenayah/ pengulangan jenayah tidak mengambilkira kesalahan pengulangan dadah

Semua mereka ini, secara teoritikalnya, layak menyertai kajian ini kerana mereka adalah populasi kajian untuk pengulanglaku jenayah. Namun begitu, pengkaji hanya menjemput 19 orang bekas banduan yang bersetuju menyertai kajian ini. 16 orang daripadanya adalah dari kalangan pengulanglaku jenayah manakala 3 orang selebihnya adalah dari kalangan bekas banduan yang berhenti dari jenayah. Pemilihan sebanyak 19 orang bekas banduan ini adalah selari dengan amalan kajian kualitatif yang hanya melibatkan bilangan sampel yang kecil. Cara bagaimana 19 orang responden ini dipilih dinyatakan dengan lebih terperinci di dalam subtopik 4.6 bab ini.

## 4.5 Lokasi Kajian

Pengkaji memilih untuk memberi tumpuan di sekitar Jalan Chow Kit, Bandar Kuala Lumpur kerana terdapat sebuah persatuan yang dikenali sebagai Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia (IKHLAS) yang beroperasi sebagai sebuah pusat persinggahan setempat (*drop-in centre*) untuk golongan sasaran seperti bekas banduan yang baru dibebaskan dari penjara, penagih dadah dan pekerja seks (rujuk lampiran 4 untuk gambar pintu masuk ke Persatuan Kebajikan Ikhlas Malaysia). Objektif penubuhannya yang utama ialah membantu komuniti berisiko khususnya bekas banduan, penagih, pekerja seks yang tinggal di sekitar kawasan Chow Kit. Proses pengenalpastian para responden menjadi lebih lancar dengan hadirnya Persatuan

University of Malaya

IKHLAS yang sudi berkerjasama dalam menjayakan kajian ini. Persatuan IKHLAS telah membantu memperkenalkan beberapa klien mereka yang juga merupakan bekas banduan yang sedang mendapatkan khidmat bimbingan dan sokongan pada ketika tempoh lapangan kajian dijalankan.

Di samping itu, pekerja yang mengelola persatuan tersebut juga telah membantu memperkenalkan beberapa orang bekas banduan yang berhenti dari jenayah yang berkhidmat sebagai *'outreach workers'*. Ketika menjalankan kajian lapangan, responden telah mengenalkan pengkaji dengan rakan-rakan mereka yang turut berhijrah ke kota raya ini bagi mendapatkan pekerjaan. Responden yang telah dikenalpasti telah didekati untuk mendapatkan persetujuan mereka untuk menyertai kajian ini. Responden yang ditemui juga telah memperkenalkan pengkaji dengan beberapa orang responden lain yang mempunyai kriteria yang sama dalam memenuhi keperluan kajian ini. Keadaan ini membawa kepada pengenalan dengan lebih ramai responden yang bersetuju untuk menyertai kajian lapangan ini.

## 4.6 Sampel Kajian

Persampelan kualitatif adalah untuk memahami isu-isu kompleks yang berkaitan dengan tingkah laku manusia. Unit-unit sampel dipilih kerana ia mempunyai ciri-ciri tertentu atau ciri-ciri yang akan membolehkan penerokaan terperinci dan pemahaman satu tema utama dan persoalan yang ingin dikaji. Dalam usaha untuk mengkaji pengalaman yang pelbagai adalah penting untuk mempunyai sampel yang merangkumi variasi dalam corak residivisme dan pemberhentian dari jenayah.

University of Malaya

Justeru itu, sebelum menjalankan sebuah kajian yang terperinci, pengkaji perlu mengatasi masalah populasi yang besar dengan memilih bilangan sampel yang lebih kecil dan lebih terkawal untuk mengambil bahagian dalam temu bual kajian. Persampelan adalah proses memilih sampel yang mewakili jumlah populasi untuk mendapatkan maklumat mengenai fenomena pengulangan jenayah (residivisme) dan pemberhentian dari jenayah yang dikaji. Perkara penting yang perlu diingatkan di sini ialah sampel adalah terdiri daripada populasi yang menjadi kepentingan untuk dikaji (Miles & Huberman, 1994). Pengkaji telah memilih bilangan sampel yang kecil untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Sampel kajian yang terdiri daripada 19 orang ini boleh dikelompokkan kepada dua kumpulan. Jadual 4.2 menunjukkan ciri-ciri responden yang dipilih untuk kategori pertama dan kedua. Ciri-ciri ini merupakan kriteria kelayakan (*inclusion criteria*) untuk menjadi responden kajian ini.

**Jadual 4.2:** Ciri-ciri Inklusif Kelayakan Menyertai Kajian

| **Bekas Banduan Pengulanglaku Jenayah** | **Bekas Banduan yang Berhenti dari Jenayah** |
|---|---|
| ▪ Lelaki dan Perempuan<br>▪ Mempunyai rekod mengulangi jenayah tanpa mengira jenis kesalahan<br>▪ Tanpa mengira tempoh masa berulang<br>▪ Mewakili bangsa dan agama<br>▪ Berumur 21 tahun dan ke atas | ▪ Lelaki dan Perempuan<br>▪ Hanya memiliki satu rekod pemenjaraan sahaja<br>▪ Tanpa mengira rekod jenayah pertama<br>▪ Mewakili bangsa dan agama<br>▪ Berumur 21 tahun dan ke atas |

Pengkaji yakin kedua-dua kategori responden ini dapat membantu pengkaji menjelaskan isu pengulangan jenayah di kalangan bekas banduan yang baru dibebaskan dan juga mengenalpasti bagaimana terdapat bekas banduan yang berjaya mengelakkan diri dari terlibat ke dalam jenayah. Mengkaji kedua-dua kumpulan responden ini dapat memberikan dapatan yang lebih seimbang mengenai wujudnya sesetengah bekas banduan yang mengulangi jenayah serta mengapa terdapat segelintir bekas banduan yang lain menjauhkan diri daripada jenayah.

University of Malaya

## 4.7 Teknik Persampelan

Teknik persampelan adalah proses memilih wakil kumpulan (sampel) dari populasi sasaran yang sedang dikaji. Populasi sasaran ialah kumpulan individu dari mana sampel diambil. Hal ini kerana adalah mustahil untuk mengkaji seluruh populasi sasaran dan ianya adalah tidak praktikal sama sekali. Keadaan ini memerlukan pemilihan teknik persampelan yang bersesuaian dalam mengenalpasti sampel yang ingin dikenalpasti. Kajian ini telah memilih untuk mengunakan dua teknik persampelan iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bola salji dalam mengenalpasti bekas banduan untuk ditemubual. Pemilihan kedua-dua teknik ini apabila teknik persampelan bertujuan berfungsi sebagai payung manakalah teknik persampelan berfungsi sebagai kaki payung dalam mengenalpasti sampel yang boleh mengikuti kajian lapangan ini.

### 4.7.1 Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling technique*)

Teknik persampelan bertujuan adalah persampelan bukan kebarangkalian/ bukan rawak yang dipilih berdasarkan ciri-ciri populasi dan objektif kajian. Persampelan bertujuan juga dikenali sebagai persampelan yang bersifat '*judgemental*', selektif atau subjektif. Persampelan jenis ini sangat berguna dalam situasi apabila pengkaji perlu mencapai sampel yang disasarkan dengan cepat dan mudah. Teknik persampelan bertujuan ini memilih sampel yang dijangka dapat menjawab objektif kajian. Pengkaji telah memilih populasi sasaran iaitu bekas banduan yang berada di sekitar kawasan jalan Chow Kit. Jalan Chow Kit telah dipilih secara sengaja sebagai lokasi kajian selepas kegagalan pengkaji memperolehi kebenaran Jabatan Penjara Malaysia untuk melakukan kajian temu bual di dalam penjara. Cabaran yang sama dilalui apabila

University of Malaya

permohonan pengkaji untuk menjalankan kajian lapangan ke atas penghuni di dalam rumah perantaraan turut ditolak oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Keadaan ini telah mendorong pengkaji membuat keputusan untuk memilih Jalan Chow Kit berdasarkan cadangan yang diberikan oleh Persatuan IKHLAS yang mengatakan kawasan tersebut sering menjadi penumpuan bekas banduan. Persatuan IKHLAS yang beroperasi membantu klien yang hadir setiap hari ke persatuan untuk mendapatkan bantuan. Keadaan membolehkan pengkaji mendekati responden dengan lebih mudah. Persatuan IKHLAS telah membuka jalan yang luas kepada pengkaji dalam merealisasikan kajian ini.

### 4.7.2 Teknik persampelan bola salji (*snowball sampling technique*)

Teknik persampelan bola salji telah digunakan bagi mendapatkan responden kajian yang menepati ciri-ciri inklusif kajian ini. Teknik ini membantu pengkaji memilih responden kajian yang dapat mencerminkan ciri-ciri tertentu atau kumpulan dalam populasi yang terpilih. Persampelan bola salji adalah teknik persampelan bukan kebarangkalian di mana subjek kajian akan membawa kepada pengenalan dengan subjek lain dari kalangan kenalan mereka juga (Creswell, 2007). Oleh itu, responden kajian dikatakan bertambah seperti bola salji yang sedang bergerak. Pengkaji mengunakan teknik persampelan ini memandangkan populasi responden yang tersembunyi dan sukar bagi pengkaji untuk akses kepada mereka. Menerusi persampelan bola salji, sekumpulan kecil responden yang mempunyai rangkaian maklumat awal telah memperkenalkan pengkaji dengan responden yang memenuhi kriteria yang dipilih dan berpotensi menyumbang kepada keseluruhan kajian ini.

University of Malaya

Dalam kajian ini, pengkaji telah berjaya mengenalpasti responden pertama yang merupakan seorang klien di persatuan IKHLAS pada pertengahan April 2016. Pengkaji telah mendekati responden pertama yang ditemui di sekitar Jalan Chow Kit dan bertanya sama ada beliau berminat untuk menyertai kajian lapangan ini. Responden pertama telah bersetuju untuk ditemubual apabila mengetahui objektif kajian yang ingin diperolehi daripada temu bual ini Pada masa yang sama, pengkaji juga perlu memastikan responden yang ingin menyertai adalah selari dengan inklusif kriteria yang telah dinyatakan (rujuk 4.2 berkaitan sampel kajian).

Selari dengan kajian bersifat akademik ini, pengkaji perlu memastikan penyertaan responden ini adalah secara sukarela dan mereka berhak untuk memilih tidak menyertai kajian. Kehadiran Persatuan IKHLAS adalah begitu penting sepanjang pencarian responden bagi memastikan responden yang menyertai ini benar-benar mengikut inklusif kriteria yang diperlukan. Persatuan IKHLAS yang berfungsi sebagai persatuan yang membantu golongan berisiko ini telah memudahkan lagi pencarian responden yang diperlukan. Terdapat juga responden yang didekati merupakan klien yang sedang hadir ke persatuan untuk mendapatkan bantuan advokasi dan rawatan penyalahgunaan dadah. Keadaan ini membuatkan pengkaji dengan mudah memperolehi responden untuk mengikuti kajian lapangan ini.

Daripada penemuan seorang responden ini telah membawa kepada pengenalan dengan bekas banduan yang lain. Responden pertama telah mengenalkan pengkaji dengan rakan-rakan mereka yang turut berminat untuk ditemubual. Untuk teknik persampelan bola salji ini, responden yang mengenalkan rakan-rakan mereka ini bertugas dalam memastikan responden lain yang ingin mengikuti kajian lapangan

University of Malaya

adalah secara sukarela dan tanpa paksaan. Pelbagai responden yang sudi ditemubual telah datang ke lokasi kajian di mana tempat temu bual dilakukan iaitu di Persatuan IKHLAS yang terletak di Jalan Chow Kit.

Kaedah persampelan bola salji ini telah dilakukan berterusan sehingga pengkaji memperoleh sebanyak 19 orang responden. Persampelan bola salji ini sesuai digunakan apabila senarai nama subjek kajian tidak diperoleh, terutamanya kes-kes yang melibatkan perkara-perkara yang sensitif, atau tidak dibenarkan oleh pihak-pihak tertentu. Selari dengan kajian ini yang melibatkan bekas banduan yang mempunyai rekod jenayah yang berada di dalam kehidupan berkomuniti. Pencarian responden telah mengambil masa selama 2 bulan bermula dari bulan April 2016. Kajian ini telah berjalan dengan lancar menerusi bantuan daripada Persatuan IKHLAS yang sentiasa membantu pengkaji mendapatkan responden yang diperlukan.

Majoriti yang berjaya dikenalpasti adalah dari kalangan lelaki. Hanya dua orang responden wanita yang bersetuju untuk ditemubual. Kesukaran pengkaji untuk mendapatkan responden wanita kerana perasaan takut dan distigma kerana jenis pekerjaan iaitu sebagai pekerja seks. Pengkaji tidak membuat sebarang paksaan pada mana-mana responden yang enggan menyertai. Kesemua responden yang ditemubual adalah secara sukarela. Malahan, mereka bersedia menandatangani borang keizinan dan bersetuju untuk perbualan mereka dirakam. Penggunaan teknik persampelan bola salji telah membawa kepada penemuan sebanyak 19 orang responden. Pengkaji juga telah menjalankan temu bual susulan dengan beberapa responden bagi menyokong dapatan kajian yang ditemui.

University of Malaya

Pengkaji telah menghentikan pencarian responden apabila dapatan kajian telah mencapai saturasi. Pengkaji mengenalpasti tahap saturasi dapatan kajian apabila tiada lagi tema baru yang ditemui daripada transkrip responden 17, 18 dan 19. Akhirnya pengkaji telah mengambil keputusan untuk menghentikan kajian lapangan pada responden ke-19 tersebut.

## 4.8 Teknik Pengumpulan Data

### 4.8.1 Data primer

Teknik utama yang telah digunakan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data mentah kajian ini adalah temu bual mendalam (*indepth interview*). Teknik ini dipilih kerana ia berkesan dalam menyelami pandangan, persepsi, perspektif, dan pengalaman responden mengenai perkara yang dikaji. Kaedah temu bual dipercayai menyediakan pemahaman lebih mendalam mengenai isu sosial yang dikaji (Babbie, 2002). Dalam kajian ini, temu bual dijalankan di sebuah bilik yang dicadangkan oleh pihak Persatuan IKHLAS bagi memastikan persekitaran dan keadaan sekeliling yang selesa dan berjalan dengan lancar. Pihak Persatuan IKHLAS telah membenarkan pengkaji untuk mengunakan bilik tamu yang terdapat di dalam bilik Persatuan IKHLAS untuk menjalankan temu bual. Keadaan ini membantu responden menjadi lebih selesa dalam meluahkan segala pandangan dan pengalaman yang dilalui mereka.

Dalam kajian kualitatif, pengkaji adalah alat utama untuk mengumpul dan menganalisis data dan boleh bertindak balas kepada keadaan dalam mengumpul dan menghasilkan maklumat yang bermakna (Merriam & Merriam, 1998). Ketika temu bual dijalankan, responden telah diminta untuk bertindak balas terhadap protokol temu

University of Malaya

bual yang disediakan. Temu bual dijalankan dalam Bahasa Malaysia kerana semua responden menyatakan mereka selesa untuk berbincang di dalam Bahasa Melayu. Seperti yang dijelaskan oleh Bruner (1991) dan Polkinghorne (1988), penggunaan teknik ini telah membantu pengkaji membentuk makna berdasarkan pengalaman dan pandangan para responden tentang isu residivisme dan pemberhentian dari jenayah yang dikaji. Teknik ini membantu pengkaji dan responden kajian membina hubungan mesra, yang kemudiannya amat membantu di dalam membina kepercayaan antara pengkaji dan responden sehingga membolehkan mereka meluahkan pengalaman hidup, peristiwa-peristiwa hidup dan pandangan ikhlas mereka mengenai kehidupan yang dilalui mereka.

Pengkaji telah menyediakan soalan-soalan dalam protokol temu bual yang ditanya semasa sesi temu bual. Pengkaji juga telah memberi taklimat kepada responden mengenai prosedur temu bual setiap kali sebelum sesi temu bual bermula. Pengkaji juga peka kepada konteks, di mana pengkaji boleh menganalisis data serta-merta, menjelaskan dan menganalisis data yang berkembang dari kajian dan boleh meneroka jawapan yang tidak teratur (Merriam & Merriam, 1998). Apabila menemubual, pengkaji meminta responden untuk berkongsi cerita mereka. Hubungan mesra yang terbentuk antara responden dan pengkaji membuat ia lebih mudah untuk mendekati topik tertentu yang mungkin menjadi pantang larang (*taboo*) dalam sesuatu masyarakat (Wimmer & Dominick, 2006). Temu bual mendalam memberikan jawapan yang lebih tepat mengenai isu-isu sensitif. Walaupun kaedah ini memakan masa, tetapi, ia mampu mengumpulkan banyak maklumat yang mampu memberi gambaran yang lebih mendalam mengenai fenomena yang dikaji.

University of Malaya

Sepanjang proses temu bual berlangsung, pengkaji tidak mengubah sebarang persepsi dan pandangan tentang pengalaman yang dialami mereka. Ini adalah bersesuaian dengan reka bentuk fenomenologi kajian yang menekankan perspektif responden kajian. Pengkaji merakam luahan rasa dan pandangan responden menggunakan alat peranti rakaman. Tujuan penggunaan kaedah rakaman ini adalah bagi membolehkan tumpuan sepenuhnya kepada perbualan responden dan memudahkan pemberian maklum balas kepada responden tanpa terganggu untuk perlu menulis nota yang banyak.

Semua temu bual telah dirakamkan hanya setelah dibenarkan oleh responden. Rakaman audio membolehkan pengkaji mengumpulkan penjelasan tepat para responden untuk dianalisis. Setiap temu bual berlangsung dalam tempoh 40-60 minit kerana ia membolehkan masa yang cukup untuk permulaan, pertengahan dan akhir temu bual. Menurut Seidman (2006), masa temu bual tidak sepatutnya terlalu pendek sehingga responden tidak dapat memikirkan tentang pengalaman mereka atau terlalu lama sehingga menyebabkan responden dan penyelidik keletihan. Cuba mematuhi prinsip ini, setiap temu bual berlangsung dalam 45 minit ke satu jam. Setiap responden dihubungi dan ditemubual dalam beberapa kali pertemuan sehingga data tepu. Pengkaji juga turut menjalankan temu bual susulan (*follow-up*) dengan responden bagi mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci. Nota lapangan juga dibuat di sepanjang pengumpulan data. Nota lapangan adalah data deskriptif dan reflektif yang membantu pengkaji (Bogdan & Biklen, 1998).

University of Malaya

Apabila data didapati telah tepu, pengkaji menamatkan proses temu bual bagi sesuatu aspek kajian yang diselidiki. Pengkaji juga telah meneliti semula semua rakaman audio temubual sebaik sahaja temu bual berakhir. Pengkaji menaip semua hasil temu bual sebaik sahaja proses temu bual berlangsung bagi membolehkan pengkaji mengingati semua perbualan yang berlangsung dengan baik, mengingati dan mencatatkan gaya bukan lisan responden apabila menceritakan mengenai sesuatu pengalaman atau perkara, serta merujuk semula responden apabila terdapat respons yang tidak difahami oleh pengkaji.

### 4.8.2 Data sekunder

Selain itu, pengkaji juga telah melakukan satu kajian kepustakaan yang intensif di pelbagai perpustakaan utama dalam negara, serta carian secara talian mengenai isu kajian ini. Maklumat sekunder ini telah melengkapkan data primer kajian yang dikumpulkan menerusi teknik temu bual mendalam.

## 4.9 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan adalah protokol temu bual. Penggunaan protokol temu bual dapat membantu pengkaji menyediakan struktur sesi temu bual yang lebih tersusun dan berstruktur di samping dapat mengekalkan tahap fleksibiliti temubual tersebut (Rubin & Barbie, 2001). Sebelum temu bual dijalankan, protokol temu bual perlu disediakan dan pengesahan protokol temubual perlu disemak oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut.

University of Malaya

Protokol temu bual kajian ini berbentuk separa berstruktur; iaitu terdiri daripada beberapa soalan utama berkaitan isu yang dikaji, tetapi juga membolehkan pengkaji untuk bertukar soalan untuk mendapatkan idea atau jawapan yang lebih mendalam daripada responden kajian. Pengkaji percaya dalam sebuah temu bual yang baik, soalannya harus terbuka; iaitu, memerlukan lebih daripada jawapan ya atau tidak, neutral, tidak sensitif dan mudah difahami. Kebiasaannya, soalan dalam protokol temu bual dimulakan dengan soalan yang membolehkan para responden menjawab dengan mudah, dan kemudian secara beransur-ansur bergerak ke soalan atau topik perbualan yang lebih sukar atau bersifat lebih sensitif. Prosedur ini penting bagi membantu responden menjadi selesa pada awal proses temu bual, membina keyakinan dan hubungan baik dengan penemubual, yang kemudiannya menggalakkan penjanaan data yang kaya dengan maklumat.

Protokol temu bual berasingan telah dibina untuk bekas banduan yang mengulangi jenayah dan bekas banduan yang mengelakkan dari tingkah laku jenayah. Pembinaan dan pembangunan protokol temu bual adalah berdasarkan kepada ulasan literatur, persoalan kajian dan rangka teoritikal kajian. Protokol temu bual untuk bekas banduan yang mengulangi jenayah mengandungi dua bahagian (Lampiran 1). Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan untuk mengumpul maklumat mengenai demografi seperti umur, pencapaian pendidikan dan sejarah jenayah para responden. Bahagian kedua pula mengandungi soalan yang direka berdasarkan persoalan kajian dan diaturkan mengikut topik seperti berikut: cabaran-cabaran pengulanglaku jenayah sebaik dibebaskan, hubungan kekeluargaan, pengalaman memperolehi pekerjaan, persekitaraan hidup dan juga hubungan dengan rakan-rakan serta sebab-sebab mereka bertindak untuk mengulangi semula jenayah.

University of Malaya

Protokol temu bual untuk kumpulan responden yang berhenti dari jenayah juga mengandungi dua bahagian (Lampiran 2). Bahagian pertama juga mengandungi soalan-soalan berkaitan maklumat demografi sosial responden. Bahagian kedua mengandungi soalan-soalan berkaitan kejayaan mereka berintegrasi semula, serta faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan mereka memilih untuk mengelakkan diri dari melakukan jenayah. Jadual 4.3 menggambarkan secara ringkas soalan-soalan yang terdapat dalam setiap bahagian protokol temu bual kajian ini.

**Jadual 4.3:** Senarai Topik Temubual Mengikut Kategori Responden

| **Responden Kumpulan Pengulanglaku Jenayah** | **Responden Kumpulan yang Berhenti dari Jenayah** |
|---|---|
| *Bahagian pertama: (Demografi)*<br>1) Umur<br>2) Umur pada tangkapan pertama<br>3) Umur pada pembebasan dari penjara<br>4) Umur pada pengulangan jenayah | *Bahagian pertama: (Demografi)*<br>1) Umur<br>2) Umur pada kesalahan dilakukan<br>3) Umur pada pembebasan dari penjara |
| *Bahagian Kedua: (Topik Temu bual)*<br>1) Cabaran-cabaran pengulanglaku jenayah sebaik dibebaskan<br>2) Hubungan kekeluargaan<br>3) Alam Perkahwinan<br>4) Peluang Pekerjaan<br>5) Penerimaan Masyarakat dan Persekitaran<br>6) Hubungan dengan rakan sebaya<br>7) Ketagihan Arak dan Penyalahgunaan Dadah<br>8) Kesihatan Mental | *Bahagian kedua: (Topik Temu bual)*<br>1) Cabaran-cabaran yang dihadapi sebagai bekas banduan<br>2) Faktor-faktor dalam mengelakkan diri dari jenayah<br>3) Hubungan kekeluargaan<br>4) Alam Perkahwinan<br>5) Peluang Pekerjaan<br>6) Penerimaan masyarakat dan Persekitaran<br>7) Hubungan dengan rakan sebaya<br>8) Ketagihan Arak dan Penyalahgunaan Dadah<br>9) Kesihatan Mental |

Urutan soalan telah diubah suai sepanjang proses temu bual sebagai *"probe"*. Gerak hati turut digunakan sepanjang proses temu bual dijalankan. Contohnya, apabila responden mengatakan dia memilih untuk berniaga sendiri berbanding bekerja dengan majikan. Maka, pengkaji perlu bertanya "mengapa saudara memilih untuk bekerja sendiri?"; sedangkan protokol temu bual yang disediakan untuk bertanya tentang status pekerjaan bagi mengetahui sekiranya wujudnya stigma dalam kalangan para majikan. Soalan "*probe*" yang ditanya mampu membawa kepada dapatan yang lebih kurang

University of Malaya

sama apabila responden mengatakan terpaksa berniaga sendiri akibat kebimbangan mereka terhadap kesukaran mendapat pekerjaan akibat daripada stigma yang didengari oleh rakan-rakan bekas banduan yang turut menghadapi masalalah stigma yang sama. Di samping itu juga, "*probing*" digunakan apabila pengkaji perlu bertanya daripada mana mereka mendapat modal untuk menjalankan perniagaan sendiri. Ini kerana tidak semua bekas banduan mampu untuk memulakan perniagaan sendiri. Maka, soalan-soalan ini mampu memberi maklumat yang berbeza kepada dapatan kajian.

## 4.10 Pra-Uji Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini bukan instrumen seragam (*standardized instrument*), yang telah dibina, disahkan dan ditetapkan nilai kebolehpercayaannya. Sepertimana yang telah dinyatakan dalam subtopik terdahulu, protokol temu bual kajian ini telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan kepada ulasan literatur, model konseptual dan kerangka teoritikal yang mendasari kajian ini. Kajian rintis adalah sangat penting dalam kajian ini kerana ia boleh menentukan pemahaman responden tentang rumusan kajian. Oleh itu, satu kajian rintis telah dilakukan untuk menentukan pemahaman dan pengetahuan responden mengenai topik penyelidikan dan juga soalan-soalan temu bual. Ujian rintis ini juga dilakukan bagi membantu "*memberi amaran*" kepada pengkaji tentang soalan-soalan yang perlu dipinda dan membuat penambahbaikan daripada soalan-soalan temu bual. Kajian rintis telah dijalankan dengan dua orang bekas banduan yang dikenalpasti melalui kenalan. Tujuan kajian rintis dijalankan bagi memastikan mereka menunjukkan pemahaman lengkap mengenai soalan protokol temu bual. Mereka ini tidak terlibat di dalam kajian sebenar.

University of Malaya

Kajian rintis telah dijalankan ke atas dua orang responden yang telah ditemui menerusi kaedah persampelan bola salji pada sekitar awal bulan Januari 2016. Responden pertama telah dijumpai menerusi aplikasi sosial Facebook di mana seorang responden telah secara sukarela memberitahu sudi ditemubual apabila pengkaji telah memuat naik iklan tentang pencarian bekas banduan untuk ditemubual bagi isu pengulangan jenayah dan pemberhentian dari jenayah. Responden pertama telah ditemubual di Taman Tasik Permaisuri, Cheras atas permintaan responden sendiri yang tinggal berdekatan kawasan tersebut. Kajian rintis berjalan lancar dan telah direkod dengan mengunakan pita perakam. Daripada penemuan dengan responden pertama ini, responden telah memperkenalkan seorang lagi rakannya yang pernah membantu beliau pada suatu ketika dahulu dalam menjalani kehidupan berintegrasi sebaik dibebaskan dari penjara. Rakannya yang kini telah berkerja sebagai salah satu aktivis di dalam PENGASIH.

Pengkaji telah menghubungi responden kedua dan memaklumkan objektif yang ingin dicapai menerusi temu bual tersebut. Responden kedua telah bersetuju untuk ditemubual di sebuah restoren McDonald di Seksyen 7, Shah Alam. Responden telah hadir bersama pasangan isteri yang sedang mengandung pada ketika itu. Responden adalah dari kalangan yang telah berhenti dari melakukan jenayah. Kerjaya beliau sebagai aktivis di PENGASIH dan juga seorang suami dapat dilihat sebagai faktor yang membawa kepada kejayaan beliau untuk berhenti daripada jenayah. Kajian rintis beliau telah berjalan lancar. Temu bual telah dilakukan dengan selesa dan santai pada waktu tengah hari.

University of Malaya

Dari temu bual kajian rintis yang dijalankan ini, pengkaji telah berjaya memperbaiki soalan-soalan protokol temu bual yang sukar difahami dan juga soalan-soalan '*probe*' yang harus ditanya. Sebagai contohnya, responden kajian rintis pertama yang memilih untuk hidup bujang. Pengkaji telah memperbaiki soalan tentang status mereka dengan bertanya mengapa memilih bujang dan bagaimana pencarian pasangan sepanjang dibebaskan dari penjara. Selain itu, soalan yang berkaitan pernahkah terfikir menamatkan alam bujang turut signifikan untuk ditanya bagi mendapatkan jawapan yang lebih menarik. Kesemua ini penting dalam mendapatkan penjelasan yang mendalam tentang kehidupan mereka. Begitu juga dengan responden kajian rintis kedua telah mengatakan pemilihan beliau untuk berniaga selepas baru dibebaskan. Keadaan ini membuatkan pengkaji telah menambah soalan *'probe'* seperti kenapa memilih berniaga berbanding mencari kerja yang bergaji. Hal ini membolehkan pengkaji mendapat dapatan yang menarik. Selain itu soalan tambahan dari segi bagaimana mereka mendapatkan modal untuk berniaga. Ianya adalah suatu yang mustahak untuk diketahui apabila tidak semua individu berpeluang untuk berniaga memandangkan keperluan modal yang tinggi dalam memulakan perniagaan.

Matlamat pra-uji antara kajian kualitatif dan kajian kuantitatif adalah berbeza. Pada dasarnya pengkaji perlu memastikan bahawa instrumen yang dipilih adalah sah dan boleh dipercayai. Pengkaji memilih jenis instrumen yang selari dengan persoalan kajian yang digariskan. Hal ini adalah bagi memastikan dapatan yang diperolehi mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk digunakan di dalam proses analisis. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian penyelidikan bergantung sebahagian besarnya pada kesesuaian instrumen tersebut. Menurut Neuman (2006), kesahan bermakna kebenaran. Dalam kajian kualitatif, pengkaji lebih berminat dalam mencapai

University of Malaya

kesahihan (*authencity*) daripada merealisasikan satu versi kebenaran. Kesahihan (*authencity*) bermakna menawarkan kajian yang adil, jujur dan seimbang.

Selain itu, strategi triangulasi juga boleh membantu untuk meningkatkan kesahan dengan menggunakan pelbagai sumber data untuk mengesahkan penemuan baru yang muncul (Merriam & Merriam, 1998). Triangulasi merujuk kepada penggunaan pelbagai kaedah atau sumber data dalam penyelidikan kualitatif untuk membangun pemahaman yang menyeluruh terhadap suatu fenomena (Patton, 1999). Triangulasi juga dilihat sebagai strategi penyelidikan kualitatif untuk menguji kesahihan melalui penumpuan maklumat dari sumber yang berlainan. Denzin (1978) dan Patton (1999) mengenalpasti empat jenis triangulasi: (a) triangulasi data melibatkan masa, ruang dan orang, (b) triangulasi penyiasat (*investigator*) melibatkan beberapa penyelidik dalam sesebuah kajian penyelidikan (c) triangulasi teori melibatkan penggunaan lebih daripada satu teori dalam tafsiran fenomena tersebut dan (d) triangulasi sumber data (metodologi) melibatkan penggunaan lebih daripada satu kaedah untuk mengumpul data, seperti temu bual, pemerhatian, soal selidik, dan dokumen.

Kesahan adalah sejauh mana hasil kajian yang boleh diperolehi dari sampel yang dipilih untuk populasi. Sampel harus menjadi perwakilan tepat untuk populasi yang dikaji. Kesahan akan menunjukkan sejauh mana protokol instrumen yang dipilih berupaya mengukur apa yang sepatutnya. Ia jarang berlaku dan hampir mustahil untuk menghasilkan instrumen yang 100 peratus sah. Mewujudkan kesahan dan kesahihan dalam kajian kualitatif boleh menjadi lebih sukar jika dibandingkan dengan kajian kuantitatif (Denzin & Lincoln, 2005).

University of Malaya

Selain itu, pengkaji tidak mengabaikan mana-mana maklumat yang diberikan oleh responden. Rakaman serta pengambilan nota juga boleh membantu untuk meningkatkan kesahan dalam kajian. Dalam usaha untuk meningkatkan kesahan kajian ini, pengkaji meminta penyelia tesis untuk memeriksa verbatim yang ditranskripsi dan tema yang dibina. Neuman (2006) menakrifkan kebolehpercayaan sebagai kewibawaan (*dependability*) atau konsisten. Kajian ini menggunakan rakaman suara dan mengambil nota untuk merakam temu bual dengan responden. Ini adalah untuk memastikan kestabilan dan proses temuduga yang konsisten. Merriam dan Merriam (1998) pula menyatakan pengkaji boleh menggunakan beberapa teknik untuk memastikan bahawa keputusan yang boleh dipercayai seperti triangulasi dan *audit trail*. Triangulasi membantu menguatkan kebolehpercayaan serta kesahan kajian.

## 4.11 Etika Penyelidikan

Sebelum bermulanya temu bual, semua responden telah diberi penerangan secara terperinci mengenai sifat temu bual dan peranan mereka dalam konteks kajian ini. Mereka juga telah diberikan Borang Persetujuan (Lampiran 3). Proses maklum balas berlaku di mana setiap responden telah diberi penerangan mengenai sifat dan tujuan kajian, rasional di sebalik temu bual, dan isu-isu kerahsiaan dan perahsiaan identiti. Semua responden juga telah diberi taklimat bahawa mereka hanya akan ditanya mengenai pengalaman dan isu-isu yang berkaitan dengan cabaran integrasi yang dihadapi oleh mereka. Semua responden juga telah dimaklumkan bahawa mereka adalah bebas untuk memilih sama ada untuk meneruskan atau menarik diri daripada menjadi responden kajian ini pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan apa-apa sebab, tanpa sebarang implikasi undang-undang.

University of Malaya

Pengkaji telah mengikut empat prinsip etika semasa menjalankan temu bual secara mendalam (Wimmer & Dominick, 2006). Pertama adalah prinsip autonomi apabila pengkaji menghormati hak-hak, nilai dan keputusan semua maklumat. Contoh prinsip ini yang digunakan di dalam kajian ini adalah penggunaan persetujuan yang perlu ditandatangani oleh responden sebelum temu bual diadakan. Pengkaji menyatakan terlebih dahulu tujuan kajian ini kepada semua responden. Responden perlu tahu penyertaan mereka adalah secara sukarela dan mereka mempunyai hak untuk menyatakan keengganan mereka jika mereka tidak mahu terlibat.

Prinsip etika kedua ialah "*non-maleficence*" di mana ia adalah salah untuk sengaja mendatangkan mudarat kepada responden. Pengkaji tidak mendedahkan responden kepada tekanan fizikal atau mental. Semua temu bual secara mendalam berlangsung dalam keadaan santai dan selamat. Pengkaji tidak mencerobohi privasi responden dan semua soalan yang ditanya adalah berdasarkan kepada protokol temu bual yang telah disediakan lebih awal.

Prinsip etika ketiga adalah "*beneficience*", yang bermakna menetapkan obligasi positif untuk menghapuskan kemudaratan yang sedia ada bagi memberi manfaat kepada orang lain (Wimmer & Dominick, 2006). Pengkaji telah menyakinkan semua responden kajian bahawa matlamat utama kajian ini adalah untuk membantu golongan bekas banduan dengan cuba mencadangkan pembinaan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berupaya membantu melindungi mereka dari terlibat semula dari jenayah serta meningkatkan kualiti hidup mereka. Tiada satu maklumat yang diberikan oleh mereka di dalam temu bual yang

University of Malaya

akan digunakan untuk memudaratkan diri mereka atau golongan bekas banduan secara keseluruhan.

Prinsip etika keempat adalah keadilan. Setiap responden yang menyertai proses temu bual telah diberi layanan yang sama. Pengkaji juga memastikan privasi semua responden terjamin. Terdapat dua cara untuk menjamin privasi secara hormat. Pertama, memastikan ketanpanamaan (*anonymity*). Kedua, memberi jaminan kerahsiaan apabila nama responden tidak dipaparkan dan responden tidak mungkin dapat dikaitkan dengan kenyataan mereka di dalam tesis ini. Kerahsiaan adalah sangat penting untuk memastikan responden untuk menjadi jujur dan berterus terang dalam respons mereka. Para pengkaji juga telah memaklumkan kepada pemberi maklumat bahawa semua maklumat yang diberikan hanya akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

## 4.12 Teknik Analisis Data

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk menganalisi data seperti perisian *Nvivo, Atlas.ti, Microsoft Word* dan tidak kurang juga terdapat pengkaji-pengkaji yang mengunakan kaedah secara manual. Namun untuk kajian ini, pengkaji telah menggunakan perisian *Atlas.ti* edisi ke-7 bagi menganalisis data primer yang terkumpul. *Atlas.ti* ini adalah sebuah perisian komputer yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Sehingga tahun Mac 2018, Atlas.ti telah memiliki sebanyak 8 buah edisi. Pemilihan *Atlas.ti* edisi ke-7 memandangkan penganalisian data kajian peringkat Ph.D ini telah dilakukan pada tahun 2016. Malahan, pengkaji telah melanggan perisian *Atlas.ti* edisi ke-7 ini yang bermula tahun 2015 selama 2 tahun.

University of Malaya

Tujuan penggunaan perisian *Atlas.ti* adalah untuk membantu pengkaji mendedahkan dan menganalisis secara sistematik mengenai fenomena kompleks yang tersembunyi dalam data tidak berstruktur (seperti transkrip, teks, multimedia, geospatial). Perisian ini menyediakan alat yang membolehkan pengkaji mengenalpasti kod dan mencatat penemuan dalam bahan data utama untuk menganalisis dan menilai kod yang ditemui. *Atlas.ti* sering digunakan dalam mengekod dan menganalisis sumber seperti teks, imej, audio, video dan data geopastial. Dalam kajian ini, penggunaan perisian *Atlas.ti* adalah untuk mengekod transkrip temu bual. Dengan adanya perisian *Atlas.ti* ini, pengkaji dengan mudah dapat mengenalpasti mana-mana kod yang muncul dengan lebih sistematik mengikut urutan. Kod yang muncul akan tersusun mengikut urutan dan pengkaji dengan mudah mengenalpasti dari mana asal kod tersebut.

Perisian *Atlas.ti* juga mempunyai fungsi untuk mentaskrip temu bual. Namun di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan perisian *Microsoft Word* untuk menyalin semula temu bual yang dijalankan. Dalam proses penyalinan semula rakaman temu bual, pengkaji menambah nota-nota yang dibuat sepanjang proses temu bual dijalankan untuk transkrip sendiri. Sebaik proses transkripsi, pengkaji memasukkan kesemua transkrip yang telah dibuat tersebut ke dalam *Atlas.ti* edisi yang ke-7. dan terus menjalankan proses pengekodan bagi mentafsir data yang telah disalin ke dalam bentuk penulisan dari segi segi tema, konsep atau idea. Beberapa cara yang berbeza untuk membuat kod iaitu meliputi *'open coding'*, *'in-vivo coding'*, *'codeby coding'* dan *'quick coding'*. Namun kajian ini telah mengunakan kaedah '*open coding*' dalam membuat kod. *'Open coding'* membolehkan pengkaji membuat istilah sendiri untuk kod yag dikenalpasti. Selepas pengkaji menamakan kod yang yang dipilih, ia akan terpapar di bahagian kanan perisian *Atlas.ti.*

University of Malaya

Pengkaji dapat membuat kod ketika membaca keseluruhan transkrip. Selari dengan kajian kualitatif, pengkaji melaporkan kod di dalam bab dapatan kajian (rujuk bab 5 dan 6) berdasarkan urutan iaitu dimulakan dengan kod pertama yang ditemui sehingga tiada lagi kod-kod baru yang ditemui. Kajian ini telah dijalankan ke atas 19 orang responden. Pengkaji telah memilih untuk berhenti menjalankan proses temu bual apabila tiada lagi tema-tema baru yang ditemui apabila berada pada tanskrip responden ke-19. Pengkaji akan mengekod tanskrip berdasarkan kod yang muncul mengikut objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada pengulangan dan pemberhentian dari jenayah. Kod pertama yang dikenalpasti adalah berkaitan penempatan di mana bekas banduan yang dibebaskan enggan pulang ke rumah keluarga. Seterusnya konsep yang bersesuaian dikenalpasti dan dinamakan mengunakan perisian Atlas.ti ini.

Kod yang ditemui akan digabungkan ke dalam satu buah keluarga atau dipanggil '*families*' di dalam perisian *Atlas-Ti*. Pengunaan '*Families*' membolehkan tema-tema yang serupa dapat dikumpulkan bersama. Beberapa tema yang ditemui iaitu dari segi penempatan, hubungan kekeluargaan, perkahwinan, pekerjaan, masyarakat, rakan sebaya, ketagihan dadah dan arak, dan juga tahap kesihatan. Pengkaji melampirkan kod yang ditemui di dalam bab 5 dan 6. Kod yang ditemui dikelompokkan kepada dua bahagian iaitu yang negatif yang merujuk kepada faktor risiko manakala positif yang merujuk kepada faktor pelindung. Kajian mendapati rata-rata kod yang negatif banyak disumbangkan daripada responden pengulanglaku jenayah. Berbeza dengan kod-kod yang bersifat positif yang banyak diperolehi /daripada transkrip responden yang berhenti dari jenayah.

University of Malaya

Kaedah analisis ini menyediakan pengkaji dengan peluang-peluang untuk mentriangulasi data bagi mengukuhkan dapatan kajian dan kesimpulan. Pengkaji menyusun data dalam pelbagai cara untuk membuat penambahan baru dan mencari percanggahan data untuk dibuktikan di dalam analisis. Di samping itu, kaedah analisis tematik telah digunakan untuk mencungkil maklumat lanjut yang diperoleh Analisis tematik adalah satu pendekatan untuk berurusan dengan data yang melibatkan penggunaan kod untuk data (Creswell, 2007). Analisis tematik adalah kaedah untuk mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan corak atau tema dalam data.

University of Malaya

# BAB 5: FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG MENDORONG BEKAS BANDUAN MENJADI PENGULANGLAKU JENAYAH

## 5.1 Pendahuluan

Faktor-faktor risiko merujuk kepada ciri-ciri yang terdapat di dalam diri dan persekitaran individu yang meningkatkan kecenderungan individu tersebut untuk terlibat dalam tingkah laku jenayah (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Andrews & Dowden, 2006). Bagi konteks residivisme, faktor risiko memberi tumpuan kepada proses memahami kecenderungan kesalahan berulang dalam kalangan bekas banduan dan bagaimana ia boleh dikurangkan jika faktor risiko tersebut dapat dibendung dan dicegah dari awal; iaitu sebaik bekas banduan dibebaskan dari penjara. Pemahaman yang bertepatan mengenai faktor risiko yang wujud di dalam persekitaran sosial serta diri bekas banduan berupaya mencegah tingkah laku residivisme.

Bab lima ini memaparkan dapatan kajian bagi persoalan dan objektif pertama kajian ini. Bagi membantu ingatan pembaca, persoalan pertama kajian ini adalah apakah faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan yang berada dalam proses integrasi semula menjadi pengulanglaku jenayah? (Supra, halaman 7-11). Manakala, objektif pertama kajian ini pula adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan yang berada dalam proses integrasi sosial menjadi pengulanglaku jenayah. Sebelum pengkaji memaparkan faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan yang berada dalam proses integrasi semula menjadi pengulanglaku jenayah, terlebih dahulu pengkaji memaparkan maklumat demografi sosial responden yang menyertai kajian ini.

University of Malaya

## 5.2 Profil Demografi Sosial Responden Kajian Pengulanglaku jenayah

Kajian ini melibatkan seramai 19 orang responden yang terdiri daripada 17 orang bekas banduan lelaki dan 2 orang bekas banduan wanita. Nama setiap responden dirahsiahkan dan telah digantikan dengan nama samaran. Tindakan ini dilakukan untuk merahsiakan identiti responden. Tindakan ini penting kerana ia merupakan satu kajian sensitif yang melibatkan responden yang berisiko tinggi untuk dilabel negatif oleh masyarakat.

**Jadual 5.1:** Responden Kajian

| Responden | Nama Samaran | Kategori |
|---|---|---|
| 1 | Lufti | Pengulanglaku jenayah |
| 2 | Muiz | Berhenti dari jenayah |
| 3 | Siva | Pengulanglaku jenayah |
| 4 | Syafiq | Berhenti dari jenayah |
| 5 | Hafiz | Pengulanglaku jenayah |
| 6 | Suhaimi | Pengulanglaku jenayah |
| 7 | Rizal | Berhenti dari jenayah |
| 8 | Suhaila | Pengulanglaku jenayah |
| 9 | Rahimah | Pengulanglaku jenayah |
| 10 | Latif | Pengulanglaku jenayah |
| 11 | Nabil | Pengulanglaku jenayah |
| 12 | Amir | Pengulanglaku jenayah |
| 13 | Ramli | Pengulanglaku jenayah |
| 14 | Razak | Pengulanglaku jenayah |
| 15 | Zahid | Pengulanglaku jenayah |
| 16 | Naim | Pengulanglaku jenayah |
| 17 | Zarul | Pengulanglaku jenayah |
| 18 | Fikri | Pengulanglaku jenayah |
| 19 | Syamsul | Pengulanglaku jenayah |

Seramai 16 orang daripada responden kajian ini merupakan bekas banduan pengulanglaku jenayah. Hanya 3 orang responden merupakan bekas banduan yang tidak mengulangi jenayah. Bilangan pengulanglaku jenayah yang menampilkan diri untuk ditemubual adalah lebih ramai berbanding responden yang berhenti dari jenayah. Berbanding dengan responden yang berhenti dari jenayah, responden pengulanglaku jenayah lebih bersedia untuk ditemubual dan lebih mudah untuk didekati

University of Malaya

(*approachable)*. Kebanyakan responden pengulanglaku jenayah yang menyertai kajian ini merupakan klien Persatuan IKHLAS. Mereka telah diperkenalkan oleh pengelola persatuan untuk mengikuti kajian lapangan ini.

Keadaan yang sebaliknya berlaku di dalam kalangan bekas banduan yang tidak mengulangi jenayah. Rata-rata mereka sukar untuk didekati dan enggan berkongsi masa lampau mereka. Kebanyakan mereka tidak mahu mengingati lagi kesilapan lampau yang memalukan mereka. Mereka bersikap '*discreet*' dan tidak mahu kisah lampau mereka dirakamkan untuk tujuan penyelidikan. Walaupun pengkaji telah menerangkan etika kerahsiaan yang dijamin akan dipelihara oleh pengkaji, mereka tetap tidak mahu menyertai kajian ini. Ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah yang menyertai kajian ini merupakan bekas banduan yang bekerja sebagai '*outreach worker*' di Persatuan IKHLAS. Mereka memahami niat murni penyelidikan ini. Mereka melihat perkongsian pengalaman kejayaan mereka boleh menjadi input penting kepada komuniti bekas banduan yang benar-benar mahu berubah.

Pengkaji memaparkan profil demografi sosial responden pengulanglaku jenayah kajian ini dalam Jadual 5.2. Selain itu, pengkaji juga ada memaparkan latar sosial setiap responden kajian ini menerusi *eco-maps* masing-masing (Rajah 5.1 sehingga Rajah 5.16). Maklumat responden dalam *eco-maps* mereka merangkumi jantina, umur, taraf pendidikan, tangkapan pertama, tangkapan berulang, jumlah pemenjaraan, status perkahwinan, masalah ketagihan, penyakit yang dihidapi dan hubungan kekeluargaan.

**Jadual 5.2:** Profil Demografi Sosial Responden Pengulanglaku Jenayah

| **Demografi Responden** | **Jantina** | **Negeri Asal** | **Umur** | **Taraf Pendidikan** | **Umur pada tangkapan pertama dan jenis kesalahan** | **Umur pada tangkapan berulang dan jenis kesalahan** | **Jumlah pemenjaraan** | **Status Perkahwinan** | **Ketagihan dadah** | **Masalah kesihatan** | **Hubungan kekeluargaan** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Lufti | Lelaki | K.L | 36 Tahun | SPM | 27 Tahun / menyamun | 47 tahun/ Memiliki dadah | 2 kali | Bujang | Berhenti | HIV | Ibubapa terima baik manakala adik beradik menolak |
| Siva | Lelaki | Taiping, Perak | 54 Tahun | Darjah 6 | 36 Tahun/ Menjual dadah | 41 Tahun/ Memiliki dadah | 8 kali | Bujang | Masih | HIV | Tidak diterima oleh ahli keluarga |
| Hafiz | Lelaki | Melaka | 48 Tahun | PMR | Awal 20an Tiket parking | Umur tidak diperolehi/ Jual dadah | 7 kali | Kahwin | Berhenti | Hepatitis B dan C | Hanya setengah ahli keluarga menerima dengan baik |
| Suhaimi | Lelaki | Negeri sembilan | 42 Tahun | SPM | 23 Tahun/ Mencuri | 24 Tahun Memiliki dadah | Melebihi 3-4 kali Responden tidak ingat | Bujang | Masih | HIV | Tidak diterima oleh ahli keluarga |
| Suhaila | Perempuan | Kelantan | 63 Tahun | Darjah 5 | 11 tahun Memiliki dadah | Umur tidak diperolehi/ Memiliki dadah | 5 kali | Janda | Berhenti | Hepatitis B | Tidak diterima oleh ahli keluarga |
| Rahimah | Perempuan | Kelantan | 46 Tahun | SPM | Tidak ingat umur sewaku ditangkap / Simpan barang curi | Tidak ingat umur sewaku ditangkap/ Menjual dadah | 4 kali | Bujang | Masih | Masalah psikologi | Diterima dengan baik |
| Latif | Lelaki | Terengganu | 43 Tahun | SRP | 18 Tahun Menghisap dadah | 20 tahun Menjual Dadah | 5 Kali | Bujang | Masih | HIV | Tidak diterima oleh ahli keluarga |
| Nabil | Lelaki | Kuala Lumpur | 40 Tahun | PMR | 20 Tahun Memilik ganja | 27 Tahun Memiliki ganja | 2 Kali | Bujang | Masih | HIV | Tidak diterima oleh ahli keluarga |

University of Malaya

Sambungan **Jadual 5.2**

| Responden | Jantina | Negeri Asal | Umur | Taraf Pendidikan | Umur pada tangkapan pertama dan jenis kesalahan | Umur pada tangkapan berulang dan jenis kesalahan | Jumlah pemenjaraan | Status Perkahwinan | Ketagihan dadah | Masalah kesihatan | Hubungan kekeluargaan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Amir | Lelaki | Kelantan | 53 Tahun | SPM | 22 Tahun Memiliki dadah | 24 Tahun Memiliki dadah | 4 Kali | Bujang | Masih | Hepatitis C | Tidak diterima oleh ahli keluarga |
| Ramli | Lelaki | Kelantan | 38 Tahun | SPM | 22 Tahun Mencuri motor | 29 Tahun Memiliki dadah | 2 Kali | Bujang | Masih | HIV | Tidak diterima oleh ahli keluarga |
| Razak | Lelaki | Pahang | 41 Tahun | SPM | 22 Tahun mencuri motor | 24 Tahun Mencuri motor | 3 kali | Duda | Masih | Asma dan Hepatitis C | Tidak diterima oleh ahli keluarga |
| Zahid | Lelaki | Kelantan | 33 Tahun | PMR | 18 Tahun Memiliki dadah | Umur tidak diperolehi/ Memiliki dadah | 11 Kali | Bujang | Masih | HIV | Ibubapa terima baik manakala adik beradik menolak |
| Naim | Lelaki | Trenggan u | 46 Tahun | Tingkatan 2 | 30 Tahun Pecah rumah | 37 Tahun/ Imemiliki | 2 kalli | Bujang | Masih | Hepatitis C | Diterima dengan baik |
| Zarul | Lelaki | Pahang | 36 Tahun | Darjah 6 | 18 Tahun Memiliki motor curi | 19 Tahun/ Mencuri | 5 kali | Bujang | Masih | HIV, Hepatitis B dan C | Tidak diterima oleh ibubapa tetapi diterima baik oleh adik beradik |
| Fikri | Lelaki | Johor | 36 Tahun | PMR | 17 Tahun Merompak | 18 Tahun/ Memiliki dadah | 3 Kali | Kahwin | Berhenti | Tiada | Diterima dengan baik |
| Syamsul | Lelaki | Melaka | 40 Tahun | SPM | 28 Tahun Mencuri | Umur tidak diperolehi/ Memiliki dadah | 4 Kali | Mempunyai teman | Masih | HIV dan Hepatitis C | Tidak diterima oleh ahli keluarga |

University of Malaya




**Rajah 5.1:** *Ecomap* Lufti

University of Malaya




**Rajah 5.2:** *Ecomap* Siva

University of Malaya




**Rajah 5.3:** *Ecomap* Hafiz

University of Malaya




**Rajah 5.4:** *Ecomap* Suhaimi

University of Malaya




**Rajah 5.5:** *Ecomap* Suhaila

University of Malaya




**Rajah 5.6:** *Ecomap* Rahimah

University of Malaya




**Responden 5.7:** *Ecomap* Latif

University of Malaya




University of Malaya

**Rajah 5.8:** *Ecomap* Nabil




University of Malaya

**Rajah 5.9:** *Ecomap* Amir




**Rajah 5.10:** *Ecomap* Ramli

University of Malaya




**Rajah 5.11:** *Ecomap* Razak




**Rajah 5.12:** *Ecomap* Zahid

University of Malaya




**Rajah 5.13:** *Ecomap* Naim

University of Malaya




**Rajah 5.14:** *Ecomap* Zarul

University of Malaya




**Rajah 5.15:** *Ecomap* Fikri




**Rajah 5.16:** *Ecomap* Syamsul

University of Malaya

### 5.3 Faktor Risiko kepada Tingkahlaku Residivisme Responden

Siti Hajar dan Abd. Hadi (2009) telah mengkelompokkan faktor risiko kepada lima kumpulan yang utama; iaitu faktor risiko genetik atau biologi, faktor risiko sahsiah/ personaliti, faktor risiko tingkah laku individu sendiri, faktor risiko persekitaran sosial objektif dan faktor risiko persekitaran sosial subjektif. Pengkelompokan tersebut dibuat mengikut ekologi sosial yang melingkari kehidupan individu. Faktor risiko yang wujud di dalam persekitaran sosial individu mempunyai pengaruh dalam menentukan kecenderungan tingkah laku anti sosial individu.

Terdapat empat aspek yang perlu diingati apabila membincangkan cara bagaimana faktor risiko mempengaruhi tingkahlaku antisosial individu (Siti Hajar & Abd Hadi, 2009). Pertama, faktor risiko yang terdapat dalam semua domain bergabung membentuk satu jaringan sebab-musabab bagi mempengaruhi tingkah laku antisosial seseorang. Kedua, kesan yang dihasilkan oleh faktor risiko terhadap tingkah laku antisosial bergantung kepada dominasi faktor risiko yang terdapat dalam diri individu dalam mencetus tingkah laku jenayah. Ketiga, kesan setiap jenis faktor risiko terhadap pola tingkah laku antisosial adalah berbeza. Keempat, kesan yang dijangka bakal diwujudkan oleh faktor-faktor risiko akan menjadi lebih tepat diukur sekiranya mengambil kira kewujudan faktor-faktor pelindung di dalam diri dan persekitaran sosial seseorang individu.

University of Malaya

Kewujudan faktor risiko yang lebih dominan daripada faktor pelindung menjelaskan mengapa bekas banduan yang dibebaskan ini mengulangi jenayah secara berterusan. Dengan kata lain, walaupun terdapat beberapa peristiwa hidup yang dilalui dengan baik, kehadiran faktor risiko yang kuat dalam persekitaran tersebut mampu bertindak sebagai agen yang mampu mempengaruhi kecenderungan bekas banduan kepada aktiviti jenayah lama. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk membincangkan tentang kewujudan faktor-faktor risiko yang wujud di sekeliling persekitaran sosial bekas banduan sehingga berupaya memberi kesan kepada peristiwa hidup bekas banduan tersebut. Kajian ini lebih memberi fokus pada memahami setiap faktor-faktor risiko yang muncul sepanjang peristiwa hidup bekas banduan tersebut.

Kajian ini mendapati majoriti responden kajian merupakan bekas banduan pengulanglaku jenayah yang mempunyai latar demografi sosial yang berisiko. Semua 16 orang responden dalam kumpulan pengulanglaku jenayah ini mempunyai keluarga yang tidak menerima mereka, tidak menghormati mereka, mempunyai latar pendidikan yang rendah, hidup di dalam komuniti yang tidak kondusif dalam membantu proses integrasi semula mereka, berpenyakit dan mempunyai harga diri yang rendah. Pendek kata, mereka hidup di dalam persekitaran sosial yang berisiko, yang mendorong mereka untuk terlibat semula dengan jenayah. Hidup di dalam persekitaran berisiko dan mewarisi demografi sosial yang berisiko tersebut menyebabkan bekas banduan pengulanglaku jenayah yang menyertai kajian ini mengalami pengalaman hidup dan pelbagai peristiwa sosial yang menolak mereka untuk menjadi penjenayah semula. Bagi memudahkan pembaca melihat faktor-faktor risiko yang wujud dalam hidup responden kajian ini, pengkaji telah meringkaskan semua peristiwa sosial yang dialami mereka dalam Jadual 5.3.

University of Malaya

**Jadual 5.3:** Peristiwa Hidup Berisiko Responden Pengulanglaku Jenayah

| Responden | Tempat Tinggal | Hubungan Keluarga | Status Pekerjaan | Hubungan Rakan-Rakan | Hubungan Masyarakat | Ketagihan Dadah | Masalah Kesihatan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Lufti | Tinggal di bawah jambatan | Ibubapa terima baik manakala adik beradik menolak | Menganggur | Selesa dengan rakan-rakan yang senasib | Jiran tidak menerima | Berhenti | HIV |
| Siva | Ketiadaan rumah | Ditolak oleh ahli keluarga | Menganggur | Mempunyai hubungan yang baik dengan rakan senasib | Jiran mempunyai persepsi negatif | Masih | HIV |
| Hafiz | Ketiadaan rumah | Tidak semua ahli keluarga menerima dengan baik | Menganggur | Bercampur dengan rakan-rakan senasib | Jiran mempunyai persepsi negatif | Berhenti | Hepatitis B dan C |
| Suhaimi | Ketiadaan rumah | Ditolak oleh ahli keluarga | Menganggur | Bercampur dengan rakan-rakan senasib | Jiran tidak mencampuri urusan peribadi responden | Masih | HIV |
| Suhaila | Ketiadaan rumah | Ditolak oleh ahli keluarga | Bekerja | Bercampur dengan rakan-rakan dadah | Jiran tidak mengetahui rekodnya sebagai bekas banduan | Berhenti | Hepatitis B |
| Rahimah | Ketiadaan rumah | Diterima dengan baik | Menganggur | Bercampur dengan rakan-rakan senasib | Sering dilabel oleh jiran | Masih | Masalah psikologi |

University of Malaya

Sambungan **Jadual 5.3**

| **Responden** | **Tempat Tinggal** | **Hubungan Keluarga** | **Status Pekerjaan** | **Hubungan Rakan-Rakan** | **Hubungan Masyarakat** | **Ketagihan Dadah** | **Masalah Kesihatan** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Latif | Enggan tinggal dengan ahli keluarga | Ditolak oleh ahli keluarga | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran mendiskriminasi | Masih | HIV |
| Nabil | Kembali ke pangkuan keluarga | Ditolak oleh ahli keluarga disebabkan oleh pengulangan jenayah | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran tidak mengetahui rekod jenayahnya | Masih | HIV |
| Amir | Ketiadaan rumah | Ditolak oleh ahli keluarga | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran mendiskriminasi | Masih | Hepatitis C |
| Ramli | Ketiadaan rumah | Ditolak oleh ahli keluarga | Menganggur – enggan bekerja | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran mendiskriminasi | Masih | HIV |
| Razak | Ketiadaan rumah | Ditolak oleh ahli keluarga | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran mendiskriminasi | Masih | Asma dan Hepatitis C |
| Zahid | Ketiadaan rumah | Ibubapa terima baik manakala adik beradik menolak | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Tiada panggilan negatif tetapi responden dapat merasakan persepsi negatif | Masih | HIV & tuberkulosis |
| Naim | Tinggal berjauhan daripada keluarga | Diterima dengan baik | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran mendiskriminasi | Masih | Hepatitis C |
| Zarul | Enggal tinggal lama dengan kakaknya | Ditolak oleh Ibubapa tetapi diterima baik oleh adik beradik | Bekerja | Bercampur dengan rakan senasib | Tidak mengetahui rekod jenayah responden | Masih | HIV, Hepatitis B dan C |
| Fikri | Tinggal bersama keluarga | Diterima dengan baik | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran mendiskriminasi | Berhenti | Tiada |
| Syamsul | Ketiadaan rumah | Ditolak oleh ahli keluarga | Menganggur | Bercampur dengan rakan senasib | Jiran mendiskriminasi | Masih | HIV dan Hepatitis C |

University of Malaya

### 5.3.1 Tiada tempat tinggal untuk berteduh

Tempat tinggal merupakan keperluan penting untuk setiap bekas banduan sebaik sahaja mereka dibebaskan dari penjara. Tempat tinggal menjadi tempat untuk bekas banduan berteduh, rehat dan tidur. Tanpa tempat tinggal, kebanyakan bekas banduan terpaksa hidup merempat dan tidur di jalanan atau hidup sebagai gelandangan. Menerusi penggunaan perisian *Atlas.ti*, pengkaji telah menemui beberapa kod yang berkaitan dengan ketiadaan tempat tinggal dalam kalangan pengulanglaku jenayah ini. Pelbagai kod yang ditemui menerusi perisian *Atlas.ti* tersebut. Pengkaji mengelompokkan kod-kod yang membincangkan ketiadaan tempat tinggal di dalam satu kelompok yang sama. Pengkaji melampirkan kod-kod yang ditemui sepanjang proses mengekod kod berkaitan ketiadaan tempat tinggal ini di dalam rajah 5.17.




**Rajah 5.17:** Kod dan Tema yang berkaitan Ketiadaan Tempat Tinggal dalam kalangan bekas banduan.

University of Malaya

Berdasarkan rajah 5.17 ini, dapat dilihat sebanyak 7 kod berkaitan tempat tinggal yang ditemui. Namun dapatan kajian ini hanya melampirkan tiga sub-tema berkaitannya; iaitu enggan tinggal dengan keluarga, tidak boleh menumpang terlalu lama dan ketiadaan ibubapa untuk tinggal bersama sebagai punca kepada responden tidak mempunyai tempat tinggal tetap untuk berteduh. Verbatim mendalam bagi setiap sub-tema tersebut dipaparkan di dalam Jadual 5.4. Daripada verbatim dalam jadual tersebut, kajian ini mendapati sebab utama bekas banduan tidak mempunyai tempat tinggal berpunca daripada diri mereka sendiri. Kebanyakan responden enggan pulang ke pangkuan keluarga.

Lufti, Latif, Ramli, Razak, Zarul dan Syamsul menyatakan mereka lebih selesa untuk tinggal berjauhan daripada keluarga dan memilih hidup sendiri walaupun terpaksa menjalani hidup yang sukar sebagai gelandangan di jalanan. Lufti misalnya sanggup tinggal di bawah jambatan selama hampir 20 tahun. Latif pula mengambil keputusan untuk tinggal di Kuala Lumpur kerana beliau tidak tahan dengan sikap keluarganya yang suka memarahinya. Ramli juga tidak pulang ke kampung halaman hampir 2 tahun lamanya. Zarul, sama seperti Latif lebih rela membawa diri ke Kuala Lumpur; daripada tinggal bersama adik-beradiknya. Faktor tidak boleh menumpang atau tinggal lama di rumah keluarga; khususnya rumah adik-beradik juga menjadi punca kepada responden tidak mempunyai tempat tinggal tetap untuk berteduh. Suhaimi, Ramli, Naim dan Fikri kesemuanya mengatakan sekiranya mereka pulang ke pangkuan keluarga, mereka hanya boleh menumpang untuk tempoh waktu yang singkat sahaja. Keadaan ini menyebabkan Suhaimi, Ramli, Naim dan Fikri berhijrah ke Kuala Lumpur mencari pekerjaan dan juga rakan-rakan untuk menumpang tempat tinggal dan bergantung hidup.

University of Malaya

**Jadual 5.4:** Faktor Ketiadaan Tempat Tinggal

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| (1) Enggan tinggal dengan keluarga | *Tidak mahu tinggal dengan keluarga, sehingga saya telah melarat hidup hingga 20 tahun di lorong-lorong bawah jambatan.* (Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 28 April 2016/ 8.24 Pagi/ Persatuan IKHLAS).<br><br>*Kira hidup bersendirian sudah lama. Saya tetap pulang ke kampung halaman. Bukan tidak ada rumah, saya ada rumah.. Saya berasal dari Terengganu. Ada rumah, ayah pun ada, tapi tidak bolehlah hidup dengan keluarga. Saya ada duduk juga bersama mereka. Tapi, orang kata tidak seronoklah duduk dengan keluarga ini, mereka asyik berleter. Saya pun sudah rasa rimas. Saya pun lari balik ke Kuala Lumpur lah.* (Latif,/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 29 April 2016/ 10.16 Pagi/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Sekarang ini saya fikir dalam keadaan saya macam ini, makin menyusahkan orang tua pula.,sedangkan mak saya suruh balik ke kampung halaman. Ini kira sudah tahun ketiga saya tidak balik. Mak saya sibuk menyuruh saya balik ke kampung.* (Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 29 April 2016/ 3.21 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS).<br><br>*Saya sedar diri saya ini sebagai bekas jenayah. Saya pergi ke Kuala Lumpur untuk membawa diri. Sakit hati. Saya nak mengelakkan dari benda tidak diingini berlaku jika berada dengan keluarga. Jadi, saya bawa diri ke Kuala Lumpur*” (Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 8.13 Pagi/ Persatuan IKHLAS).<br><br>*Keluarga ada mengajak balik, tapi, saya cakap pada mereka, buat masa ini saya tidak mahu balik ke kampung. Saya mahu tinggal di Kuala Lumpur.* (Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 10.17 Pagi/ Persatua IKHLAS). |

University of Malaya

Sambungan **Jadual 5.4**

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| 2) Tidak boleh menumpang terlalu lama | *Kadang-kadang adik beradik ini, sudah tahu kisah lama saya ini. Kalau sehari dua, saya boleh menumpang di rumah mereka. Kalau sudah lama itu, kita sendiri akan terasa dan membawa diri. Saya dengan sendirinya akan memilih untuk berpindah dari mereka.* (Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 28 April 2016/ 2.13 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS).<br><br>*Kalau saya balik ke kampung pun hanya setakat untuk seminggu dua minggu sahaja yang saya boleh tumpang sebab saya tidak ada rumah pusaka. Semua saya tidak ada. Maka saya perlu keluar bila sudah tiba tempohnya. Saya tidak bolehlah menumpang terlalu lama.* (Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 29 April 2016/ 2.23 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS ).<br><br>*Kita tinggal boleh tapi tidak boleh terlalu lama, sebulan dua sahaja. Lepas itu mereka akan bisinglah sebab tidak bekerja. Balik-balik saya hanya duduk di rumah sahaja. Maka saya dengan sendiri faham akan berpindah ke Kuala Lumpur, jauh dari mereka.* (Naim/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 5.20 Petang/ Persatuan IKHLAS).<br><br>Saya *tidak diberi tempoh masa untuk tinggal dengan ahli keluarga. Cuma, saya sendiri faham-faham, sampai masa, duduk pun tidak terlalu lama, sebulan dua sahaja. Sebelum saya jumpa balik kawan-kawan lama, jumpa apa yang boleh menjanjikan duit ke apa, bila sudah jumpa apa yang saya perlukan semua, sudah jumpa kawan semua, sudah tahu lubang apa hendak cari, saya akan keluar dari rumah lah.* (Fikri/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 9.12 Pagi/ Persatuan IKHLAS) |
| (3) Ketiadaan ibubapa untuk kembali semula | *Saya sebab orang tua pun sudah tidak ada, tinggal dengan adik beradik. Itu pun saya hanya tinggal sementara waktu sahaja. Tiba masa saya akan berpindah keluar.* (Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2.22 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Saya hendak balik ke kampung pun memang saya sudah tidak ada ahli keluarga. Maka saya terpaksa tinggal bersendirian di Kuala Lumpur lah.* (Suhaila/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 8.15/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Saya hanya tinggal dengan keluarga untuk tempoh sementara sajalah. Saya pun orang tua pun sudah tidak ada kan. Saya pun tidak tahu untuk tinggal dengan siapa sekiranya balik ke kampung. Akhirnya saya akan ke Kuala Lumpur juga lah setiap kali dibebaskan.* (Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P2)/ 29 April 2016/ 3.14 Pagi/ Persatuan IKHLAS). |

Satu lagi dapatan kajian ini yang ingin pengkaji paparkan adalah potensi bekas banduan untuk mempunyai tempat tinggal semakin tipis sekiranya ibu bapa atau mana-mana satu ibu atau bapa mereka telah meninggal dunia. Ketiadaan ibubapa jelas memberi kesan besar kepada bekas banduan dari segi tempat tinggal dan tempat untuk bergantung. Suhaimi dan Ramli mengatakan ketiadaan kedua ibubapa menyebabkan mereka tidak boleh tinggal di rumah ibubapa mereka yang kini telah diduduki oleh adik-beradik mereka. Ibu bapa merupakan individu yang paling diharapkan oleh bekas banduan untuk menumpang. Ibu bapa berperanan sebagai tulang belakang kepada bekas banduan ini dalam memulakan hidup yang baru selepas dibebaskan. Kematian ibu bapa menyebabkan mereka tidak mempunyai tempat tuju sebaik sahaja dibebaskan. Kebanyakan responden kajian merasa janggal dan kurang selesa untuk tinggal di rumah ibu bapa mereka yang diduduki oleh adik-beradik yang berkahwin, setelah ibu bapa meninggal dunia.

Ketiadaan tempat tinggal menjadi semakin sukar buat bekas banduan yang sememangnya tiada langsung mempunyai ahli keluarga. Sebagai contohnya Suhaila. Beliau dibesarkan oleh keluarga angkat. Pemenjaraan telah menyebabkan ahli keluarga angkatnya memutuskan hubungan dengannya. Beliau langsung tidak mempunyai tempat untuk dituju dan tempat tinggal semasa dibebaskan dari penjara. Akibatnya, Suhaila terpaksa menumpang rumah rakan-rakan perempuannya yang merupakan pekerja seks dan penagih dadah. Ini kemudiannya mendorong beliau untuk terlibat semula dalam penagihan dadah.

University of Malaya

Pendek kata, ketiadaan tempat tinggal menyebabkan bekas banduan terpaksa tidur di jalanan dan keadaan ini cenderung meletakkan mereka dalam risiko untuk mengulanglaku semula aktiviti atau perlakuan jenayah. Hampir semua responden kajian ini yang tidak mempunyai tempat tinggal terlibat semula dengan jenayah. Tidak tinggal bersama keluarga yang kemudiannya menolak mereka untuk tinggal menumpang bersama rakan sebaya, atau, lebih spesifik lagi tinggal bersama rakan-rakan senasib menyebabkan bekas banduan dengan mudahnya terjebak semula ke dalam aktiviti lama mereka.

### 5.3.2 Penolakan ahli keluarga dan pasangan

Keluarga mempunyai peranan yang kritikal di dalam mempengaruhi daya-upaya bekas banduan mematuhi peraturan, mengekang diri daripada sebarang aktiviti jenayah serta menjadi seorang ahli komuniti yang bertanggungjawab (Altschuler & Brash, 2004; Braman, 2004; Seiter & Kadela, 2003; Travis & Petersilia, 2001). Sokongan keluarga penting di dalam membantu bekas banduan menghadapi proses integrasi semula (Visher, Kachnowski, La Vigne & Travis, 2004; Breese et al., 2001). Bagi konteks kajian ini, apa yang berlaku adalah sebaliknya. Pengkaji mendapati majoriti responden dalam kajian ini ditolak atau tidak diterima oleh ahli keluarga mereka, sebaik dibebaskan dari penjara. Penolakan keluarga mempengaruhi tindakan bekas banduan untuk cenderung ke arah kehidupan lama, ditangkap dan dipenjarakan semula.

Ianya dapat dilihat daripada hasil pengekodan yang dibuat ke atas transkrip responden mengunakan perisian *Atlas.ti* ini. Pengkaji telah menemui beberapa kod yang berkaitan penolakan ahli keluarga. Berikut pengkaji melampirkan kod tersebut di dalam rajah 5.18.

University of Malaya




**Rajah 5.18:** Kod dan Tema berkaitan Penolakan Ahli Keluarga

Pengkaji telah menemui sebanyak sepuluh kod berkaitan penolakan ahli keluarga. Pelbagai kod yang dapat dilihat mempunyai kaitan ke atas penolakan keluarga yang berlaku telah ditemui sepanjang proses mentaskrip ini. Namun daripada sepuluh kod yang ditemui ini, pengkaji telah mencantas sehingga membawa kepada pengenalpastian lima punca yang saling berkaitan yang menyebabkan keluarga tidak menerima atau menyisihkan ahli keluarga mereka yang merupakan bekas banduan. Lima punca tersebut adalah seperti berikut:

*5.3.2.1 Sindiran dan panggilan negatif yang diberikan oleh ahli keluarga terhadap bekas banduan*

Responden kajian ini menyatakan yang mereka tersinggung dengan sikap kebanyakan ahli keluarga mereka yang gemar memanggil mereka dengan panggilan negatif. Contohnya, Lufti dan Ramli mengakui yang mereka tidak dapat menerima sindiran

University of Malaya

yang dilemparkan dan panggilan negatif yang diberikan oleh ahli keluarga ke atas diri mereka.

> *Saya akan dengar bahasa-bahasa daripada keluarga saya daripada belakang. Itu tidak ada kerja lain lah tu, balik-balik hisap pit (merujuk kepada dadah) lah itu. Hisap dadah balik lah tu. Jadi, saya tidak boleh terima herdikan macam itu.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 28 April 2016/ 8.10 pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Adalah cakap itu macam sindir-sindir. Saya dengar mereka menyindir saya ketika berada di rumah keluarga.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 29 April/ 2.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS

*5.3.2.2 Ahli keluarga cenderung menuduh responden*

Bekas banduan yang terlibat dalam kajian ini menyatakan yang mereka bukan sahaja dicemuh dan dipanggil dengan panggilan negatif, malah, mereka merupakan orang pertama yang dituduh sekiranya berlaku kecurian, kehilangan atau masalah dalam keluarga (LaVigne, Naser, Brooks & Castro, 2005). Perkara yang paling ketara adalah apabila berlakunya kehilangan barang atau kecurian di dalam rumah. Anggota keluarga sentiasa mempunyai perasaan syak wasangka terhadap bekas banduan.

Perlakuan keluarga yang lebih kritikal yang mendorong rasa kecewa bekas banduan adalah apabila mereka menyorokkan harta benda seperti barang kemas, beg dan dompet kerana bimbang akan diambil oleh responden. Lufti, Siva dan Syamsul menyatakan sikap anggota keluarga sebegini menyebabkan mereka lebih selesa untuk tinggal berjauhan dari ahli keluarga; berbanding asyik sering dituduh apabila berlaku kecurian di dalam rumah. Beberapa pernyataan yang dipetik daripada verbatim responden kajian yang mengatakan hal ini adalah seperti berikut:

University of Malaya

*Keluarga akan terus menuduh saya, sedangkan saya baru bebas dari penjara. Saya tidak buat benda-benda yang mereka sering tuduh. Contoh macam, surat gadai barang kemas adik perempuan saya hilang sedangkan surat gadai itu ada. Mereka yang belum cari betul-betul tetapi sudah menuduh saya yang mencurinya.*

(Lufti / Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.26 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Kadang-kadang bila balik ke rumah macam kampung halaman, mereka cakap apa tau, macam saya dulu kan seorang yang jahat, sering mencuri kasut, mencuri basikal. Sangkaan begini sememangnya sering berlaku disebabkan oleh benda-benda lama yang pernah aku buat. Sedangkan aku nak berhenti. Tetapi benda macam ini buat aku sedih.*

(Siva / Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 10.18 Pagi/ Persatuan IKLAS )

*Walaupun saya cuba hendak berhenti tapi, disebabkan benda jadi macam itu (sering dituduh), saya jadi macam, tawar hati lah, saya tidak buat pun, mereka cakap saya, jadi macam itu lah.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.16 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*5.3.2.3 Ahli keluarga tidak mempercayai bekas banduan*

Pengkaji mendapati punca utama yang menyebabkan ahli keluarga mencemuh, menyindir dan menuduh bekas banduan adalah kerana ahli keluarga sudah hilang rasa hormat dan percaya terhadap bekas banduan. Kedua-dua perasaan tersebut mempunyai kaitan rapat dengan perlakuan bekas banduan yang gagal mengubah tabiat jenayah mereka, dan seringkali mengulangi perlakuan jenayah mereka.

Lufti contohnya, beliau mengatakan ahli keluarganya sentiasa merasa was-was terhadap tindak-tanduknya yang tidak boleh dipercayai. Begitu juga dengan Razak yang mengatakan adik beradiknya sentiasa memandang sinis terhadapnya kerana sikap beliau yang terus-menerus mengambil dadah, walaupun telah ditangkap dan dibebaskan beberapa kali. Sikap bekas banduan yang tidak serik dipenjarakan, terus-

University of Malaya

menerus terlibat dengan jenayah dan gagal merawati ketagihan dadah mereka menyebabkan ahli keluarga merasa kecewa, putus harapan dan tidak mahu mempercayai mereka lagi. Akibatnya, mereka tidak dapat lagi menerima kehadiran anggota keluarga yang berstatus bekas banduan dalam hidup mereka.

> *Sepanjang itu memang ahli keluarga berasa was-was dan curiga lah. Mereka memang tidak percaya dengan kehadiran saya di rumah.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.27 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Cuma pandangan mereka lah, saya masih mengambil dadah lagi, pandangan adik beradik saya tentang masalah ketagihan dadah saya*.

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.25 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

#### *5.3.2.4 Keluarga merasa tawar hati dengan sikap responden yang seringkali mengulanglaku jenayah dan dipenjarakan*

Selain itu, responden turut mengakui sikap mereka yang kerap mengulangi perlakuan jenayah dan dipenjarakan menyebabkan ahli keluarga menolak atau sukar untuk menerima semula mereka. Kebanyakan daripada anggota keluarga merasa tawar hati dan tertipu dengan sikap responden. Kebanyakan daripada anggota keluarga juga tidak lagi mahu mengambil tahu tentang responden. Pengkaji ingin memetik pengalaman Suhaimi sebagai contoh. Menurutnya, ketika dibebaskan pada pertama kali, ahli keluarganya ada membantu dia dalam proses berintegrasi. Namun, penglibatan semula beliau dalam jenayah menyebabkan ahli keluarga merasa kecewa dan tawar hati sehinggakan enggan lagi membantu selepas dibebaskan untuk kali kedua dan seterusnya selepas itu.

University of Malaya

*Masa itu, ada bantu lah (merujuk selepas pembebasan pertama). Bila kita sudah jadi macam ini, mereka jadi malas hendak membantu. Mereka fikir asyik kena bantu sahaja, lebih macam itu lah.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2.17 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Begitu juga dengan Nabil yang mengatakan ahli keluarga pernah membantu pada kali pertama dia dibebaskan dengan anggapan dia boleh berubah selepas itu. Namun, pengulangan jenayah yang dilakukannya telah menyebabkan ahli keluarga enggan lagi membantu.

*Dia memberi bantuan duit saya dengan niat supaya saya berubah lah. Sehinggalah saya ditangkap semula dengan dadah, mereka mula menjadi tawar hati dan mengambil keputusan untuk tidak mengambil tahu lagi mengenai saya.*

(Nabil/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 11.28 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*5.3.2.5 Penyakit yang dihidapi bekas banduan merenggangkan lagi hubungan keluarga*

Kajian ini juga mendapati penyakit HIV, Hepatitis B, Hepatitis C dan tuberkulosis yang dialami oleh responden juga menyebabkan ahli keluarga tidak dapat menerima mereka, atau menyebabkan hubungan mereka dengan ahli keluarga renggang. Siva, Latif dan Ramli yang mempunyai HIV secara terus-terang menyatakan yang ahli keluarga mereka tidak mahu menerima mereka sebaik sahaja mengetahui yang mereka mempunyai HIV. Siva, Latif dan Ramli, walaubagaimana pun, tidak menyalahkan ahli keluarga mereka sepenuhnya. Mereka faham ahli keluarga menjauhi mereka kerana persepsi negatif berkaitan HIV, serta perasaan takut yang penyakit ini boleh merebak kepada ahli keluarga yang lain. Contoh beberapa pernyataan yang dipetik daripada verbatim responden berkaitan hal ini adalah seperti berikut:

University of Malaya

*Macam contoh adik lelaki. Mereka pun tidak mahu menerima saya lah, saya ada penyakit HIV. Mereka takut penyakit saya akan kena pada mereka.*

(Siva/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 10.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Sebab saya menpunyai sakit lah. Sebab saya tidak normal macam orang lain, saya ada penyakit HIV. Mereka pandang pun memang lain macam. Ahli keluarga siap mengasingkan bekas makanan kerana bimbang perkongsian makanan boleh membawa kepada jangkitan penyakit HIV.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Itu lah macam sudah tahu saya ada sakit HIV, mereka macam sudah tidak boleh terimalah. Terima tak terima macam 50-50. Dengan sakit yang ada ni kan mungkin macam menyusahkan mereka. Perasaan takut itu memang jelas dari tingkah laku mereka melayan saya.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.12 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Semua responden kajian ini melaporkan yang mereka dilayan buruk oleh anggota keluarga mereka apabila mengetahui yang responden mempunyai penyakit berbahaya seperti HIV, Hepatitis B, Hepatitis C dan tuberkulosis. Latif misalnya mengatakan yang ahli keluarganya mengasingkan bekas makanan dan minumannya kerana bimbang penyakit HIV tersebut boleh menjangkiti ahli keluarga yang lain. Latif juga perlu membasuh sendiri pinggan dan mangkuknya sebaik sahaja digunakan. Semua responden yang menerima layanan buruk sebegini mengakui yang mereka berasa tersisih walaupun berada dengan ahli keluarga.

Pendek kata, pengkaji ingin menyimpulkan yang pemenjaraan telah melemahkan hubungan antara bekas banduan dengan keluarga mereka. Pemenjaraan dan residivisme melonggarkan hubungan kekeluargaan, yang seterusnya menyebabkan ramai bekas banduan tidak diterima oleh keluarga mereka. Sikap

University of Malaya

keluarga yang menolak bekas banduan meninggalkan kesan negatif kepada transisi kemasukan bekas banduan ke dalam hidup berkomuniti. Hubungan kekeluargaan yang renggang juga menyebabkan bekas banduan merasakan yang mereka tidak mempunyai sebab kukuh untuk tinggal dengan ahli keluarga. Lufti mengatakan beliau lebih selesa untuk hidup berjauhan daripada keluarga. Perasaan beliau terhadap keluarga telah pudar dan goyah. Begitu juga dengan Syamsul yang mengatakan perasaan tidak disayangi oleh ahli keluarga menyebabkan dia mula rasa tawar hati untuk hidup bersama dengan ahli keluarganya. Lufti dan Syamsul juga menyatakan yang mereka tidak mahu bergantung kepada keluarga yang menolak mereka. Mereka lebih selesa untuk bergantung harap dan tinggal bersama dengan rakan-sekan senasib yang boleh menerima, menghormati dan memahami mereka.

> *Ke mana saya hendak pergi, saya sepastinya akan balik ke tempat lama. Saya tidak akan balik ke pangkuan ahli keluarga. Saya akan balik ke tempat lama, sebab saya nak balik pada ahli keluarga pun mereka sudah tidak mahu menerima saya. Saya tidak ada apa-apa lagi.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.14 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Memang lah, saya sudah fikir tiada siapa yang sayang pada saya. Maka saya mengambil keputusan untuk tidak lagi tinggal bersama mereka. Saya pergi ke Kuala Lumpur dan memulakan hidup baru.*

(Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 10.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Penolakan keluarga menyebabkan bekas banduan merasa tersisih. Sikap keluarga yang bukan sahaja menolak, malah, tidak ambil tahu terhadap hidup bekas banduan menyebabkan bekas banduan merasa yang keluarga tidak menyayangi mereka lagi, serta tidak diperlukan lagi oleh keluarga. Keadaan bertambah parah apabila terdapat juga ahli keluarga yang langsung membuang terus bekas banduan. Suhaila, Zarul dan Syamsul mengakui ahli keluarga sememangnya tidak lagi menerima

University of Malaya

mereka. Suhaila misalnya mengatakan jenayah dadah yang dilakukan itu telah menyebabkan ahli keluarganya terus membuangnya. Katanya, *“...keluarga memang dah tak suka lah sebab kita kena kes dadah. Mereka terus buang cam tu...”* (Suhaila). Manakala, Zarul pula mengatakan “*...saya cuba memperbaiki diri saya, tapi keluarga saya nak tak nak terima saya”* (Zarul).

Pengkaji juga mendapati ada kes di mana penolakan keluarga lebih ketara berlaku di dalam kalangan adik-beradik; berbanding ibu bapa. Kebanyakan responden dalam kajian ini ditolak dan disisih sepenuhnya oleh adik-beradik mereka. Dalam kes Syamsul misalnya, beliau mengatakan adik beradiknya langsung tidak mahu menerimanya kerana penagihan tegarnya terhadap dadah. Luahan Syamsul “*...keluarga saya memang buang saya, pasal apa, adik saya tidak boleh menerima saya lah”* (Syamsul). Zahid juga berhadapan dengan isu yang sama. Zahid mengatakan adik-beradik beliau langsung tidak dapat menerima kehadirannya kerana mereka tidak boleh menerima kenyataan yang beliau adalah seorang bekas banduan. Namun begitu, Zahid mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapanya kerana kedua-dua ibu bapanya masih menerima dan menyayangi beliau. Menurut Zahid:

> *Macam ibubapa itu baik lah dengan saya. Tetapi, adik beradik macam kurang lah. Cuma adik beradik lah, mereka pandang saya pun, mereka tidak akan menegur saya. Biasalah kita ini bekas banduan kan. Adik beradik pun tidak suka lagi.*

(Zahid/ Pengulanglaku jenayah (P1) 29 April 2016/ 4.13 Petang/ Persatuan IKHLAS)

Penolakan keluarga menyebabkan bekas banduan kehilangan sistem sokongan keluarga. Ketiadaan sokongan keluarga meninggalkan kesan yang kritikal kepada aspek psikologi dan fizikal bekas banduan. Ketiadaan sokongan keluarga juga menyukarkan proses kemasukan atau integrasi semula bekas banduan ke dalam



University of Malaya

kehidupan berkomuniti (Beale & Jones-Walker, 2004). Impak paling kritikal ketiadaan sokongan keluarga adalah kecenderungan bekas banduan untuk kembali semula melakukan jenayah. Impak ini adalah konsisten dengan dapatan kebanyakan kajian terdahulu yang mengesahkan kepentingan sokongan keluarga di dalam mempengaruhi tingkahlaku residivism dan pemberhentian dari jenayah di dalam kalangan bekas banduan. Perkara ini dibincangkan dengan lebih mendalam lagi di dalam Bab Enam dan Bab Tujuh tesis ini.

### 5.3.3 Kegagalan memasuki alam perkahwinan dan hubungan rumahtangga yang berkonflik dalam kalangan bekas banduan pengulanglaku jenayah

Dari segi hubungan dengan ahli keluarga, pengkaji turut mengumpulkan maklumat mengenai kaitan di antara hubungan perkahwinan bekas banduan dengan penglibatan semula mereka ke dalam aktiviti jenayah. Kualiti hubungan perkahwinan antara bekas banduan dengan suami atau isteri mereka mempengaruhi kejayaan atau kegagalan bekas banduan untuk mematuhi atau melanggari peraturan undang-undang (Christian, Mellow & Thomas, 2006).

Berdasarkan proses pengekodan yang dilakukan, pengkaji telah berjaya menemui beberapa kod yang berkaitan status perkahwinan. Hasil pengekodan, telah menyebabkan pengkaji mendapati rata-rata bekas banduan yang pengulanglaku jenayah ini adalah berstatus bujang. Mereka didapati gagal memasuki ke alam perkahwinan dan bagi yang berkahwin pula akan berakhir dengan penceraian. Keadaan ini membuatkan pengkaji cuba mengenalpasti punca yang membawa kepada kegagalan mereka untuk memasuki alam perkahwinan dan juga hubungan perkahwinan yang berkonflik. Hal ini kerana Teori Pengkelasan Umur meletakkan

University of Malaya

perkahwinan sebagai institusi terpenting dalam mengubah tingkah laku jenayah. Namun berdasarkan responden yang ditemubual, institusi perkahwinan didapati tidak dapat diaplikasi kepada majoriti bekas banduan yang ditemubual. Maka menjadi signifikan untuk kajian ini mengenalpasti punca yang membawa kepada kegagalan bekas banduan ini memperolehi pasangan dan berkahwin. Pengkaji melampirkan hasil pengekodan yang ditemui di dalam rajah 5.19 seperti berikut:




**Rajah 5.19:** Kod dan Tema berkaitan Kegagalan Bekas Banduan Memasuki Alam Perkahwinan

Terdapat tujuh kod yang dijumpai tentang punca yang menyebabkan mereka terus bujang. Bagi yang bujang, mereka telah gagal memasuki alam perkahwinan. Manakala bagi yang berkahwin telah mengalami kegagalan dan berakhir dengan penceraian. Namun ingin ditekankan di dalam kajian ini, keadaan status mereka yang bujang tidak membuatkan mereka secara automatik melakukan jenayah. Namun, idea asalnya adalah dengan adanya pasangan di dalam institusi perkahwinan ini akan menyebabkan mereka akan mengelakkan diri dari jenayah. Mereka yang bekahwin akan cuba sedaya upaya mengelakkan diri dari jenayah akibat daripada kawalan sosial

University of Malaya

tidak-formal yang terbentuk daripada hubungan perkahwinan ini. Kajian berkaitan hubungan perkahwinan dengan pemberhentian dari jenayah ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di dalam bab enam. Pengkaji akan menerangkan dengan lanjut bagaimana kawalan sosial tidak-formal yang akan wujud daripada hasil perkahwinan tersebut.

Subtopik ini akan membincangkan tentang kegagalan bekas banduan memasuki alam perkahwinan apabila rata-rata bekas banduan yang pengulanglaku jenayah ini merupakan berstatus bujang. Terdapat seramai 12 orang bujang dan seorang janda dan seorang duda yang terus hidup bujang sepanjang dibebaskan. Keadaan ini membuatkan pengkaji cuba membincangkan punca yang membawa kepada kegagalan mereka ini memasuki alam perkahwinan di dalam subtopik ini. Walaupun status bujang tidak secara automatik membuatkan mereka memasuki kehidupan jenayah tetapi secara tidak langsung status tersebut mampu membuatkan mereka lebih terdedah kepada kehidupan berisiko sepanjang berada di dalam kehidupan berkomuniti ini. Ketiadaan sistem sokongan yang mampu dihasilkan di dalam kehidupan berkahwin tidak dapat terbentuk apabila bekas banduan terus kekal berstatus bujang.

University of Malaya

Dari segi profil perkahwinan responden kajian, tidak semua responden kajian ini dapat menamatkan zaman bujang mereka. Penyakit yang dihidapi oleh responden, khususnya penyakit HIV dan AIDS, menjadi penghalang utama untuk mereka mempunyai pasangan dan berkahwin. Siva, Suhaimi, Latif, Ramli dan Zahid mengatakan penyakit HIV yang dihidapi menyebabkan mereka tidak boleh berkahwin. Penyakit HIV menyebabkan mereka takut dan bimbang untuk menjalankan hubungan

serius dan juga berkahwin. Akibatnya, rata-rata mereka mengambil keputusan untuk hidup membujang. Menurut mereka:

> *Kita tahu kita ada penyakit HIV. Siapalah hendak kahwin dengan saya. Pasangan pun takut jika kita ada penyakit HIV ini.*

(Siva/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 10.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Sebab saya tahu saya ini sakit. Maka saya pilih untuk tidak mencari pasangan mahupun berkahwin.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2. 14 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Ada lah dulu saya mempunyai pasangan. Lepas itu saya tahu ada sakit HIV. Saya terus memilih tidak mencari lagi.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.23 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Memandangkan saya sudah sakit HIV positif, hendak kahwin itu kira tidak ada peluang lagi dah. Siapa mahu berkahwin dengan orang yang ada HIV positif?*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.17 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Hendak buat macam mana, saya ada penyakit HIV. Saya sedar peluang saya itu sudah tidak ada.*

(Zahid/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 4.21 Petang/ Persatuan IKHLAS)

Pengkaji juga mendapati keputusan bekas banduan untuk terus hidup membujang juga mempunyai kaitan dengan sikap mereka yang tidak mampu untuk memikul komitmen disebabkan oleh keadaan diri mereka. Kebanyakan bekas banduan yang terlibat dalam kajian ini menyatakan mereka sendiri mengalami kesukaran untuk menanggung diri sendiri; apatah lagi untuk menanggung diri orang lain. Ketidakmampuan fizikal dan kewangan ini menyebabkan timbulnya perasaan tidak bersedia untuk hidup berkeluarga. Latif dan Amir mengatakan ketidakstabilan hidup juga menyedarkan mereka tentang kesukaran untuk menyara hidup berkeluarga.

University of Malaya

Rahimah, Latif, Amir, Razak dan Naim juga mengakui ketidaksediaan memikul tanggungjawab dan komitmen untuk berkeluarga menyebabkan mereka semua memilih untuk terus hidup membujang.

Selain daripada ketidakupayaan untuk menanggung orang lain, responden di dalam kajian ini juga menyatakan kebergantungan mereka terhadap dadah menyebabkan mereka tidak mahu berkahwin. Rahimah misalnya mengatakan ketagihan dadah menyebabkan dia tidak dapat menerima sesiapa pun di dalam hidupnya. Begitu juga dengan Razak. Ketagihannya yang begitu kritikal terhadap dadah menyebabkan dia tidak bersedia untuk berkahwin. Naim juga mengatakan adalah sukar untuk beliau memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Ketiadaan perkerjaan dan juga masalah ketagihan yang masih belum diatasi menyebabkan beliau yakin yang beliau tidak boleh mempunyai hubungan dengan orang lain. Berikut merupakan beberapa pernyataan yang dikenalpasti daripada Verbatim Rahimah, Razak dan Naim berkaitan hal ini:

> *Saya tidak boleh terima lagi lelaki dalam hidup saya sebab saya tidak mahu mereka tahu saya masih mengambil dadah lagi.*

(Rahimah/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.19 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Pedihlah, banyak sangat nak tanggung. Diri sendiri pun tidak betul, macam mana nak menyara orang. Sebab itu saya tidak bersedia untuk kahwin sebab saya tahu memang tidak mampu.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Saya rasa kedudukan saya tidak stabil, tidak mampu hendak menyara keluarga.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.12 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*Saya jumpa jugalah. Cuma, saya masih hidup dalam keadaan macam ini. Dengan keadaan menagih, saya rasa tidak layak hendak menjaga anak orang. Baik saya betulkan diri saya dahulu, dan baru saya terima orang dalam hidup saya. Saya fikir macam itu.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.16 Petang/ Persatuan IKHLAS)

*Pasal kita tidak bekerja semua, jaga anak orang bukan senang, lepas itu hisap barang pulak. Jadi masalah.*

(Naim/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 5.28 Petang/ Persatuan IKHLAS)

Satu perkara yang pengkaji ingin tonjolkan di dalam bahagian ini adalah pilihan pasangan bekas banduan. Majoriti daripada responden dalam kajian ini mengatakan sekiranya mereka menjalinkan hubungan cinta, ianya adalah dari kalangan individu yang senasib iaitu mempunyai rekod jenayah lampau dan juga ketagihan dadah. Sebagai contoh, Suhaila mengatakan dia hanya dapat menjalinkan hubungan cinta dari kalangan rakan senasib. Menurut Suhaila adalah mustahil untuk orang biasa menerima bekas banduan seperti dia. Masalah yang timbul apabila menjalinkan hubungan dengan rakan senasib pula adalah ianya sukar untuk kekal lama. Kebanyakan hubungan yang wujud adalah untuk mendapatkan bekalan dadah dan untuk menjalinkan hubungan seks semata-mata. Cerita Suhaila berkaitan hal ini:

*Pernah cari tetapi dari kalangan penagih dadah juga lah. Malangnya tidak sampai ke mana pun. Kalau kita kahwin sesama penagih, memang masa depan tidak ada. Orang biasa yang bukan penagih, dia akan tengok kita siapa, lebih baik kekal begini.*

(Suhaila/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 8.13 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Dalam kalangan bekas banduan yang telah berkahwin pula, kajian ini mendapati yang pemenjaraan telah memberi kesan yang besar kepada perhubungan dengan isteri mereka. Pengulangan jenayah yang berlaku telah menyebabkan pasangan

University of Malaya

menjadi tawar hati dan kecewa. Ramli dan Zarul mengakui tentang kekecewaan yang dialami oleh isteri mereka apabila mereka berdua mengulangi semula jenayah. Kedua-dua responden mengatakan pada mulanya mereka diterima baik oleh isteri masing-masing apabila mereka berjanji untuk tidak lagi melakukan jenayah. Namun, mereka gagal menepati janji mereka. Mereka telah dipenjarakan semula apabila ditangkap mengulangi semula jenayah. Pengulangan jenayah dan pemenjaraan semula telah menyebabkan isteri mereka enggan lagi meneruskan kehidupan bersama dan tidak mahu menerima semula kedua-dua responden. Perkahwinan Ramli dan Zarul berakhir dengan perceraian. Verbatim Ramli dan Zarul dalam memperlihatkan hal ini adalah seperti berikut:

> *Teman hidup yang pertama itu boleh terima tetapi apbila saya ambil lagi sekali dadah, jadi dia tidak boleh terima lagi.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Saya kata pada isteri saya, saya akan berhenti semua, tetapi saya masih kembali terlibat dengan dadah. Isteri pun menjadi tawar hati dengn sikap saya.*

(Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 8.14 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Selain itu, pengkaji juga mendapati perceraian di antara bekas banduan dan isteri juga berpunca daripada tentangan keluarga mertua. Jenayah yang dilakukan oleh responden menyebabkan keluarga mertua mendesak anak mereka memohon cerai. Di dalam kes Razak umpamanya, beliau terpaksa menceraikan isterinya atas desakan ibu mertua yang meminta anak perempuannya memohon fasakh apabila Razak dipenjarakan kerana ditangkap menjual dadah. Rekod lampau Razak membuatkan ibu mertua langsung tidak dapat menerimanya sebagai menantu. Cerita Razak:

University of Malaya

> *Mak mertua saya tidak tahu saya menjual dadah dan menghisap dadah. Lepas saya dihantar ke Pusat Serenti, jadi rahsia saya semua ini terbongkar lah. Selama ini saya hisap dadah, kenapa tidak memberitahu mak, kenapa hendak hidup dengan orang macam ini, dia paksa anak dia minta fasakh dan akhirnya saya bercerai dengn isteri saya.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Sebagai kesimpulan kepada bahagian ini, pengkaji ingin menyatakan yang bekas banduan mempunyai keinginan untuk berkahwin. Namun begitu, hasrat tersebut tidak dapat direalisasikan di atas kesedaran diri yang mereka "tidak layak" berkahwin serta ketidakmampuan diri untuk komited dengan tanggungjawab keluarga. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan bekas banduan merasakan yang mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan untuk menjaga kebajikan orang lain. Justeru, mereka tidak merasa rugi atau bersalah sekiranya mereka kembali melakukan jenayah. Perkara ini dibincangkan dengan lebih mendalam di dalam Bab Enam Tesis ini.

### 5.3.4 Kesukaran mendapat kerja dan pengangguran

Pekerjaan merupakan keperluan penting bekas banduan dalam memastikan mereka berjaya berintegrasi di dalam kehidupan berkomuniti (Baron, 2008; Solomon, Johnson, Travis & McBride, 2004; Travis, 2005; Uggen, 2000). Kejayaan atau kegagalan dalam memperolehi pekerjaan berupaya mempengaruhi trajektori kehidupan bekas banduan di dalam proses integrasi. Kegagalan memperolehi pekerjaan mempunyai kesan yang kritikal ke atas kehidupan bekas banduan. Pengangguran menyebabkan bekas banduan mengalami kesempitan hidup. Ini kemudiannya mendorong mereka memilih jalan singkat melibatkan diri di dalam aktiviti jenayah bagi mendapatkan sumber kewangan.

University of Malaya

Hasil daripada proses pengekodan yang dijalankan ke atas transkrip mengunakan perisian *Atlas.ti* telah membawa kepada pengenalpastian beberapa kod berkaitan kegagalan bekas banduan mendapatkan pekerjaan. Proses pengekodan yang dilakukan turut mengekod tema-tema yang menunjukkan hubungkait di antara pengangguran dengan kecederungan ke dalam aktiviti jenayah. Sepanjang proses pengekodan dijalankan, pengkaji mengekod setiap kod yang timbul berkaitan dengan kegagalan bekas banduan memperolehi kerja tanpa mengira dari sudut peribadi, majikan dan mahupun hubungkait di antara pengangguran dan jenayah. Hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kegagalan bekas banduan memperolehi pekerjaan. Berikut di dalam rajah 5.20 merupakan kod-kod yang ditemui mengikut urutan berkaitan punca pengangguran yang berlaku dan kesan daripadanya.




**Rajah 5.20:** Kod dan Tema berkaitan Pengangguran dalam Kalangan Bekas Banduan dan Kesan yang berlaku

University of Malaya

Daripada rajah 5.20 ini, faktor-faktor tersebut boleh dikelompokkan kepada dua bentuk yang utama; iaitu faktor peribadi bekas banduan itu sendiri, serta faktor majikan.

*5.3.4.1 Faktor peribadi bekas banduan*

Kajian ini mendapati terdapat lima faktor yang berpunca daripada sahsiah diri bekas banduan yang menyumbang kepada pengangguran mereka. Lima faktor tersebut adalah:

(1) Rekod jenayah,

(2) Ketidakjujuran,

(3) Latarbelakang pendidikan rendah dan kemahiran vokasional yang terhad,

(4) Daya tahan kendiri yang lemah; dan,

(5) Pengangguran.

5.3.4.1 (a) Rekod jenayah

Pemenjaraan menyebabkan bekas banduan sukar memperolehi peluang pekerjaan (Malott & Fromader, 2010; Pettit & Lyons, 2007). Pembebasan bekas banduan bukan berakhir di situ sahaja. Rekod jenayah lampau sentiasa ada di sepanjang hidup mereka. Rekod jenayah yang dimiliki oleh bekas banduan menjadi penghalang terbesar untuk mereka mencari dan memperoleh pekerjaan (Bales & Mears, 2008; McMackin et al., 2004). Daripada temubual yang dilakukan, sebanyak 13 orang responden kajian ini menyatakan bahawa rekod jenayah lampau menghalang mereka mencari dan memperolehi pekerjaan. Berdasarkan 13 orang responden tersebut, 3 daripadanya merupakan dari kalangan yang berhenti dari jenayah iaitu Muiz, Syafiq dan Rizal yang turut berkata mengenai faktor rekod jenayah yang dipegang sebagai penghalang untuk

University of Malaya

memperolehi pekerjaan.

Keadaan ini menunjukkan bagaimana rekod ini memberi pengaruh yang begitu negatif terhadap bekas banduan untuk memperolehi pekerjaan. Rizal yang mempunyai taraf pendidikan sehingga diploma juga turut mengiyakan rekod jenayah yang dimilikinya sebagai faktor penghalang kepada beliau untuk memperolehi kerja. Keadaan ini menyebabkan beliau telah memilih untuk berkhidmat sebagai seorang aktivis dan melakukan kerja amal di persatuan. Keputusan untuk melakukan kerja sosial ini adalah berpunca daripada kesedaran beliau tentang kesukaran untuk memperolehi kerja disebabkan oleh rekod jenayah lepas yang dimilikinya. Kenyataan yang lebih kurang sama berkaitan rekod jenayah sebagai penghalang kepada memperolehi kerja turut diperkatakan oleh 13 responden kajian ini. Menurut mereka, kebanyakan majikan didapati enggan mengambil mereka bekerja sebaik sahaja mengetahui mereka mempunyai rekod jenayah. Kebanyakan majikan mempunyai perspektif negatif terhadap bekas banduan. Antara beberapa pernyataan yang dikenalpasti daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah seperti berikut:

> *Bekas banduan yang hendak bekerja, jadi benda itu jadi menyusahkan. Bila sudah kerja sebulan itu, bila sampai tempoh penapisan rekod, pasti saya akan gagal penapisan. Masa itu majikan tahu yang saya ada rekod penjara, rekod masuk Pusat Serenti.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 9.15 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Bila kita memohon kerja, sebagai contoh di kedai lah kan, tuan kedai akan meminta kad pengenalan (IC) kita, dan akan menyemak rekod kita, sama ada mempunyai rekod penjara atau tidak.*

(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)



University of Malaya

*Apabila saya hendak memohon sesuatu kerja, pertama kali mereka akan menyemak rekod penjara yang terdahulu. Saya selalu gagal penapisan sebab semakan rekod penjara ini lah.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.13 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Ianya dilihat atas bentuk kerja juga lah. Kadang-kadang, majikan akan menyemak rekod. Kadang-kadang sebab memiliki rekod, majikan tidak mahu mengambil bekerja.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2.11 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Sememangnya saya melihat wujudnya sesetengah tempat ini, majikan-majikan tidak mahu mengambil pekerja dari kalangan bekas banduan.*

(Rizal/ *Berhenti dari jenayah* (P1) / 28 April 2016/ 3.16 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Kalau di dalam borang permohonan kerja, mesti terdapat ruang kosong mengenai rekod jenayah terdahulu. Borang tersebut akan mempunyai soalan sama ada pemohon pernah memasuki penjara, pernah memasuki Pusat Serenti. Kesemua ini yang sering menyebabkan permohonan kerja saya menjadi gagal. Sekiranya tidak bekerja, bagaimana saya hendak menjalani hidup seharian.*

(Suhaila/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 8.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Orang-orang macam bekas banduan ini susah hendak mendapat kerja. Rekod penjara sering menjadi penghalang buat kami ini mendapat pekerjaan.*

(Rahimah/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.18 Pagi/ Persatuan IKHAS)

*Majikan melihat daripada rekod yang dimiliki kamu pun sudah tahu yang bekas banduan ini tidak boleh dipercayai. Masalah menjadi lebih bertambah rumit apabila bekas banduan ini mempunyai penyakit pula. Penyakit yang dihidapi sering mendapat stigma dan pandangan negatif dari pihak majikan. Apabila mendengar seseorang itu mempunyai penyakit, mereka akan mula takut dan tidak akan memberi kerja.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Pada ketika saya memohon kerja tersebut, majikan mana ingin mengambil saya kerana diri saya sebagai bekas banduan. Di samping itu juga disebabkan oleh rekod yang tidak bersih.*

(Nabil/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 29 April 2016/ 11.13 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Cabaran pertama apbila saya gagal memperolehi pekerjaan sebaik keluar. Rekod jenayah sering menghalang saya mendapat pekerjaan.*

*(*Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Cabaran itu seperti saya hendak mencari pekerjaan. Apabila saya memohon kerja, majikan akan menyemak rekod jenayah lepas. Keadaan ini sering menggagalkan permohonan kerja saya.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.20 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Macam saya ini bekas banduan, mempunyai banyak rekod. Selepas itu ditambahkan dengan masalah ketagihan dadah juga. Kesemua ini sememangnya menyusahkan saya dalam mendapatkan pekerjaan. Majikan pasti tidak mahu mengambil orang bekerja di bawah mereka.*

(Zahid/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 29 April 2016/ 4.17 Petang/ Persatuan IKHLAS)

*Kadang-kadang, apabila saya memohon kerja sebagai contohnya seperti kerja dalam bidang pengawal keselamatan. Hampir sebanyak 4, 5 dan 6 kali saya memohon, majikan akan menyemak rekod saya dan sememangnya saya tidak dapat kerja tersebut apabila rekod lampau saya berjaya dikesan.*

(Naim/ Pengulanglaku jenayah (P)/ 29 April 2016/ 5.31 Petang/ Persatuan IKHLAS)

5.3.4.1 (b) Sikap ketidakjujuran dengan merahsiakan rekod

Rekod jenayah lampau yang menjadi penghalang kepada bekas banduan memperolehi pekerjaan mendorong kebanyakan mereka menyembunyikan status sebenar daripada majikan (Holzer et al., 2004). Tujuan mereka merahsiakan rekod jenayah adalah disebabkan khuatir tidak akan diambil bekerja sekiranya berterus terang. Sikap kebanyakan majikan yang tidak mahu menerima bekas banduan sebagai pekerja, serta melihat bekas banduan sebagai liabiliti kepada syarikat juga mendorong bekas

University of Malaya

banduan sukar berlaku jujur menyatakan status mereka. Lufti, Muiz, Rahimah, Amir, Fikri dan Syamsul mengakui yang mereka terpaksa merahsiahkan tentang rekod jenayah ketika memohon pekerjaan. Berikut merupakan verbatim Lufti apabila menceritakan pengalaman ini:

> *Kadang-kadang saya menipu, sebab saya inginkan kerja. Saya terpaksa menipu tetapi setiap majikan dalam bidang pengawal keselamatan ini mewajibkan penyemakan rekod ke atas setiap pekerja dia, jadi saya tidak boleh buat apa lah.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.26 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Malahan verbatim dari Muiz iaitu seorang responden yang berhenti dari jenayah turut mengiyakan tentang tindakan beliau merahsiakan rekod jenayah kerana bimbang akan gagal memperolehi pekerjaan. Rekod jenayah jelas memberi impak negatif kepada peristiwa hidup seseorang bekas banduan dalam pencarian kerja (Malott & Fromader, 2010; La Vigne et al., 2004). Impak rekod jenayah dalam mempengaruhi kemampuan bekas banduan memperolehi pekerjaan memang tidak boleh dinafikan. Kegagalan yang berterusan ini membawa kepada pengangguran dan kecenderungan untuk bekas banduan melibatkan diri di dalam aktiviti jenayah dan tidak sihat.

> *Ketika memohon kerja, saya tidak akan beritahu rekod lampau saya, sebab dari pengalaman yang diceritakan oleh rakan-rakan, apbila kita mempunyai rekod jenayah, ianya akan menyukarkan kita untuk mendapatkan pekerjaan. Jadi, saya merahsiakan, tak perlu menceritakan. Saya tidak menceritakan rekod jenayah saya sebab benda itu lah.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 9.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS).

> *Saya tidak akan memberitahu (rekod jenayah lampau). Kecuali kalau majikan yang boleh memahami cabaran bekas banduan ini dalam memperolehi kerja.*

(Rahimah/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS )

University of Malaya

*Saya tidak akan memberitahu (Rekod jenayah lampau). Saya bimbang majikan enggan mengambil bekas banduan sebagai pekerja.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.14 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Saya seringkali merahsiakan rekod saya kerana takut tidak diterima bekerja. Saya takut. Selain itu, saya pun nak jaga air diri saya. Saya tidak suka berkongsi kisah lepas saya pada orang.*

(Fikri/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 9.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Pasal apa saya merahsiahkan rekod lampau saya?(bercakap dalam nada bertanya). Hal ini kerana tempat saya memohon kerja ini, semuanya hendak menyemak rekod. Jadi, memang saya memerlukan kerja. Jadi, saya memilih untuk tidak beritahu rekod lampau saya lah.*

(Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 10.14 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Tindakan merahsiakan rekod jenayah mereka daripada pengetahuan pihak majikan menyebabkan ada dalam kalangan mereka berjaya memperolehi pekerjaan. Malangnya, mereka diberhentikan setelah majikan mendapati mereka mempunyai rekod jenayah. Lebih malang lagi apabila majikan dapat mengesan ketidakjujuran atau penipuan mereka. Ramai di antara mereka yang diberhentikan serta merta tanpa dibayar gaji. Tindakan ini merupakan hukuman kerana merahsiakan rekod jenayah yang dimiliki.

Lufti, Hafiz, Latif, Nabil, Amir, Ramli, Razak dan Zahid semuanya mempunyai pengalaman diberhentikan kerja setelah majikan berjaya mengesan rekod lampau mereka. Mereka mengatakan majikan memberhentikan mereka serta-merta sebaik sahaja mengetahui yang mereka mempunyai rekod jenayah. Malah, Hafiz misalnya mengatakan sebagus mana pun kerja yang dia lakukan, majikan tetap memberhentikan dia sebaik sahaja mengetahui yang dia merupakan seorang bekas banduan. Antara

University of Malaya

verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah seperti berikut:

> *Saya cuba memohon kerja, dapat lah kerja pengawal keselamatan. Cukup-cukup sebulan, syarikat akan rujuk pada Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri akan menghantar laporan saya sebagai bekas penjara. Secara automatik, syarikat berhentikan saya. Dua tiga kali dah. Dua tiga kali memang berlaku macam itu.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.19 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Walaupun kita kerja sebagus mana pun, tapi apabila kita ada rekod jenayah, kita akan diberhentikan serta merta oleh pihak majikan tanpa mengira prestasi kita di kerja, seorang yang rajin datang ke kerja mahupun bertanggungjawab.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.11 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Tapi saya kecewa lah. Rakan-rakan ada juga megajak saya untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan. Tapi, sebaik rekod jenayah lampau dikenalpasti, macam rekod dadah, rekod penjara naik, majikan akan suruh berhenti serta merta. Saya nak apa selepas itu. Terpaksa akur lah sebab sedar rekod jenayah yang saya miliki*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.20 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Mula-mula saya tidak tahu. Lepas 3 bulan saya akan dapat notis diberhentikan kerja oleh pihak majikan kerana memiliki rekod jenayah.*

(Nabil/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 11.22/ Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Kerja yang saya selalu kerja ialah dalam bidang keselamatan lah. Tetapi selepas 5-6 bulan, sebaik majikan dapat kesan rekod, dan saya akan kena buang kerja serta merta oleh majikan.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Pernah, dan saya telah banyak kali dibuang kerja selepas majikan dapat mengesan rekod jenayah saya.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.13 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*Walaupun saya sudah bebas dari masalah ketagihan dadah semua, tetapi apabila saya sudah bekerja, saya pasti saya akan dibuang begitu sahaja atas alasan rekod ketagihan dadah yang dimiliki. Majikan membuang saya kerja atas alasan rekod yang mereka berjaya kesan.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.21 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Ada juga. Tapi apabila majikan menyemak rekod lepas, majikan akan membuang saya kerja dengan serta merta. Mereka akan mengatakan tidak dapat meneruskan kontrak kerja saya kerana rekod jenayah yang saya miliki ini.*

(Zahid/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 4.18 Petang/ Persatuan IKHLAS)

5.3.4.1 (c) Latarbelakang pendidikan rendah dan kemahiran vokasional yang terhad

Kajian ini juga mendapati kebanyakan bekas banduan yang menyertai kajian ini mempunyai latar pendidikan yang rendah, kemahiran kerja yang terhad dan tidak mempunyai sejarah pekerjaan yang stabil (Raphael & Weiman, 2007; Harlow, 2003; Uggen, 2000). Ketiadaan pendidikan dan kemahiran menyukarkan bekas banduan untuk mendapat pekerjaan yang berpendapatan tetap. Persaingan dengan individu yang bebas rekod jenayah dan mempunyai pendidikan yang tinggi menyebabkan majikan mempunyai pilihan dalam menggaji siapa yang mereka inginkan. Secara tidak langsung, keadaan ini menyisihkan bekas banduan daripada dunia pekerjaan. Suhaila dan Syamsul contohnya mengaku yang ketiadaan pendidikan menghalang mereka untuk memperoleh pekerjaan. Berikut adalah pernyataan yang dipetik daripada verbatim Suhaila apabila diminta mengulas mengenai hal ini:

University of Malaya

*Fikir nak cari kerja, tapi fikir juga kerja apa yang saya boleh dapat. Lagi-lagi dengan rekod sebagai bekas banduan ini. Lagi-lagi ditambahkan dengan pendidikan pun tiada. Bila nak kerja di kedai pun, majikan nak tengok tahap pendidikan yang saya ada. Bila majikan tengok saya pernah terlibat dengan dadah, lagi siapa nak percaya. Sememangnya pendidikan banyak memberi kesan pada kegagalan saya memperolehi pekerjaan.*

(Suhaila/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 8.29 Pagi / Persatuan IKHLAS)

5.3.4.1 (d) Daya tahan kendiri yang lemah

Kesukaran mencari pekerjaan disebabkan oleh rekod jenayah lampau, keengganan majikan mengajikan bekas banduan, ketiadaan pendidikan dan latar pendidikan yang rendah dan ketiadaan kemahiran kerja menyebabkan kebanyakan responden kajian ini berputus asa dan kecewa untuk berusaha (Bales & Mears. 2008; Pettit & Lyons, 2007; Andress et al., 2004; Holzer et al., 2004). Hampir semua responden kajian ini yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan menyatakan yang mereka merasa patah semangat untuk berusaha mencari kerja, serta ada di antaranya yang mengatakan yang mereka tidak mahu lagi mencari kerja. Muiz contohnya yang merupakan responden yang berhenti dari jenayah turut mengatakan kegagalan mencari kerja telah mematahkan semangatnya untuk berusaha mencari pekerjaan.

Kegagalan bekas banduan untuk memperolehi kerja tidak boleh menjadi penyebab seseorang itu untuk tidak berjaya berintegrasi. Hal ini telah dibuktikan oleh Muiz apabila beliau masih berjaya berintegrasi selepas dibebaskan walaupun pernah mengalami kegagalan dalam memperolehi kerja dan melalui kekecewaan hidup. Berikut merupakan kata-kata beliau berkaitan kekecewaan yang berlaku dalam memperolehi kerja:.

University of Malaya

*Majikan mahu pekerja yang bebas dari sebarang rekod. Majikan ini tidak pernah terfikir sama ada seseorang itu mungkin sudah berubah atau tidak. Keadaan seperti ini sering mematahkan semangat golongan macam kami ini (bekas banduan).*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1) / 28 April 2016/ 9.27 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Begitu juga dengan Rahimah apabila turut merasa sedih dan marah pada dirinya serta pada masyarakat kerana terlalu sukar untuk mencari kerja. Begitu juga dengan Amir yang menyalahkan nasib yang menimpa dirinya yang menyebabkan dia sukar mencari pekerjaan. Antara pernyataan yang dipetik menerusi verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah seperti berikut:

*Sememangnya perasaan marah itu ada, dan sedih juga ada, tapi hendak buat macam mana sekiranya majikan enggan mengajikan orang yang mempunyai rekod jenayah.*

(Rahimah/ Pengulanglaku jenayah (P1) 29 April 2016/ 9. 21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Hendak mencari kerja pun saya tidak mampu. Seolah-olah saya menyalahkan nasib yang menimpa diri saya. Saya tidak menyalahkan Tuhan atas nasib saya ini, Tapi tetap lah saya mempertikaikan nasib yang Tuhan beri pada saya. Tapi memang saya tak salahkan Tuhan. Cuma saya terlalu sedih nasib yang saya terima.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.12 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Selain kekecewaan dan patah semangat, ada juga responden yang tidak mahu mencari pekerjaan kerana sikap malas. Terdapat beberapa responden dalam kajian ini yang mengatakan mereka langsung tidak mahu bekerja. Suhaimi misalnya menyatakan ketagihan dadah yang dialami menyebabkan sukar untuknya komited dengan sebarang bentuk kerja. Menurut Suhaimi lagi, sekiranya bekerja, beliau pasti akan menyusahkan majikan. Begitu juga dengan Ramli. Ketagihannya terhadap dadah serta cara hidup seorang penagih dadah tegar membuatkan dia menjadi malas untuk

University of Malaya

bekerja. Ramli mengatakan dia lebih suka mencari jalan mudah seperti mencuri dan meragut yang membolehkan dia mendapat 'duit singkat' untuk membiayai hidupnya. Antara pernyataan yang dipetik menerusi verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

> *Sebab saya tahu bila saya telah terlibat dengan ketagihan dadah ini, saya tidak akan kekal lama dengan kerja yang diberi, nanti akan menyusahkan dia. Jadi saya memilih untuk tidak bekerja terus.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2. 41 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Bila hendak kerja ni, saya sebenarnya sudah menjadi malas dah. Jadi saya memilih untuk membuat pekerjaan yang singkat (bermaksud pekerjaan yang tidak sah dan melibatkan aktiviti yang melanggar jenayah) yang senang dapat duit.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

5.3.4.1 (e) Pengangguran

Kesukaran memperolehi pekerjaan dan kegagalan memperolehi pekerjaan yang stabil menyebabkan kebanyakan bekas banduan terpaksa menganggur (Cochling & Schulte, 2013; Bales & Mears, 2008; Beale & Jones-Walker, 2004). Pengangguran menyebabkan kebanyakan daripada mereka mengalami masalah kewangan dan kesukaran untuk menyara kehidupan. Kesannya, kebanyakan daripada bekas banduan ini terpaksa melakukan semula jenayah bagi membiayai keperluan harian mereka. Pengangguran mempunyai dorongan yang cukup kuat untuk bekas banduan terlibat semula dalam aktiviti-aktiviti menyalahi undang-undang (Holzer et al., 2004; La Vigne et al., 2004).

University of Malaya

Terdapat banyak kajian terdahulu yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pengangguran dan pengulangan jenayah di dalam kalangan bekas penjenayah (Raphael & Weiman 2007; Andress et al., 2004; Petersilia, 2003; Uggen 2000). Kajian ini juga mendapati pengangguran menyebabkan responden kajian beralih kepada cara-cara yang tidak sah untuk mendapatkan wang bagi menyara diri. Verbatim pertama yang menyatakan tentang pemilihan cara yang tidak sah dalam memprolehi pendapatan adalah dari responden yang bernama Hafiz. Hafiz mengatakan kesukaran mendapatkan kerja menyebabkan beliau menjadi kecewa dan mengambil keputusan untuk melakukan jalan mudah untuk memperolehi duit. Cerita Hafiz:

> *Bila saya rasa kosong, bila saya dah terlibat dengan dadah, kerja sudah susah hendak saya perolehi, ada rekod jenayah, penjara, jadi saya rasa macam kecewa, macam putus asa, orang sudah tidak terima, macam sudah dipinggirkan, jadi saya mengambil jalan mudah (melakukan jenayah) lah selepas itu.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.17 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Malahan, Rizal yang merupakan responden yang berhenti dari jenayah turut bersetuju yang pengangguran merupakan pencetus untuk bekas banduan melakukan jenayah bagi menampung kehidupan. Menurut beliau lagi, seseorang bekas banduan itu akan memilih untuk melakukan jenayah bagi mendapatkan duit. Beliau merupakan seorang responden yang berhenti dari jenayah yang memilih untuk berkhidmat dalam bidang kerja sosial apabila sedar kesukaran beliau memiliki kerja akibat mempunyai rekod jenayah walaupun memiliki sijil diploma. Berikut merupakan pendapat yang diberi apabila ditanya pandangan beliau tentang hubungkait antara pengangguran dengan jenayah dalam kalangan bekas banduan.

University of Malaya

*Jenayah itu berlaku apabila dia patah hidup, tidak ada kerja, tidak ada apa-apa, macam mana hendak hidup, duit tidak ada, kita memerlukan duit, kadang-kadang itu yang membuatkan kita terjebak balik dengan jenayah, terpaksa melakukan balik jenayah bagi mendapatkan duit ini.*

(Rizal/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 3.13 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Situasi yang sama turut dikenalpasti oleh responden seperti Rizal, Suhaila, Rahimah, Latif, Nabil, Amir, Ramli, Razak, Zahid, Naim, Zarul, Fikri dan Syamsul yang mengatakan pengangguran yang dialami menyebabkan mereka memilih jalan mudah bagi mendapatkan duit. Mereka mencuri, merompak dan menjual dadah. Cerita mereka:

*Macam jenayah seperti pecah rumah, pecah kereta, habis bila sudah menghisap dadah, badan pula sudah menjadi kurus-kurus, orang sudah bagi barang (dimaksudkan dengan dadah), kita terpaksa cari duit lah, pergi kedai, masuk kedai, dan curi barang orang. Barang ini akan dijualkan semula dengan harga lebih murah. Ada permintaan untuk barang-barang curi ini.*

(Suhaila/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 8.17 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Sebab sudah tidak ada kerja, tidak ada arah tujuan, cara yang paling mudah untuk mendapat duit, samun lah, jenayah lah.*

(Rahimah/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Bila hendak mencari kerja, tugas sebagai membasuh pinggan pun orang tidak mahu ambil. Jadi, saya fikir macam mana saya nak hidup, hendak mencari duit, sebab itu saya kembali semula pada rakan-rakan senasib, bertanyakan sama ada mereka mempunyai barang (merujuk kepada dadah) tak, dadah ada tak, agar boleh beri pada aku sedikit untuk dijual. Kiranya aku cuba untuk menjual dulu dadah tersebut, nanti bila ada pembeli, aku bagi duit itu semula lah.. Kerja macam itu lah, tidak ada benda lain. Hendak kerja pun, majikan tidak mahu bekas banduan. Macam saya ini baru bebas ni, tempat tinggal pun tidak ada. Sampai tempat tinggal tinggal pun tiada, belum lagi fikir mengenai kerja pula.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.21 Pagi/ Peratuan IKHLAS)

University of Malaya

*Masa itu, belum ada lagi, selepas saya sudah bebas lebih kurang 3-4 tahun, saya masih gagal menemui kerja, baru saya mengambil jalan mudah dengan menjual dadah. Hendak membuat macam mana, asyik gagal sahaja memohon kerja, akhirnya rakan-rakan senasib juga lah yang memberi kerja dengan menjual dadah.*

(Nabil/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 11.1 3 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Saya rasa bagi saya itu lah (pengangguran) yang menyebabkan saya mengulangi jenayah. Macam-macam saya melakukan sepanjang saya tidak mempunyai kerja tetap. Kadang-kadang saya pergi mencuri ke, kadang-kadang saya mencari barang (merujuk kepada dadah) untuk dijual ke, kadang-kadang tolong kawan jual ubat (merujuk kepada dadah juga), menjual dadah ke.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.16 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Saya pernah mencuri tapi tidak pernah merompak lah. Perkara ini terpaksa dilakukan sebab orang macam saya ni sudah tidak ada tempat untuk pergi. Bila keluar penjara, walaupun sudah ada niat untuk berubah, tetapi bila saya asyik gagal sahaja mencari kerja, sebab itu saya terpaksa memilih jalan mudah (merujuk kepada jenayah). Bila sudah sampai tahap melarat (merujuk kepada pengangguran), memang automatik terasa hendak membuat kerja lama (merujuk menjual dadah).*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.15 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Saya terpaksa lah membuat jenayah semula, macam saya terpaksa menjual dadah la, kalau nak menampung kerugian saya dari penjualan dadah itu, macam duit terkurang sebab saya ada menggunakan dadah tersebut untuk kegunaan sendiri. Jadi, saya akan terpaksa mencuri untuk tampung mana-mana dadah yang saya sudah guna.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.16 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Bila saya tiada pekerjaan dalam tempoh yang lama, saya pun perlu duit untuk hidup. Jadi, saya akan memilih dengan mencuri ke, menjaga jaga tempat meletakkan kereta secara haram kah?*

(Zahid/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 4.20 Petang/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

> *Kita ini hendak bekerja tapi masalahnya tidak ada majikan yang boleh terima bekas banduan macam saya. Jadi, saya pun malas hendak fikir. Saya mengambil keputusan dengan menjual barang (merujuk dadah). Itu sahaja yang saya mampu fikirkan untuk mendapatkan duit.*

(Naim/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 5.15 Petang/ Persatuan IKHLAS)

> *Kadang-kadang jenayah itu berulang sebab saya sudah tidak tahu apa hendak buat untuk mendapatkan duit. Macam mana hendak menyara hidup? Terpaksa lah menjual dadah.*

(Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 8.14 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Saya melakukan benda ini (jenayah) sebab saya memerlukan duit. Biasanya akan menyamun. Itu lah kerja yang paling senang yang saya dapat fikirkan.*

(Fikri/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 9.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Saya menganggur. Jadi saya terpaksa duduk di gelandangan. Saya tidak ada duit. Jadi, saya terpaksa mengulangi jenayah.*

(Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 10.15 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*5.3.4.2 Faktor majikan*

Persepsi negatif majikan merupakan salah satu halangan yang paling sukar untuk bekas banduan memperolehi pekerjaan (La Vigne et al., 2004). Stigma yang berlaku telah mewujudkan sempadan atau halangan ke atas bekas banduan untuk bekerja. Kebanyakan majikan enggan mengambil bekas banduan bekerja kerana bimbang pekerja sebegini mengancam keselamatan syarikat, merupakan liabiliti kepada syarikat serta mencemarkan imej syarikat apabila mengambil bekas banduan sebagai pekerja (Austin, 2001; Holzer et al., 2004). Majikan juga takut menjadi mangsa kecurian dan lain-lain bentuk jenayah jika mereka mengupah bekas banduan, dan perlu bertanggungjawab ke atas jenayah yang dilakukan semasa bertugas. Amir menceritakan pengalamannya dalam hal ini:

University of Malaya

*Majikan bimbang mengambil bekas banduan ini sebagai pekerja, lagi-lagi bekas banduan ni kalau seorang ada masalah ketagihan dadah, majikan takut dia hisap kembali, sebab bila dia hisap kembali, kalau seorang ni buat hal, kadang-kadang beri masalah kepada majikan.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.23 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Pandangan serong majkan tentang bekas banduan macam saya ini, macam contoh saya bekerja di suatu sektor dan bila ada yang tahu saya bekas banduan, mungkin kalau ada hilang laptop kah, handphone kah, semua pekerja akan tuju pada kita atau menuduh kita melakukan, dan polis pun akan cari kita dulu, itu salah satu, kita macam marah sangat, sedangkan saya tak buat, tapi orang lain yang buat, Benda ini buat majikan tidak mahu mengambil bekas banduan ini bekerja. Jadi masalah pada mereka.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.14 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Saya memang ada niat untuk bekerja tetapi majikan ini pun memang tidak mahu bagi kalau orang yang macam saya ini. Majikan tengok rekod pun sudah tahu orang macam ini memang tidak boleh percaya. Sikap majikan bertambah diskriminasi lagi bila tahu saya ada penyakit pula. Lagi takut dia nak beri kerja.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.13 Pagi/ Persatan IKHLAS)

*Cara dia, cara perjalanan, cara percakapan seorang bekas banduan itu sendiri, menyebabkan majikan ini sudah boleh agak. Yang lain saya tak pasti lah. Cara kita masuk pun ke dalam tempat hendak mencari kerja itu pun, cara mereka pandang pun, saya boleh agak pada masa itu, yang mungkin saya tidak akan mendapat pun kerja. Pandangan mereka tu ada.pada bekas banduan ini.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.15 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Majikan tidak mahu mengambil bekas banduan ini bekerja sebab dia bimbang akan jadi masalah pada dia. Macam kalau saya beri saya tugas untuk mengawal bangunan kondominium kan, dia takut kalau saya mencuri harta benda penduduk di dalam itu. Benda-benda macam ini yang mereka fikir dulu sebelum mengajikan bekas banduan sebagai pengawal keselamatan.*

(Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016 10.11 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

### 5.3.5 Kejiranan yang tidak peduli dan gemar melabel

Kejayaan bekas banduan berintegrasi semula ke dalam kehidupan komuniti bergantung kepada penerimaan anggota kejiranan (Kubrin & Stewart, 2006; Bazemore & Stinchcomb, 2004; Visher & Travis, 2003; Warr, 2002; Wolff & Draine, 2002). Hasil daripada pengekodan berkaitan kejiranan yang tidak peduli dan gemar melabel ini telah membawa kepada penemuan beberapa kod penting. Berikut pengkaji melampirkan kod yang ditemui di dalam rajah 5.21:




**Rajah 5.21:** Kod dan Tema Berkaitan Diskriminasi dan Stigma Masyarakat

Hampir sebanyak tujuh kod yang ditemui berkaitan pendiskriminasian masyarakat dengan mengunakan perisian *Atlas.ti* ini. Namun pengkaji telah merumuskan penemuan kod ini kepada tiga situasi berikut apabila responden yang pengulanglaku jenayah ini berada di dalam komuniti; (1) disisih atau tidak diterima oleh jiran kediaman, (2) jiran-taulan langsung tidak mahu mengambil tahu kehadiran mereka, dan (3) mereka dilabel dengan pelbagai panggilan yang memalukan. Sekiranya terdapat sebarang kejadian jenayah berlaku di dalam komuniti, responden kajian merupakan individu pertama yang akan disyak.

University of Malaya

Responden sering dilempar tuduhan sekiranya berlaku apa-apa kecurian dan rompakan di dalam kawasan kejiranan. Rizal mengatakan jirannya akan terus menuduhnya jika wujudnya kecurian. Rizal yang merupakan seorang responden yang berhenti dari jenayah mengiyakan diskriminasi berlaku disebabkan persepsi negatif anggota masyarakat terhadap bekas banduan. Walaupun Rizal berjaya diterima ahli keluarga dan melakukan kerja sosial di persatuan IKHLAS, beliau masih tidak terlepas daripada layanan buruk oleh masyarakat setempat. Menurut Rizal, persepsi sedemikian sering berlaku apabila terdapat bekas banduan yang hadir di sebuah kawasan tempat tinggal. Berikut merupakan cerita Rizal mengenai diskriminasi oleh kejiranan terhadap bekas banduan:

> *Pendiskriminasian dari kawasan kejiranan itu memang berlaku. Lazim lah. Mereka akan terfikir kita akan mencuri, bekas penjara. Bekas banduan ini dia akan mencuri. Persepsi mereka macam itu. Walaupun sebenarnya kadang-kadang tidak berlaku macam apa yang mereka fikirkan.. Kadang-kadangnya yang mencuri itu orang lain, kita pula kena tuduh. Itu biasalah. Bila barang hilang, mereka akan label orang yang keluar penjara ini yang mengambil. Saya rasa benda ini berlaku pada semua bekas banduan. Persepsi negatif yang memang dihadapi oleh bekas banduan.*

(Rizal/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 3.30 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Begitu juga Ramli yang mengatakan beliau sering dituduh jika kejiranan mengalami kehilangan barang. Pernyataan yang dipetik daripada verbatim Ramli apabila menceritakan hal ini dipaparkan di bawah.

> *Sebagai contohlah, katakanlah rumah mereka ada kehilangan barang apa semua kan, mereka akan mengatakan kita (merujuk kepada bekas banduan) yang mencuri walaupun bukan kita yang mencuri barang tersebut.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.33 Tengah Hari/ Persatuan IKLAS)

University of Malaya

Lufti, Latif dan Amir juga ada meluahkan perasaan mereka apabila disisihkan dan dilabel oleh jiran-taulan mereka. Lufti misalnya mengatakan wujudnya jurang yang luas di antara dia dan jiran-taulannya; sedangkan mereka pernah membesar bersama. Rakan-rakan di kawasan kejiranannya enggan berkawan dengannya disebabkan dirinya bekas banduan. Latif pula mengatakan yang beliau disisih oleh jiran-jirannya kerana beliau mempunyai penyakit HIV dan juga ketagihan dadah yang kritikal. Amir pula mengatakan penyisihan yang dialaminya menjadi punca untuk dia tidak mahu berubah. Malah, beliau semakin bersemangat untuk terus melakukan jenayah. Kata mereka bertiga:

> *Komunikasi itu kuranglah, lepas itu, anak-anak mereka pun, bila saya sudah bekas, hubungan saya dengan anak-anak mereka pun nampak ada jurang juga. Kalau dulu saya kenal dari kecil, kita pernah berkawan rapat, tapi selepas saya dipenjarakan dan dibebaskan, mereka pun menjarakkan diri, dan jiran-jiran pun mulai tidak layan dan menegur*.

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Apabila kejiranan sudah tahu status saya sebagai bekas banduan, mereka akan jadi lain macam. Kalau jiran tidak tahu tidak mengapa. Apabila mereka sudah tahu status saya HIV, saya bekas penagih, pernah masuk penjara, bekas banduan, hubungan dengan kejiranan itu macam ada jurang*.

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Saya cuba hendak berubah, tapi keadaan masyarakat yang tidak mahu menerima kehadiran saya di dalam kawasan kejiranan. Masyarakat tidak mahu menerima saya sebagai orang biasa. Jadi, lebih baik saya buat balik aktiviti lama saya (merujuk kepada aktiviti jenayah dan penjualan dadah). Masyarakat sememangnya sudah tidak terima saya. Tiada sebab untuk saya menjadi baik di hadapan mereka.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.33 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Jiran-taulan bukan sahaja tidak mempedulikan, menyisihkan dan memandang rendah bekas banduan, malah, jiran-taulan juga menunjukkan sikap dan tingkahlaku tidak menyenangkan terhadap mereka. Lufti misalnya mengatakan apabila kembali semula ke dalam kawasan kejiranan, dia menerima layanan yang tidak baik. Jiran berdekatan rumahnya menyorok barang-barang berharga kerana bimbang akan dicuri olehnya. Naim pula mengatakan persepsi ini berpunca daripada ketakutan yang bekas banduan akan mencuri harta benda. Layanan buruk yang diterima menyebabkan Lufti cuba membalas dendam dengan mencuri barang-barang jiran. Situasi yang sama juga dialami oleh Siva dan  Amir. Razak dan Naim pula mengatakan dia tidak dapat menerima layanan buruk yang dialami. Ini berbeza daripada Zarul yang mengatakan dia  tidak mempedulikan layanan buruk yang diterima walaupun sering dipandang serong. Antara pernyataan yang dipetik daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

> *Kadang-kadang ada juga pendiskriminasian yang berlaku di dalam kawasan kejiranan lah. Contoh, saya balik daripada penjara, atau daripada pusat. Contoh lah, dia menjemur seluar ke kasut-kasut yang mahal-mahal ke, kalau dia tahu saya balik , dia akan tarik masuk ke dalam rumah. Tong gas pun dia cepat-cepat membawa masuk dalam rumah. Jadi saya akan jadi panas baran. Saya cakap ohhh macam ini yeh, ok.. saya akan curi barang-barang kau, Nampak sangat engkau ini fikir bukan-bukan mengenai aku, saya akan jadi macam ini membalas dendam terhadap layanan yang saya terima.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.31 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Saya akan balik semula ke kampung halaman selepas dibebaskan. Tapi, bila saya masuk kampung pula, saya dengan jiran-jiran ini akan cakap pada anak-anak mereka yang tolong simpan baju dan kasut yang sedang mereka gantung di luar. Saya sendiri mendengar yang jiran berkata barang-barang yang sedang dijemur itu kena simpan dalam rumah, sebab takut saya akan mencuri barang tersebut. Benda-benda macam ini yang timbul bila melihat kehadiran bekas banduan seperti saya di kawasan kejiranan.*

(Siva/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 10.27 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*Apabila saya di hadapan mereka, mereka ini akan bercakap yang baik-baik lah dengan saya. Tetapi, apbila mereka di belakang kita, kita sendiri nampak lah cara mereka itu. Dia pandang dari jauh, memang lain lah. Cara mereka macam takut apa-apa yang buruk saya akan lakukan di kawasan kejiranan. Macam mencuri barang mereka mungkin.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.19 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Kesukaran saya untuk berubah ini secara berterusan ini sebab pelbagai punca. Macam penerimaan masyarakat, saya tidak boleh terima dari segi mental. Saya tidak berapa mampu hendak terima cara layanan mereka terhadap saya. Saya memang tak kuat sangat lah untuk berhadapan keadaan seperti, untuk menerima pandangan-pandangan orang ini.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.16 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Pendiskriminasian itu memang berlaku. Macam kejiranan akan memandang serong sedikit lah. Selepas itu, mungkin mereka takut kita akan mencuri barang rumah mereka, apa ke.*

(Naim/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 5.13 Petang/ Persatuan IKHLAS)

*Kejiranan memang memandang serong lah kehadiran saya di dalam kawasan kejiranan mereka tapi saya tidak mempedulikan apa mereka nak kata dan fikirkan. Lantak mereka.*

(Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 8.17 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Dari segi stigma pula, wujud pelbagai panggilan negatif yang diwujudkan oleh jiran tetangga untuk bekas banduan ini. Lufti dipanggil oleh ahli kejiranannya sebagai ‘mat pit’, ‘mayat hidup’ dan ‘penagih bangsat’. Siva dan Latif pula sering disindir oleh jiran tetangga. Seterusnya, Hafiz mengatakan yang beliau digelar sebagai ‘anak setan’, ‘hantu’ dan ‘budak dadah’. Ramli pula mengatakan gelaran ‘penghisap dadah’ dan ‘banduan’ merupakan panggilan biasa yang dilontarkan oleh jiran-taulan kepadanya. Begitu juga dengan Razak dan Syamsul yang mengatakan jiran kerap memanggil mereka sebagai ‘bekas banduan’ dan ‘budak jahat’. Antara verbatim yang

University of Malaya

memperlihatkan hal ini adalah:

> *Tetapi masyarakat umum ada lah memanggil saya dengan perkataan-perkataan negatif. Sebagai contoh, saya sebagai pengguna dadah, mereka akan panggil saya dengan gelaran mat pit, mayat hidup, penagih bangsat.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.31 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Walaupun saya tidak buat apa-apa, tetapi bila saya balik rumah, bila berhadapan dengan jiran-jiran di kawasan kejiranan, mereka akan menyindir saya dengan macam-macam perkataan.*

(Siva/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 10.38 Pagi / Persatuan IKHLAS)

> *Apabila saya pulang ke kampung halaman, saudara saya sendiri, bila dia ternampak saya di kedai kopi, di rumah, dia akan panggil, itu orang dadah sudah balik. Ada juga orang-orang tua yang panggil itu anak setan. Biasanya mereka panggil saya hantu lah, budak dadah lah. Biasalah orang, tahu lah pandangan mereka terhadap bekas banduan.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.32 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Ada lah menyindir. Itu yang asyik gaduh sahaja apabila saya duduk di kampung. Mereka akan menyindir di belakang, sebab hendak cakap depan-depan, mereka tidak berani pula.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Yelah macam saya duduk untuk minum di kedai, biasalah orang akan mengata. Mereka akan kata saya ini sebagai penghisap dadah. Baru keluar penjara dia kata baru keluar penjara.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.34 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Itu sudah tentu. Sudah menjadi lumrah kan. Jiran kan, apabila di depan ibubapa saya dia tidak cakap, tapi apabila di belakang ada yang mengata saya bekas banduan lah, budak jahat sudah balik dah.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.37 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*Ada juga jiran-jiran yang mempunyai pandangan negatif tentang saya. Pelbagai perkataan yang mereka panggil saya seperti bekas penagih.*

(Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 10.33 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Sikap anggota komuniti, khususnya jiran-taulan yang tidak menerima dan melayan buruk bekas banduan telah menimbulkan perasaan rendah diri dan kecil hati di kalangan bekas banduan. Rahimah contohnya mengatakan yang beliau berasa malu dan rendah diri apabila berada di kawasan kejiranan. Amir turut memberi respons yang sama. Beliau sering berasa rendah diri dan enggan bercampur dengan masyarakat setempatnya. Malah, layanan buruk anggota kejiranannya menyebabkan dia mengambil keputusan untuk berpindah ke Kuala Lumpur. Razak pula mengatakan layanan buruk yang terpaksa beliau lalui setiap hari menyebabkan dia berasa tawar hati untuk berada di kawasan kejiranan. Sama seperti Amir, beliau mengambil keputusan berpindah keluar. Antara pernyataan yang dipetik daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah seperti berikut:

A*pabila saya berada di kawasan kejiranan, saya sering berasa malu dengan diri saya sebab diri saya yang dahulu. Selain itu, saya juga rasa rendah diri untuk berhadapan dengan mereka.*

(Rahimah/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.31 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Memang saya sering berasa rendah diri. Saya memang mengelakkan diri dari rasa hendak bercampur dengan mereka. Itu merupakan salah satu sebab saya melarikan diri ke Kuala Lumpur. Saya tidak mahu sesiapa mengenali saya.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.37 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*Saya berasa kecil hati lah kan dengan layanan yang diterima apabila balik ke kawasan kejiranan. Saya ingin berubah, tetapi pandangan mereka, buat saya jadi tawar hati. Dan semangat untuk berubah itu makin tiada selepas lama dibebaskan. Saya akan mula terjebak dengan aktiviti-aktiviti lama semula.*

(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016 3.36 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

### 5.3.6 Pergaulan semula dengan rakan-rakan senasib

Kajian ini mendapati yang hubungan dengan rakan sebaya yang antisosial merupakan prediktor atau peramal yang genting kepada penglibatan semula di dalam aktiviti jenayah di dalam kalangan bekas banduan. Pergaulan semula dengan rakan sebaya yang negatif adalah punca utama kesalahan berulang. Rakan sebaya bermasalah merupakan peramal yang kuat untuk penglibatan individu dalam jenayah. Berdasarkan pengekodan yang dilakukan berkaitan pergaulan semula dengan rakan-rakan senasib, pengkaji telah menemui beberapa kod yang membincangkan perkara ini. Dapatan mendapati bekas banduan yang bertumpu di sekitar Jalan Chow Kit ini membuatkan mereka lebih terdedah kepada pengaruh rakan senasib. Ketiadaan keluarga untuk bergantung harap menyebabkan majoriti bekas banduan kembali kepada rakan masing-masing. Pengkaji melampirkan kod-kod tersebut di dalam rajah 5.22 seperti berikut:




**Rajah 5.22:** Kod dan Tema berkaitan Pergaulan dengan Rakan-Rakan Senasib.

Namun untuk kajian ini, pengkaji memilih empat kod sahaja. Tema pergaulan semula dengan rakan senasib serta subtema-subtemanya dipaparkan di dalam Jadual 5.5. Daripada verbatim-verbatim di dalam Jadual 5.5, kajian ini jelas memperlihatkan yang pergaulan semula dengan rakan yang antisosial yang juga merupakan bekas banduan menyumbang kepada kegagalan bekas banduan untuk berubah. Ketiadaan tempat tinggal dan bergantung-harap apabila dibebaskan dari penjara mendorong kebanyakan bekas banduan untuk bergaul semula dengan rakan-rakan senasib. Penglibatan semula dengan rakan-rakan ini membawa kepada pengaruh semula ke dalam aktiviti lama seperti ketagihan dadah dan juga jenayah seperti mencuri, meragut, dan merompak.

Dalam kalangan bekas banduan yang merupakan penagih, pergaulan semula dengan rakan sepenagih merupakan dorongan kuat untuk mereka menagih semula. Malah, rakan-rakan senasib ini berfungsi sebagai jaringan kepada kegiatan jual-beli dadah atau barang curian. Mereka juga membekalkan bekas banduan dengan sumber kewangan dan dadah untuk menyara hidup dan keperluan ketagihan.

### 5.3.7 Berterusan menagih dadah

Kebanyakan bekas banduan sering berhadapan dengan cabaran penyalahgunaan dadah dan alkohol (McSweeney & Hough, 2005; Visher & Travis, 2003; Travis et al., 2001; Seddon, 2000). Pergantungan terhadap dadah merupakan suatu kebiasaan di kalangan banduan yang dipenjarakan. Kebanyakan bekas banduan mempunyai rekod ketagihan dadah. Ketiadaan program rawatan penyalahgunaan dadah yang berkesan selepas bekas banduan dibebaskan menyebabkan sebahagian besar daripada mereka berpotensi tinggi untuk relaps semula (Pudney, 2002; Sullivan et al., 2002).

University of Malaya

**Jadual 5.5:** Pergaulan Semula dengan Rakan Senasib

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| (1) Pengaruh rakan-rakan senasib | *Rakan ini jenis rakan yang orang cakap hendak merosakkan rakan la. Dia tahu kita bebas, dia akan cakap, pakyi, ko hendak tahu tak, barang sekarang ini cantik, barang dulu sedikit, barang sekarang banyak dengan harga rm 10 sahaja. Lepas itu lagi terbaik berbanding sebelum, jom lah ambil lagi. Pertama kali mereka akan belanja, bila esok, saya kena cari duit sendiri lah untuk membeli dadah tersebut.* (Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016 / 8.35 Pagi / Persatuan IKHLAS)<br><br>*Setiap kali saya dibebaskan, rakan-rakan akan menyambut kita dengan baik. Mereka akan menjamu kita dengan barang-barang seperti Heroin, Ice kah.* (Hafiz / Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016 / 12.43 Tengah Hari / Persatuan IKHLAS)<br><br>*Jumpa kawan-kawan yang macam ini. Saya akan menghisap balik. Saya rasa selesa bercakap dan duduk dengan mereka. Mereka boleh terima saya*. (Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.39 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS).<br><br>*Saya tidak mahu bercampur dengan orang normal kerana orang normal ini tidak boleh menerima kehadiran orang seperti saya. Mereka susah hendak mererima orang macam saya kerana rakan-rakan yang senasib dengan saya ini, mereka lebih tahu tentang kehidupan saya dan apa yang saya sedang lalui. Jadi bila saya bersama dengan mereka, kita boleh serasi lah, dan boleh bercampur*. (Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 24 Ogos 2016 / 8.44 Pagi / Persatuan IKHLAS). |

University of Malaya

Sambungan **Jadual 5.5**

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| (2) Keinginan untuk aktiviti lama | *Apabila saya pulang ke tempat lama, ianya mencetuskan saya untuk melakukan tingkah laku lama semula. Begitu keinginan saya, kembali ke kepompong yang tidak sihat.* (Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P2) 28 April 2016/ 8.34 Pagi/ Persatuan IKHLAS). |
| (3) Rakan-rakan mengajak melakukan jenayah | *Bila dengan rakan-rakan senasib ini,mereka pun ada ajak melakukan jenayah. Sebab kesukaran hidup ini menyebabkan mereka mencadangkan agar saya buat jenayah semula untuk menampung hidup.* (Siva/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 10.30 Pagi/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Dengan rakan-rakan, mereka sangat menerima. Malahan mereka amat mendorong kita kepada dunia lama. Saya akan bercampur dengan kawan-kawan kat sini lah (Chow Kit). Sebab balik ke sini sahaja, rakan-rakan akan menawarkan untuk membuat kerja, tidak perlu mengeluarkan modal, tidak perlu keluar apa-apa. Mereka bagi barang (merujuk kepada dadah), kita perg jual dadah tersebut.* (Suhaila/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.32 Pagi/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Pengaruh kawan-kawan lah, mengajak kita menyamun. Kiranya duit dari aktiviti menyamun itu akan dibahagi kepada dua. Ajakan seperti ini sering menyebabkan bekas banduan seperti saya akan terdorong untuk melakukan bagi mendapatkan duit mudah ini.* (Rahimah/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.39 Pagi/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Saya tidak melihat rakan-rakan senasib ini sebagai pembawa pengaruh buruk. Bagi saya, mereka membantu saya untuk mendapatkan duit. Bila dapat hasil dari menjual dadah, kita akan mula terjebak balik dengan jenayah lah.* (Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.33 Tengah Hari/ Perstuan IKHLAS)<br><br>*Selalunya rakan-rakan akan mengajak menyamun lah, kebanyakan macam menyamun lah, atau membuat pecah rumah kah dalam mendapatkan duit.* (Fikri/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 9.33 Pagi/ Persatuan IKHLAS) |

University of Malaya

Sambungan **Jadual 5.5**

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| (4) Rakan-rakan mempengaruhi untuk menghisap dadah semula | *Apabila saya terjumpa dengan kawan-kawan dan mereka tahu kita baru bebas dari penjara kan, mereka akan belanja kita dadah lah. Kita pun, itu lah kawan dan saudara mara yang kita ada. Kita secara automatik rasa macam diterima dan serasi bila berada dengan mereka. Sebab itu saya sering terjebak semula dengan dadah ini.*<br>(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P4)/ 29 April 2016/ 12.33 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Saya terjebak dengan dadah ni sebab kawan-kawanlah. Mereka tahu yang saya keseorangan. Maka mereka datang pada saya. Saya yang tiada siapa untuk pergi akan dengan mudah menerima ajakan-ajakan mereka ini.*<br>(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.40 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Saya mula menghisap balik dadah bukan kerana saya hendak menyalahkan kawan-kawan lah, tapi bila saya terjumpa balik rakan-rakan baik saya, dari zaman sekolah, dari zaman kecil dulu, yang sama-sama hisap dadah semua. Rupanya dia yang menyebabkan saya terjebak semula dengan menghisap dadah. Pada awalnya saya kata saya tidak mahu menghisap. Kiranya saya hanya meneman sahaja pada mulanya. Lama kelamaan, saya terus terjebak dengan ketagihan dadah sampai sekarang.*<br>(Razak/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 3.36 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Apabila saya jumpa kawan-kawan lama, bila saya nak perbaiki kehidupan saya, tetapi saya jadi lemah. Saya dengan mudah terjebak semula dengan masalah ketagihan dadah dan juga jenayah.*<br>(Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 8.34 Pagi/ Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Saya terjebak dengan ketagihan dadah ini sebab terikut pengaruh kawan lah. Mereka banyak yang dari kalangan yang terlibat dengan dadah. Dadah ini amat menghantui bekas ketagih ini, dadah akan menghantui kita, kita tidak boleh terlepas daripada benda-benda itu. Punca jenayah semua itu kerana dadah lah. Dadah itu semua. Bila tiada duit, kita menyamun atau memilih untuk merompak pula.*<br>(Fikri/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos/ 9.30 Pagi/ Persatuan IKHLAS) |

University of Malaya

Kebanyakan bekas banduan memilih untuk melakukan jenayah yang membolehkan mereka memperolehi wang untuk membeli dadah. Dalam kalangan bekas banduan yang merupakan penagih, pergaulan semula dengan rakan sepenagih merupakan dorongan kuat untuk mereka menagih semula. Malah, rakan-rakan senasib ini berfungsi sebagai jaringan kepada kegiatan jual-beli dadah atau barang curian yang membekalkan bekas banduan ini dengan sumber kewangan dan dadah untuk menyara hidup dan keperluan ketagihan.

Terdapat hubungkait yang jelas di antara tingkah laku jenayah dengan pengambilan dadah. Keperluan untuk membeli dadah, kokain, heroin dan methamphetamine mendorong bekas banduan untuk melakukan jenayah (McSweeney & Hough, 2005; Pudney, 2002; Seddon, 2000). Proses integrasi semula bekas banduan adalah sukar disebabkan oleh kelemahan bekas banduan dalam menanggani masalah ketagihan dadah dan/atau alkohol. Pergantungan kronik terhadap dadah dan alkohol menyukarkan bekas banduan untuk pulih sepenuhnya, serta meletakkan mereka dalam potensi yang tinggi untuk mengulangi salahlaku. Kajian ini juga menjumpai perkara yang sama dengan apa yang dijumpai oleh kajian-kajian terdahulu. Hampir semua responden pengulanglaku jenayah dalam kajian ini melaporkan yang mereka berulangkali mengulanglaku tabiat jenayah mereka, serta gagal untuk berintegrasi dengan baik ke dalam kehidupan masyarakat kerana ketidakupayaan mereka menangani masalah ketagihan mereka; khususnya ketagihan dadah.

Semua mereka mengatakan yang ketagihan mereka terhadap dadah tidak dapat dihapuskan. Ketagihan kronik ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengawal ketagihan mereka, serta tidak mempunyai keinginan untuk berhenti daripada terus

University of Malaya

mengambil dadah. Akibatnya, mereka terus ingin mengambil dadah sebaik sahaja dibebaskan dari penjara. Selain itu, ada di antara mereka yang melakukan jenayah bagi menampung keperluan ketagihan dadah mereka. Mereka melihat melakukan jenayah menghasilkan pulangan yang mudah dan lumayan untuk mereka membiayai ketagihan mereka terhadap dadah. Hasil pengekodan berkaitan dadah ini telah membawa kepada penemuan beberapa kod yang berkaitan. Kebanyakan pengulanglaku jenayah ini terjebak semula di dalam kehidupan jenayah berpunca dari pengaruh dan ketagihan pada dadah. Ketagihan dadah menyebabkan bekas banduan menjadi gagal untuk terus pulih sepanjang dibebaskan di dalam kehidupan berkomuniti. Pengkaji melampirkan kod ini di dalam rajah 5.23 seperti berikut:




**Rajah 5.23:** Kod dan Tema berkaitan Ketagihan Dadah

Daripada rajah 5.23 ini menunjukkan ketagihan terhadap dadah yang berterusan, yang mendorong mereka untuk terlibat semula dengan jenayah boleh dilihat sebagai satu proses yang saling bergantungan. Keadaan ini membuatkan pengkaji merumuskan ke dalam rajah 5.24 seperti berikut:

University of Malaya




**Rajah 5.24:** Ketagihan Dadah/Alkohol dan Residivisme

Cara bagaimana penagihan terhadap dadah dan alkohol menyebabkan mereka terlibat semula dengan aktiviti jenayah, yang seterusnya mempengaruhi kejayaan proses integrasi semula mereka dinyatakan secara terperinci di dalam subtopik masing-masing, seperti berikut:

*5.3.7.1 Ketagihan terhadap dadah*

Ketagihan terhadap dadah merujuk kepada pergantungan bekas banduan terhadap dadah secara psikologikal apabila penagih mengalami perasaan mengidam untuk menggunakan dadah semula supaya dapat berfungsi secara normal serta berasa tenang (Fauziah, Bahamah, Mansor & Shatar, 2009; Noor Zalifah, 2009; Nurhazlina, 2009). Ketiadaan dadah di dalam tubuh badan yang menyebabkan kesakitan merupakan penyebab utama penagih dadah ini cenderung untuk menggunakan semula dadah dengan andaian kesakitan itu dapat dihentikan selepas mengambilnya semula (Mahmood, Ismail, Azniza & Dzahir, 2005).

University of Malaya

Tanpa mengambil semula dadah, perasaan penagih menjadi gundah-gulana dan resah yang boleh membawa kepada tingkah laku di luar kawalan. Penagihan dadah adalah penyakit kronik yang berulang dan membawa kepada perasan ketagihan di dalam diri penagih sendiri. Pergantungan dadah dalam tempoh masa panjang menyebabkan kesan fizikal dan psikologi yang serius kepada bekas banduan. Pergantungan fizikal bererti dadah diperlukan untuk mengelakkan daripada mengalami kesakitan sindrom putus dadah. Manakala pergantungan psikologi adalah lebih serius kerana ia memberi keyakinan bahawa dadah diperlukan untuk menyelesaikan semua masalah. Tanpa dadah, penagih tidak boleh berfungsi mahupun hidup (Mahmood et al., 2005).

Pengambilan semula dadah ini juga dipanggil sebagai relaps; iaitu pengulangan kepada tingkah laku ketagihan dadah semula (Fauziah et al., 2009, Mahmood, 2008).Terdapat banyak kajian telah dilakukan mengenai relaps kepada dadah dalam kalangan bekas banduan dan bekas penagih di Malaysia. Relaps kepada ketagihan dadah adalah ketika orang yang mempunyai sejarah ketagihan mula mengulangi ketagihan selepas tempoh berhenti yang dilaluinya dari mengambil dadah (Mahmood, 2006). Kebanyakan kajian sedia ada mengenai relaps juga menyimpulkan yang kebanyakan bekas banduan kembali semula menagih dadah sebaik sahaja dibebaskan dari penjara. Relaps adalah perkara biasa dalam kalangan bekas banduan. Walaupun kebanyakan mereka cuba untuk mengatasi masalah ketagihan, kebanyakan mereka melalui satu atau beberapa episod untuk berulang sebelum berjaya berhenti sepenuhnya (Mahmood, Taib, Ismail, Jamaludin & Rosli, 2004).

University of Malaya

Potensi bekas banduan untuk terlibat semula dengan penyalahgunaan dadah adalah tinggi sekiranya mereka bergaul semula dengan rakan sepenagih, sebaik sahaja dibebaskan dari penjara (Fauziah et al., 2009; Matttoo, Chakrabarti & Anjaiah, 2009, Noor Zalifah, 2009; Nurhazlina, 2009; Nazruel, 2000). Jika bekas banduan yang pernah mengalami masalah ketagihan dadah menghabiskan banyak masa dengan penagih, risiko untuk mereka berulang ke dalam aktiviti dadah adalah lebih tinggi. Pergaulan dengan rakan sepenagih yang masih menagih dadah, melihat rakan sepenagih mengambil dadah serta mudahnya mendapat bekalan dadah menimbulkan kembali perasaan ketagihan terhadap dadah. Perasaan ini kemudiannya mendorong bekas banduan untuk mengambil semula dadah. Sekiranya dadah tidak diperolehi, penagih akan berasa gelisah, gian, dan menjadi amat menderita. Mereka boleh bertindak ganas dan hilang kawalan emosi. Mereka mula melakukan sesuatu yang tidak masuk akal yang berlawan dengan tatasusila dan peradaban masyarakat. Pendek kata, badan tidak lagi berfungsi dengan sempurna dan amat sukar untuk dipulihkan.

Lufti misalnya secara terang-terang mengatakan yang dia menagih semula sebaik sahaja keluar dari penjara. Dia mengambil dadah pada ketika itu adalah untuk melepaskan giannya terhadap dadah. Suhami juga begitu. Beliau mengatakan yang beliau tidak bekerja selepas dibebaskan dari penjara bukan kerana ketiadaan pekerjaan, sebaliknya, adalah disebabkan giannya pada dadah. Bagi Latif pula, pengulangannya pada ketagihan dadah adalah disebabkan dia tidak mampu mengawal rasa giannya terhadap dadah. Menurutnya lagi, dia tidak pernah merasa serik walaupun ditangkap disebabkan penggunaan dadah ini.

University of Malaya

Seterusnya, Zarul pula mengatakan penggunaan dadah semula adalah disebabkan rasa rindunya pada dadah dan rasa ketagihan yang tidak terkawal. Pendek kata, Syamsul mengatakan ketagihan pada dadah menyebabkan ramai bekas banduan (termasuk dirinya) tidak boleh berfikir secara rasional. Mereka akan terus mengambil dadah juga walaupun tahu penggunaan dadah itu salah. Berikut dipaparkan verbatim responden-responden di atas yang berkaitan dengan hal penyalahgunaan semula dadah ini.

> *Masa mengambil dadah itu, perasaan saya hanya untuk melepaskan gian lah. Saya tidak memikirkan apa-apa lagi.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.48 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Bukan kerana tidak berkerja lah melakukan jenayah ini. Kita dah lama hisap dadah ini. Memang sudah macam sebati dah. Orang ambil dadah ini dia kata gian.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1) 28 April 2016/ 2.41 Tengah Hari / Persatuan IKHLAS)

> *Saya terus ulang dan ulang ketagihan dadah ini. Saya sendiri cakap yang saya tidak kuat lah sebab dadah. Itu yang saya ulang kalau kena tangkap sekali pun, tidak pernah serik sebab dadah ini.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 10.43 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Sebab rindu lah (dengan dadah). Saya macam sudah sebati dengan dadah. Memang susah untuk saya menghilangkan ketagihan dadah ini.*

(Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 8.39 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Kadang-kadang saya rasa gian dengan dadah kan. Memang gian lah, Badan rasa sakit-sakit. Fikiran itu, dalam bahasa saya iaitu fikiran seminit, kalau saya fikir hendak mengambil dadah, saya akan terus ambil. Buat benda jahat tu, saya akan terus buat.*

(Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 10.50 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*5.3.7.2 Gagal mengawal ketagihan menyebabkan tiada keinginan untuk berhenti menagih*

Perasaan ketagihan yang tidak terkawal dan tidak terubat menyebabkan ramai bekas banduan tiada keinginan untuk berhenti dari mengambil dadah. Seorang bekas penagih yang ingin berubah harus mempunyai keinginan yang tinggi untuk berubah. Tanpa keinginan yang kuat, bekas banduan mudah terpengaruh dengan dadah semula. Ketiadaan keinginan untuk berubah menyebabkan mereka gagal untuk mengawal diri dari tidak mengambil bahan tersebut atau gagal untuk menjauhkan diri dari bahan tersebut. Walaupun bekas banduan telah menjalani program anti penyalahgunaan dadah ketika berada di dalam penjara, tiada keinginan untuk berubah serta tiada usaha untuk mengawal diri akan membuat bekas banduan dengan mudahnya terlibat semula dengan dadah. Lufti sendiri mengatakan beliau tiada keinginan untuk berhenti dan ianya menjadi punca kepada sebab dia masih terus menagih selepas dibebaskan. Katanya:

> *Keinginan saya untuk berhenti dari ketagihan dadah itu memang tidak ada. Maka saya masih terus menagih selepas dibebaskan.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.48 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Suhaimi pula mengatakan kesukaran untuk dia mengawal diri daripada tidak menggunakan dadah merupakan penghalang terbesar baginya. Menurutnya:

> *Masalahnya macam kita tidak mahu hisap, tapi kita hendak mengawal diri kita itu, masalah itu tidak mahu terlibat lagi dengan dadah. Tapi susah saya hendak mengawal diri saya ini.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2.41 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Seterusnya, Ramli mengatakan punca dia mengambil dadah semula selepas dibebaskan adalah disebabkan semangatnya yang hilang berpunca daripada kesukaran untuk berintegrasi dengan baik semula di dalam kehidupan berkomuniti. Bercerita mengenai hal ini, Ramli mengatakan:

> *Kegagalan saya bergaul dengan masyarakat telah meruntuhkan semangat saya. Bila tidak ada apa-apa, saya mengambil balik dadah. Saya mula menghisap semula apa semua. Dari pengambilan dadah semula, saya terus hanyut sampai hari ini. Memang susah untuk hilangkan.*

(Ramli/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 2.44 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Agak berbeza dari para responden di atas, Zahid berpendapat ketagihan dadah tidak boleh diubati. Tidak kira berapa banyak pun program anti-penyalahgunaan dadah telah diikuti oleh bekas banduan semasa berada di dalam penjara, mereka tetap akan menagih semula sekiranya mereka gian, tiada keinginan untuk berubah dan bergaul semula dengan rakan sepenagih. Ulas Zahid:

> *Memang ketagihan dadah ini tidak boleh nak baik lah. Kena tahan setahun dalam penjara kah, 2 tahun kah, bila sudah bebas, memang akan hisap balik lah dadah.*

(Zahid/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 4.49 Petang/ Persatuan IKHLAS)

Selain bercerita mengenai ketagihannya yang sukar dikawal, Syamsul dengan sedihnya menyatakan pengelakan dari ketagihan dadah semula adalah cabaran terbesar yang dihadapinya, yang seterusnya menyukarkan ia untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat. Verbatim Syamsul berkaitan hal ini adalah seperti berikut:

> *Bila saya balik ke tempat asal, saya memang tidak boleh nak buang dadah itu. Cabaran bila dapat dadah itu memang saya tidak boleh hendak menahan dari mengambilnya lagi.*

(Syamsul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 10.50 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*5.7.3.3 Perasaan ingin mencuba semula*

Kegagalan bekas banduan untuk tidak lagi terlibat dengan dadah adalah berpunca daripada perasaan ingin mencuba semula. Keadaan ini yang menyebabkan Zarul terus menagih dadah walaupun telah beberapa kali menjalani program pemulihan dadah. Relaps dadah dalam kalangan bekas banduan adalah bukan suatu yang asing. Ketagihan dadah sukar untuk dihapuskan. Perasaan ini menyebabkan mereka kembali kepada tempat lama dan juga aktiviti lama yang akhirnya membuatkan mereka terus terlibat semula di dalam penyalahgunaan dadah. Antara pernyataan yang dipetik menerusi verbatim salah seorang responden kajian mengenai hal ini adalah seperti berikut:

> *Pada mulanya, sifat ingin nak mencuba semula dadah selepas saya dibebaskan. Bila tidak ada apa-apa hendak buat, perasaan ingin cuba itu mula bermain di fikiran. Apabila sudah cuba sekali, dua kali, ketagihan itu akan berterusan sampailah hari ini. Memang saya tak tahu nak buat apa. Hari-hari fikir hendak mengambil dadah.*

(Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ Persatuan IKHLAS)

*5.7.3.4 Melakukan jenayah bagi membiayai tabiat penagihan yang dialami*

Ketagihan dadah menyebabkan kebanyakan bekas banduan cenderung untuk melakukan jenayah demi mendapatkan bekalan dadah. Menurut Lufti misalnya, penagih menggunakan apa sahaja cara bagi mendapatkan sumber kewangan bagi mendapatkan bekalan dadah. Begitu juga dengan Amir yang mengatakan seseorang bekas banduan yang terlibat semula dengan jenayah akan kembali melakukan jenayah dengan mencuri. Menurutnya lagi, tujuan bekas banduan mencuri adalah untuk menjual semula barang curi tersebut untuk mendapat wang membeli dadah. Berikut dipaparkan dua contoh pernyataan yang diambil daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini.

University of Malaya

*Penagih nak mencari duit. Saya terpaksa mencari tin, mencari kotak. Kadang-kadang menipu orang. Kadang-kadang mencuri lagi untuk menampung hidup saya.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 8.51 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Kebanyakan mereka jatuh balik sebab terpengaruh dengan dadah. Jadi, untuk beli dadah ini mereka terpaksa buat jenayah lah. Biasanya dengan mencuri barang. Lepas itu jual balik barang curi itu. Pembeli memang ada lah. Barang-barang curi ini, pembeli memang ada. Bila permintaan ada, sebab itu saya berani mencuri untuk menjual barang tersebut.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.51 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS )

Bekas banduan yang berada di dalam linkungan sosial bersama kumpulan yang menagih dadah berkongsi kepentingan bagaimana untuk mendapatkan dan memperolehi sumber dadah. Rakan sepenagih saling mempengaruhi secara fizikal, dengan berkongsi bekalan mereka pada mulanya dan kemudiannya mencadangkan penjualan dadah dalam menanggung keperluan ketagihan tersebut. Selain itu, rakan sepenagih juga akan menawarkan sokongan emosi agar bekas banduan berasa diterima dan sekaligus mereka tidak menilai tingkah laku yang dilakukan itu sebagai negatif. Janji keuntungan yang lumayan dapat diperolehi dengan menjual dadah sepastinya mempengaruhi bekas banduan untuk terlibat di dalam penjualan dadah. Pengangguran yang dialami juga menyebabkan penjualan dadah sebagai jalan terakhir dalam memperolehi pendapatan.

Syafiq iaitu seorang responden yang berhenti dari jenayah mengakui yang menjual dadah adalah sesuatu yang menguntungkan. Itulah sebabnya ramai orang dan bekas banduan yang menganggur mengambil keputusan untuk menjual dadah. Keadaan ini menyebabkan pengulangan bekas-bekas banduan ke dalam aktiviti penjualan dadah. Berikut merupakan petikan yang diperolehi daripada temubual

University of Malaya

bersama Syafiq apabila ditanya tentang pemilihan penjualan dadah dan pendapatan lumayan yang mampu diperolehi:

> *Jual dadah ini memang betul-betul boleh membawa kepada pendapatan yang lumayan. Sebab itu ramai di antara kami yang dengan mudah terjebak untuk menjual dadah.*

(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.51 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Terdapat juga beberapa responden lain yang turut membincangkan perihal yang sama berkaitan dengan pendapatan yang lumayan dari penjualan dadah. Hafiz misalnya juga mengatakan penjualan dadah merupakan suatu pekerjaan yang mudah untuk mendapat wang segera. Latif pula mengatakan dia menjual dadah demi kemewahan dan juga kerana ketiadaan pekerjaan tetap. Sama seperti Syafiq dan Hafiz, Nabil turut mengatakan menjual dadah menjanjikan pendapatan yang lumayan. Antara pernyataan yang diambil daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

> *Saya ini biasa akan balik semula ke tempat kawan-kawan saya yang dulu, di mana saya boleh cari duit dengan agak mudah, bekerja yang orang boleh bayar saya duit tunai, kerana saya masih hisap dadah. Jadi, saya akan cari tempat mana yang sesuai dan senang, tempat yang ada tempat dapat duit dengan mudah.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.47 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

> *Untuk dadah lah, untuk kemewahan semua, saya pun tidak ada duit, saya bukan kerja. Saya akan menjual dadah semula untuk mendapat duit.*

(Latif/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/10.45 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

> *Lumayan kerja dadah ini. Ianya lebih lumayan dari kita kerja biasa. Sebab itu ramai memilih untuk menjual.*

(Nabil/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 11.52 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Pendek kata, ketagihan dadah merupakan satu masalah kronik berulang dalam kalangan bekas banduan. Masalah ini boleh menjadi punca untuk mereka terlibat semula dengan jenayah bagi membiayai ketagihan mereka. Bagi bertindakbalas dengan masalah ini, pengkaji berpendapat perlunya ada satu program rawatan dan penjagaan yang berterusan untuk mengelakkan masalah ketagihan berulang berlaku dalam kalangan bekas banduan. Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Bab Tujuh tesis ini.

### 5.3.8 Masalah kesihatan menjejaskan kualiti kehidupan

Kebanyakan bekas banduan mempunyai kesihatan yang kurang baik disebabkan oleh gaya hidup mereka seperti amalan seks bebas, perkongsian jarum suntikan, alkohol dan penyalahgunaan dadah (Khan, Epperson, Mateu-Gelabert, Bolyard, Sandoval & Friedman, 2011; Morrow, 2009; Braithwaite & Arriola, 2003; Hardick, Hsieh, Tulloch, Kus, Tawes & Gaydos, 2003). Semasa di penjara, banduan mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan yang disediakan oleh pihak penjara. Di penjara, banduan berpeluang untuk menerima rawatan pemeriksaan kesihatan untuk penyakit kronik seperti kencing manis, dan penyakit berjangkit seperti Hepatitis C, Hepatitis B dan HIV. Penjagaan kesihatan disediakan kepada semua banduan oleh pakar-pakar kesihatan yang memberi rawatan di penjara. Malangnya, mereka tidak lagi mempunyai sebarang bentuk penjagaan kesihatan selepas dibebaskan.

Pengkaji melampirkan kod-kod yang ditemui berkaitan penyakit yang dihidapi di dalam rajah 5.25. Daripada dapatan kajian yang terkumpul menunjukkan rata-rata bekas banduan yang mengulangi jenayah ini adalah dari kalangan yang menghidap penyakit berjangkit dan kronik. Rata-rata bekas banduan ini menghidapi penyakit

University of Malaya

seperti HIV, Hepatitis B & C, Turbekulosis dan sebagainya. Namun tiada hubungkait yang menunjukkan bekas banduan yang menghidapi penyakit ini akan cenderung melakukan jenayah. Tetapi dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan pengulanglaku jenayah adalah dari kalangan yang menghidapi penyakit berjangkit. Keadaan ini membuatkan pengkaji telah menemubual kesan penyakit ke atas kehidupan mereka. Pengkaji telah mengekod berdasarkan tema yang muncul daripada transkrip kesemua responden pengulanglaku jenayah.




**Rajah 5.25:** Kod dan Tema berkaitan Tahap Kesihatan dalam Kalangan Bekas Banduan yang Pengulanglaku Jenayah

Proses pengekodan yang dilakukan mendapati hampir kebanyakan bekas banduan yang dibebaskan tidak mengendahkan penyakit yang dihidapi. Kebanyakan mereka tidak mengikuti sebarang rawatan kesihatan di hospital kerajaan. Mentaliti yang telah terpahat di minda mereka akan stigma yang akan dilalui jika berada di kawasan awam seperti hospital serta kesukaran hidup yang dihadapi menyebabkan mereka lebih rela mendiamkan diri tentang penyakit mereka. Cabaran hidup yang dialami juga menyebabkan kesihatan mereka bukan suatu yang dipentingkan. Mereka merasakan keperluan-keperluan hidup yang lain yang masih belum dipenuhi menyebabkan kesihatan bukan lagi suatu keperluan yang penting.

University of Malaya

Masalah berkaitan penyakit ini menjadi lebih kritikal apabila terdapat bekas banduan yang keluar dari penjara tidak sedar dan tahu yang mereka menghidapi penyakit seperti Tuberkolosis, Hepatitis C dan HIV. Akibatnya, keadaan kesihatan mereka semakin kritikal, serta perkara yang membimbangkan adalah mereka mempunyai potensi untuk menyebarkan penyakit berjangkit seperti batuk kering, hepatitis dan HIV kepada masyarakat (Petersilia, 2003). Pengkaji telah memilih untuk menemubual responden berkaitan dengan kesan penyakit yang dihidapi mereka ke atas kesejahteraan hidup. Namun, maklumbalas yang diberikan oleh responden kajian memperlihatkan yang penyakit tidak memberi sebarang masalah kepada bekas banduan. Lufti, Suhaimi, Nabil, Amir dan Naim mengatakan penyakit HIV yang dialami tidak memberi sebarang kesan kepada diri mereka.

Malahan, mereka sendiri tidak merasa apa-apa dan hanya melihat sebagai masalah biasa sahaja. Lufti mengatakan penyakit HIV bukan suatu yang teruk jika dibandingkan dengan penyakit-penyakit kritikal lain. Beliau mengambil Ebola sebagai contoh yang boleh meragut nyawa dalam tempoh yang singkat. Baginya, penyakit HIV ini tidak memberi sebarang kesan kepada dirinya. Begitu juga Suhaimi dan Nabil yang melihat HIV sebagai masalah biasa. Amir dan Naim turut berkongsi pandangan yang sama tentang kesan penyakit HIV pada dirinya iaitu dilihat sebagai masalah biasa. Antara pernyataaan yang diambil daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

> *Itu tidak menjadi masalah bagi saya, sebab penyakit HIV ini bagi saya tidak ada apa-apa lah, sebab saya suka kaitkan dengan penyakit lain yang lebih kronik. Sebagai contoh seperti Ebola. Macam penyakit Ebola ini, masuk 2 minggu di dalam wad, banyak dah mati. Berbeza macam penyakit HIV, yang masih boleh terus hidup lagi.*

(Lufti/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 8.53 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*Bagi saya, penyakit HIV ini sudah tidak menjadi apa masalah kepada saya. Walaupun mempunyai penyakit HIV, ianya tidak memberi kesan kepada kehidupan saya.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2.53 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Masalah mental dan HIV ini bagi saya tidak ada memberi apa-apa kesan kepada saya, Bagi saya, ianya seperti masalah biasa.*

(Nabil/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 11.50 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Penyakit HIV ini tidak menganggu kehidupan saya. Saya tidak terasa apa-apa lah dengan penyakit HIV ini.*

(Amir/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 12.52 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

*Buat masa ini, saya rasa tidak de apa-apa kesanlah pada hidup saya. Tapi tak tahu la, takut esok lah mungkin boleh menganggu kesihatan hidup saya.*

(Naim/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 5.49 Petang/ Persatuan IKHLAS)

Sebaliknya, Siva dan Zahid pula mengatakan penyakit memberi kesan kepada kesihatan mereka. Siva turut mengatakan penyakit HIV menyebabkan badannya menjadi lemah dan sukar untuk menjalankan aktiviti harian. Begitu juga dengan Zahid yang mengatakan penyakit HIV ini turut membawa kepada penyakit seperti Tuberkulosis (TB). Antara pernyataan yang diambil daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

*Saya perasan kalau saya tidak mengambil ubat, memang ada ganggu lah kehidupan saya. Tetapi selalunya dengan ada ubat ini, memang tidak ada lah.*

(Siva/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 10.52 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

*Macam penyakit HIV ini, ianya tidak menyerang saya, Cuma dia beri sakit-sakit cam lain lah, macam TB semua itu.*

(Zahid/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 4.49 Petang/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Hanya Hafiz sahaja yang mengatakan penyakit yang dialami memberi kesan kepada kualiti kerjanya. Katanya:

> *Sedikit sebanyak penyakit HIV ini akan menganggu. Penyakit HIV ini mengurangkan daya ketahanan badan. Ditambahkan lagi dengan kesan ubat yang diambil itu, ianya akan menjejaskan kualiti kerja lah.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.57 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

## 5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati faktor-faktor risiko bermula daripada kegagalan bekas banduan memperolehi tempat tinggal yang baik dan bebas jenayah sebaik dibebaskan dari penjara. Kegagalan berintegrasi menjadi lebih sukar apabila bekas banduan yang kembali kepada keluarga tidak diterima dan tidak dilayan dengan baik oleh ahli keluarga mereka. Kesukaran hidup bekas banduan bertambah kritikal apabila mereka gagal memperolehi pekerjaan dan diskriminasi yang diterima daripada majikan dan jiran taulan di kawasan kediaman.

Keadaan ini menyebabkan wujudnya bekas banduan yang memilih untuk kembali melibatkan diri dengan rakan-rakan yang negatif sehingga kembali semula melakukan aktiviti penyalahgunaan dadah dan jenayah. Cabaran sosial yang mereka hadapi menyebabkan kebanyakan bekas banduan tidak menghiraukan atau mengambil remeh tahap kesihatan mereka; khususnya dalam kalangan mereka yang menghidap penyakit kronik dan berjangkit. Kesemua faktor yang dikenalpasti ini saling berkaitan di antara satu sama lain.

University of Malaya

# BAB 6: FAKTOR-FAKTOR PELINDUNG YANG MEMBAWA PEMBERHENTIAN DARI JENAYAH

## 6.1 Pendahuluan

Persoalan kedua yang cuba dijawab oleh kajian ini adalah mengapa ada segelintir bekas banduan berjaya menghalang diri mereka daripada terlibat semula dengan aktiviti jenayah? (Supra, hal. 10-13). Persoalan kajian ini pula mempunyai kaitan dengan objektif kedua kajian ini; iaitu untuk menganalisa faktor-faktor pelindung yang wujud dalam proses integrasi semula yang menghentikan bekas banduan daripada aktiviti jenayah. Dapatan kajian bagi kedua-kedua perkara ini dilaporkan di dalam bahagian ini.

Pengenalpastian faktor-faktor pelindung yang muncul di dalam kehidupan bekas banduan yang berjaya mengelakkan diri dari jenayah penting dilakukan. Secara ringkasnya, faktor pelindung adalah faktor-faktor yang mengurangkan kecederungan individu untuk melakukan tingkah laku bermasalah dengan cara mengalihkan, melemahkan, meminimunkan atau meneutralkan kesan pendedahan individu terhadap faktor-faktor risiko yang turut atau mungkin hadir dalam sesetengah individu (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Arthur, Hawkins, Pollard, Catalano & Baglioni, 2002). Faktor pelindung merupakan agen yang berupaya untuk mengurangkan atau mencegah kewujudan pelbagai masalah tingkah laku sosial dalam kalangan bekas banduan di sepanjang proses berintegrasi semula dengan komuniti umum.

University of Malaya

Bagi memudahkan pembacaan, pengkaji menyusun pembentangan dan perbincangan dalam bab ini kepada dua subtopik utama berikut:

(1) Profil demografi sosial responden yang berhenti dari jenayah; dan,

(2) Faktor-faktor pelindung yang wujud dalam persekitaran sosial responden yang membantu mereka mengelakkan diri dari terlibat semula dengan jenayah.

## 6.2 Profil Demografi Sosial Responden yang Berhenti dari Jenayah

Sepertimana yang telah dinyatakan di dalam bab terdahulu, daripada 19 orang responden yang menyertai kajian ini hanya 3 orang responden sahaja merupakan bekas banduan yang tidak mengulangi jenayah. Hanya 3 orang responden yang telah menepati ciri-ciri yang berhenti dari jenayah seperti yang ditetapkan. Mereka yang dikenalpasti menepati ciri-ciri responden yang berhenti dari jenayah adalah Muiz, Syafiq dan Rizal. Profil demografi sosial bagi tiga orang responden yang berhenti dari jenayah ini dipaparkan di dalam Jadual 6.1 dan *Ecomaps* 6.1 hingga 6.3.

## 6.3 Faktor–faktor Pelindung kepada Tingkahlaku Pemberhentian dari Jenayah dalam Kalangan Bekas Banduan

Kajian ini mendapati setiap peristiwa hidup yang berlangsung di sepanjang proses integrasi sosial bekas banduan dengan komuniti umum mempunyai pengaruh yang kritikal di dalam membentuk tingkahlaku yang berhenti dari jenayah atau mencegah tingkahlaku mengulangi jenayah dalam kalangan bekas banduan.

University of Malaya

**Jadual 6.1:** Profil Demografi Sosial Responden yang Berhenti dari Jenayah

| **Demografi Responden** | **Jantina** | **Negeri Asal** | **Umur** | **Taraf Pendidikan** | **Umur pada tangkapan pertama dan jenis kesalahan** | **Umur pada tangkapan berulang dan jenis kesalahan** | **Jumlah pemenjaraan** | **Status Perkahwinan** | **Ketagihan dadah** | **Masalah kesihatan** | **Hubungan kekeluargaan** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Muiz | Lelaki | Perlis | 50 Tahun | SPM | 23 Tahun/ Memiliki dadah | Tidak berkaitan | 1 kali | Kahwin | Berhenti | Bebas Penyakit | Diterima dengan baik |
| Syafiq | Lelaki | Johor | 40 Tahun | SRP | 24 Tahun/ Memiliki dadah | Tidak berkaitan | 1 Kali | Kahwin | Tidak pernah | Bebas Penyakit | Diterima dengan baik |
| Rizal | Lelaki | Selangor | 58 Tahun | Diploma | 30 an Tahun Mengedar dadah | Tidak berkaitan | 1 Kali | Bujang | Tidak Pernah | Bebas Penyakit | Diterima dengan baik |

University of Malaya




**Rajah 6.1:** *Ecomap* Muiz

University of Malaya




**Rajah 6.2 :** *Ecomap* Syafiq

University of Malaya




**Rajah 6.3:** *Ecomap* Rizal

University of Malaya

Keupayaan faktor pelindung untuk membendung tingkahlaku anti sosial adalah bergantung pada dominasi faktor risiko dan faktor pelindung yang wujud di dalam persekitaran sosial yang didiami oleh seseorang (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009; Keogh, 2000). Sekiranya kehadiran faktor pelindung di dalam mempengaruhi peristiwa hidup individu adalah lebih dominan daripada faktor risiko, maka kebarangkalian untuk individu kekal patuh kepada norma dan jangkaan sosial adalah tinggi. Sebaliknya, jika faktor risiko yang wujud adalah lebih dominan daripada faktor pelindung di setiap peristiwa yang dilalui, maka faktor risiko berkenaan mampu mencetus kecenderungan individu ke dalam tingkah laku anti sosial. Secara ringkasnya, faktor pelindung sering didefinisikan sebagai agen pencelahan yang mampu mengukuhkan kepatuhan individu terhadap nilai, norma, peraturan atau undang-undang sosial untuk melindungi, mencegah, mengawal individu daripada impak negatif faktor risiko (Morrisson, MacDonald & LeBlanc, 2000).

Kewujudan faktor pelindung yang lebih dominan daripada faktor risiko menjelaskan mengapa ada segelintir bekas banduan yang mengalami peristiwa hidup yang penuh cabaran tetapi masih berjaya menjalani segala fungsi peranan, jangkaan dan tanggungjawab sosial mereka dengan berkesan dan tidak melakukan aktiviti yang bertentangan dengan nilai, norma dan peraturan sosial. Dengan kata lain, walaupun peristiwa hidup bekas banduan itu dipenuhi dengan pelbagai faktor risiko, kehadiran faktor pelindung yang kuat dalam kehidupan bekas banduan ini mampu bertindak sebagai agen moral yang mampu mengekalkan dan meningkatkan kepatuhan bekas banduan kepada peraturan sosial sedia ada.

University of Malaya

Sama seperti pengenalpastian sekelompok faktor risiko di dalam bab sebelumnya, faktor pelindung juga terdiri daripada sekelompok faktor yang lebih kurang sama yang menjadi fokus di dalam bab ini. Kajian ini mengenalpasti peristiwa hidup sama yang dilalui oleh setiap bekas banduan dan yang membezakan di antara setiap perjalanan hidup ini adalah kehadiran faktor risiko dan pelindung dalam mempengaruhi kehidupan bekas banduan tersebut. Sekiranya kita teliti data dalam Jadual 6.2, kita boleh simpulkan yang bekas banduan yang berhenti dari jenayah berjaya dalam proses integrasi semula mereka kerana kewujudan serangkaian peristiwa sosial yang berperanan sebagai faktor pelindung yang melindungi mereka daripada dominasi faktor risiko residivisme. Bagaimana setiap peristiwa sosial yang dialami mereka menjadi faktor pelindung kepada pemberhentian dari jenayah yang dinyatakan secara terperinci di dalam bahagian-bahagian seterusnya.

### 6.3.1 Mempunyai tempat tinggal untuk dituju selepas dibebaskan

Proses pencarian tempat tinggal selepas dibebaskan dari penjara sering menjadi perbincangan dalam teori dan penyelidikan mengenai faktor menggalakkan pemberhentian dari jenayah (Baldry et al., 2003; Maruna & LeBel, 2003; Petersilia, 2003; Breese et al., 2001; Maruna, 2001). Peningkatan pembebasan bekas banduan dari penjara menyebabkan isu berkaitan tempat tinggal buat bekas banduan menjadi isu penting. Pencarian tempat tinggal ini menjadi destinasi pertama di dalam peristiwa hidup bekas banduan selepas dibebaskan (Shapiro & Schwartz, 2001). Kejayaan bekas banduan yang kembali kepada ahli keluarga merupakan suatu titik perubahan yang baik di dalam perjalanan hidup kebanyakan bekas banduan.

University of Malaya

**Jadual 6.2:** Peristiwa Hidup Responden yang Berhenti dari Jenayah

| **Responden** | **Tempat Tinggal** | **Hubungan Keluarga** | **Status Pekerjaan** | **Hubungan Rakan-Rakan** | **Hubungan Masyarakat** | **Ketagihan Dadah** | **Masalah Kesihatan** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Muiz | Tinggal bersama keluarga | Diterima dengan baik dan isteri menerima kehadirannya | Bekerja | Mengelakkan diri dari bercampur dengan rakan-rakan negatif | Jiran mempunyai persepsi negatif | Berhenti | Tiada |
| Syafiq | Tinggal bersama isteri | Diterima dengan baik | Bekerja | Mengelakkan diri dari bercampur dengan rakan-rakan negatif | Jiran tidak melabel walaupun tahu rekod sebagai bekas banduan | Tidak pernah | Tiada |
| Rizal | Tinggal dengan keluarga | Diterima dengan baik | Bekerja | Mengelakkan dari bercampur | Kadangkala didiskriminasi terutama ketika wujudnya jenayah | Tidak Pernah | Tiada |

University of Malaya

Berdasarkan pengekodan yang dilakukan, pengkaji telah menemui beberapa kod yang menunjukkan kejayaan bekas banduan yang berhenti dari jenayah ini memperolehi tempat tinggal. Pengkaji melampirkan kod yang ditemui di dalam rajah 6.4 seperti berikut:




**Rajah 6.4:** Kod dan Tema berkaitan Kejayaan Memperolehi Tempat Tinggal

Dari segi memperolehi tempat tinggal, pengkaji mendapati ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah menyatakan mereka tidak mempunyai masalah berkaitan tempat tinggal selepas dibebaskan dari penjara. Dalam kalangan responden yang sudah beristeri pula, mereka dapat pulang ke pangkuan isteri dan anak-anak. Kajian ini juga mendapati bekas banduan yang mempunyai isteri dan anak-anak tidak mempunyai masalah dalam memperolehi tempat tinggal selepas dibebaskan dari penjara. Selain itu, kajian ini juga mendapati bekas banduan yang dikelilingi dengan ahli keluarga yang tercinta di rumah mempunyai kawalan sosial yang tinggi untuk tidak lagi terlibat dalam perlakuan jenayah. Dapatan ini adalah selari dengan salah satu daripada andaian Teori Pengkelasan Umur tentang kawalan sosial yang terbentuk menerusi hubungan kekeluargaan dan perkahwinan. Teori ini mengatakan institusi keluarga yang kukuh berupaya membentuk kawalan sosial tidak formal yang berfungsi menghalang bekas banduan untuk terlibat semula dengan aktiviti jenayah.

Pengkaji ingin memetik Rizal sebagai contoh. Rizal memilih untuk tinggal bersama keluarga sebaik dibebaskan. Ahli keluarganya masih menerima beliau dan ini tidak menjadi sebab untuk beliau tidak mahu pulang kepada pangkuan keluarga. Keadaan ini menunjukkan penerimaan keluarga merupakan faktor penting di dalam diri bekas banduan untuk rasa diterima; walaupun pernah dipenjarakan. Sokongan ahli keluarga turut ditunjukkan dengan sering melawat ketika beliau menjalani hukuman pemenjaraan. Malahan Rizal turut menambah apabila ahli keluarganya yang tinggal di Petaling Jaya, Selangor sanggup datang menjemput beliau di Penjara Bandar Hilir Melaka pada ketika beliau dibebaskan, beliau berasa sangat terharu dan berasa bersyukur dengan sokongan yang ditunjukkan oleh ahli keluarga beliau. Berikut merupakan pernyataan yang dipetik daripada temu bual yang dijalankan:

> *Sokongan daripada keluarga saya sangat bagus. Saya berasa beruntung dapat keluarga macam ini, yang sanggup membantu, menyokong saya walaupun saya bergelar seorang banduan. Keluarga juga sering melawat saya ketika saya dipenjarakan. Malahan, keluarga dari Petaling Jaya sanggup datang dari jauh untuk mengambil saya di Penjara Bandar Hilir Melaka semasa dibebaskan pada ketika itu.*

(Rizal/ Berhenti dari jenayah (P3) / 5 September 2016 / 2.34 Persatuan IKHLAS)

Berikut pula merupakan pernyataan yang dipetik daripada verbatim Rizal apabila ditanya tentang keputusan beliau untuk pulang ke pangkuan ahli keluarga.

> *Saya sendiri memang selesa untuk pulang ke pangkuan keluarga kerana memikirkan mereka masih boleh menerima saya. Maka, memang saya balik ke rumah keluarga. Malahan, ahli keluarga masih boleh menerima saya. Maka, memang tidak menjadi masalah buat saya untuk kembali kepada mereka.*

(Rizal/ Berhenti dari jenayah (P2) / 24 Ogos 2016 / 3.21 /Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Begitu juga dengan Muiz yang turut memilih untuk kembali kepada keluarganya. Beliau melihat keluarga sebagai tempat beliau membesar dan menjadi satu kemestian buat beliau untuk kembali kepada keluarga. Keadaan ini membuatkan beliau memang memiih untuk balik semula kepada pangkuan keluarga sebaik dibebaskan. Berikut merupakan petikan yang diambil dari verbatim Muiz apabila ditanya mengenai keputusan beliau untuk kembali semula ke rumah keluarga:

> *Sebab hidup kita ini memang pada mula-mula, memang dari rumah, daripada keluarga, yang pertama kali yang kita fikir mesti lah keluarga juga akhirnya, sebab tempat kita dari awal pun memang membesar dengan keluarga, dan kita sangat mengharapkan lah keluarga.*

(Muiz / Berhenti dari jenayah (P2) / 24 Ogos 2016 / 12.38/ Persatuan IKHLAS)

Selain itu, pengkaji ingin memetik pengalaman Fikri di dalam aspek ini. Beliau merupakan responden dari kalangan pengulanglaku jenayah yang telah memilih keputusan untuk kembali kepada keluarga sebaik dibebaskan. Menurut beliau yang masih lagi tercari-cari apakah yang beliau ingin lakukan ketika baru sahaja dibebaskan dan ditambahkan lagi dengan ketiadaan pekerjaaan untuk menampung diri. Perkara pertama yang beliau fikirkan sebaik sahaja dibebaskan dari penjara adalah untuk kembali ke pangkuan keluarga.

> *Sebab pertama kali dibebaskan itu, kita masih mencari-cari arah, kita tidak sempat kerja, yang kita nampak keluarga sahaja lah, keluarga boleh terima, memang keluarga ni ok dengan kehadiran kita.*

(Fikri/ Pengulanglaku jenayah (P2)/ 24 Ogos 2016/ 9.21 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Terdapat segelintir responden yang memilih untuk tinggal dengan ahli keluarga buat sementara waktu sahaja. Hal ini didapati daripada temu bual yang dijalankan bersama Hafiz; iaitu seorang responden pengulanglaku jenayah. Berikut adalah respons beliau apabila ditemubual berkaitan dengan tempat tinggal selepas dibebaskan dari penjara:

> *Biasanya, selepas bebas sahaja dari penjara, saya akan mencari ahli keluarga. Tetapi ianya untuk tempoh sementara sahaja. Selepas itu, lepas sampai suatu tempoh, sebab kerja pun saya tidak ada, takkan saya nak membiasakan diri dengan hidup bersama keluarga sahaja. Jadi saya akan keluar dan saya akan cuba cari jalan untuk mencari kerja pula selepas itu.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P2) / 24 Ogos 2016/ 4.13 Petang / Persatuan IKHLAS)

Pengkaji turut mencungkil dengan lebih mendalam faktor-faktor lain yang menyebabkan Hafiz memilih untuk keluar selepas tinggal bersama ahli keluarga. Selepas diajukan soalan mengenai punca pemilihan beliau untuk keluar dari rumah keluarga, akhirnya Hafiz mula bersikap terbuka dan mula berterus-terang tentang relaps dadah yang dialami. Perkembalian beliau kepada ketagihan dadah telah menyebabkan ahli keluarga mula tawar hati dan telah menyisihkan beliau dari ahli keluarga. Berikut merupakan pernyataan yang dipetik daripada vervatim Hafiz berkaitan dengan punca beliau keluar dari rumah selepas tinggal untuk sementara waktu

> *Sebenarnya apabila saya tidak menagih, keluarga ini masih boleh mengambil berat tentang saya. Cuma masalah sedikit berlaku apabila ketagihan saya yang membuatkan saya tidak boleh duduk dengan mereka. Maka saya perlu keluar dari rumah dan mencari jalan untuk hidup sendiri di Kuala Lumpur.*

(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah(P2) / 24 Ogos 2016/ 4.18 Petang / Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Kajian ini juga mendapati terdapat kelebihan bagi bekas banduan yang berkahwin di dalam aspek tempat tinggal ini. Kebanyakan mereka tidak mempunyai masalah untuk mencari tempat tinggal. Mereka akan kembali ke pangkuan isteri. Syafiq misalnya terus kembali ke pangkuan isteri dan anak-anaknya di Johor. Ini merupakan kelebihan bagi bekas banduan yang sudah berkahwin apabila mereka secara automatiknya mempunyai tempat tinggal.

> *Macam saya ini memang sudah berkahwin. Jadi, saya akan kembali dengan isteri selepas saya dibebaskan. Isteri memang tahu bila saya pulang dan akan menerima saya dengan baik.*

(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Pendek kata, pengkaji simpulkan bahawa bekas banduan yang mempunyai ahli keluarga yang menerima mereka dan bekas banduan yang berstatus telah berkahwin mempunyai peluang yang tinggi dalam mendapat tempat tinggal. Dapatan ini juga menunjukkan yang keluarga memainkan peranan penting dalam menyediakan tempat tinggal; sama ada secara kekal atau sementara waktu kepada bekas banduan yang dibebaskan dari penjara. Ketiadaan pendapatan untuk menyewa serta berada dalam keadaan tidak pasti dalam mencari hala tuju kehidupan menjadikan peranan keluarga penting dalam membantu transisi bekas banduan ini selepas baru dibebaskan. Ahli keluarga menjadi sumber kepada pembentukan peristiwa hidup yang baik pada awal permulaan hidup dari hari pembebasan.

### 6.3.2 Sokongan padu ahli keluarga

Kajian ini juga cuba memahami peranan keluarga dalam menyokong pengelakkan bekas banduan dari tingkah laku anti sosial dan jenayah. Keluarga berperanan penting untuk membantu proses pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan

University of Malaya

(Martinez & Abrams, 2013; Hochstetler et al., 2010; Kazemian & Maruna, 2009; Martinez & Christian, 2009; Petrosino et al., 2009; Naser & Visher, 2006; Braman, 2004; Demuth & Brown, 2004; Petersilia, 2003). Sokongan dan bantuan yang diberikan oleh ahli keluarga memberikan harapan dan motivasi kepada bekas banduan untuk cuba berubah menjadi baik dan tidak mengulangi jenayah (Taylor, 2012; Sampson et al., 2006; Maume et al.,2005; Tewksbury & DeMichele, 2005; Sullivan et al., 2002).

Namun begitu, kita tidak boleh meletakkan faktor keluarga semata-mata sebagai sumber tunggal yang berpotensi dalam menentukan kejayaan bekas banduan mengelakkan diri dari jenayah. Terdapat pelbagai faktor pelindung lain yang hadir dalam menentukan perjalanan kehidupan seseorang bekas banduan. Kajian ini, walau bagaimanapun mendapati antara faktor pelindung yang wujud dalam keluarga yang berpotensi tinggi melindungi bekas banduan daripada terlibat semula dengan aktiviti jenayah ialah sokongan sosial ahli keluarga dalam menyediakan penjagaan, komitmen dan kasih sayang kepada bekas banduan yang dibebaskan.

Di peringkat antarabangsa, terdapat banyak kajian berkaitan pemberhentian dari jenayah (spt. Blokland & Nieuwbeerta, 2005; Demuth & Brown, 2004) yang telah dilakukan bagi mengeksplorasi secara mendalam peranan sokongan yang diberikan oleh keluarga dalam membantu bekas banduan membina semula hidup mereka sebaik sahaja dibebaskan dari penjara. Hubungan keluarga yang kukuh dan sokongan padu anggota keluarga merupakan faktor pelindung penting dalam pemberhentian dari jenayah (Laub et al., 1998). Sokongan keluarga membantu bekas banduan untuk membangunkan ikatan sosial dan identiti yang positif, serta pengelakan daripada

University of Malaya

melakukan perkara-perkara yang boleh menyinggung keluarga (McNeil & Weaver, 2010). Ianya telah terbukti apabila bekas banduan yang berhenti dari jenayah ini lazimnya terdiri daripada mereka yang diterima baik oleh ahli keluarga.

Berdasarkan pengekodan yang dilakukan, pengkaji telah menemui beberapa kod yang berkaitan hubungan kekeluargaaan yang mampu mengelakkan bekas banduan ini dari jenayah. Terdapat empat kod yang ditemui sepanjang proses pengekodan dilakukan ke atas transkrip responden. Pengkaji melampirkan kod yang ditemui di dalam rajah 6.5 seperti berikut:




**Rajah 6.5:** Kod dan Tema berkaitan Sokongan Padu Keluarga dengan Kehadiran Bekas Banduan

Apabila bekas banduan mendapat penerimaan yang baik dan layanan hormat daripada keluarga, mereka akan lebih merasa diterima. Sokongan daripada keluarga penting dalam mengukuhkan sokongan emosi dan sokongan fizikal bekas banduan (La Vigne et al., 2004; Visher et al., 2004; Visher & Travis, 2003). Kajian ini mendapati penerimaan yang positif  daripada anggota keluarga memberi pengaruh yang baik buat bekas banduan untuk tidak lagi melakukan jenayah.

University of Malaya

Verbatim mendalam bagi setiap sub-tema tersebut dipaparkan di dalam Jadual 6.3. Kajian ini mendapati sebab utama bekas banduan berjaya mengelakkan diri dari jenayah adalah berpunca daripada penerimaan baik ahli keluarga mereka. Ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah kajian ini iaitu Muiz, Syafiq dan Rizal menyatakan penerimaan baik yang mereka terima daripada ahli keluarga memberi semangat untuk mereka menjadi baik, dan tidak mahu untuk terlibat dengan jenayah lagi. Penerimaan yang baik ini menjadi salah satu faktor kejayaan bekas banduan mengelakkan diri dari jenayah. Teori Pengkelasan Umur menyatakan hubungan rapat (*bonding*) yang wujud antara bekas banduan dengan ahli keluarga merupakan penghalang yang kukuh untuk bekas banduan melakukan semula jenayah.

Hubungan rapat tersebut yang bertindak seperti gam pelekat yang 'mengikat' kuat bekas banduan dengan ahli keluarga mereka, menyebabkan bekas banduan berasa bertanggungjawab untuk menjaga hubungan tersebut. Hubungan keluarga boleh memberi bekas banduan rasa tujuan hidup, hala tuju hidup dan rasa kehilangan jika kembali ke dalam penjara. Bekas banduan yang menerima layanan yang baik dari ahli keluarga juga berasa lebih dihargai. Keluarga, terutamanya ibubapa dan isteri/suami boleh menyediakan bekas banduan dengan sokongan yang mereka perlukan untuk berjaya beralih semula ke dalam masyarakat dengan lancar.

Kepentingan mempunyai hubungan baik dengan ahli keluarga telah diperkukuhkan lagi oleh Hafiz. Hafiz mengatakan kakaknya telah menerima beliau dengan baik tanpa sebarang sikap negatif mahupun diskiriminasi. Keadaan ini menyebabkan Hafiz berasa selesa apabila pulang ke pangkuan ahli keluarga. Ahli keluarga tetap menerima beliau walaupun beliau telah 7 kali mengulangi jenayah.

University of Malaya

**Jadual 6.3:** Faktor Pembentukan Sokongan Padu Ahli Keluarga

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| (1) Layanan yang baik dari ahli keluarga | *Saya dilayan dengan baik. Sememangnya tidak dinafikan pada mulanya saya rasa bersalah. Apabila saya rasa bersalah, saya rasa segan sebab saya sudah buat suatu kesalahan. Bila keluarga tidak menampakkan sangat benda (merujuk kepada layanan) itu seperti kita ada buat salah, maka saya boleh betulkan lah diri saya. Saya seperti bersemangat untuk berubah bagi membuktikan kepada keluarga yang saya mampu untuk berubah. Ianya berpunca daripada layanan yang diberi itu. Ianya membentuk harapan besar dari keluarga. Pasti saya tidak mahu memusnahkan harapan keluarga itu.*<br><br>(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 9.19 Pagi/ Persatuan IKHLAS )<br><br>*Saya sebenarnya dengan keluarga saya, saya tidak ada masalah. Akak ipar saya memang melayan saya dengan baik. Dia tidak pernah beranggapan buruk tentang saya, walaupun dia tahu saya ini sebagai bekas penagih. Kadang-kadang dari layanan itu buat saya rasa selesa berada dengan mereka. Malahan, saya berasa lebih dekat bila selepas dibebaskan. Benda-benda macam ini banyak buat saya kagum melihat layanan mereka.*<br><br>(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 28 April 2016/ 12.21 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Keluarga dengan saya ini tidak ada masalah langsung. Saya diterima dengan baik selepas dibebaskan. Penerimaan keluarga terhadap saya memang sangat baik lah. Mungkin sebab ianya kali pertama kan saya melakukan jenayah. Kalau banyak kali, mungkin lah mereka malu nak menerima saya. Saya berterima kasih, serta bersyukur. Walaupun saya ditangkap atas kesalahan meniaga dadah, kiranya saya ini bekas banduanlah, tapi mereka tetap menerima saya dengan hati terbuka selepas saya pulang dari penjara. Itu kekuatan untuk diri saya untuk tidak terlibat lagi dengan dadah. Mereka membuatkan saya lebih takut untuk mengulangi jenayah selepas itu.*<br><br>(Rizal/ Berhenti dari jenayah P1) / 28 April 2016/ 3.17 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS) |

University of Malaya

Sambungan **Jadual 6.3:**

| **Sub Tema** | **Verbatim** |
|---|---|
| (2) Mendapat bantuan kewangan daripada ahli keluarga | *Keluarga banyak membantu saya dari segi kewangan. Hubungan saya dengan keluarga sangat kuat. Jadi saya memang rapat dengan keluargalah walaupun selepas saya telah dipenjara. Kiranya hubungan baik saya dengan saya tidak pernah berubah selepas itu.*<br><br>(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1) / 28 April 2016/ 9.23 Pagi/ Persatuan IKHLAS )<br><br>*Selepas saya dibebaskan, semasa saya tinggal dengan mereka, adik-beradik ada memberi saya duit sedikit. Cuma, adik beradik minta agar saya janganlah mengulangi jenayah lagi. Kiranya berjanji supaya boleh berubah. Hal duit dan keperluan itu mereka akan cuba bantu.*<br><br>(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.28 Pagi/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Pada peringkat awal ianya memang macam itu. Kiranya pada peringkat awal, keluarga akan membantu saya dengan memberi sedikit bantuan kewangan. Abang saya ini marah dengan saya. Abang marah ini bukan sebab apa, dia biasa bagi saya modal untuk meniaga, belikan tempat tebar roti canai, tapi sudah tiga kali saya mengecewakan dia.*<br><br>(Hafiz/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 12.18 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS) |
| (3) Keperluan hidup yang dipenuhi oleh ahli keluarga | *Saya duduk di rumah dengan keluarga. Setiap keperluan saya memang dipenuhi, ianya saya duduk di rumah, makan semua ada, ianya tidak menjadi beban buat diri saya, keluarga bantu dari segi itu. Saya lihat ianya sebagai satu kelebihan buat diri saya dan berupaya untuk berintegrasi dengan baik selepas itu.*<br><br>(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 9.18 Pagi/ Persatuan IKHLAS) |

University of Malaya

Sambungan **Jadual 6.3:**

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| (4) Mendapat sokongan dari ahli keluarga | *Bagi saya semuanya adalah bermula dengan sokongan. Sokongan dari keluarga, motivasi daripada keluarga, kita akan membentuk satu motivasi untuk diri kita berubah menjadi orang yang lebih baik. Dari sokongan keluarga ini, saya nekad hendak berubah. Saya hendak tunjukkan yang saya boleh berubah di pandangan mereka.*<br><br>(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1) / 28 April 2016/ 9.26 Pagi/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Sokongan dari keluarga itu yang paling penting dalam membantu saya berubah dan tidak lagi melakukan jenayah. Mereka banyak memberi nasihat agar saya berusaha untuk menjadi insan yang baik.*<br><br>(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS) |

University of Malaya

Kajian ini mendapati kesemua responden yang berhenti dari jenayah ini mempunyai hubungan yang baik dengan ahli keluarga mereka. Hubungan keluarga yang baik mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk kawalan tidak formal di dalam diri bekas banduan. Seterusnya, kawalan diri ini menyebabkan bekas banduan lebih berhati-hati untuk tidak terlibat lagi ke dalam jenayah agar tidak menghancurkan harapan yang telah diletakkan oleh ahli keluarga ke atas mereka. Rizal contohnya ada mengatakan penerimaan ahli keluarga yang baik ini mungkin disebabkan oleh jenayah yang dilakukan hanya baru sekali sahaja. Beliau berkemungkinan akan mengalami situasi berbeza sekiranya pernah atau kerap mengulangi jenayah tersebut.

Keadaan ini berbeza sekali daripada pengalaman responden-responden pengulanglaku jenayah dengan ahli keluarga mereka, sepertimana yang telah dibincangkan di dalam bab sebelum ini. Ahli keluarga tidak dapat menerima mereka kembali kerana kekecewaan keluarga terhadap sikap mereka yang berulangkali terlibat dengan jenayah. Keadaan ini menyebabkan ahli keluarga mengambil keputusan untuk terus menyisihkan mereka dari ahli keluarga. Ahli keluarga tidak lagi mahu mempedulikan mereka memandangkan mereka merasakan bekas banduan ini sudah tidak dapat dibantu lagi.

Kekecewaan ahli keluarga seperti ini sedikit sebanyak amat merugikan sistem keadilan jenayah dalam memulihkan bekas banduan apabila keluarga yang seharusnya memainkan peranan dalam memastikan pemulihan yang berterusan telah menolak dari memainkan peranan tersebut. Ternyata bekas banduan yang telah menamatkan proses pemenjaraan dan rawatan akan terus gagal di dalam kehidupan berkomuniti akibat penyisihan ahli keluarga.

University of Malaya

Penerimaan bekas banduan di dalam keluarga turut diringankan lagi dengan bantuan kewangan dalam menghadapi proses berintegrasi. Muiz, Syafiq dan Hafiz turut menyatakan bantuan kewangan yang diperolehi dari ahli keluarga selepas dibebaskan amat membantu mereka dalam menjalani kehidupan serta membina semula kehidupan mereka. Contohnya Syafiq. Beliau mengatakan keluarganya membantunya dari segi kewangan kerana mereka berharap yang dia boleh berubah dan tidak mengulangi jenayah lagi. Ini kerana pengulangan jenayah yang sering berlaku adalah berpunca daripada tekanan hidup dan kewangan yang tidak stabil. Bantuan kewangan dari keluarga memainkan peranan penting dalam membantu bekas banduan untuk berubah. Oleh itu, tidak dapat dinafikan, kehadiran keluarga dalam membantu mengurangkan beban bekas banduan selepas dibebaskan ini sangat penting. Tanpa kehadiran ahli keluarga ke dalam kehidupan bekas banduan, amat sukar buat mereka untuk berubah ke arah kebaikan.

Kajian ini juga telah mendapati terdapat seorang responden pengulanglaku jenayah iaitu Hafiz yang mengatakan beliau sering menerima bantuan kewangan daripada ahli keluarga untuk memulakan perniagaan walaupun telah gagal beberapa kali dan mengecewakan harapan ahli keluarga. Hafiz mengatakan bantuan kewangan dari keluarganya sangat signifikan untuk dia mula berdikari. Bantuan kewangan tersebut membantunya memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Berdasarkan temu bual bersama Hafiz, pengkaji dapat merasakan yang keluarga beliau masih menaruh harapan yang tinggi terhadapnya. Ahli keluarganya tidak jemu-jemu memberinya bantuan kewangan untuk memajukan perniagaannya agar beliau berjaya. Keluarganya telah memberinya bantuan kewangan sebanyak tiga kali berturut-turut walaupun setiap kali perniagaan yang dilakukan gagal. Pengulangan jenayah yang berulang kali

University of Malaya

sehingga sebanyak 7 kali ini tidak pernah memutuskan hubungan beliau dengan keluarga. Malahan, ahli keluarga masih boleh menerima beliau dan terus membantu dari segi kewangan.

Pendek kata, pengkaji mendapati bantuan keluarga adalah penting dalam memastikan proses integrasi semula bekas banduan ke dalam kehidupan komuniti berjalan dengan baik. Keluarga perlu sedar akan keperluan mereka dalam membantu bekas banduan ini berintegrasi. Pernyataan yang dipetik menerusi verbatim-verbatim yang dilampirkan di atas secara tidak langsung menunjukkan bagaimana penerimaan baik keluarga menjadi faktor kritikal kepada kejayaan bekas banduan untuk menjauhkan diri dari melakukan semula jenayah. Seperti yang dijelaskan di dalam Teori Pengkelasan Umur, keluarga merupakan institusi utama dalam menentukan trajektori kehidupan bekas banduan.

Keluarga membentuk kawalan sosial tidak formal yang baik terhadap tingkahlaku bekas banduan. Kawalan sosial tidak formal yang terbentuk mampu menjadi satu benteng kejayaan buat bekas banduan untuk mengelakkan diri dari jenayah. Keluarga mempunyai keupayaan yang tinggi untuk membimbing dan menyokong bekas banduan memulakan hidup baru sebaik dibebaskan dari penjara. Keluarga menyediakan sokongan fizikal, moral, tempat tinggal, makanan dan sebagainya kepada bekas banduan. Keperluan hidup bekas banduan dapat dipenuhi apabila berada dengan ahli keluarga. Sebab itu Muiz misalnya mengatakan keperluan dia sangat terjamin apabila duduk bersama keluarga, di rumah kediaman keluarga. Keluarganya sangat membantu dia untuk berintegrasi semula di dalam kehidupan bermasyarakat.

University of Malaya

Penerimaan baik keluarga juga dapat menyediakan bekas banduan dengan pelbagai sokongan sosial dan psikologi (spt. sokongan rohani, nasihat dan bimbingan). Sokongan-sokongan ini berupaya untuk membuatkan bekas banduan berasa diterima semula dan bersemangat. Dengan itu bekas banduan mempunyai semangat untuk berubah dan tidak mengulangi kesilapan lalu.

### 6.3.3 Hubungan perkahwinan yang kukuh

Hubungan perkahwinan merupakan salah satu kunci kepada titik perubahan daripada tingkah laku anti sosial (Laub & Sampson, 2001). Terdapat banyak bukti empirikal yang menyokong peranan positif hubungan perkahwinan terhadap pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan. Hubungan perkahwinan yang baik dilihat sebagai salah satu daripada potensi titik perubahan untuk berhenti daripada jenayah (King, Massoglia, & MacMillan, 2007; Sampson et al., 2006; Maume et al., 2005; Laub & Sampson, 2003). Hubungan perkahwinan yang baik mampu membawa pelbagai kebaikan dalam mengatur semula dan membendung tingkah laku anti sosial dalam kalangan bekas banduan (Tripodi, 2010; Sampson et al., 2006; Benda et al., 2005; Benda et al., 2003; Waite & Gallagher, 2000).

Teori Pengkelasan Umur ada menyatakan yang institusi perkahwinan merupakan antara institusi sosial terpenting ketika individu berada di dalam tempoh fasa dewasa (Maruna, 2001). Menurut teori tersebut lagi, perkahwinan berupaya mempengaruhi pemberhentian dari jenayah kerana ia membawa kepada perubahan besar dalam rutin dan corak kehidupan individu/pasangan yang berkahwin. Berbanding dengan individu yang belum berkahwin, kebanyakan individu yang berkahwin berasa bimbang untuk mengambil risiko jenayah. Pasangan ternyata

University of Malaya

berupaya menjadi kawalan sosial tidak formal. Bekas banduan yang berada di dalam situasi ini kurang bercampur dengan rakan-rakan yang antisosial memandangkan tanggungjawab beliau kepada pasangan masing-masing untuk berada dengan mereka di rumah. Selain itu, mereka tidak mahu mengecewakan harapan pasangan sekiranya melibatkan diri lagi di dalam jenayah.

Hasil daripada pengekodan yang dilakukan telah membawa kepada penemuan beberapa kod yang berkaitan dengan hubungan perkahwinan dalam kalangan bekas banduan. Pengkaji telah menemui sebanyak lima kod yang membincangkan tentang hubungan perkahwinan dalam hidup bekas banduan. Pengkaji melampirkan kesemua kod yang ditemui berkaitan perkahwinan di dalam rajah 6.6 seperti berikut:




**Rajah 6.6:** Kod dan Tema berkaitan Hubungan Perkahwinan dalam Kalangan Bekas Banduan

Bagi konteks keseluruhan kajian ini, hanya terdapat 4 orang responden yang berkahwin. 2 daripadanya adalah responden pengulanglaku jenayah manakala 2 lagi adalah responden yang berhenti dari jenayah. Daripada 3 orang responden yang berhenti dari jenayah, hanya seorang sahaja yang terus kekal bujang. Ini kerana

memasuki alam perkahwinan dan mengekalkan institusi perkahwinan bukan suatu yang mudah untuk bekas banduan. Dapatan kajian yang dibentangkan di dalam Bab Lima menunjukkan kebanyakan responden pengulanglaku jenayah tidak berkahwin kerana mempunyai masalah dengan komitmen diri, pengangguran, ketagihan, dan penyakit berjangkit yang dihidapi. Di bawah sub-tema hubungan perkahwinan yang membina ini, pengkaji hanya ingin mengetengahkan tiga punca yang saling berkaitan yang menunjukkan pasangan dan alam perkahwinan membantu membimbing bekas banduan ini untuk berhenti dari jenayah. Tiga (3) punca tersebut adalah seperti berikut:

*6.3.3.1 Sokongan yang berterusan daripada isteri*

Hubungan perkahwinan yang baik dapat berfungsi sebagai medium dalam menyediakan sokongan yang berterusan kepada bekas banduan. Isteri, terutamanya, berfungsi sebagai kawalan sosial tidak formal dalam membantu bekas banduan lelaki berintegrasi semula dalam kehidupan berkomuniti. Muiz contohnya. Beliau mengatakan sokongan tidak berbelah bahagi daripada isterinya mengukuhkan semangatnya untuk berubah dan berjaya dalam hidup. Beliau berpendapat kebanyakan bekas banduan, khususnya bekas banduan dadah, mempunyai sistem kawalan yang sangat rendah dan boleh terdedah kepada pengaruh jenayah pada bila-bila masa sahaja.

Pergantungan yang kritikal kepada dadah memudahkan bekas banduan sepertinya untuk mengulangi semula tabiat dadahnya, serta terlibat semula dengan aktiviti jenayah. Maka itu, Muiz melihat sikap baik dan sokongan yang diberikan oleh isterinya berupaya membantu dia mengelakkan diri dari jenayah. Sebagai seorang suami, beliau perlu berfikir dengan mendalam sebelum melakukan sesuatu yang dapat

University of Malaya

memberi kesan buruk kepada isteri dan anak-anaknya. Berikut merupakan petikan yang diambil daripada verbatim Muiz apabila bercerita mengenai hal ini.

> *Sokongan dari isteri ini memang sentiasa ada. Kita memang memerlukan sokongan yang berterusan, terutama dari segi sokongan moral. Orang macam saya ini memang sentiasa mudah untuk terdedah. Sampai hari ini, saya memang meletakkan diri saya terdedah kepada bahaya. Saya tahu saya tidak kuat. Saya mudah terjebak semula dengan dadah dan juga aktiviti jenayah yang lain.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 9.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Pada temu bual susulan yang dilakukan bersama Muiz, pengkaji turut bertanya pandangan beliau mengenai kepentingan institusi perkahwinan dalam membantu beliau mengelakkan diri dari jenayah. Beliau mengatakan perkahwinan telah membentuk satu tanggungjawab di dalam diri beliau, terutamanya apabila beliau dikurniakan cahaya mata. Kehadiran anak di dalam keluarga terbukti menambahkan lagi tanggungjawab mereka di dalam keluarga. Keadaan ini menyebabkan beliau lebih berusaha untuk berubah agar ahli keluarga dan anak-anak tidak menanggung malu. Berikut merupakan jawapan yang diberikan oleh Muiz apabila ditanya pandangan beliau mengenai kepentingan perkahwinan buat diri:

> *Apabila saya sudah berkahwin, automatik akan ada satu kesedaran kepada diri saya, membentuk tanggungjawab juga, lagi-lagi apabila saya mendapat anak pula itu, saya berasa menjadi lebih bertanggungjawab. Saya tidak mahu ahli keluarga menanggung malu. Itu yang mendorong saya untuk tidak mengulangi jenayah semula.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah(P1)/ 24 Ogos 2016/ 12.29 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Fakta tersebut dikukuhkan lagi oleh respons daripada Syafiq yang mengatakan isterinya tetap membantunya dengan memberi sokongan dan nasihat agar dia tidak melakukan kesilapan lama. Ketabahan isterinya dalam menyokongnya menyebabkan beliau tidak sampai hati untuk melakukan jenayah semula. Malah, beliau berazam untuk berubah. Berikut merupakan pernyataan Syafiq mengenai isterinya:

> *Isteri saya banyak memberi sokongan semua. Dia juga banyak menasihatkan saya juga. Masa saya ditangkap, ahli keluarga macam terkejut juga lah. Kiranya mereka macam tidak boleh menerimalah berita tentang tangkapan saya. Setahu ahli keluarga saya, yang saya ini tidak pernah menagih kan, mahupun nampak macam ketagihan kan. Tiba-tiba mereka mendengar cerita yang saya mengedar dadah. Sebab itu selepas saya dibebaskan, saya memang mahu berubah. Saya tidak mahu keluarga sedih dan malu dengan tindak-tanduk saya.*

(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.31 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Sokongan isteri dalam mempengaruhi pemberhentian dari jenayah bekas banduan turut diperkatakan oleh Fikri; iaitu seorang responden pengulanglaku jenayah. Beliau mengatakan isterinya tidak mempunyai masalah untuk menerimanya. Malahan, isteri beliau banyak membantu memberi nasihat. Berikut merupakan petikan daripada verbatim Fikri:

> *Isteri ok, tidak mempunyai sebarang masalah, sangat menerima, dia juga tidak kisah pun, Dari segi membantu itu, dia banyak memberi sokongan dan nasihat lagi. Keluarga belah isteri tahu. Mula-mula itu memang ada masalah sedikit dari segi penerimaan. Lama-kelamaan ahli keluarga mertua boleh menerima. Kebanyakan isteri yang banyak membantu menyatukan saya dengan ahli keluarganya.*

(Fikri / Pengulanglaku jenayah (P2) / 24 Ogos 2016 / 9.48 Pagi / Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*6.3.3.2 Perkahwinan menghasilkan perasaan bertanggungjawab*

Perkahwinan juga meninggalkan perasaan tanggungjawab kepada kedua-dua pasangan. Bekas banduan yang berkahwin mempunyai tanggungjawab dalam memastikan mereka tidak lagi mengulangi jenayah. Mereka perlu memikirkan kesan perbuatan mereka ke atas isteri dan anak-anak. Pengulangan jenayah memberi kesan kepada emosi ahli keluarga yang mendapat tempias daripada kelakuan bekas banduan. Begitu juga degan harapan ahli keluarga, khususnya isteri agar suami berubah menjadi insan yang baik.

Syafiq mengatakan umurnya yang semakin lanjut telah mematangkan cara beliau membuat sesuatu keputusan. Hal ini kerana beliau akan berfikir masak-masak sebelum melakukan sebarang aktiviti yang melibatkan jenayah. Syafiq juga mengatakan beliau sering memikirkan ahli keluarganya apabila beliau ingin melakukan sesuatu perbuatan atau perkara yang boleh memberi kesan kepada kehidupan ahli keluarganya. Beliau bimbang kelakuannya itu dapat mengundang perasaan sedih dan malu ke atas keluarganya. Antara pernyataan yang dikenalpasti daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah

> *Benda macam kita hendak pergi ke pasar pun, saya akan fikir dua kali. Saya melihat wujudnya kematangan itu bila umur pun semakin lanjut. Tidak macam ketika saya muda dahulu, ketika saya terlibat dengan jenayah ini, saya tidak terlalu memikir tentang kesan dan akibat yang boleh berlaku. Saya fikir ala lantak lah, kalau apa nak jadi, jadi lah. Tapi bila saya sudah berumur, bila saya sudah ada isteri dan anak-anak, sesuatu benda saya hendak buat tu, mesti saya fikir dua tiga kali terlebih dahulu. Saya akan fikir sama ada ianya boleh beri kesan pada keluarga atau tidak.*

(Syafiq / Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.37 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*6.3.3.3 Kehadiran pasangan meringankan beban dalam menghadapi kehidupan*

Selain daripada sokongan moral, pasangan juga berperanan penting dalam memberi sokongan kewangan kepada bekas banduan. Ketiga-tiga responden yang telah berkahwin dalam kajian ini mengatakan yang mereka mempunyai kelebihan apabila isteri mereka bekerja dan mempunyai sumber kewangan yang stabil. Ini juga merupakan antara punca mereka berjaya dalam proses integrasi semula, selepas dibebaskan dari penjara. Syafiq misalnya mengatakan isterinya yang bekerja tetap menyebabkan dia tidak terlalu merasa tertekan dengan masalah kewangan. Isterinya sering memberinya duit belanja dan duit untuk memulakan perniagaan supaya dia dapat berdiri semula dengan baik dan berintegrasi dengan berjaya. Kata Syafiq:

> *Macam isteri saya ini bekerja tetap, mempunyai pendapatan yang stabil. Apa kata orang bebanan kewangan itu memang tidak terasa sangat. Isteri memang memberi saya duit untuk berbelanja. Saya tidak pernah merasa kekurangan. Harapan isteri agar saya berubah dan tidak lagi melakukan aktiviti-aktiviti lama (merujuk kepada aktiviti jenayah yang pernah dilakukan sebelum ini).*

(Syafiq / Berhenti dari jenayah (P1)/ 24 Ogos 2016/ 2.16 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Jelas sekali, dalam kalangan bekas banduan yang berkahwin, peranan pasangan sebagai kawalan sosial tidak formal adalah penting dalam mencegah perlakuan aktiviti jenayah dan pengulangan jenayah dalam kalangan pasangan masing-masing. Pasangan berupaya memberikan rasa tujuan kepada bekas banduan untuk berubah menjadi lebih baik dan tidak menghampakan perasaan pasangan mereka.

University of Malaya

### 6.3.4 Pekerjaan yang stabil

Hubungan antara pekerjaan dan tingkah laku jenayah adalah satu topik yang hangat dibincangkan di dalam bidang keadilan jenayah (Bushway, 2011). Fokus kajian ini adalah mengenai peranan pekerjaan dalam membentuk pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan. Keupayaan untuk memperolehi pekerjaan adalah satu peristiwa penting untuk bekas banduan membuat peralihan ke dalam integrasi semula (Mears & Mestre, 2012; Vennard & Hedderman, 2009; Baron, 2008; Sampson et al., 2006; Western, 2006; La Vigne et al., 2004; Uggen, 2000). Memperolehi pekerjaan dianggap sebagai satu peristiwa hidup yang dilalui seseorang dan berpotensi untuk menggerakkan proses pemberhentian dari jenayah (Cochling & Schulte, 2013; Sampson & Laub, 2003).

Pemberhentian dari jenayah dilihat sebagai tindak balas yang tidak disengajakan kepada perubahan matlamat hidup dalam kalangan bekas banduan. Pemberhentian dari jenayah dikaitkan dengan keupayaan memperolehi pekerjaan dan mendapatkan wang secara sah (Wright & Cullen, 2004). Walaupun pekerjaan berupaya mengurangkan kemungkinan residivisme, ini tidak bermakna pengangguran merupakan faktor kritikal kepada pengulangan jenayah. Menerusi pekerjaan, bekas banduan memenuhi masa dengan aktiviti berkaitan bekerja dan ini menyebabkan penyertaan mereka dalam jenayah berubah (Berg & Huebner, 2011; La Vigne et al., 2007; Bloom, 2006). Skardhamar dan Savolainen (2014) mendapati penyertaan dalam pekerjaan merupakan sebahagian daripada proses ke arah pemberhentian dari jenayah.

University of Malaya

Bekas banduan cuba berubah dengan mencari pekerjaan yang sah apabila sedang berada di dalam proses pemberhentian dari jenayah tersebut. Itu sebabnya, walaupun pekerjaan sering kali dikaitkan dengan pemberhentian dari jenayah, namun ianya bukan dengan sendirinya menghasilkan atau mencetuskan pemberhentian dari jenayah. Penyertaan di dalam pekerjaan juga boleh mempengaruhi konsep kendiri, identiti sosial dan interaksi bekas banduan dengan persekitaran mereka (Owens, 2009; Savolainen 2009). Selain itu, pekerjaan yang stabil menawarkan rasa pencapaian, kepuasan atau penguasaan dan boleh menyokong bekas banduan dalam menghentikan tingkah laku bersalah (Farrall, 2002). Pekerjaan boleh menyediakan sumber ekonomi yang memudahkan proses ke alam perkahwinan dan pembentukan keluarga.

Teori Pengkelasan Umur turut memberi penekanan kepada kepentingan pekerjaan sebagai salah satu institusi sosial terpenting dalam membentuk trajektori yang baik di dalam kehidupan bekas banduan. Pekerjaan berupaya mengelakkan dan/atau mengurangkan kecenderungan bekas banduan dari terlibat semula di dalam tingkah laku jenayah kerana kesannya terhadap hubungan bersama rakan sekerja yang membentuk kawalan sosial yang baik dan juga mempunyai pendapatan untuk menyara diri (Solomon et al., 2004). Terdapat banyak bukti dari kajian-kajian terdahulu yang memperlihatkan bekas banduan berhenti daripada melakukan semula jenayah apabila mereka mempunyai pekerjaan yang produktif dan stabil (Bazemore & Stinchcomb, 2004).

Hasil daripada proses pengekodan mengunakan perisian *Atlas.ti* yang dilakukan, pengkaji telah memperolehi empat kod yang membincangkan kejayaan bekas banduan ini memperolehi pekerjaan. Kesemua kod yang ditemui ini dilampirkan

University of Malaya

di dalam rajah  6.7 seperti berikut:




**Rajah 6.7:** Kod dan Tema berkaitan Pekerjaaan yang Stabil dalam Kalangan Bekas Banduan

Secara umumnya, ketiga-tiga responden berhenti dari jenayah ini yang ditemubual adalah dari kalangan yang bergiat aktif di dalam Persatuan IKHLAS. Sebagai contoh, Rizal yang memilih untuk tidak bekerja tetap tetapi berkhidmat sebagai sukarelawan membantu bekas banduan gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Rizal berminat menyertai kerja-kerja sosial memandangkan ianya dekat dengan hati beliau. Selain itu, kesilapan lalu yang pernah dilalui telah menyebabkan beliau cuba menyumbang jasa menerusi kerja sosial ini dalam membantu bekas banduan yang baru dibebaskan seperti mendapatkan akses kepada rawatan dan juga mengendali masalah penyalahgunaan dadah.

Pengkaji juga dapat melihat tahap pendidikan Rizal sehingga diploma turut menyumbang kepada sudut pandang beliau dan juga tahap kematangan yang ditonjolkan sepanjang ditemubual. Berikut merupakan jawapan yang diberi oleh Rizal apabila ditanya tentang kerja sukarela dan aktivitis yang dipilihnya:

University of Malaya

*Saya memilih untuk menjadi seorang aktivis. Saya melibatkan diri dalam badan-badan NGO. Saya banyak membuat kerja dengan kemasyarakatan. Saya melihat sebagai tanggungjawab sosial saya kepada masyarakat. Saya mengunakan pengalaman saya yang lepas untuk membantu yang lain lah, membantu rakan-rakan, sahabat andai yang lain, terutama yang sama-sama bermasalah seperti saya dulu dulu kan, maka saya memilih untuk cuba membantu dengan melakukan kerja aktivis ini.*

(Rizal/ Berhenti dari jenayah (P3)/ 5 September 2016/ 2.17 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Selain itu, pengkaji mendapati faktor umur beliau turut menjadi penyebab kepada kematangan dan cara berfikir. Keadaan ini menyebabkan pengkaji faham akan pemilihan keputusan untuk berkhidmat di dalam bidang kerja sosial. Malahan beliau turut menyatakan tentang kesedaran beliau terhadap permohonan kerja memandangkan rekod dipegang. Maka, beliau lebih selesa bergerak sebagai pekerja sosial di samping dapat menyumbangkan jasa dalam membantu bekas banduan ini. Keadaan ini membuatkan pengkaji turut  juga bertanya sama ada beliau pernah cuba memohon kerja selain menjadi aktivis pada awal pembebasan. Hal ini dapat menyumbang kepada dapatan yang menarik dalam melihat cabaran bagaimana yang dilalui beliau. Malangnya respons yang diberikan adalah sama apabila beliau sendiri merasakan rekod jenayah akan menjadi penghalang besar untuk beliau memohon kerja. Kata Rizal:

*Saya memilih untuk tidak memohon langsung sebarang kerja sejak saya dibebaskan sehingga hari ini Sebab saya tahu memang tidak boleh dapatlah. Bila majikan menyemak rekod, pasti saya tidak akan dapatlah. Sebab itu saya mengikuti NGO. Itu yang mula ada minat ada di situ. Bila saya ada pengalaman, saya pun terus berniat nak membantu bekas banduan yang lain.*

(Rizal/ *Berhenti dari jenayah* (P3)/ 5 September 2016/ 3.24 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Begitu juga Muiz yang telah bekerja selama 11 tahun di sebuah syarikat swasta. Beliau telah merahsiakan tempat kerja beliau dan hanya menyatakan penglibatan beliau sebagai pekerja sosial untuk membimbing bekas banduan yang baru dibebaskan. Namun, beliau tidak menafikan pada peringkat permulaan dibebaskan beliau pernah diberhentikan kerja akibat daripada rekod jenayah yang diketahui oleh pihak majikan.

> *Ikutkan dulu, saya pernah bekerja tiga bulan, tetapi selepas rekod sampai, saya diberhentikan kerja oleh pihak majikan. Tapi saya pun tidak boleh hendak menyalahkan majikan seratus peratus sebab majikan pun akan memikirkan tentang keselamatan syarikat dia. Tapi sepatutnya lah, dia harus memberi peluang kepada bekas banduan macam saya ini. Tanpa pekerjaan macam mana saya nak menampung kehidupan.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P2)/ 24 Ogos 2016/ 12.37 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Keadaan ini membuatkan beliau telah mengambil keputusan berniaga air di pasar malam bagi menampung kehidupan. Muiz sentiasa berusaha untuk menjana pendapatan yang sah. Usaha yang ditonjolkan juga boleh dilihat sebagai kematangan yang terhasil daripada pengalaman pemenjaraan yang dilalui. Pemenjaraan boleh menjadi satu pengalaman yang perit untuk seseorang dan tidak mahu lagi mengulangi jenayah semula. Berikut adalah petikan yang dipetik daripada verbatim Muiz berkaitan dengan keputusannya untuk berniaga air di pasar malam, ekoran daripada kesukaran untuk mendapat kerja.

> *Keadaan ini membuatkan saya telah mengambil keputusan untuk berniaga di pasar malam. Saya berniaga air macam air kordial dan buah-buahan semua itu. Saya cuba menampung kehidupan dengan buat kerja niaga seperti ini.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P2)/ 24 Ogos 2016/ 12.41 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Susulan daripada perniagaan kecil-kecilan tersebut, Muiz telah membina hidup secara perlahan-lahan dan membawa kepada pekerjaan tetap sehingga penglibatan beliau sebagai pekerja sosial di sebuah persatuan bukan berkepentingan. Pengkaji dapat melihat proses kehidupan yang diceritakan oleh Muiz dari awal beliau dibebaskan dengan mengalami kegagalan dalam pencarian kerja kepada membuat perniagaan sehinggalah beliau mampu berdiri sendiri dan mempunyai pekerjaan tetap hampir 11 tahun. Akhirnya beliau mengambil keputusan untuk melibatkan diri di dalam kerja aktivis bagi menyumbang tenaga dan berkongsi kejayaan dalam membantu bekas banduan. Berikut merupakan petikan Muiz apabila ditanya tentang aktiviti yang dilakukan pada masa tersebut.

> *Kini, saya turut berkhidmat sebagai pekerja sosial di sebuah persatuan. Saya bekerja dalam sekitar komuniti. Jadi saya berdepan dengan orang-orang yang senasib dengan saya. Saya melibatkan diri dalam persatuan sebegini bagi membantu orang-orang ini agar mereka boleh hidup dengan baik selepas dibebaskan.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P2)/ 24 Ogos 2016/ 12.41 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

Sama juga seperti Syafiq yang bekerja sebagai buruh binaan di sekitar Chow Kit dan juga melibatkan diri sebagai ahli sukarelawan di sebuah persatuan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bekas banduan yang mempunyai pekerjaan stabil dan hala tuju di dalam kehidupan dapat mengisi masa mereka dengan bekerja dan aktiviti-aktiviti penting, yang seterusnya secara tidak langsung dapat mengelakkan mereka dari terlibat dalam aktiviti jenayah. Keseluruhan masa mereka dipenuhi dengan tugas dan kerja. Keadaan tersebut mengasingkan mereka daripada pengaruh-pengaruh negatif, terutamanya pengaruh rakan-sebaya yang boleh mempengaruhi mereka untuk melakukan jenayah.

University of Malaya

Menurut Rizal umpamanya, masa terluang menyebabkan bekas banduan melakukan banyak aktiviti yang tidak sihat. Dengan adanya pekerjaan, masa dan ruang mereka akan dipenuhi dengan tugas-tugas kerja. Maka, kebarangkalian seseorang bekas banduan itu untuk melakukan mahupun mengulangi jenayah adalah rendah. Antara pernyataan yang dipetik daripada verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah seperti berikut:

> *Bila kita mempunyai pekerjaan ini, ianya menjadikan hidup kita ini mempunyai rasa tujuan, berbeza dengan bila kita mempunyai banyak masa dan ruang. Itu yang kadang-kadang bekas penjenayah, bekas penagih ini tidak ada benda lain nak buat. Jadi mereka mengulangi aktiviti lama (merujuk kepada aktiviti jenayah) yang mereka biasa buat ini. Bagi saya ini, seseorang itu jangan ada banyak masa dan banyak ruang. Maka kita mempunyai banyak masa untuk melakukan benda yang tidak sihat. Bila dia ada perkerjaan, setiap masa dia telah terisi. Macam saya, bila melakukan kerja, saya tidak lagi memikir benda lain. Saya ingin menyiapkan kerja-kerja yang saya ada itu.*

(Rizal/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 3.31 Tengah Hari / Persatuan IKHLAS)

Pekerjaan memberi rasa tanggungjawab kepada bekas banduan. Pekerjaan juga mengelakkan bekas banduan dari terlibat di dalam aktiviti lama. Pekerjaan juga memberikan bekas banduan dengan pendapatan yang dapat digunakan untuk menyara diri mereka selepas hidup di dalam kehidupan berkomuniti. Pendapatan ini menyebabkan bekas banduan tidak perlu untuk melibatkan diri dalam jenayah bagi mendapatkan duit dengan cara mudah. Pekerjaan juga menjadikan bekas banduan bertanggungjawab untuk mengelakkan diri dari jenayah bagi menjaga pekerjaan yang diperolehi. Perkara ini juga ada dinyatakan oleh responden pengulanglaku jenayah kajian ini. Menurut Suhaimi (responden pengulanglaku jenayah) misalnya, pekerjaan telah menyebabkan dia mengelakkan diri dari melakukan jenayah. Ini kerana beliau risau dan berasa takut akan kesan dari kesalahan yang dilakukannya terhadap

pekerjaannya. Menurut Suhaimi:

> *Bila saya ada kerja ini, saya sudah tahu masa untuk kerja, untuk mengelakkan diri dari jenayah. Saya bimbang jika saya melakukan jenayah, ianya akan memberi kesan kepada perkerjaan saya.*

(Suhaimi/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 2.34 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

### 6.3.5 Komuniti dan persekitaran yang menyokong

Faktor persekitaran komuniti yang positif memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan hidup bekas banduan (Phillips & Lindsay, 2011; McNeill & Whyte, 2007). Penerimaan komuniti kejiranan terhadap bekas banduan turut menjadi faktor pelindung yang signifikan di dalam mempengaruhi trajektori kehidupan bekas banduan. Bekas banduan yang pulang ke kawasan tempat asal untuk tinggal bersama ahli keluarga berasa lebih diterima apabila melalui kehidupan bermasyarakat yang menerima mereka. Ianya merupakan satu kelebihan buat bekas banduan ini untuk berintegrasi dan bercampur ke dalam aktiviti kemasyarakatan menerusi komuniti yang terbentuk dan sedia menyokong mereka.

Hubungan di antara individu dan masyarakat merupakan salah satu dimensi di dalam pemberhentian dari jenayah. Ikatan sosial ini terdiri daripada sejauh mana seseorang bekas banduan mempunyai lampiran emosi (*emotional attachments*) dalam memenuhi harapan masyarakat, sangat komited untuk mencapai harapan tersebut melalui cara yang sah, serta keyakinan mereka terhadap kepentingan matlamat serta penglibatan mereka dalam mencapai matlamat tersebut. Kecenderungan bekas banduan untuk terlibat dalam tingkah laku jenayah adalah tinggi semula apabila ikatan sosial ini lemah. Persekitaran yang didiami membentuk pelbagai kawalan formal dan

University of Malaya

tidak formal yang membantu mengukuhkan ikatan antara bekas banduan dan masyarakat.

Pengkaji melampikan kod yang ditemui dengan mengunakan perisian *Atlas.ti* berkaitan hubungan masyarakat yang positif dalam kehidupan bekas banduan. Terdapat lima kod yang ditemui dan dilampirkan di dalam rajah 6.8 ini.




**Rajah 6.8:** Kod dan Tema berkaitan Komuniti dan Persekitaran yang Menyokong dalam Kehidupan Bekas Banduan

Di bawah tema komuniti dan persekitaran yang menyokong ini, pengkaji hanya memilih empat punca yang saling berkaitan yang menunjukkan bagaimana keadaan persekitaran dan masyarakat menyumbang kepada kejayaan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan bekas banduan. Empat punca yang dikenalpasti tersebut adalah seperti berikut:

University of Malaya

#### *6.3.5.1 Komuniti kejiranan yang menghormati dan menyokong proses integrasi semula bekas banduan dalam kehidupan berkomuniti*

Komuniti kejiranan yang membantu integrasi semula bekas banduan adalah komuniti kejiranan yang kondusif, menyokong dan menghormati bekas banduan. Contohnya adalah anggota komuniti kejiranan yang tidak melabel bekas banduan. Kejiranan sebegini menyebabkan bekas banduan berasa selesa dengan keadaan persekitaraan yang didiami dan dengan sendirinya cuba menyatukan diri ke dalam masyarakat. Sebaliknya akan berlaku apabila bekas banduan kembali kepada kawasan tempat tinggal yang penuh dengan diskriminasi, stereotaip dan prejudis terhadap bekas banduan. Stigma, yang lazimnya dizahirkan menerusi pelbagai panggilan negatif meninggalkan kesan negatif kepada emosi dan tingkahlaku bekas banduan.

Rizal contohnya, mengatakan jiran tetangganya tidak menggunakan panggilan-panggilan negatif ke atasnya. Rizal berpendapat tindakan melabel dan sikap yang suka memanggil individu lain dengan panggilan-panggilan yang menjatuhkan maruah adalah suatu perbuatan yang tidak beradab. Rizal turut mengatakan yang jiran tetangganya tidak berani memanggil beliau dengan kata-kata negatif mungkin disebabkan mereka mengetahui dirinya seorang bekas banduan. Apa yang cuba disampaikan oleh Rizal adalah beliau merasa selesa untuk tinggal bersama komuniti kejiranannya kerana beliau tidak dilabel. Ini menyebabkan beliau merasakan yang dirinya dihormati. Ini kemudiannya mendorong beliau untuk bertingkahlaku baik. Berikut adalah cerita Rizal berkaitan hal ini.

University of Malaya

*Kebanyakan jiran tetangga ini tidak berani hendak memanggil saya dengan panggilan yang tidak baik. Ianya macam kurang ajarlah kan. Macam cakap 'hey ko penjenayah'. Bagi saya, mereka lagi takut hendak cakap. Lagi-lagi bila tahu saya ini jahat, tak beranilah panggil saya macam itu.*

(Rizal/ Berhenti dari jenayah (P1) / 28 April 2016 / 3.41 Petang / Persatuan IKHLAS)

### 6.3.5.2 *Masyarakat yang tidak mengetahui rekod pemenjaraan bekas banduan memudahkan proses integrasi*

Selain itu, pengkaji juga mendapati yang bekas banduan lebih mudah untuk berintegrasi semula dengan masyarakat sekitar mereka sekiranya masyarakat tidak mengetahui rekod lampau mereka. Dengan ini akan tiada stigma negatif mahupun pelabelan yang digunakan ke atas mereka. Suhaila dan Nabil (responden pengulanglaku jenayah) contohnya mengatakan semua jiran-taulan mereka tidak mengetahui mengenai status mereka sebagai seorang bekas banduan. Keadaan ini memudahkan mereka untuk berintergrasi semula ke dalam kehidupan masyarakat. Kata Suhaila dan Nabil:

*Macam situasi yang saya alami ini berbeza sedikit. Hal ini kerana tempat asal saya ini, kiranya orang di sana adalah dari kalangan generasi kedua. Kiranya generasi kedua masa akak masih budak –budak dulu, mereka semua belum lahir lagi. Yang tinggal lagi di situ macam kawan-kawan lama, kawan akak sepermainan dulu. Yang kawan-kawan akak itu pun tidak mengambil kisah pun apa yang akak pernah buat. Kiranya kalau akak balik, macam tidak ada apa-apa pernah berlaku.*

(Suhaila/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016 / 8.36 Pagi / Persatuan IKHLAS)

*Apabila saya balik ke kampung, jiran ini memang tidak tahu pasal yang saya pernah dipenjarakan. Kiranya saya senang bergaul dengan mereka. Sebab saya macam orang biasa di mata mereka.*

(Nabil/ Pengulanglaku jenayah (P1)/ 29 April 2016/ 11.43 Pagi / Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

*6.3.5.3 Mengamalkan sikap terbuka dan positif menjayakan integrasi bekas banduan*

Selain itu, kajian ini juga mendapati pengaruh komuniti kejiranan terhadap tingkahlaku bekas banduan bersifat dua hala. Muiz contohnya mengatakan beliau berjaya berubah dan berintegrasi semula dengan anggota komunitinya kerana sikapnya yang tidak berapa kisah dengan sikap anggota komunitinya, serta tidak mengendahkan layanan buruk yang diberikan oleh jiran-taulannya. Di dalam menceritakan mengenai kepentingan sikap tidak ambil-endah atau ambil peduli dengan sikap komuniti kejiranan dalam proses integrasi semula, Muiz menyatakan:

> *Saya buat tidak tahulah benda itu kalau ada jiran-jiran memandang sinis terhadap saya. Bagi saya, sampai satu tahap mereka akan berhenti bercakap juga. Maka selepas itu, saya memang jalani hidup biasa di kawasan tempat tinggal saya itu.*

(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1) /28 April 2016/ 9.37 Pagi / Persatuan IKHLAS)

*6.3.5.4 Pergaulan  yang baik dengan ahli masyarakat membuahkan hasil yang baik*

Sikap kedua yang perlu ada dalam diri bekas banduan adalah sikap untuk bercampur dengan masyarakat. Ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah dalam kajian ini menyatakan yang mereka berjaya berintegrasi semula dengan baik kerana sikap mereka yang sering mengikuti program atau aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh komuniti kediaman/kejiranan mereka. Penglibatan dalam aktiviti/ program kemasyarakatan merupakan  medium terbaik dalam mendekatkan diri dengan anggota masyarakat.

Walaupun Syafiq mengatakan dia berjaya berintegrasi ke dalam kehidupan bermasyarakat, namun beliau tidak menafikan wujudnya penolakan dan diskriminasi pada ketika awal pembebasan beliau. Beliau pernah didiskriminasi secara teruk oleh masyarakat setempat. Masyarakat juga telah menyisihkan beliau. Mereka tidak mahu

University of Malaya

bergaul dengannya. Berikut merupakan petikan daripada verbatim Syafiq yang menceritakan proses pengalaman diskriminasi yang pernah dialaminya pada mula proses integrasi semulanya:

> *Sebagai contoh, masa awal-awal saya dibebaskan. Jika saya duduk di kedai kopi sahaja, jiran-jiran sekampung akan beredar dari kedai, Sama juga bila saya hendak pergi surau pun, ahli surau tidak mahu bercakap dengan saya. Saya pergi minta kerja pun di kawasan kejiranan pun susah nak dapat. Sebab mereka sudah kenal dan tahu tentang saya. Tapi Alhamdulillah, dengan anak-anak, masyarakat tidak buat apa-apa lah. Cuma hanya layanan diskriminasi terhadap saya sahaja pada ketika mula-mula saya dibebaskan itu.*

(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P2)/ 24 Ogos 2016 / 2.14 Tengah Hari/ Persatuan IKHLAS)

Namun lama kelamaan, atas usaha Syafiq yang bercampur gaul tanpa menghiraukan pandangan masyarakat sekeliling telah membuahkan hasil apabila masyarakat sekeliling telah mula boleh menerima beliau ke dalam komuniti. Malahan, Syafiq mengatakan beliau mengikuti sebarang aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti keagaaman di masjid, majlis keramaian seperti kenduri kahwin, pertunangan, berkhatan dan sebagainya yang diadakan oleh komuniti kejiranannya.

Cara ini membolehkan beliau mendekati masyarakat setempat dengan lebih dekat. Pengkaji dapat melihat proses berintegrasi ke dalam kehidupan bermasyarakat memerlukan usaha dan kesabaran bekas banduan sendiri. Syafiq menunjukkan kadar kematangan apabila belajar menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling menerusi program-program yang diadakan di dalam kawasan kejiranan. Keadaan ini membuatkan masyarakat di sekeliling Syafiq menerima beliau dengan baik, walaupun tahu beliau merupakan seorang bekas banduan.

University of Malaya

*Macam saya ini, saya memang melibatkan diri saya dengan aktiviti kemasyarakatan. Saya memang mengikuti setiap aktiviti surau, aktiviti masjid. Bila jiran tetangga ada melakukan majlis keramaian, saya memang melibatkan diri saya. Saya bercampur dengan masyarakatlah. Lama kelamaan saya terus bercampur dengan baik dengan mereka semua. Mereka semua memang menerima saya dengan baik.*

(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016 / 11.34 Pagi/ Persatuan IKHLAS)

### 6.3.6 Pengelakan diri dari pengaruh rakan yang negatif

Pengelakan dari pengaruh negatif rakan-sebaya merupakan salah satu faktor protektif yang mempengaruhi trajektori kehidupan bekas banduan dalam mengelakkan dari jenayah. Pergaulan dengan rakan-rakan senasib seringkali mencetuskan tingkah laku anti sosial yang lama menerusi perbualan, ajakan, pelawaan dan sebagainya (Taylor & Becker, 2015). Pergaulan antara bekas banduan dengan rakan-rakan senasib boleh menggambarkan jenis aktiviti yang sering mempengaruhi mereka. Apabila melibatkan sekumpulan individu yang senasib, ianya seringkali membawa kepada ajakan melakukan aktiviti seperti merompak dan pecah rumah. Hal ini kerana aktiviti seperti ini memerlukan penglibatan sekumpulan rakan sejenayah (Piquero, Farrington, & Blumstein 2007).

Hubungan dengan rakan-rakan negatif atau senasib akan lebih berkurangan disebabkan oleh perubahan hidup dan proses kematangan yang dialami oleh bekas banduan. Bekas banduan mula melihat pergaulan bersama rakan-rakan senasib ini tidak memberi pengaruh baik dan tidak lagi mengekalkan kepentingan bersama. Keadaan ini kemudiannya mendorong mereka menghadkan masa yang ada untuk rakan-rakan (Tenibiaje, 2013; Bottoms, Shapland, Costello, Holmes, & Muir, 2004; Seiter & Kadela, 2003). Kajian ini mendapati tahap kematangan mampu membentuk

University of Malaya

pemberhentian dari jenayah dalam responden kajian ini. Ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah dalam kajian ini menunjukkan tahap kematangan yang tinggi apabila memberi pendapat dan menunjukkan penyesalan kepada aktiviti jenayah yang pernah dilakukan sebelum ini. Mereka turut mengatakan telah mengelakkan diri dari berjumpa semula dengan kawan lama kerana bimbang akan menyebabkan mereka terpengaruh semula dengan aktiviti-aktiviti jenayah lama yang pernah mereka lakukan.

Namun, perkara sebegini tidak dapat diaplikasi pada bekas banduan pengulanglaku jenayah memandangkan kebanyakan mereka yang gagal memperolehi pekerjaan dan tinggal di kawasan yang dikelilingi persekitaran yang penuh dengan rakan-rakan yang senasib. Kegagalan hidup yang berterusan sepanjang peristiwa hidup menyebabkan rata-rata bekas banduan pengulanglaku jenayah kembali semula kepada rakan-rakan senasib untuk mengadu nasib tentang apa yang berlaku pada diri mereka. Pergaulan ini menyebabkan bekas banduan pengulanglaku jenayah mempunyai kecenderungan untuk terpengaruh semula dengan aktiviti jenayah.

Ianya berbeza untuk responden yang berhenti dari jenayah yang ditemubual. Ketiga-tiga mereka yang berhenti dari jenayah menceritakan peristiwa hidup yang lebih baik di sepanjang kehidupan berintegrasi termasuk mempunyai tempat tinggal, penerimaan ahli keluarga, mempunyai pekerjaan dan hala tuju. Hasil daripada pengekodan yang dilakukan ke atas tanskrip bekas banduan yang berhenti dari jenayah, pengkaji hanya menemui satu kod yang membincangkan tentang hubungan persahabatan dengan rakan-rakan. Ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah mengatakan perkara yang sama apabila ditanya tentang hubungan mereka dengan rakan-rakan senasib. Pengkaji melampirkan kod itu di dalam rajah 6.9:

University of Malaya




**Rajah 6.9:** Kod dan Tema berkaitan Hubungan Persahabatan dengan Rakan-Rakan

Semua responden yang berhenti dari jenayah melaporkan yang mereka tidak mempunyai masa untuk bergaul dengan rakan sebaya kerana mereka mempunyai pekerjaan. Di samping itu, mereka juga tidak mahu bergaul dengan rakan sebaya negatif kerana sedar tentang pengaruh tidak baik yang akan diperolehi dan menyebabkan mereka terlibat semula di dalam aktiviti yang boleh menyebabkan mereka dipenjarakan semula (Warr, 2002).

Verbatim mendalam bagi sub-tema tersebut dipaparkan di dalam Jadual 6.4. Dalam kes ketiga-tiga orang responden yang berhenti dari jenayah kajian ini, mereka berjaya mengelakkan diri dari masalah ketagihan dadah apabila mereka mengambil inisiatif untuk mengelakkan diri dari bercampur dengan rakan-rakan lama yang masih menagih dadah. Muiz contohnya mengatakan semenjak dibebaskan, beliau sentiasa mengelakkan diri dari bercampur semula dengan rakan-rakan yang masih terlibat dengan jenayah; khususnya dadah. Menurutnya, jika beliau bergaul dengan rakan-rakan sebegitu, beliau mempunyai kecenderungan tinggi untuk terjebak semula ke dalam penagihan dadah. Syafiq pula mengelakkan diri untuk melepak pada waktu malam kerana aktiviti-aktiviti penyalahgunaan dadah ini lazimnya beroperasi pada waktu malam. Dengan mengelakkan diri dari keluar malam, dia tidak akan berjumpa dengan rakan-rakan yang masih terlibat di dalam aktiviti ketagihan dadah ini.

University of Malaya

**Jadual 6.4:** Pengelakkan Diri dari Pengaruh Rakan Negatif

| Sub Tema | Verbatim |
|---|---|
| (1) Mengelakkan diri dari bercampur | *Semenjak saya bebas dari penjara, saya tahu ada kawan yang terlibat dalam jenayah, tetapi saya memang tidak bercampur sangat. Selepas dibebaskan dari penjara, saya tidak lagi dah bercampur mahupun melepak dengan mereka. Saya tahu jika saya pergi ke arah itu juga, memang ianya akan berjangkit pada saya juga. Lama kelamaan saya akan cenderung mengulangi tingkah laku sama.*<br>(Muiz/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016 / 9.32 Pagi / Persatuan IKHLAS)<br><br>*Macam saya, saya memilih untuk tidak bercampur dengan rakan-rakan lama. Nombor satu yang saya tekankan iaitu saya memang mengelak dari melepak bersama rakan-rakan pada waktu malam. Hal ini kerana aktiviti-aktiviti seperti ini biasa bergerak malam. Saya memang tidak mahu keluar malam. Saya takut saya akan berulang dan terlibat lagi dengan pengaruh rakan-rakan ini.*<br>(Syafiq/ Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016/ 11.44 Pagi/ Persatuan IKHLAS)<br><br>*Tapi saya kena fikir secara rasional lah. Bermakna saya dah terfikir saya tidak mahu masuk ke dalam penjara lagi. Kalau saya buat lagi, sudah tentu saya akan kena tangkap. Kalau saya kena tangkap, saya kena masuk penjara. Sebab itu saya mengelakkan diri dari rakan-rakan yang memang terlibat di dalam aktiviti jenayah ini.*<br>(Rizal / Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016 / 3.51 Petang / Persatuan IKHLAS)<br><br>*Kalau ada rakan-rakan yang negatif ini mengajak saya melepak ke mana-mana, saya memang akan mengundurkan diri lah. Memang ada rakan-rakan lama yang mengajak berjumpa, tapi saya akan mengelakkan secara baik, macam saya mengatakan yang saya mempunyai hal penting lah, yang pasti saya akan cuba mengelak dari bercampur dengan mereka.*<br>(Zarul/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 24 Ogos 2016/ 8.47 Pagi / Persatuan IKHLAS)<br><br>*Sekarang ini saya mengelakkan daripada bergaul dengan rakan-rakan lama. Sebab saya memang bimbang dengan pengaruh dan sebarang ajakan untuk melakukan jenayah atau mengambil dadah lagi.*<br>(Fikri/ Pengulanglaku jenayah (P1) / 24 Ogos 2016 / 9.35 Pagi / Persatuan IKHLAS) |

University of Malaya

Rizal pula mengatakan yang beliau berfikir secara rasional tentang impak yang boleh berlaku sekiraya beliau melibatkan diri dengan rakan-rakan yang ketagihan dadah. Beliau sedar yang penglibatan di dalam aktiviti yang tidak sihat ini boleh menyebabkan dia dipenjarakan semula. Maka itu, beliau sedaya-upaya cuba mengelakkan dari rakan-rakan lama. Daripada verbatim-verbatim yang terkumpul yang dipaparkan di dalam jadual 6.4 berkenaan, jelas menunjukkan kesedaran dan kematangan bekas banduan dalam mengelakkan diri dari terlibat dengan pengaruh rakan-rakan negatif. Bekas banduan yang berjaya berintegrasi lebih matang memikir tentang kesan dan akibat yang dapat diperolehi daripada penglibatan dengan rakan-rakan yang masih melibatkan dari jenayah. Pengelakkan diri dari bercampur dengan rakan-rakan ini terbukti mampu mencegah mereka dari pengaruh buruk dan penglibatan dalam aktiviti jenayah.

### 6.3.7 Bebas dari sebarang penyalahgunaan bahan dadah

Bebas dari ketagihan dadah merupakan salah satu komponen penting dalam menjayakan proses pemberhentian dari jenayah buat bekas banduan yang mempunyai masalah berkaitan ketagihan dadah. Ini kerana ketagihan dadah merupakan suatu yang paling sukar untuk dipulihkan dalam kalangan bekas banduan (Noor Zalifah, 2009; Nurhazlina, 2009; Malik-Kane, & Visher, 2008; Rowe et al., 2007; McSweeney & Hough, 2005; Nazruel, 2000; Seddon, 2000). Terdapat banyak kajian lepas (spt. Matttoo et al., 2009; Hanson & Morton-Bourgon, 2005, 2004; Maume et al., 2005; Hanson, 2003; Pudney, 2002; Nazruel, 2000) melaporkan tahap relaps yang begitu tinggi disebabkan oleh ketagihan dadah. Seperti yang dilaporkan di dalam Bab 5, sebanyak 16 bekas banduan pengulanglaku jenayah dalam kajian ini berterusan relaps disebabkan penagihan dadah yang gagal dirawat. Pengkaji hanya menemui satu kod sahaja yang berkaitan dengan pandangan



University of Malaya

mereka tentang dadah. Pengkaji melampirkan kod yang ditemui berkaitan dadah di dalam rajah 6.10 berikut.




**Rajah 6.10:** Kod dan Tema berkaitan Bebas Dadah dalam Kalangan Bekas banduan

Dari segi penggunaan bahan dadah, kajian ini mendapati ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah tidak mempunyai masalah ketagihan. Dua daripada tiga responden yang berhenti dari jenayah mengatakan mereka tidak pernah mengambil sebarang bahan dadah. Manakala seorang responden yang berhenti dari jenayah mengatakan pernah mengalami ketagihan dadah sebelum ini tetapi telah berjaya berhenti dari masalah selepas dibebaskan dari penjara. Berikut merupakan beberapa petikan verbatim membincangkan mengenai perkara ini:

> *Saya pernah mempunyai masalah ketagihan dadah sebelum ini. Selepas dibebaskan, saya telah berjaya menghilangkan ketagihan tersebut. Saya memang tidak ada lagi masalah ketagihan dadah.*

(Muiz / Berhenti dari jenayah (P1) / 28 April 2016 / 9.41 Pagi / Persatuan IKHLAS)

> *Saya tidak mempunyai sebarang ketagihan dadah, malahan saya tidak pernah menggunakan langsung dadah. Begitu juga dengan arak, pun tidak pernah mengambilnya.*

(Syafiq / Berhenti dari jenayah (P1) / 28 April 2016 / 11.37 Pagi / Persatuan IKHLAS)

> *Saya tidak pernah mengambil dadah dan bebas dari sebarang ketagihan (responden menjawab dengan ringkas apabila ditanya tentang masalah ketagihan yang dihadapi sebelum dan terkini).*

(Rizal / Berhenti dari jenayah (P1) / 28 April 2016 / 3.31 Tengah Hari / Persatuan IKHLAS)

University of Malaya

Ianya begitu berbeza sekali dengan kebanyakan responden pengulanglaku jenayah yang sememangnya mempunyai masalah ketagihan yang menyebabkan mereka terpaksa bertarung dengan perasaan ketagihan untuk mengambil semula dadah tersebut selepas dibebaskan (Supra, Bab Lima). Masalah ketagihan itu membuatkan perasaan mengambil semula dadah  mudah tercetus pada bila-bila masa sahaja. Pengkaji mendapati masalah ketagihan atau cenderung untuk menggunakan semula dadah tidak berlaku di dalam kalangan responden yang berhenti dari jenayah. Ianya merupakan suatu kelebihan buat Syafiq dan Rizal yang tidak mempunyai sebarang masalah penyalahgunaan dadah. Bebas daripada sebarang ketagihan dadah merupakan suatu kelebihan untuk seorang bekas banduan membina semula hidup mereka.

Bekas banduan yang gagal mengatasi masalah ketagihan dadah sukar untuk mengubah kehidupan mereka. Masalah ketagihan menimbulkan perasan ketagihan dan ingin mengambil semula dadah, khususnya apabila bekas banduan terlalu kecewa dengan kehidupan yang dialami. Ketagihan dadah sukar untuk ‘dirawat’, dan kemudiannya menyebabkan bekas banduan sukar untuk berubah. Malah, ramai ahli akademik dan saintis sosial yang bekerja dalam bidang ini mengatakan untuk memastikan residivisme terkawal, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah ‘merawat’ ketagihan bekas banduan terhadap dadah (Fauziah et al., 2009; Noor Zalifah, 2009; Nurhazlina, 2009; Mahmood et al., 2005).

University of Malaya

### 6.3.8 Kelebihan sihat tubuh badan ke atas kesejahteraan hidup bekas banduan

Kesihatan dan kesejahteraan fizikal bekas banduan mempengaruhi kejayaan proses integrasi sosial mereka ke dalam kehidupan masyarakat (Malik-Kane & Visher, 2008). Namun, kajian yang mendalam menunjukkan hubungan di antara kesihatan yang baik dengan pengelakkan jenayah adalah masih kurang dilakukan. Kebanyakan kajian lepas memfokuskan kepada masalah kesihatan yang dihadapi bekas banduan seperti penyakit HIV, Hepatitis B dan C, Tuberkolosis, penyakit hati dengan kesejahteraan mereka. Masih lagi kurang kajian yang memfokus kepada kesejahteraan hidup dan tahap kesihatan dalam kalangan bekas banduan. Pengkaji melampirkan kod-kod yang ditemui berkaitan hubungan kesihatan dengan kesejahteraan hidup di dalam rajah 6.11 seperti berikut:




**Rajah 6.11:** Kod dan Tema berkaitan Kesihatan dan Kesejahteraan hidup dalam Kalangan Bekas Banduan

Ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah kajian ini telah mempunyai tahap kesihatan yang baik. Mereka juga daripada sebarang penyakit berjangkit mahupun kronik. Ianya tidak seperti keadaan kesihatan bekas banduan pengulanglaku jenayah yang dilaporkan di dalam bab terdahulu. 15 daripada 16 orang responden pengulanglaku



University of Malaya

jenayah kajian ini mengakui yang mereka mempunyai penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS, Hepatitis B, Hepatitis C, Tuberkulosis dan penyakit mental.

> *Saya tidak menghidap sebarang jenis penyakit (responden menjawab dengan ringkas apabila ditanya tentang sebarang penyakit yang dihadapi).*

(Muiz / Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016 / 9.52 Pagi / Persatuan IKHLAS)

> *Saya bebas penyakit. Satu penyakit pun saya tidak ada (responden menjawab dengan ringkas apabila ditanya tentang sebarang penyakit yang dihadapi).*

(Syafiq / Berhenti dari jenayah (P1)/ 28 April 2016 / 11.45 Pagi / Persatuan IKHLAS)

> *Saya tidak mempunyai sebarang penyakit (responden menjawab dengan ringkas apabila ditanya tentang sebarang penyakit yang dihadapi).*

(Rizal / *Berhenti dari jenayah* (P1)/ 28 April 2016 / 3.39 Tengah Hari / Persatuan IKHLAS)

Jawapan yang diberikan oleh ketiga-tiga responden yang berhenti dari jenayah menyebabkan pengkaji cuba mendapatkan pandangan mereka tentang kelebihan yang dimiliki sepanjang berada di dalam kehidupan berkomuniti apabila bebas daripada sebarang penyakit kronik mahupun berjangkit. Pengkaji cuba memahami bagaimana tahap kesihatan boleh mempengaruhi perjalanan hidup yang lebih baik. Berikut merupakan respons yang diberikan oleh Syafiq dan Rizal apabila ditanyakan tentang kelebihan kesihatan mereka ke atas kualiti kehidupan yang dilalui apabila berada di dalam kehidupan berkomuniti:

University of Malaya

*Ketiadaan sebarang penyakit ini menyebabkan tahap kesihatan saya yang sangat baik. Saya boleh menjalankan kehidupan seharian dengan baik, malahan saya tidak mempunyai masalah untuk melakukan kerja saya sebagai buruh binaan. Saya dapat lihat banyak kebaikan yang saya dapat dari bebas dari penyakit ini.*

(Syafiq / Berhenti dari jenayah (P3) / 5 September 2017 / 10.45 Pagi / Persatuan IKHLAS)

*Apabila saya mempunyai kesihatan yang baik ini, saya boleh buat apa sahaja, nak pergi sana, nak pergi sini pun, tidak ada kekangan di mana kesihatan itu boleh membuatkan saya bergerak lebih jauh. Bagi saya benda ini berkait rapat, kesejahteraan hidup dan kesihatan. Apabila kita bebas dari penyakit, maka kehidupan kita menjadi lebih teratur, dan menjadi lebih cantik lah. Badan saya sihat dan mental saya pun turut sihat.*

(Rizal / Berhenti dari jenayah (P3) / 5 September 2016 / 2.35 Tengah Hari / Persatuan IKHLAS)

Kesihatan yang baik dan bebas penyakit membolehkan bekas banduan merealisasikan cita-cita mereka, memenuhi keperluan mereka menghadapi persekitaran untuk hidup yang lebih panjang dan produktif, (Barry & Jenkins, 2007).

## 6.4 Kesimpulan

Pengenalpastian faktor-faktor pemberhentian dari jenayah yang wujud dalam kalangan kalangan bekas banduan ternyata memberi gambaran yang jelas tentang apa yang menjadi penyebab kepada kejayaan bekas banduan untuk berintegrasi. Kajian ini telah mengenalpasti kejayaan bekas banduan kembali ke pangkuan keluarga menyebabkan mereka berjaya menerima tempat tinggal. Penerimaan ahli keluarga yang positif dan terbuka menyebabkan bekas banduan ini menjadi selesa untuk tinggal bersama. Bagi yang

University of Malaya

berkahwin, pasangan menjadi pemberi sokongan dan semangat dalam memastikan bekas banduan terus berjaya dalam kehidupan berkomuniti.

Pekerjaan pula memberikan rasa hala tuju dalam hidup dan membolehkan bekas banduan menampung kehidupan. Rata-rata bekas banduan dalam kelompok yang berhenti dari jenayah ini mengatakan dikelilingi dengan masyarakat yang boleh menerima kehadiran mereka tanpa diskriminasi. Dari segi pergaulan pula, kesemua mereka memilih untuk mengelakkan diri dari rakan-rakan yang negatif kerana sedar akan pengaruh negatif yang boleh diterima. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak terpengaruh dengan ajakan dan pelawaan yang boleh membawa kepada penglibatan dalam jenayah. Kajian juga melihat rata-rata yang berada di dalam kelompok yang berhenti dari jenayah adalah dari kalangan yang tidak mempunyai masalah ketagihan dadah. Akhir sekali, bekas banduan yang berhenti dari jenayah adalah bebas penyakit dan melalui kehidupan yang sihat dan sejahtera sepanjang dibebaskan.

University of Malaya

# BAB 7: PROGRAM PASCAPEMBEBASAN DAN JAGAAN LANJUTAN BERASASKAN KOMUNITI UNTUK BEKAS BANDUAN

## 7.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula secara terperinci. Cadangan ini adalah bagi menjawab objektif ketiga kajian ini; iaitu untuk mengesyorkan satu program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan yang berada di dalam komuniti.

Pengesyoran program ini merupakan respons daripada dapatan-dapatan kajian ini, yang telah dipaparkan di dalam dua bab terdahulu. Penerapan program ini dijangka dapat membantu bekas banduan yang baru dibebaskan dari penjara berintegrasi dengan masyarakat umum secara selesa, mencegah mereka daripada menjadi seorang pengulanglaku jenayah, serta perkara yang paling penting ialah membantu mereka menjadi warganegara yang patuh kepada norma sosial dan undang-undang negara serta produktif dari segi ekonomi dan sosial.

University of Malaya

## 7.2 Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti untuk Bekas Banduan yang Berada dalam Proses Integrasi Semula

Penemuan kajian ini mendapati semua pengalaman sosial yang dilalui oleh bekas banduan bergantung kepada interaksi antara faktor-faktor risiko dan pelindung yang hadir di dalam persekitaran sosial mereka. Faktor risiko dan faktor pelindung yang wujud di dalam persekitaran sosial bekas banduan berperanan penting dalam mempengaruhi tingkah laku bekas banduan ketika melalui peristiwa hidup selepas dibebaskan dari penjara. Faktor risiko dan pelindung yang wujud pada setiap titik perubahan berkenaan mempunyai darjah dominasi yang berbeza terhadap perlakuan individu (Siti Hajar & Abd. Hadi, 2009). Kesan negatif faktor risiko ke atas tingkah laku individu semakin ketara sekiranya ianya menjadi lebih dominan daripada faktor-faktor pelindung yang ada serta melibatkan kehadiran lebih daripada satu faktor risiko. Malah, dominasi faktor risiko menjadi kritikal apabila dibiarkan sahaja tanpa sebarang usaha pencelahan untuk menghalang kewujudan dan perkembangannya dalam diri seseorang bekas banduan.

Justeru itu, pelaksanaan satu intervensi sosial yang boleh mencelah dominasi faktor risiko dan dalam masa yang sama mengukuhkan dominasi faktor pelindung perlu diwujudkan. Intervensi sosial yang sesuai dengan dapatan-dapatan utama kajian ini adalah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti. Program ini dapat membantu bekas banduan berintegrasi semula ke dalam kehidupan masyarakat umum dan seterusnya mampu mencegah residivisme dan mengukuhkan pemberhentian dari jenayah dalam kalangan mereka. Intervensi sosial ini juga mampu membantu memenuhi defisit keperluan yang dialami oleh bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula.

University of Malaya

Kegagalan bekas banduan untuk berintegrasi semula dengan baik didapati berpunca daripada ketiadaan sebuah program pascapembebasan (Travis, 2005; Taxman, Young, Holsinger & Anspach, 2001).

Residivisme meningkat secara mendadak dalam kalangan bekas banduan apabila agensi-agensi yang terlibat di dalam sistem pengadilan jenayah dan pemulihan bekas banduan tidak mengambil inisiatif yang serius dalam menangani cabaran dan usaha untuk mengubah tingkah laku bekas banduan (Lin, 2000). Perkhidmatan rumah perantaraan dan sistem parol yang ada masih kurang berupaya membantu bekas banduan yang dibebaskan dari institusi penjara. Justeru itu, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang disyorkan ini berperanan sebagai satu program sokongan untuk membantu bekas banduan menjadi seorang yang patuh undang-undang (Cullen & Gendreau, 2000).

Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang disyorkan ini berlandaskan program-program pascapembebasan yang sedia ada di dalam sistem keadilan jenayah di negara luar; khususnya negara-negara maju yang mempunyai sistem pengadilan jenayah dan sistem pemulihan sosial yang matang. Amalan-amalan yang berkesan dan berkualiti di dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan negara berkenaan dijadikan sebagai input penting kepada kandungan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang ingin disyorkan. Namun begitu, penerapannya ke dalam konteks tempatan perlu mengira kesesuaiannya dan sosio-budaya tempatan. Aspek ini perlu diberi teliti oleh para pelaksana sekiranya mahu mengimplementasi program ini.

University of Malaya

Secara umumnya terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan di dalam pembinaan program pasca pembebasan yang membantu proses kemasukan semula bekas banduan ke dalam komuniti. Ianya boleh bersifat tanpa pengawasan, dengan pengawasan dan juga bersyarat. Pendekatan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang ingin dilaksanakan perlu jelas. Contohnya, sekiranya program dibina berlandaskan pendekatan pengawasan, reka bentuk program seharusnya memudahkan aktiviti pengawasan dan penyeliaan bekas banduan oleh agensi-agensi penyeliaan dan pemantauan.

Sebaliknya, bagi program berlandaskan tanpa pengawasan; iaitu "melepaskan" sepenuhnya kepada komuniti, reka bentuk program perlulah membenarkan seluas-luasnya penglibatan setiap sektor sosial dalam komuniti mengendali aktiviti-aktiviti pemulihan dan jagaan sosial bekas banduan. Kebanyakan negara maju, contohnya Amerika Syarikat, Kanada, Finland, Australia dan Jepun menggunapakai pendekatan bersepadu; iaitu mengintegrasi pendekatan pengawasan, remedi sosial, sokongan sosial dan bantuan sosial untuk memastikan kejayaan integrasi semula bekas banduan. Pengalaman sedia ada dari negara luar menunjukkan bahawa program yang berkesan menggunakan pendekatan integratif pengawasan, pemulihan, bantuan dan sokongan sosial. Namun, kajian ini akan lebih banyak memberi contoh program-program yang ada di Amerika memandangkan negara tersebut didapati lebih maju dalam penyediaan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan buat bekas banduan. Pelbagai kajian mengenai keberkesanan dan limitasi program mereka telah banyak dilaporkan di dalam bahan akademik jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Kematangan sistem koreksional di Amerika dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan buat bekas banduan ternyata tidak dapat dipertikaikan. Pemilihan pengkaji mengunakan Amerika sebagai contoh utama dalam

University of Malaya

menyokong cadangan kajian ini adalah dilihat bersesuaian bagi menyokong cadangan pengkaji untuk merangka sebuah program pascapembebasan yang bersesuaian untuk diadakan di dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Pendek kata, apapun pendekatan yang dipilih, perhatian yang teliti perlu dilakukan ke atas isu integrasi semula dengan menawarkan cadangan yang bersesuaian untuk memperbaiki masalah residivisme yang timbul akibat daripada kegagalan bekas banduan untuk berintegrasi semula. Program pascapembebasan yang dilaksanakan harus mampu memastikan bekas banduan berjaya menjadi seorang yang patuh undang-undang apabila berada di dalam kehidupan berkomuniti. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang dirancang juga perlu memberi tumpuan kepada penyediaan serangkaian bantuan sosial yang dapat memudahkan peralihan bekas banduan daripada institusi kepada masyarakat.

Objektif utama program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti adalah untuk menyediakan bekas banduan dengan bantuan, penyeliaan pengawasan untuk menjalani kehidupan bebas jenayah. Program ini juga dikenali sebagai jagaan lanjutan (*aftercare*) atau perkhidmatan peralihan *(transitional care*). Intervensi pasca pembebasan ini berlangsung selepas hukuman penjara, sama ada di bawah pengawasan formal atau tanpa pengawasan langsung. Dalam konteks negara kita, ketiadaan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang efisien disediakan kepada bekas banduan membuktikan keperluan untuk melaksanakannya sebagai medium dalam membantu bekas banduan berintegrasi adalah kritikal. Walaupun terdapat pelbagai program pascapembebasan dan jagaan lanjutan

University of Malaya

berasaskan komuniti yang perlu diikuti oleh bekas banduan ketika berada di dalam institusi penjara, mereka masih memerlukan satu program pengawasan dan pemantauan yang berterusan setelah dibebaskan dari penjara.

Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti biasanya dibangunkan atas usaha mengenalpasti faktor-faktor risiko kepada pengulangan jenayah, keperluan khusus banduan dan cabaran yang mereka hadapi apabila mereka dibebaskan dari penjara. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti boleh menjadi berbeza-beza mengikut faktor-faktor risiko dan jenis cabaran yang dialami oleh bekas banduan. Dengan itu, pengkaji menyarankan agar program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini perlu bersifat intervensi yang menyeluruh, berdasarkan kesinambungan penjagaan, serta pemberian bantuan yang konsisten kepada bekas banduan selepas dibebaskan dari penjara. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini perlu dibina atas landasan matlamat untuk melancarkan peralihan bekas banduan dari penjara ke masyarakat (Griffiths, Dandurand & Murdoch, 2012).

## 7.3 Komponen-komponen Berkesan Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti yang Berkesan

Pengalaman di negara-negara maju memperlihatkan yang program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan di dalam membantu bekas banduan yang mempunyai sekurang-kurangnya tujuh komponen utama (Petersilia, 2003; Visher & Travis, 2003). Komponen-komponen tersebut adalah:

(1) berasaskan pendekatan penjagaan komuniti (*community care approach*),

University of Malaya

(2) menyediakan pelbagai jaringan perkhidmatan sosial yang dapat memenuhi pelbagai defisit keperluan bekas banduan,

(3) perkhidmatan spesifik untuk bekas banduan yang mempunyai keperluan khas,

(4) berperanan sebagai alat pangkalan data bekas banduan yang berada di dalam komuniti,

(5) program berorientasikan keluarga (*Family-oriented programmes*),

(6) pemulihan berasaskan sistem pementoran (*mentoring);* dan,

(7) terapeutik sosial pelbagai sistem (*multisystemic therapy*).

**7.3.1 Pendekatan penjagaan komuniti**

Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan berlangsung dalam persekitaran komuniti (Petersilia, 2003; Visher & Travis, 2003). Komuniti berperanan sebagai latar fizikal dan sumber sosial perkhidmatan. Pendekatan ini mendukung idea penyaluran perkhidmatan sokongan dan jagaan sosial di dalam ruang komuniti oleh komuniti (*in community, by community*). Secara simboliknya, pendekatan ini melambangkan semua anggota masyarakat bertanggungjawab di dalam pemulihan bekas banduan. Ia juga berkait rapat dengan perspektif atau aliran pengadilan restoratif yang menjadi ikutan kebanyakan sistem pengadilan jenayah di pelbagai negara.

Selain itu, pendekatan ini secara spesifiknya bersesuaian dengan latar program integrasi semula yang berlangsung di dalam komuniti. Kebanyakan bekas banduan menghadapi kesukaran untuk berintegrasi semula dengan kehidupan masyarakat dan akibatnya mereka terlibat semula dengan aktiviti/perlakuan jenayah. Ini menunjukkan kejayaan proses integrasi semula bekas banduan bergantung kepada kualiti persekitaran

University of Malaya

komuniti. Memandangkan faktor risiko kepada residivisme dan faktor pelindung kepada pemberhentian dari jenayah wujud secara bersama di dalam ruang komuniti yang didiami oleh bekas banduan (Rajah 7.1), maka itu, intervensi sosial yang dicadangkan ini lebih berkesan sekiranya ia berlangsung di dalam ruang komuniti dan diselia-urus oleh komuniti sendiri. Aspek penting berkaitan pendekatan komuniti adalah fungsi komuniti sebagai sumber perkhidmatan. Komuniti kaya dengan pelbagai sumber. Kelebihan ini sesuai dengan keperluan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi dalam sektor masyarakat yang mampu menawarkan atau menyediakan program rumah perantaraan (*halfway-home program*), program penempatan kerja (*job-placement program*), rawatan penyalahgunaan dadah (*substance-abuse program*) dan sebagainya (Kesten, Leavitt-Smith, Rau, Shelton, Zhang, Wagner & Trestman, 2012; Burraston, Cherrinton & Bahr, 2010).

### 7.3.2 Pelbagai jaringan perkhidmatan sosial

Program pasca pemulihan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula perlu mengandungi pelbagai jenis perkhidmatan sosial (Petersilia, 2003; Visher & Travis, 2003). Lindquist, Willison, Rossman, Walters dan Lattimore (2015) mendapati perkhidmatan-perkhidmatan sosial kritikal yang diperlukan oleh bekas banduan adalah perkhidmatan perumahan, perkhidmatan keluarga (*family services*), perkhidmatan pekerjaan, perkhidmatan penjagaan kesihatan lanjutan, serta bantuan advokasi sosial.

University of Malaya




**Rajah 7.1:** Faktor Risiko kepada Residivisme dan Faktor Pelindung kepada Pemberhentian dari Jenayah dalam Ruang Komuniti

University of Malaya

Griffiths et al., (2012) pula dalam penilaian mereka terhadap program-program pascapembebasan bekas banduan mendapati sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan dan berjaya perlu menyasarkan tujuh domain perkhidmatan sosial yang kritikal sebagai pemacu utama integrasi semula. Tujuh perkhidmatan sosial tersebut adalah perumahan, pekerjaan, pendidikan dan latihan, kemahiran hidup berdikari, kesihatan mental, rawatan terapi bagi penyalahgunaan alkohol dan dadah serta perkhidmatan pengukuhan hubungan keluarga/ kemasyarakatan.

Kebanyakan pengalaman di negara lain memperlihatkan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang hanya tertumpu pada satu perkhidmatan khusus tidak mampu menyelesaikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan (Redcross, Millenky, Rudd & Levshin 2012; Wilson & Davis, 2006). Cabaran yang dihadapi berbeza-beza dari seorang bekas banduan kepada bekas banduan yang lain. Maka itu, membina sebuah program pascapembebasan bersifat generik yang boleh diaplikasikan kepada semua bekas banduan merupakan satu tindakan yang membazir kerana ia ternyata gagal untuk membantu bekas banduan (Piehl, LoBuglio & Freeman, 2003).

Alasan utama mengapa program pascapembebasan untuk bekas banduan perlu mempunyai serangkaian perkhidmatan sosial adalah kerana ia perlu memenuhi kepelbagaian defisit keperluan yang dialami oleh bekas banduan (Bouffard & Bergeron, 2006; Wilson & Davis, 2006; Zhang, Roberts & Callanan, 2005). Keperluan bekas banduan yang datang dalam pelbagai bentuk menyebabkan program pascapembebasan yang hanya menumpukan kepada satu jenis perkhidmatan sosial tidak cukup memadai

University of Malaya

untuk membantu bekas banduan. Tuntasnya, program pascapembebasan yang hanya menumpukan kepada perkhidmatan tertentu sahaja tidak dapat membantu sepenuhnya bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula (Van Voorhis, Spruance, Ritchey, Listwan & Seabrook, 2005).

### 7.3.3 Penjagaan spesifik untuk bekas banduan yang mempunyai keperluan khas

Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan dalam membantu bekas banduan berintegrasi semula dengan lancar juga perlu mengandungi program yang menyasarkan golongan bekas banduan tertentu; seperti penagih dadah, penghidap HIV/AIDS dan bekas penjenayah seks (Griffiths et al., 2012; Lattimore & Visher, 2009). Antara perkhidmatan spesifik yang perlu ada di dalam setiap program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan yang sedang berada di dalam proses intergrasi semula adalah:

(i) Perkhidmatan rumah perantaraan,

(ii) Perkhidmatan terapeutik rekreasi,

(iii) Perkhidmatan rawatan dan pemulihan kesihatan lanjutan; dan,

(iv) Perkhidmatan penempatan pekerjaan.

#### *7.3.3.1 Perkhidmatan rumah perantaraan*

Trajektori pertama yang dilalui oleh setiap bekas banduan ialah mencari penempatan atau tempat tinggal sebaik sahaja dibebaskan. Perkara pertama yang sering dihadapi oleh banduan yang baru dibebaskan dari penjara adalah *"Di mana saya boleh tidur malam ini?"* (Ramirez, 2016). Memandangkan kebanyakan bekas banduan tidak diterima oleh

University of Malaya

keluarga, tempat tinggal sering menjadi faktor kritikal dalam peralihan seseorang bekas banduan ke dalam masyarakat. Keadaan ini telah membawa kepada penghijrahan dan penumpuan bekas banduan beramai-ramai di suatu tempat yang sama. Pengkaji menerusi artikel beliau yang bertajuk '*Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur'* telah membincangkan fenomena penghijrahan dan penumpuan yang berlaku di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur (Mohd Alif, Siti Hajar, Jal Zabdi, Khairiyah, Noralina & Zaiton, 2018).

Kajian tersebut telah menunjukkan penghijrahan dan penumpuan berlaku disebabkan dua kelompok faktor yang berikut: Faktor penolak iaitu disebabkan oleh 1. penolakan ahli keluarga yang telah menyisihkan bekas banduan dan, 2. diskriminasi dan stigma masyarakat dari kawasan tempat tinggal asal. Seterusnya ialah faktor penarik iaitu disebabkan oleh 1. penumpuan rakan senasib di suatu kawasan yang sama dan, 2. peluang pekerjaan yang dijangka dapat diperolehi dengan menuju ke bandar (Mohd Alif et al., 2018).

Ketiadaan tempat tinggal untuk dituju menyebabkan bekas banduan berakhir menjadi gelandangan di suatu kawasan yang sama dan membawa kepada penerusan tingkah laku jenayah dalam kalangan mereka. Keadaan ini menunjukkan tempat tinggal yang bebas jenayah merupakan titik perubahan yang baik untuk tidak terlibat lagi dengan jenayah. Maka itu, penyediaan penempatan kepada bekas banduan terutamanya mereka yang dibebaskan dari penjara dan tidak mempunyai tempat untuk dituju adalah satu keperluan. Penempatan telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor utama yang boleh mengurangkan kadar residivisme kerana ia boleh memberikan kestabilan yang diperlukan

University of Malaya

untuk membolehkan bekas banduan menangani tingkah laku lama dan mengakses pelbagai perkhidmatan lain seperti sistem sokongan keluarga dan keperluan makanan.

Rumah perantaraan merupakan sebuah program penempatan sementara untuk bekas banduan. Rumah perantaraan turut dikenali sebagai pusat pemulihan komuniti (*community correction centers*), atau pusat pemulihan bercorak kediaman (*residential rehabilitation centers*). Penyertaan penghuni di rumah perantaraan adalah salah satu bentuk pembebasan secara beransur-ansur ke dalam kehidupan bermasyarakat. Rumah perantaraan mewujudkan jambatan penting antara pembebasan dari penjara dan komuniti. Mereka menyediakan perkhidmatan pemulihan dan kediaman yang diperlukan dan mereka memberi peluang kepada pengaturcaraan perkhidmatan yang ekstensif dan inovatif yang disesuaikan dengan keperluan penduduk dan komuniti.

Di kebanyakan negara maju, rumah perantaraan untuk bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula dirancang dan diurus secara teratur dan menyeluruh agar berupaya memenuhi defisit keperluan bekas banduan mereka. Perkhidmatan lanjutan dan sokongan ini menyediakan persekitaran kediaman yang selamat dan kondusif untuk bekas banduan. Persekitarannya selamat dan bebas dari anasir negatif seperti dadah, arak dan jenayah. Rumah perantaraan juga menyediakan satu persekitaran kehidupan yang berstruktur dan berdisiplin bagi membantu bekas banduan ke arah kehidupan yang berdikari. Penempatan ini mempunyai penyeliaan, pengawasan dan sokongan dari agensi pemulihan awam.

University of Malaya

Selain daripada kemudahan penginapan, rumah perantaraan juga menyediakan perkhidmatan penempatan pekerjaan, pendidikan, program pencegahan penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Rumah perantaraan berfungsi sebagai pusat jaringan perkhidmatan sosial (*social service networks*) bagi menghubungkan bekas banduan dengan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang diperlukan mereka (Gilna, 2015). Rumah perantaraan juga melibatkan koordinasi kerjasama pelbagai sektor sosial dan agensi sosial dalam komuniti. Agensi tempatan, negeri dan persekutuan termasuk subkontraktor swasta yang mendapat pembiayaan kerajaan, dan badan bukan kerajaan (NGOs) terlibat dalam pembinaan dan pengurusan rumah perantaraan dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan.

Di Amerika Syarikat umpamanya, rumah perantaraan merupakan satu pusat bimbingan pra pembebasan (*pre-release guidance centers*) yang dibina untuk membimbing bekas penjenayah menjadi seorang individu yang boleh mematuhi undang-undang. Akta Pemulihan Banduan Persekutuan tahun 1965 (*Federal Prisoner Rehabilitation Act)* negara tersebut telah meluluskan pembentukan rumah perantaraan bertujuan untuk memudahcara integrasi semula bekas banduan ke dalam kehidupan berkomuniti (Portman, 2017). Terdapat pelbagai program rumah perantaraan di dalam sistem pemulihan sosial bekas banduan di negara ini (Ramirez, 2016). Tiga program rumah perantaraan yang popular adalah *King County Housing Authority* (WA)- program perumahan sokongan menyeluruh, *Burlington Housing Authority* (VT) - program perumahan transisi dan *New York City Housing Authority* (NY) - program penyatuan semula keluarga. Jadual 7.1 mengandungi ringkasan mengenai ketiga-tiga program rumah perantaraan ini.

University of Malaya

**Jadual 7.1:**Contoh Program Rumah Perantaraan di Amerika Syarikat

| Nama Modul | *King County Housing Authority (WA)* | *Burlington Housing Authority (VT)* | *New York City Housing Authority (NY)* |
|---|---|---|---|
| (1) Penerangan | Perumahan sokongan untuk membantu proses integrasi bekas banduan daripada kategori ibu bapa | Perumahan peralihan dengan perkhidmatan sokongan untuk banduan yang dibebaskan dengan pengawasan | Perumahan awam untuk bekas banduan tingal bersama dengan keluarga mereka, semasa berada di dalam proses integrasi semula |
| (2) Populasi sasaran | Bekas banduan yang baru dibebaskan dari penjara dan tidak mempunyai kediaman keluarga yang boleh menyatukan mereka dengan anak-anak mereka | Bekas banduan yang telah menamatkan hukuman minimum tetapi mempunyai baki 1 tahun untuk berada di bawah pengawasan pemulihan dan tiada perumahan | Bekas banduan yang telah bebas dalam tempoh 3 tahun yang lalu yang tidak layak untuk mendapatkan bantuan perumahan awam |
| (3) Jumlah penghuni setiap tahun | 46 keluarga | 15 individu | 60–75 individu |
| (4) Tempoh Program | 2-3 tahun | Sehingga bekas banduan melengkapkan syarat-syarat pembebasan | Pelbagai |
| (5) Sumber pembiayaan | *King County, private foundations* | *Vermont Department of Corrections* | *New York City Department of Homeless Services* |
| (6) Syarat kelayakan | (i) Sekurang-kurangnya berumur 18 tahun<br>(ii) Baru dibebaskan daripada pemenjaraan dan diletakkan ke dalam program di bawah seliaan *King County*<br>(iii) merupakan gelandangan atau tidak mempunyai tempat tinggal apabila dilepaskan atau mempunyai sejarah dalam ketiadaan tempat tinggal<br>(iv) Bekas banduan yang merupakan ibubapa | (i) Bekas banduan yang dibebaskan dibawah pengawasan Jabatan Pemulihan Vermont dengan baki setahun lagi tempoh pemenjaraan atau perlu melalui baki tempoh penyeliaan<br>(ii) Bekas banduan yang tidak menerima sebarang bantuan perumahan sebaik sahaja dibebaskan<br>(iii) Bekas banduan yang mempunyai masalah kesihatan mental, kurang upaya dan ada masalah penyalahgunaan dadah. | (i) Sekurang-kurangnya 16 tahun<br>(ii) Dikeluarkan dari pemenjaraan dalam tempoh 3 tahun yang lalu<br>(iii) Tidak dapat menerima bantuan perumahan kerana sejarah kesalahan jenayah mereka. |



University of Malaya

Sambungan **Jadual 7.1**

| **Nama Modul** | ***King County Housing Authority (WA)*** | ***Burlington Housing Authority (VT)*** | ***New York City Housing Authority (NY)*** |
|---|---|---|---|
| (7) Cara memperolehi penghuni | Program *'Passage Point'* bergantung pada rangkaian yang meluas daripada organisasi kerajaan dan masyarakat untuk mengenalpasti calon-calon yang berpotensi. Hubungan YWCA yang giat membangunkan pusat pemulihan di seluruh King County yang mempunyai kepentingan tertentu | *'Burlington probation*, Pejabat Parol dan Jabatan Pemulihan Vermont akan mengenalpasti peserta yang berpotensi, terutama ketika banduan ini masih sedang melalui proses pemenjaraan dan merujuk mereka kepada Lembaga Perumahan Burlington (BHA). Rujukan juga boleh datang dari mahkamah tempatan dadah, pusat keadilan masyarakat setempat, dan Jabatan Kanak-kanak dan Keluarga. Vermont. | Tiga belas rakan kongsi agensi bukan keuntungan dengan New York City Housing Authority (NYCHA) mengenalpasti peserta yang berpotensi dalam penjara dan dalam masyarakat. Begitu juga dengan, Jabatan Perkhidmatan Gelandangan New York yang kerap mengenalpasti orang di pusat perlindungan yang layak untuk mengikuti program kemasukan semula. Selain itu, Pejabat Negeri Kanak-kanak dan Keluarga New York akan merujuk juvana yang keluar dari kemudahan mereka ke dalam program rumah perantaraan ini. |
| (8) Perkhidmatan yang disediakan | ▪ Pihak yang dikenali sebagai *'Life coaches'* ini akan bekerja secara individu dengan penghuni bagi menggalakkan interaksi masyarakat yang positif, dan pembangunan kemahiran hidup dan kemahiran keibubapaan.<br>▪ *Workfirst* iaitu di bawah naugan negeri Washington yang berfungsi dalam menyediakan pendidikan, latihan kerja, dan perkhidmatan pekerjaan. | Perkhidmatan memberi tumpuan kepada membina kemahiran hidup, menangani keperluan perubatan dan kesihatan mental, bekerja ke arah matlamat pendidikan, dan memastikan penghuni berupaya untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil. Selain itu wujudnya BHA yang pakar dalam program kemasukan akan cuba menyelaraskan perkhidmatan pengurusan kes dengan bekerja rapat dengan pegawai akhlak dan pembekal rawatan lain untuk memastikan perkhidmatan sokongan yang bersesuaian. | Tiga belas agensi bukan keuntungan menyediakan perkhidmatan pengurusan kes untuk peserta termasuk latihan kerja, penempatan pekerjaan, kelas keibubapaan, rawatan dadah, perkhidmatan kaunseling, dan faedah pendaftaran. Peserta perlu bekerjasama dengan pengurus kes untuk sekurang-kurangnya 6 bulan. Penghuni juga perlu memenuhi pelan tindakan individu bagi mencapai matlamat peribadi mereka |
| (9) Pengukuran kejayaan | Selepas 18 hingga 24 bulan dalam program ini, pihak berkuasa perumahan membantu peserta mendapatkan perumahan kekal. Jika peserta kekal di luar selama 36 bulan, *'Passage Point'* membantu mereka untuk mendapatkan perumahan kekal dan menyediakan sokongan untuk 1 tahun berikutnya peralihan mereka ke perumahan kekal | Selepas penghuni melengkapkan semua obligasi pembebasan awal mereka, mereka menerima ijazah daripada program ini. | Setelah berjaya melengkapkan keperluan program mereka, penghuni boleh memohon untuk mendapatkan unit perumahan NYCHA mereka sendiri. |

Sumber: Ramírez (2016)

University of Malaya

Di Australia pula, program *The Queensland Offender Rehabilitation and Support Scheme (ORSS)* yang juga merupakan salah satu daripada komponen program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti menyediakan peluang tempat tinggal kepada bekas banduan yang baru meninggalkan penjara (Willis, 2016). Mereka boleh tinggal di rumah-rumah perantaraan yang disediakan di bawah skim ORSS sehingga enam bulan selepas pembebasan. Program ini berfungsi sebagai transisi atau peralihan bekas banduan ke dalam kehidupan berkomuniti.

Di Australia juga, terdapat program rumah perantaraan yang dikenali sebagai *Australian Community Support Organisation* (ACSO). ACSO telah berkembang dari sebuah organisasi kecil yang menyediakan tempat tinggal untuk bekas banduan, menyediakan perkhidmatan sokongan, pemberian program intervensi awal yang membantu menghalang bekas banduan daripada mengulangi jenayah (ACSO, 2018). Ianya telah berkembang semenjak tahun 1990an. Visi rumah perantaraan ACSO ini adalah untuk mewujudkan komuniti yang selamat dari jenayah. ACSO juga menawarkan program-program inovatif yang memberi respons kepada masalah pengangguran, penyakit mental, ketiadaan tempat tinggal, penyalahgunaan dadah dan kelakuan jenayah di seluruh Victoria, New South Wales dan Queensland.

Di Kanada pula, program *Canada Community-Based Residential Facilities Halfway houses* menyediakan penginapan kediaman buat bekas banduan yang mengikuti pengawasan berasaskan komuniti. Kemudahan ini diselia oleh agensi-agensi bukan kerajaan. Bekas banduan yang menyertai program rumah perantaraan ini juga diselia dalam program penempatan pekerjaan, pendidikan dan latihan, program terapi dadah dan

University of Malaya

alkohol serta rawatan kesihatan mental (Griffiths et al., 2007; Kraus, Serge & Goldberg, 2005; Brown, 2004).

Contoh lain adalah Program *Supporting Prisoners Advice Network (SPAN*) yang turut menyediakan bantuan penempatan kepada bekas banduan yang mengalami masalah ketiadaan tempat tinggal (Willis, 2016). SPAN menyediakan perumahan dan sokongan sosial sehingga bekas banduan mempunyai tempat penginapan yang selamat dan terjamin dan dapat mengakses pendidikan, latihan atau pekerjaan. Bekas banduan yang mendapat akses ke dalam program ini perlu mengikut satu set peraturan rumah perantaraan

Di Korea Selatan, perkhidmatan koreksional turut mengendalikan rumah perantaraan yang dipanggil sebagai *The House of Hope*. Matlamat rumah perantaraan ini adalah untuk meningkatkan kapasiti parol untuk berintegrasi semula ke dalam komuniti dan untuk mengelakkan mereka dari mengulangi jenayah (Yun, 2012). *The House of Hope* telah ditubuhkan pada 21 Januari 2009. Rumah perantaraan ini mempunyai lima bilik yang dapat menampung sepuluh penghuni yang bakal dibebaskan. Program rumah perantaraan ini dijalankan sebanyak tiga peringkat. Pada tahap pertama, iaitu penyesuaian diri ke dalam kemudahan rumah perantaraan yang disediakan. Tahap pertama ini berjalan selama dua minggu di mana penghuni akan cuba membiasakan diri dengan persekitaran baru dan mendapatkan pendidikan untuk pelan rawatan (Yun, 2012). Ianya diikuti dengan tahap kedua iaitu menyesuaikan diri dengan masyarakat apabila penghuni akan diberikan pekerjaan pula. Dan diakhiri dengan tahap ketiga iaitu berintegrasi ke dalam masyarakat. Peringkat ketiga ini adalah untuk memperkukuhkan hubungan penghuni dengan ahli keluarga dan melakukan aktiviti sukarelawan.

University of Malaya

Mereka mempunyai kelebihan untuk menerima perkhidmatan sepanjang menyertai sebagai penghuni. Kemudahan ini dilengkapi dengan bilik-bilik yang mempunyai katil dan meja, komputer dan kawasan untuk menjalankan aktiviti berkomuniti. Penghuni juga diberikan pekerjaan sepanjang menyertai program sebagai penghuni. Dalam masa lapang, mereka akan merancang cara untuk menjalani kehidupan mereka selepas menamatkan program rumah perantaraan, mengambil bahagian dalam aktiviti sukarela dan menerima pendidikan kemanusiaan pada hujung minggu.

Di Singapura pula, terdapat rumah perantaraan seperti *PERTAPIS Halfway Houses* (PHH) yang dilancarkan pada tahun 1989 dengan matlamat untuk menjadi penyedia perkhidmatan rawatan dan pemulihan untuk penagih dadah (PERTAPIS, 2018). Rumah perantaraan ini membolehkan mereka berintegrasi semula ke dalam komuniti dan menjadi individu yang produktif ke dalam masyarakat. *PERTAPIS Halfway Houses* adalah rumah perantaraan untuk orang islam muslim pertama di Singapura yang mampu memuatkan kapasiti seramai 100 orang penghuni. Di rumah perantaraan ini, banduan yang sedang menghabiskan tempoh terakhir hukuman pemenjaraan dan penagih dadah akan diletakkan di bawah program pemulihan berasaskan komuniti. Mereka ini diberikan pekerjaan bagi membiasakan mereka dengan kehidupan bekerja sepanjang mengikuti program sebagai penghuni.

Di rumah perantaraan sebegini, bekas banduan yang hadir ke dalam program sebagai penghuni tidak boleh menyalahguna dadah atau minum alkohol. Bekas banduan yang menyertai program berkenaan mesti mendapatkan kebenaran sebelum meninggalkan rumah perantaraan, mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan dan



University of Malaya

perlu mencari pekerjaan secara giat. Penghuni yang tidak mematuhi peraturan dihantar kembali ke penjara (Portman, 2017).

Aspek penting yang pengkaji ingin jelaskan berkaitan rumah perantaraan adalah elemen remedi dan pembangunan sosialnya. Semua rumah perantaraan di Amerika Syarikat menjadikan remedi dan pembangunan sosial sebagai teras utama pendekatan mereka dalam membantu bekas banduan. Walaupun kebanyakan rumah perantaraan menawarkan program terapi penyalahgunaan dadah dan pekerjaan, terdapat perkhidmatan dan program yang lain yang turut ditawarkan seperti program pendidikan, kumpulan terapi kognitif, kaunseling berkaitan pengurusan kewangan, kemahiran keibubapaan, pengurusan sikap kemarahan (*anger management*), program kerohanian, dan kaunseling keganasan rumah tangga. Pendekatan ini didapati berjaya dalam membantu tingkahlaku bekas banduan (Portman, 2017).

Rajah 7.2 menggambarkan secara ringkas satu rajah alternatif program rumah perantaraan yang diselitkan di dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang dijelaskan di dalam bahagian ini, yang boleh dipertimbangkan pelaksanaannya di negara kita.

University of Malaya




**Rajah 7.2:** Program Rumah Perantaraan untuk Bekas Banduan

University of Malaya

*7.3.3.2 Perkhidmatan terapeutik rekreasi*

Kebanyakan bekas banduan mengalami titik perubahan yang negatif apabila memasuki kejiranan yang suka melabel mereka. Penerimaan komuniti setempat, khususnya kejiranan penting dalam membantu bekas banduan atau menghalang mereka daripada mengulangi jenayah semula. Justeru itu, sebuah program yang dapat membina hubungan antara bekas banduan dengan anggota kejiranan adalah penting (Anderson & Heyne, 2012; Snethen, McCormick & VanPuymbroeck, 2012; Austin, 2013; American Therapeutic Recreation Association, 2008).

Program bersifat kemasyarakatan sebegini telah lama dipraktikkan di negara luar. Program ini dikenali sebagai program terapeutik rekreasi (*recreational therapeutic*) (Austin, McCormick & Van Puymbroeck, 2010; Iwasaki, Coyle & Shank, 2010; Stumbo & Peterson, 2009; Austin & Crawford, 2001). Ia berkisar kepada aktiviti-aktiviti riadah berbentuk rawatan yang terancang bertujuan untuk mempengaruhi perubahan sikap, kepercayaan, tingkah laku, penyesuaian psikososial, kesihatan dan kesejahteraan bekas banduan (Shank & Coyle, 2002; Peterson & Stumbo, 2000). Di dalam program ini, pakar terapeutik rekreasi membantu bekas banduan mengubah kebolehan, pengetahuan dan sikap mereka. Amalan terapeutik rekreasi telah terbukti berjaya mengisi waktu lapang bekas banduan dengan aktiviti bermanfaat, serta memulihkan kesihatan fizikal dan mental bekas banduan (Austin, 2013; Carter & Van Andel, 2011; Stumbo & Peterson, 2009; Carruthers & Hood, 2007).

University of Malaya

Pengkaji ingin mengambil program terapeutik rekreasi oleh *National Intrepid Center of Excellence* (NICoE) sebagai contoh. Terapeutik ini dilaksanakan bertujuan untuk memperbaiki fungsi sosial, kognitif, emosi dan fizikal bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula komuniti (Austin, 2013). Terapeutik ini melibatkan aktiviti-aktiviti pekerjaan, interpersonal dan kognitif harian bagi membantu bekas banduan menghadapi proses integrasi semula dengan lancar. Program ini juga menggabungkan kecergasan, masa lapang, seni halus, pendidikan, dan aktiviti-aktiviti rekreasi untuk membina semula keyakinan diri bekas banduan.

Program terapeutik rekreasi NICoE menggunakan modul disiplin. Aktiviti kumpulan dan individu yang disediakan termasuk yoga, *tai-chi*, latihan akuatik, senaman kardiovaskular, fleksibiliti dan kekuatan, penggunaan intervensi muzik untuk menggalakkan penyembuhan, kemahiran minda dan badan bagi mendorong ketenangan dan pengawalseliaan diri badan serta pengukuhan terapeutik rekreasi luar atau komuniti bagi meningkatkan fungsi sosial dan emosi di samping menggalakkan integrasi semula bekas banduan ke dalam masyarakat (Austin, 2013; Kunstler & Stavola, 2010).

Program terapeutik rekreasi boleh disepadukan ke dalam rumah perantaraan di mana bekas banduan menjalani program tempat tinggal. Rangka bagi program ini diperlihatkan di dalam Rajah 7.3.

University of Malaya




**Rajah 7.3:** Program Terapeutik Rekreasi untuk Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula

University of Malaya

*7.3.3.3 Perkhidmatan rawatan kesihatan dan pemulihan lanjutan*

Bekas banduan tidak boleh disekat daripada menerima rawatan kesihatan. Sebaik dibebaskan dari penjara, akses mereka terhadap kemudahan rawatan kesihatan perlu dilanjutkan; khususnya dalam kalangan bekas banduan yang menghidapi penyakit berjangkit dan kronik serta mental. Bagi memastikan bekas banduan menikmati rawatan kesihatan dan pemulihan lanjutan semasa mereka berada di dalam proses integrasi semula, dua program berikut boleh diperkenalkan:

*7.3.3.3 (a) Program mengukuhkan akses bekas banduan kepada rawatan kesihatan dan pemulihan lanjutan dalam komuniti*

Masalah kesihatan berkaitan penyakit seperti HIV, hepatitis, batuk kering, dan gangguan kesihatan mental dalam kalangan bekas banduan adalah kritikal (Rich, Wakeman & Dickman, 2011; Gaes & Kendig, 2002; Maruschak & Beck, 2001; Rossman, 2001). Penyakit berjangkit yang paling dibimbangi dalam kalangan bekas banduan adalah HIV, yang sekiranya tidak dicelah dengan serius boleh merebak kepada anggota masyarakat (Fazel & Baillargeon, 2011; Binswanger, Krueger & Steiner, 2009; Wilper, Woolhandler, Boyd, Lasser, McCormick & Bor, 2009). Begitu juga dengan penyakit batuk kering (TB). Kesesakan penjara memudahkan perebakan penyakit ini. Kadar penyakit kelamin (STD) juga didapati lebih tinggi dihidapi dalam kalangan banduan (Khan et al., 2011). Selain itu, bekas banduan juga didapati mempunyai kecenderungan tinggi mengalami penyakit mental (National Institute of Correction, 2011).

Masalah kesihatan yang kritikal menyebabkan bekas banduan mempunyai keperluan kesihatan yang kompleks. Justeru itu, rawatan kesihatan harus diberikan secara

University of Malaya

berterusan kepada bekas banduan walaupun mereka telah dibebaskan dari penjara. Mereka perlu diberi jagaan dan akses yang berterusan kepada kemudahan kesihatan dan pemulihan lanjutan semasa mereka berada di dalam proses integrasi semula dalam komuniti. Program ini boleh dimasukkan ke dalam perkhidmatan rumah perantaraan dengan cara menempatkan petugas perubatan yang bertauliah bagi memberi rawatan kesihatan dan khidmat nasihat kepada bekas banduan yang mengalami masalah kesihatan kritikal. Rawatan susulan ini perlu disediakan agar kesihatan bekas banduan terjamin, yang seterusnya dapat membantu mereka menjadi anggota masyarakat yang produktif (Nelson & Trone, 2000). Dalam Rajah 7.4, pengkaji melakarkan satu program perkhidmatan rawatan kesihatan dan pemulihan lanjutan yang boleh diberikan kepada bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula dalam komuniti.

*7.3.3.3 (b) Program terapi ketagihan dadah*

Kebanyakan bekas banduan berhadapan dengan masalah '*relaps*' penyalahgunaan dadah. Sebahagian besar bekas banduan yang dibebaskan dari penjara gagal mengendali masalah ketagihan dadah mereka. Punca utama residivisme dalam kalangan bekas banduan juga adalah ketagihan dadah. Pakar dalam penguatkuasaan undang-undang dan rawatan pergantungan dadah percaya bahawa rawatan terapi ketagihan dadah adalah cara terbaik untuk menghalang banduan daripada kembali kepada aktiviti jenayah yang seterusnya mampu mengintegrasikan bekas banduan kembali ke pangkuan masyarakat sebagai individu yang bertanggungjawab.

University of Malaya




**Rajah 7.4:** Program Pengukuhan Akses Bekas Banduan kepada Rawatan Kesihatan dan Pemulihan Lanjutan dalam Komuniti

University of Malaya

Pendek kata, terapi pemulihan ketagihan dadah merupakan antara perkhidmatan kesihatan lanjutan yang penting untuk bekas banduan yang mempunyai rekod dan sejarah penyalahgunaan dadah. Pelbagai program terapi lanjutan ketagihan dadah dari negara luar yang boleh dijadikan contoh dan panduan. Salah satunya ialah program *Intensive Substance Abuse Program (ISAP)* di Amerika Syarikat. Ia direka untuk mengurangkan kadar pemenjaraan semula daam kalangan bekas banduan banduan yang dibebaskan, dengan menangani hubungan antara corak jenayah dan penyalahgunaan dadah dan mewujudkan struktur pengurusan risiko yang disepadukan dengan perkhidmatan rawatan dadah (Eno, Long, Blanchet, Hansen & Steve, 2001). Fasa intensif program ini merangkumi perjumpaan kumpulan sebanyak tiga kali seminggu dengan perkhidmatan sampingan seperti yang ditentukan oleh pelan rawatan kes dan pelan rawatan klinikal dijangka sehingga 6 bulan. Jagaan susulan berlangsung selama 3 bulan dengan kehadiran kumpulan pada setiap minggu.

Selain itu terdapat juga program *Substance Abuse-Treatment and Reentry Program (STAR)* di Amerika Syarikat. Program ini menggunakan pendekatan mahkamah untuk menyediakan rawatan, pemulihan kepada bekas banduan dalam membantu mereka menjadi patuh undang-undang, dan menjalani kehidupan yang produktif (Hunter & Huang, 2014). STAR mengintegrasikan rawatan dadah dan sesi mahkamah setiap minggu dengan perkhidmatan pemulihan yang lain untuk menggalakkan pemulihan jangka panjang. Pada mulanya, peserta perlu menghadiri perbicaraan mahkamah secara mingguan, yang kemudiannya akan berkurangan apabila peserta menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

University of Malaya

Program lain yang ingin dipetik oleh pengkaji adalah program *Substance Abuse and Mental Health Services Administration (SAMHSA)*. Program ini diselia urus oleh Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia Amerika Syarikat. Ia dibentuk bagi meningkatkan kualiti pencegahan, rawatan dan pemulihan untuk mengurangkan pengulangan jenayah dan kematian, akibat daripada penyalahgunaan dadah dan penyakit mental (Gittelman, 2003). SAMHSA menggunakan strategi pencegahan penyalahgunaan dadah dan penyakit mental, meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan dan menyediakan perumahan bagi bekas banduan yang tiada tempat tinggal (Ho, 2007).

Di Australia, terdapat program seperti *Pathways: High Intensity Substance Abuse Program*. Program ini adalah sebuah program rawatan dadah untuk orang dewasa yang mempunyai sejarah jenayah dan alkohol dan masalah penggunaan dadah. Program ini dijalankan oleh *Queensland Corrective Services, Department of Corrective Service* dan *Western Australia* (Australian Indigenous, 2018). Program ini dijalankan selama 21 minggu, mengunakan pendekatan tingkah laku kognitif untuk mengubah pemikiran dan tingkah laku antisosial bagi meningkatkan pemikiran, sikap dan kepercayaan untuk berpikiran positif. Sekaligus, program ini berusaha untuk membantu bekas banduan untuk tidak mengulangi atau relaps dari dadah semula sepanjang dibebaskan.

Program ini dibina untuk membangunkan pengetahuan mengenai proses perubahan, corak alkohol dan penggunaan dadah, dan tingkah laku jenayah, pencegahan kognitif, dan meningkatkan kesedaran diri dan orang lain. Program ini berusaha untuk memastikan peserta dapat menjalani hidup yang bermakna, dengan penuh rasa hormat dan bertanggungjawab (Australian Indigenous, 2018). Program ini juga cuba menerapkan

University of Malaya

pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk mencegah relaps dadah, mewujudkan kawalan diri, membangunkan dan mengekalkan hubungan interpersonal yang berkesan, dan mewujudkan hubungan yang positif dan harmoni dengan masyarakat setempat.

Di United Kingdom, terdapat program penyalahgunaan dadah yang dikenali sebagai *Addressing Substance Related Offending* (ASRO). ASRO mengunakan intervensi tingkah laku kognitif dadah dan alkohol yang direka untuk membantu bekas banduan menangani masalah dadah dan alkohol dan untuk mengurangkan atau menghentikan penyalahgunaan dadah (Justice, 2018). Bekas banduan mesti menghadiri semua sesi di mana kebanyakannya dijalankan dalam bentuk kumpulan dengan orang lain, menghadapi kesalahan yang telah dilakukan, mengubah gaya hidup, membentuk kawalan diri dan mengelakkan kesalahan berulang sepanjang berada di dalam kehidupan berkomuniti (Justice 2018).

Selain itu, di United Kingdom juga, terdapat program penyalahgunaan dadah dan alkohol yang dikenali sebagai *Substance Abuse Programme* (OSAP). Program OSAP ini menangani masalah penyalahgunaan dadah atau alkohol dengan menggunakan kaedah kognitif untuk mengubah sikap dan tingkah laku untuk mencegah relaps dadah dan mengurangkan pengulangan jenayah (Justice, 2018). Program ini bertujuan untuk mengajar individu dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengurangkan atau menghentikan penyalahgunaan dadah atau alkohol.

University of Malaya

Secara umumnya, terdapat pelbagai program yang telah dikenalpasti mampu mengatasi masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan bekas banduan. Contohnya ialah program metadon, terapeutik komuniti (*communities therapeutic*), intervensi kognitif tingkah laku (*cognitive behavioral interventions*), pencegahan relaps (*relapse prevention*), dan terapi realiti (*reality therapy*). Namun begitu, antara kesemua program tersebut, rawatan teraputik komuniti telah didapati paling berkesan dalam membantu bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula. Program terapeutik komuniti biasanya mengambil tempat di dalam ruang rumah perantaraan. Ahli terapi yang tinggal bersama membantu memulihkan bekas banduan.

Terapeutik komuniti ini sesuai untuk bekas banduan yang mengalami masalah penyalahgunaan dadah. Di beberapa negara maju, program ini dilaksanakan secara berperingkat. Peringkat pertama berlaku ketika bekas banduan masih berada di dalam penjara; iaitu bermula sekurang-kurangnya dua tahun sebelum bekas banduan dibebaskan. Selama dua tahun menyertai program ini, mereka perlu menghadiri dan memenuhi setiap program rawatan dan pemulihan yang telah dijadualkan untuk mereka. Peringkat kedua adalah tahap di mana bekas banduan telah dibebaskan ke dalam kehidupan berkomuniti. Mereka masih perlu melaporkan diri kepada kaunselor dari masa ke semasa bagi melaporkan status dan keadaan merekabagi  memastikan kejayaan bekas banduan berintegrasi secara maksimum.

University of Malaya

Bekas banduan yang mengambil bahagian dalam program terapeutik komuniti akan menjadi lebih komited dalam mengelakkan diri daripada jenayah berbanding rakan-rakan mereka yang tidak menerima sebarang jagaan lanjutan tersebut. Pendek kata, program terapeutik komuniti mampu menggalakkan kehadiran dan penyertaan aktif anggota masyarakat, bersama-sama terlibat di dalam membantu bekas banduan. Terapeutik komuniti ini melibatkan pembelajaran semula atau membina semula kemahiran, dan nilai-nilai serta mendapatkan semula kesihatan fizikal dan emosi.

Terapeutik komuniti juga mendedahkan peserta tentang kehidupan yang teratur, pemulihan tingkah laku, sikap, dan amalan gaya hidup hidup sihat. Program ini juga memberi tumpuan kepada pembinaan harga diri dan perasaan kemasyarakatan dalam kalangan bekas banduan, memperbaiki sikap tanggungjawab peribadi dan membentuk tingkahlaku pro sosial. Bagi bekas banduan, program bersifat kemasyarakatan boleh memberi mereka peluang untuk melatih diri dalam bersosial dengan baik serta mengajar kepentingan kehidupan bersama.

Rajah 7.5 di bawah mengilustrasikan satu alternatif program terapeutik komuniti sebagai pemulihan lanjutan ketagihan dadah yang boleh dilaksanakan ke atas bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula dalam komuniti.

University of Malaya




**Rajah 7.5:** Program Rawatan Terapeutik Komuniti Pemulihan Ketagihan Dadah Lanjutan untuk Bekas Banduan yang Berada dalam Proses Integrasi Semula

University of Malaya

*7.3.3.4 Perkhidmatan/program penempatan pekerjaan dan latihan kerja*

Teori Pengkelasan Umur sebagai Kawalan Sosial Tidak-Formal menyatakan pekerjaan yang stabil boleh menggalakkan hubungan sosial dan mewujudkan ikatan sosial yang kukuh melalui kawalan sosial yang seterusnya boleh meningkatkan kecenderungan kawalan diri dalam mengelakkan diri dari jenayah. Pekerjaan dilihat sebagai faktor utama dalam memastikan kejayaan integrasi semula bekas banduan. Pekerjaan bukan sahaja membantu bekas banduan memperolehi sumber pendapatan, malah, ia juga menyediakan struktur, rutin dan peluang untuk membantu bekas banduan membina semula harga dan keyakinan diri. Pekerjaan membentuk sifat bertanggungjawab di dalam diri bekas banduan.

Kawalan sosial dan keinginan untuk mengekalkan pekerjaan mempengaruhi bekas banduan untuk berhenti daripada jenayah. Bekas banduan yang mempunyai pekerjaan yang stabil mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk berhenti daripada terlibat atau melakukan jenayah; berbanding dengan bekas banduan yang menganggur atau yang tidak mempunyai pekerjaan tetap (Pettit & Lyons, 2007; Fashey et al., 2006; Travis, 2005; Holzer et al., 2004; Bushway & Reuter, 2002). Justeru itu, bagi membantu mengurangkan atau membasmi ulanglaku jenayah dalam kalangan bekas banduan, intervensi berbentuk pekerjaan perlu turut diadakan di dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan.

Antara program penempatan kerja yang lazim dibina untuk membantu bekas banduan adalah program persediaan kerja *(job readiness*), program peralihan kerja (*job transition*) dan program penempatan kerja (*job placement*). Biasanya, program persediaan

University of Malaya

kerja berlaku semasa banduan itu masih dipenjarakan dan menghampiri akhir tempoh pemenjaraan. Begitu juga dengan program peralihan (*job transition program*) yang bertujuan untuk membantu peralihan bekas banduan mendapatkan pekerjaan seawal mereka berada di dalam penjara. Manakala program penempatan kerja (*job placement program)* berlaku selepas bekas banduan itu telah dibebaskan ke dalam masyarakat tanpa mengira sama ada sedang berada di bawah pengawasan parol atau tanpa pengawasan. Memandangkan program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini berlangsung selepas bekas banduan ini dibebaskan, maka pengkaji mencadangkan program penempatan kerja sebagai salah satu komponen yang sangat sesuai diperkenalkan.

Program penempatan kerja (*job placement program)* perlu direka untuk menempatkan bekas banduan di dalam industri pekerjaan agar mereka mempunyai peluang bekerja secara produktif dan memperoleh pendapatan selepas dibebaskan dari penjara (Aaltonen, 2016; Duwe & Clark, 2014; Redcross, Bloom, Jacobs, Manno, Muller-Ravett, Seefeldt, Yahner, Young & Zweig, 2010). Idea di sebalik program penempatan kerja (*job placement program)* adalah mendidik bekas banduan tentang keperluan ketepatan masa, membangunkan etika kerja yang positif, belajar untuk bekerja di bawah pengawasan, mengambil pesanan dan arahan, mengurus kritikan dan bekerja secara produktif dengan rakan sekerja (Petersilia, 2003; Bouffard, MacKenzie & Hickman 2000).

Pengkaji ingin memetik inisiatif yang diambil oleh *Center for Employment Opportunities (CEO*) yang cuba menghubungkan bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula dengan pekerjaan yang bergaji dan latihan kemahiran kerja. Dalam

University of Malaya

memastikan program penempatan kerja (*job placement program*) ini dapat dilaksanakan, CEO mengenalpasti majikan-majikan yang bersedia mengambil bekas banduan bekerja. CEO bertindak sebagai "Jabatan Sumber Manusia" kepada majikan dan industri kerja yang menyertai program ini (Redcross, Bloom, Azurdia, Zweig & Pindus, 2009; Bloom, Redcross, Zweig & Azurdia, 2007). CEO menyaring bekas banduan yang berpotensi dengan pekerjaan yang ada berdasarkan kesesuaian kemahiran vokasional yang dimiliki oleh bekas banduan (Solomon et al., 2004).

Selain itu, pengkaji juga ingin mengambil contoh program *Reentry Employment Opportunities* (REO) yang memperkukuhkan jaringan rakan perkongsian bersama syarikat-syarikat dan industri kerja di dalam menyediakan perkhidmatan sokongan kerja kepada bekas banduan yang sedang berada di dalam proses integrasi semula komuniti (Cochling & Schulte, 2013). REO melakukan pelbagai inisiatif bagi menyakinkan para majikan menerima bekas banduan sebagai pekerja dan melatih bekas banduan. REO juga mendesak kerajaan menyediakan kredit cukai pendapatan atau potongan cukai kepada majikan yang mengambil bekas banduan bekerja (Cochling & Schulte, 2013).

REO menyokong inisiatif yang diambil oleh *Georgia Department of Laboral* dalam memperkenalkan kredit cukai persekutuan yang dikenali sebagai *Work Opportunity Tax Credit* (WOTC) bagi menyokong program penempatan pekerjaan untuk bekas banduan. Manfaat cukai ini diberikan kepada syarikat-syarikat yang bersedia mengambil bekas banduan sebagai pekerja. Selain itu, REO juga mencadangkan pelaksanaan program kerjasama, potongan kredit dan skim perlindungan liabiliti kepada majikan yang turut serta dalam pemberian kerja kepada bekas banduan (Cochling & Schulte, 2013). Ini kerana

University of Malaya

majikan cenderung untuk menghadapi ancaman liabiliti sivil apabila mengupah bekas banduan sebagai pekerja. Di dalam projek ini, majikan disediakan dengan perkhidmatan bantuan guaman yang menawarkan maklumat dan nasihat mengenai undang-undang yang melibatkan pengambilan bekas banduan sebagai pekerja di tempat mereka (Redcross et al., 2012; Redcross et al., 2010).

Di England, terdapat program penempatan pekerjaan yang diberikan kepada bekas banduan seperti *Apex Trust*. Apex Trust beroperasi di seluruh North West England dan bertujuan untuk membantu orang yang mempunyai rekod jenayah untuk mendapatkan pekerjaan atau pekerjaan sendiri yang sesuai dengan menyediakan mereka dengan kemahiran yang mereka perlukan dalam pasaran buruh untuk mengurangkan halangan kepada pekerjaan mereka (Prince's Trust, 2018). Apex Trust menawarkan pekerjaan sebagai jalan keluar bagi orang yang mempunyai rekod jenayah.

Program ini membantu mereka yang mempunyai pelbagai keperluan yang kompleks untuk mengatasi halangan yang mereka hadapi dalam bergerak dari ketergantungan terhadap kebajikan dengan menjadi anggota masyarakat yang produktif (Apex Trust, 2018). Selain itu, *Apex Trust* bekerjasama dengan majikan yang menyediakan kepakaran khusus berkaitan dengan pengambilan dan pemilihan pekerja yang selamat. Bekas banduan perlu meningkatkan kebolehpasaran bagi membolehkan bekas banduan berupaya untuk mendapatkan pekerjaan yang sah. *Apex Trust* membantu bekas banduan mengembangkan sifat dan pengetahuan yang diperlukan untuk meningkatkan kefahaman, pengiraan dan kemahiran asas, yang membawa kepada pendidikan, latihan dan pekerjaan (Apex Trust, 2018).

University of Malaya

Selain itu, terdapat juga program pekerjaan seperti *Working Links* yang membantu orang awam mendapatkan pekerjaan di seluruh United Kingdom. Salah satu daripada golongan sasaran *Working Links* adalah membantu bekas banduan memperolehi pekerjaan dan membantu memperbaiki prospek pekerjaan mereka (Prince's Trust, 2018). *Working Links* menyedari bahawa kehidupan setiap orang adalah berbeza dan seseorang itu mungkin jauh dari pasaran kerja daripada yang lain. Keadaan ini membuatkan *Working Links* cuba membantu golongan ini dalam mendapatkan pekerjaan yang sah. *Working Links* menawarkan sokongan dengan setiap aspek mencari pekerjaan, mengatasi cabaran, membentuk keyakinan, meningkatkan teknik temuduga, membantu memperbaiki resume, pemberian latihan dan juga menawarkan sokongan kerja untuk membantu peserta melalui beberapa minggu pertama dan bulan pertama dalam pekerjaan baru mereka (Working Links, 2018).

Di Jepun, terdapat program pekerjaan yang dikenali sebagai *The Correctional Work Support Centers*. Pusat ini ditubuhkan di bandar-bandar seperti di Saitama dan Osaka. Pusat ini mengumpul data seperti usia dan kelayakan daripada 2,500 penghuni yang dijadualkan menyelesaikan syarat mereka dalam tempoh enam bulan dari penjara (The Japan Times, 2018). Pusat ini kemudian memaklumkan para peserta supaya mereka boleh menghantar permohonan pekerjaan ke majikan yang sesuai. Menjelang akhir tahun 2017, pusat itu telah menerima sebanyak 848 peluang pekerjaan daripada firma, yang membawa kepada kejayaan 128 bekas tahanan untuk bekerja, termasuk 16 yang diletakkan dalam pusat koreksional juvana. Pusat ini mengenalpasti syarikat-syarikat untuk terlibat dalam langkah-langkah promosi lain dan menggalakkan pengambilan pekerja.

University of Malaya

Selain daripada menyediakan pekerjaan, intervensi yang perlu ada di dalam program pekerjaan untuk bekas banduan juga seharusnya disepadukan dan merangkumi aspek-aspek seperti latihan kerja, peluang untuk menyambung pelajaran, perkhidmatan bimbingan, penyediaan *resume*, kemahiran untuk menjalani proses temuduga dan bantuan kewangan untuk mencari kerja (Bushway, 2003). Latihan sebegini berupaya untuk membentuk kemahiran sosial kepada bekas banduan dalam menempuhi alam pekerjaan. Ianya menjadi keperluan majikan pada masa kini untuk mengambil pekerja dari kalangan yang mempunyai kemahiran. Maka pemberian program latihan sebegini dianggap mampu memberi kelebihan kepada bekas banduan. Keseluruhan perbincangan di atas membawa kepada pembentukan program penempatan pekerjaan dan latihan sepertimana yang diillustrasi di dalam rajah 7.6.

### *7.3.4 Alat pangkalan data bekas banduan yang berada di dalam komuniti*

Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti juga perlu bertindak sebagai satu alat khas yang berfungsi sebagai satu sistem pemantauan yang bermanfaat untuk agensi terlibat menyelia dan memantau bekas banduan yang berada di dalam komuniti. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan disokong oleh satu unit "inspektorat" yang menyediakan dan menyelia satu pangkalan data mengenai profil bekas banduan; khususnya bekas banduan pengulanglaku jenayah yang sedang mengikuti proses integrasi semula dalam komuniti (Geberth, 1996; Douglas, Ressler, Burgess & Hartman, 1986). Pangkalan data ini boleh digunakan untuk meramal corak kesalahan yang berpotensi dilakukan oleh setiap bekas banduan; yang kemudiannya boleh digunakan sebagai alat yang berguna dalam mencegah kewujudan perlakuan tersebut.

University of Malaya




**Rajah 7.6:** Program Penempatan Pekerjaan untuk Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula

University of Malaya

Sistem pangkalan data ini merekodkan profil banduan dari saat dibebaskan. Sistem pangkalan ini juga turut mengenalpasti punca yang membawa kepada pengulangan jenayah (Geberth, 1996). Sistem pangkalan data penting kerana ia menggambarkan risiko dan kawalan sosial yang perlu diambil terhadap bekas banduan yang berpotensi tinggi untuk menjadi pengulanglaku jenayah. Ianya boleh menjadi satu inisiatif dalam membantu pegawai pemulihan dan agensi pemulihan yang berada di dalam komuniti mengenalpasti defisit keperluan yang dialami oleh bekas banduan yang sedang berada di dalam proses integrasi semula dalam komuniti.

Sistem pangkalan data sebegini telah banyak digunakan oleh sistem keadilan jenayah di negara luar. Ia merekodkan jenayah lepas dan hukuman yang dilalui, yang sekaligus cuba memahami punca kepada pencetusan tingkah laku jenayah tersebut bagi tujuan mengenalpasti bekas penjenayah dan meramalkan tindakan masa depan mereka. Pangkalan data ini digunakan untuk membantu bekas banduan mengenalpasti keperluan mereka serta mengatasi cabaran yang menjadi punca kepada pengulangan jenayah setiap kali dibebaskan dari sistem pemenjaraan. Selain itu, pangkalan data yang sistematik ini juga membolehkan bantuan diberikan dengan tepat. Ia memudahkan penyampaian rawatan mengikut keperluan bekas banduan. Pangkalan data ini memuatkan semua maklumat penting mengenai bekas banduan dari segi jumlah tangkapan, jenis tangkapan, hukuman, penyakit yang dihidapi, ketagihan dadah atau arak yang dilalui, status perkahwinan dan pelbagai lagi. Semua data tersebut menjadi asas kepada pemberiaan perkhidmatan sosial yang diperlukan oleh bekas banduan.

University of Malaya

Pengkaji ingin memetik program pangkalan data yang terdapat di dalam program pascapembebasan bekas banduan di Michigan, Amerika Syarikat. Program ini disediakan oleh Jabatan Pemulihan Michigan (*Michigan Department of Correction*). Sistem pangkalan data ini merupakan satu sistem maklumat yang dibina untuk mengesan banduan yang dibebaskan. Sistem pangkalan ini dikenali sebagai *The Offender Tracking System* (OTIS) yang mengandungi maklumat tentang banduan yang dibebaskan, individu yang mengikuti sistem parol dan individu yang sedang berada di dalam tempoh percubaan, atau yang telah dibebaskan dari sebarang pengawasan (Trocan & Simionescu, 2014; Sarantis & Askounis, 2009). OTIS hanya mengandungi data bekas banduan yang masih dalam tempoh tiga tahun dari tarikh pelepasan seliaan mereka. Maklumat tersebut akan dikeluarkan dari sistem sebaik bekas banduan menunjukkan kejayaan untuk mengelakkan diri dari jenayah di luar tempoh tiga tahun.

Selain OTIS, pengkaji juga ingin memetik satu sistem pangkalan data di Eropah yang dikenali sebagai *European Criminal Records Information System* (ECRIS). Pangkalan data ini mula dilaksanakan pada bulan April 2012. ECRIS boleh diakses oleh semua negara yang berada di bawah Kesatuan Eropah. ECRIS adalah sebuah sistem pangkalan data berpusat bekas banduan (Trocan & Simionescu, 2014; Sarantis & Askounis, 2009). ECRIS membantu di dalam penyeliaan dan pemantauan bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula. Keupayaan ECRIS menentukan corak tingkah laku bekas banduan berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan, rekod ketagihan ketika ditangkap yang dapat dibandingkan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan sebelum ini menyebabkan ECRIS telah berjaya membendung kegiatan jenayah oleh bekas banduan yang berada di dalam komuniti. ECRIS juga memudahkan penyaluran bantuan

University of Malaya

secara teratur kepada bekas banduan yang memerlukan, mengikut risiko yang sering ditonjolkan. Pendek kata, ECRIS telah berjaya membendung tingkahlaku risiko bekas banduan mengikut keperluan masing-masing. Berdasarkan penemuan kajian dan program-program sedia ada pengkaji ingin mengetengahkan program alternatif sistem pangkalan data di dalam sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti boleh digambarkan menerusi Rajah 7.7. Objektif, strategi dan contoh objektif tersebut boleh disesuaikan dengan konteks sosial di Malaysia.

### *7.3.5 Program pemulihan yang berorientasikan keluarga*

Antara dapatan penting kajian ini yang perlu diberi perhatian serius adalah inisiatif untuk membantu golongan bekas banduan mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Hukuman pemenjaraan untuk suatu tempoh yang lama meninggalkan kesan mendalam kepada hubungan bekas banduan dengan ahli keluarga mereka. Kajian lepas mendapati keluarga yang terlibat dalam proses peralihan sering mengalami rasa ketegangan akibat daripada keadaan-keadaan berikut (diZerega, Carter, & Giguere, 2010; Travis, McBride, & Solomon, 2005):

i) hubungan baru yang harus dibentuk selepas lama telah dipenjarakan,

ii) kehadiran semula bekas banduan ke dalam kehidupan mereka,

iii) keperluan kewangan untuk menampung ahli keluarga tambahan yang mungkin tidak dapat menyumbang kepada pendapatan isi rumah, dan

iv) perasaan kekecewaan dan malu yang berpunca daripada tingkah laku bekas banduan, terutama malu dengan kejiranan di sekeliling dengan kehadiran ahli keluarga yang merupakan bekas banduan.

University of Malaya




**Rajah 7.7:** Sistem Pangkalan Data Bekas Banduan yang Berada di dalam Proses Integrasi Semula

University of Malaya

Keluarga merupakan sumber kepada pembentukan kawalan sosial tidak-formal bekas banduan. Bekas banduan akan cuba mengelakkan diri dari jenayah apabila merasakan mereka akan kehilangan orang yang tersayang. Keluarga adalah pembekal utama yang menyediakan tempat tinggal untuk bekas banduan apabila dibebaskan memandangkan tempat tinggal ini sering menjadi salah satu kebimbangan yang paling kritikal oleh bekas banduan sebaik dibebaskan dari penjara (La Vigne et al., 2004).

Keluarga juga merupakan sumber sokongan kewangan utama bekas banduan (diZerega et al., 2010). Ramai bekas banduan bergantung kepada ahli keluarga, saudara-mara, atau rakan-rakan untuk mendapatkan pekerjaan (La Vigne et al., 2004). Di samping itu, bekas banduan juga bergantung sepenuhnya kepada ahli keluarga untuk pengangkutan (Naser & Visher, 2006). Keadaan ini membuktikan kepentingan peranan ahli keluarga sebagai sumber rangkaian sosial kepada bekas banduan dalam memastikan integrasi sosial mereka berjalan lancar.

Sokongan keluarga mendorong bekas banduan untuk berusaha berubah ke arah kebaikan. Hubungan keluarga merupakan elemen penting dalam pemberhentian dari jenayah (diZerega & Agudelo, 2011). Proses integrasi semula bekas banduan berjalan sempurna sekiranya mereka diterima oleh keluarga mereka. Justeru, program pascapembebasan yang disyorkan perlu mampu membina hubungan yang membangun antara bekas banduan dengan ahli keluarga mereka. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan harus memastikan ketersediaan ahli keluarga dengan kehadiran bekas banduan dan penyertaan ahli keluarga dalam membantu bekas banduan di sepanjang proses berintegrasi semula.

University of Malaya

Strategi yang menyasarkan hubungan yang lebih kukuh antara bekas banduan dan ahli keluarga telah menunjukkan hasil yang baik (diZerega et al., 2010). Keluarga berfungsi sebagai pemantau di dalam proses integrasi; khususnya di dalam menyelia sikap bertanggungjawab dan patuh kepada norma dan peraturan sosial. Program sokongan yang berorientasikan keluarga dan program-program yang memberi perkhidmatan kepada keluarga bekas banduan dapat menggalakkan hubungan kekeluargaan yang bertambah baik atau penyertaan ahli keluarga dalam pemberian sokongan dan bantuan kepada bekas banduan dalam menghadapi proses berintegrasi (Family Justice Program, 2011; Schirmer, Nellis, & Mauer, 2009).

Terdapat pelbagai program yang berorientasikan hubungan kekeluargaan yang bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturahim dalam kalangan keluarga. Salah satu program terawal bagi membentuk hubungan kekeluargaan yang baik di antara bekas banduan dan ahli keluarga adalah *FamilyWorks*. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 1987 di New York. Ia merupakan satu program kemasukan semula yang berfokuskan keluarga. Program ini menawarkan kursus-kursus keibubapaan dan kaunseling kepada  banduan yang dipenjarakan. Di samping itu, *FamilyWorks* juga menyediakan perkhidmatan perancangan pelepasan keluarga termasuk pengantaraan keluarga dan pelbagai lagi (jenayah (Meyerson & Otteson, 2009; Pearson & Davis, 2001). Selepas dibebaskan, bekas banduan dan ahli keluarga menerima pengurusan kes yang berlangsung di *Osborne Association's community-based family resource center*. Pengurusan kes ini penting bagi memastikan integrasi semula bekas banduan ke dalam ahli keluarga berjalan lancar.

University of Malaya

Program lain yang boleh dicontohi adalah *John Inmann Work and Family Center* (WFC) di Colorado. Program ini dibentuk berdasarkan kerjasama daripada pelbagai agensi untuk memudahkan integrasi semula kejayaan individu yang dibebaskan dari penjara dan cuba membantu untuk mencegah pengulangan jenayah (Meyerson & Otteson, 2009; Pearson & Davis, 2001). Ia menyediakan bantuan pekerjaan, perkhidmatan kaunseling mengenai isu-isu sokongan kanak-kanak dan menyokong proses integrasi semula dengan keluarga. Ia adalah program pemulihan banduan yang pertama di Amerika Syarikat yang memasukkan bantuan sokongan kekeluargaan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang diberikan.

Program ini juga menawarkan tiga jenis perkhidmatan integrasi semula keluarga kepada bekas banduan; iaitu perkhidmatan pengantaraan profesional, perkhidmatan rundingan dengan peguam undang-undang keluarga dan kemudahan untuk aktiviti lawatan. WFC juga menyediakan sumber pekerjaan dan bengkel pra pekerjaan dan menawarkan rujukan kepada pelbagai pembekal dan agensi-agensi perkhidmatan yang memerlukan pekerja. Bekas banduan dan banduan yang berisiko tinggi diberikan perkhidmatan pengurusan kes intensif. Satu penilaian pada tahun 2001 yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Dasar Colorado mendapati bahawa peserta dalam program-program WFC mempunyai potensi yang rendah untuk kembali ke penjara.

Selain itu, terdapat perkhidmatan seperti *Family Life Center* yang bertempat di Rhode Island yang ditubuhkan pada tahun 2002. *Family Life Center* menyediakan program yang berfokuskan keluarga dan sokongan kemasukan semula secara holistik kepada ahli keluarga yang terlibat dengan pemenjaraan yang bermula enam bulan sebelum

University of Malaya

kemasukan semula (Braman, 2004). Pusat ini menyediakan bantuan pekerjaan untuk bekas banduan, perkhidmatan pengurusan kes untuk membantu bekas banduan melalui kehidupan berintegrasi serta menyokong bekas banduan dan keluarga mereka sepanjang integrasi semula. Program ini telah mendapat perhatian dan sokongan daripada pihak berkuasa negeri dan tempatan dan telah dinamakan sebagai contoh yang baik untuk merangka sebuah program kemasukan semula yang berkonsepkan keluarga.

Di United Kingdom, terdapat sebuah badan amal kebangsaan yang dikenali sebagai *Prison Advice and Care Trust* (PACT) yang memberikan sokongan kepada banduan dan keluarga mereka. PACT bertujuan untuk menyokong bekas banduan untuk membuat permulaan yang baru sebaik dibebaskan. PACT ini menjalankan pelbagai perkhidmatan, termasuk: pusat pelawat keluarga di penjara, menawarkan maklumat, nasihat dan sokongan kepada mereka yang melawat banduan, sokongan untuk banduan baru, projek penempatan semula, dan pemberian nasihat di mahkamah (PACT, 2018). PACT memberi sokongan kepada keluarga banduan. Keadaan ini membuatkan kemasukan bekas banduan ke dalam keluarga berjalan dengan mudah setiap kali bekas banduan dibebaskan. PACT ini cuba membina hubungan keluarga yang lebih kuat dan komuniti yang lebih selamat (PACT, 2018).

Selain itu, di United Kingdom juga, terdapat program seperti *Partners of Prisoners and Families Support Group* (POPS) yang ditubuhkan pada tahun 1988. POPS ditubuhkan melalui pengalaman peribadi keluarga terdahulu yang mempunyai orang tersayang di dalam penjara. POPS bertujuan untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk menyokong sesiapa yang mempunyai keluarga yang ditahan di dalam penjara (Just

University of Malaya

Giving, 2018). POPS memberikan bantuan kepada ahli keluarga ini untuk membolehkan mereka menghadapi tekanan disebabkan oleh penahanan yang berlaku, pemenjaraan dan waktu ketika pembebasan. Keadaan ini memudahkan integrasi semula bekas banduan dengan keluarga sebaik dibebaskan. POPS menyediakan maklumat dan sokongan kepada keluarga banduan dari hubungan awal mereka dimasukkan di dalam penjara dan sehingga tempoh dibebaskan (Just Giving, 2018). Perkhidmatan POPS direka bentuk untuk menjadi fleksibel agar dapat memenuhi keperluan keluarga banduan yang pelbagai.

Secara umumnya, program pendekatan yang berpusatkan keluarga (*family-centered approach*) adalah sebuah program atau komponen yang penting untuk ditekankan di dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini. Pendekatan ini melihat bekas banduan sebagai ahli keluarga di mana setiap ahli keluarga mempengaruhi kesejahteraan hidup di antara satu sama-lain (Family Justice Program, 2011). Program sebegini dapat membantu mengenalpasti sumber sokongan pro-sosial dalam keluarga dan rangkaian rakan sebaya (diZerega & Agudelo, 2011). Penglibatan ahli keluarga dapat memberi sokongan dalam aktiviti-aktiviti yang menyokong kejayaan bekas banduan. Pendekatan keluarga juga memberi keutamaan kepada program-program kaunseling kepada ahli keluarga tentang khidmat sokongan, nasihat dan juga kesedaran sosial tentang impak yang boleh terjadi daripada peminggiran bekas banduan daripada ahli keluarga dan masyarakat. Program yang berorientasikan keluarga juga perlu mempunyai beberapa program spesifik untuk golongan bekas banduan yang mempunyai keperluan kekeluargaan khusus. Dua program spesifik berkaitan keluarga yang pengkaji perlu nyatakan adalah:

University of Malaya

(i) program terapi perkahwinan untuk golongan bekas banduan yang telah berkahwin; dan,

(ii) program terapi perkahwinan untuk bekas banduan yang berkahwin serta mempunyai penyakit kronik seperti HIV dan AIDS.

Berdasarkan penemuan kajian dan program-program sedia ada, pengkaji mencadangkan Rajah 7.8 mengilustrasikan rangka program yang berasaskan hubungan kekeluargaan yang boleh diselitkan di dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti.

7.3.5.1 Program terapi pasangan dan perkahwinan

Perkahwinan mampu menjadi suatu titik perubahan di dalam peristiwa kehidupan seseorang bekas banduan. Di dalam alam perkahwinan, pasangan boleh berfungsi dalam mengenakan kawalan sosial langsung, membina struktur, memberi makna dalam kehidupan, dan menyediakan sistem sokongan sosial, fizikal dan tingkah laku emosi yang boleh menyokong bekas banduan ke arah pemberhentian dari jenayah. Sampson dan Laub (1993) menegaskan perkahwinan sebagai peristiwa hidup penting di dalam memastikan titik perubahan yang baik buat bekas banduan dalam membentuk tingkah laku yang bebas daripada jenayah. Perkahwinan dapat membentuk ikatan sosial dan kehidupan yang baik dalam kalangan bekas banduan. Perkahwinan berupaya membentuk tanggungjawab yang saling bergantung, saling menyokong, dan kekangan kepada kecenderungan jenayah di dalam diri seseorang individus (Sampson et al., 2006).

University of Malaya




**Rajah 7.8:** Program Pengukuhan Hubungan Kekeluargaan

University of Malaya

Memandangkan hubungan perkahwinan mempunyai pengaruh yang cukup bermakna di dalam menghalang bekas banduan terlibat semula dengan tingkahlaku atau aktiviti jenayah, pembentukan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang boleh memuatkan terapi perkahwinan (*marital therapy*) buat bekas banduan yang sudah berkahwin dalam memastikan hubungan yang lancar sebaik dibebaskan dari penjara adalah perlu. Terapi perkahwinan ini juga perlu berusaha menyatukan semula bekas banduan dengan pasangan mereka dan membentuk perasaan penerimaan di antara kedua-duanya bagi mengukuhkan semula perhubungan perkahwinan. Terapi perkahwinan dilihat sebagai satu komponen penting dalam terapi keluarga (McCollum & Trepper, 2001; Laszloffy, 2000; Feld, 1998; O'Farrell, 1995).

Secara umumnya, terapi perkahwinan menyediakan perkhidmatan kesihatan mental yang sama dengan terapi-terapi lain yang wujud. Bezanya adalah terapi perkahwinan memberi tumpuan khusus kepada hubungan pasangan (McCollum & Trepper, 2001; Laszloffy, 2000). Terapi perkahwinan menyediakan persekitaran yang selamat dan sokongan untuk bekas banduan dan pasangan mereka mengenalpasti dan berkomunikasi berkaitan isu-isu, perasaan dan tingkah laku yang mengganggu hubungan mereka dan memudahkan pemahaman untuk ke arah perubahan yang positif (Fals-Stewart, Birchler & O'Farrell, 1996). Kaunselor yang dilantik merupakan ahli terapi yang berkelayakan dan berupaya memberi bimbingan dan maklum balas untuk membantu bekas banduan dan pasangan ini. Terapi pasangan dan perkahwinan lazimnya melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

(i) Teknik berkomunikasi berkesan,

(ii) Teknik membina hubungan yang membangun,



University of Malaya

(iii) Teknik resolusi konflik dan penyelesaian masalah yang membina,

(iv) Kemahiran "*negotiation*" dalam hubungan

(v) Kemahiran rundingan membina dalam hubungan perkahwinan.

Program terapi pasangan dan perkahwinan juga dibina bagi menyokong bekas banduan membina keintiman di dalam melalui alam perkahwinan mereka (McCollum & Trepper, 2001; O'Farrell, 1995). Ia membolehkan pasangan mengambil berat tentang antara satu sama lain dengan meluahkan pandangan dan emosi dengan selamat, untuk memahami pengalaman dan pandangan masing-masing (Stanton & Heath, 1997). Ianya juga boleh menjadi tempat dalam membantu mereka agar dapat menghargai kehadiran masing-masing di dalam kehidupan mereka dan membina kekuatan dalam hubungan mereka (Coché, 1995; O'Farrell, Choquette & Cutter, 1998).

Terapi yang berjaya adalah bergantung kepada motivasi setiap individu. Hal ini adalah berdasarkan kehendak pasangan dalam berusaha mengekalkan alam perkahwinan masing-masing dengan menjadi pendengar yang lebih baik dan berusaha mencari cara untuk menyokong antara satu sama lain.

7.3.5.2 Program kaunseling keluarga berkaitan penyakit HIV/AIDS

Bekas banduan yang menghidapi HIV/AIDS bukan sahaja menghadapi masalah kesihatan tetapi masalah sosial yang dikaitkan dengan penyakit ini. Salah satu halangan buat bekas banduan berisiko atau dijangkiti HIV/AIDS adalah stigma dan penolakan dari keluarga, pasangan dan masyarakat sekeliling. Stigma berlaku disebabkan perasaan takut ke atas penghidap penyakit HIV dan AIDS. Bagi pasangan yang berkahwin, HIV/AIDS boleh

University of Malaya

tersebar menerusi hubungan kelamin (Kennamer, Honnold, Bradford & Hendricks, 2000; Holt, Court, Vedhara, Nott, Holmes & Snow, 1998; Wolitski, Rietmeijer, Goldbaum & Wilson, 1998). Perkara ini juga menjejaskan hubungan antara bekas banduan dan pasangan mereka. Bagi bertindakbalas dengan masalah ini, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti perlu menyediakan satu program khidmat nasihat dan kesedaran tentang peluang bekas banduan yang menghidapi penyakit-penyakit kronik ini memasuki alam perkahwinan dan pengamalan seks selamat.

Matlamat kaunseling dan program kesedaran dalam konteks pendedahan HIV adalah untuk menggalakkan kesihatan dalam kalangan bekas banduan yang menghidapi penyakit tersebut. Ideanya adalah untuk melengkapkan bekas banduan ini dari segi fizikal, mental dan kesejahteraan sosial. Kaunseling mengenai isu-isu pendedahan HIV boleh menyumbang kepada promosi kesihatan awam dan diharap kesedaran mereka terhadap penyakit ini membawa kepada usaha untuk menjalani aktiviti seperti biasa apabila berada di dalam kehidupan berkomuniti (Kennamer et al., 2000; Holt et al., 1998). Program ini diselia oleh kaunselor yang berfungsi membantu bekas banduan dan pasangan mengatasi perasan takut kepada penolakan, stigma dan diskriminasi akibat daripada penyakit yang dihadapi. Dalam terapi ini juga, bekas banduan akan dipandu di dalam proses pemberitahuan pasangan; iaitu proses memaklumkan kepada pasangan tentang penyakit yang dihidapi, menasihati mereka bahawa mereka boleh terdedah kepada jangkitan, dan menasihati mereka bahawa mereka perlu mendapatkan ujian dan, jika perlu, rawatan perubatan.

University of Malaya

Dengan adanya program kesedaran HIV dan kaunseling yang disediakan di dalam program pascapembebasan dan jagan lanjutan berasaskan komuniti ini, bekas banduan yang mempunyai penyakit HIV positif boleh mendapatkan perkhidmatan yang disediakan. Penggunaan khidmat kaunseling dapat mendedahkan bekas banduan dan pasangan yang mengikuti program kaunseling tentang terapi yang wujud seperti *antiretroviral*, tanpa mengira status imun (kiraan CD4), yang kemudiannya boleh mengurangkan kemungkinan jangkitan HIV kepada pasangan. Kaunseling diberikan kepada pasangan yang telah bersetuju untuk menghadiri sesi bersama-sama. Ia boleh membantu salah faham yang wujud antara kedua-dua orang-seperti kebimbangan apabila salah seorang daripada mereka diuji HIV-positif- yang boleh membawa jangkitan, kepada pasangan. Bagi meringkaskan program terapi pasangan dan perkahwinan, serta program terapi HIV/AIDS yang dibincangkan di dalam bahagian ini, pengkaji telah melakarkankan programnya menerusi Rajah 7.9.

### 7.3.6 Pemulihan sosial yang berasaskan sistem pementoran

Bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula memerlukan satu sistem sokongan. Antara sokongan sosial yang diperlukan mereka adalah sokongan emosi. Pengalaman di luar negara menunjukkan program sokongan jaya-diri *(self-help)* berkesan di dalam menyediakan satu medium untuk bekas banduan berkongsi masalah dan kemudiannya bersama-sama mencari resolusi kepada masalah yang dialami. Terapi ini digelar sebagai terapi pementoran. Di dalam terapi ini, mentor yang berfungsi sebagai seorang pemudahcara "bekerja" bersama sekumpulan bekas banduan berkongsi pengalaman, cabaran dan solusi yang dapat digunakan dalam melalui kehidupan berintegrasi.

University of Malaya




**Rajah 7.9:** Program Terapi Perkahwinan, Terapi Pasangan dan Program Kesedaran HIV

Program sokongan emosi yang berorientasikan pementoran berkumpulan didapati berkesan untuk bekas banduan. Konsepnya berbeza daripada sistem parol yang ada di Malaysia apabila pegawai parol perlu mengawasi dan memantau lokasi bekas banduan menerusi laporan diri yang harus dibuat dari semasa ke semasa. Idea program pementoran adalah memberi sokongan dan memupuk rasa semangat dalam diri bekas banduan menerusi perjumpaan, kata-kata semangat dan sebagainya, dalam kalangan bekas banduan.

Program ini berjaya memupuk semangat persahabatan menerusi perbualan yang dilakukan dengan sihat bersama ahli-ahli yang lain. Keadaan ini juga membawa kepada pergaulan dan perbualan yang positif dalam usaha memastikan pengaruh positif yang terbentuk di dalam diri bekas banduan ini. Pementoran berkumpulan melibatkan pertemuan beberapa peserta dan mentor sebagai satu kumpulan pada masa dan tempat yang ditetapkan pada setiap minggu atau dua kali seminggu. Saiz kumpulan dan nisbah mentor dengan peserta boleh berbeza dari sebuah kumpulan dan kumpulan yang lain (Fletcher, 2007). Terapi pementoran yang paling ideal adalah meletakkan mentor yang sama di dalam setiap kumpulan peserta yang sama dari masa ke masa. Sesi biasanya berlangsung kira-kira dua jam. Format pementoran berkumpulan adalah pelbagai. Ia boleh berbentuk berstruktur yang mempunyai kurikulum kemahiran hidup yang jelas atau separa berstruktur di mana ahli kakitangan menentukan topik perbincangan utama dan aktiviti untuk kumpulan lebih awal. Atau, mereka mungkin menggunakan pendekatan yang kurang berstruktur, di mana mentor dan peserta membuat keputusan mengenai topik-topik perbincangan pada awal setiap sesi (Good & Sherrid, 2005).

University of Malaya

Tidak kira mana-mana pendekatan diambil, sesi pementoran perlu memberi tumpuan kepada topik-topik yang berkaitan dengan individu dan usaha kemasukan mereka selepas dibebaskan. Sebagai contoh, topik mungkin termasuk pengurusan tekanan, belanjawan dan tekanan kewangan, penyatuan semula keluarga, strategi untuk mengelakkan sejarah tingkah laku negatif kembali, penglibatan dengan rakan-rakan yang negatif. Pada masa yang sama, mentor boleh menggunakan pendekatan menonton filem yang berasaskan tema kesukaran dan cabaran dalam memasuki kehidupan sebagai renungan dan perbincangan bekas banduan yang menghadiri sesi pementoran tersebut.

Contoh program berorientasikan mentor yang dapat dijadikan contoh ialah program *Ready4Work* yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Amerika Syarikat dengan gabungan syarikat swasta dan kerajaan pada tahun 2003 (Good & Sherrid, 2005). *Ready4Work* disasarkan pada kumpulan umur 18- hingga 34 tahun yang disabitkan pemenjaraan atas kesalahan tanpa kekerasan dan kesalahan feloni yang bukan bersifat seksual (Fletcher, 2007). Selain membincangkan dan mencari resolusi berkaitan isu-isu peribadi, pementoran berkumpulan ini juga melibatkan latihan kesediaan pekerjaan, penempatan pekerjaan dan pengurusan kes, termasuk rujukan untuk perumahan, penjagaan kesihatan, dan rawatan dadah dan program-program lain. Program pementoran berkumpulan yang disediakan oleh *Ready4Work* telah didapati berkesan membantu kelancaran proses intergrasi semula bekas banduan kerana ia menyediakan sokongan praktikal dan emosi kepada mereka (VanDeCarr, 2007).

University of Malaya

Fletcher (2007) telah melakukan penilaian terhadap program ini. Berdasarkan laporan tersebut, beliau kemudiannya telah mewujudkan satu modul panduan *Mentoring Ex Prisoner: A Guide for Prisoner Reentry* (2007) yang digunakan oleh kebanyakan komuniti di dalam program pementoran bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula. Penilaian yang dilakukan oleh Fletcher mendapati 56 peratus daripada bekas banduan yang menyertai program pementoran berkumpulan di bawah *Ready4Work* berjaya mencari pekerjaan. Fletcher mendapati wujudnya kaitan rapat di antara program pementoran berkumpulan dengan kejayaan bekas banduan memperolehi pekerjaan. Bekas banduan yang bertemu dengan mentor lebih daripada dua kali seminggu berpotensi tinggi untuk mencari peluang pekerjaan; berbanding mereka yang tidak pernah bertemu dengan mentor. 39 peratus daripada bekas banduan yang menyertai program ini juga didapati tidak mengulangi jenayah.

Contoh lain yang dapat dilihat dari segi pemberian program mentor adalah di United Kingdom. Terdapat sebuah badan amal kebangsaan yang dikenali sebagai *Trail-Blazers Mentoring* Ltd (atau nama singkatan dikenali sebagai Trailblazers) yang berusaha untuk mengurangkan tindak balas terhadap golongan muda di dalam tingkah laku jenayah semula dengan mengunakan kaedah mentor secara sukarelawan (Trailblazer, 2018). *Trailblazers* ini ditubuhkan pada tahun 1998 dan telah berkembang menjadi salah satu badan amal terbaik di England yang memberikan sokongan dalam pembebasan bekas banduan ke dalam masyarakat. Di *Trailblazers,* mereka percaya bahawa setiap orang muda mempunyai potensi untuk menjalani kehidupan yang bebas daripada jenayah dan menjadi ahli masyarakat yang positif. Menerusi pemberian program mentor ini, mereka cuba mengurangkan pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan muda dengan

University of Malaya

membantu mereka mengubah sikap, pemikiran dan tingkah laku mereka melalui bimbingan, nasihat, advokasi dan sokongan khusus dari pakar-pakar (Trailblazers, 2018).

Begitu juga di Australia, apabila terdapat juga sebuah organisasi bukan kerajaan yang berasaskan komuniti yang dikenali sebagai *Women in Prison Advocacy Network* (WIPAN) telah menyediakan program mentor kepada bekas banduan wanita yang dibebaskan dari penjara. Program ini menyediakan wanita yang baru keluar dari penjara dengan mentor bagi memberi sokongan dan bimbingan pro-sosial untuk mengurangkan kemungkinan kemasukan semula ke dalam sistem keadilan jenayah (Australian Institute of Family Studies, 2018). Program ini mempunyai potensi untuk memberi manfaat kepada seluruh komuniti dengan mengurangkan kadar residivisme dalam kalangan peserta program. Program ini menawarkan program pasca pelepasan yang responsif untuk bekas banduan wanita yang keluar dari penjara untuk beralih kembali ke masyarakat dengan meningkatkan modal sosial mereka dan menyediakan kesinambungan penjagaan yang membangun kepada masyarakat (Australian Institute of Family Studies, 2018).

Program ini adalah satu-satunya program wanita yang bertindak balas terhadap keperluan gender khusus wanita, kerana terdapat persetujuan umum di kalangan penyedia program bahawa keperluan mereka adalah berbeza dan lebih kompleks daripada lelaki. Program ini menggunakan 2 kakitangan sambilan dan menyelaras 40 orang mentor sukarelawan (direkrut dan terlatih dari masyarakat) dan kemudian membentuk hubungan pementoran sehingga 40 orang bekas banduan wanita. Dengan memberikan bekas banduan wanita dengan rangkaian sokongan berasaskan komuniti dan peningkatan modal sosial, program WIPAN membolehkan wanita berintegrasi semula ke dalam masyarakat

University of Malaya

dan mengekalkan hubungan yang sihat dengan anak-anak mereka, keluarga dan komuniti sepanjang dibebaskan di dalam kehidupan berkomuniti.

Di New Zealand pula, terdapat program yang dikenali sebagai *People At Risk Solutions Incorporated* (PARS). PARS ini dahulunya dikenali sebagai *Prisoners' Aid and Rehabilitation Society of the Auckland District Inc* (PARS, 2018). PARS telah menukar namanya pada 20 November 2012. PARS mempunyai pengalaman bertahun-tahun dalam proses membantu keperluan banduan dan keluarga mereka, menyampaikan perkhidmatan di dalam dan di luar penjara. PARS mempunyai sejarah yang panjang selama hampir 117 tahun dan menyediakan perkhidmatan kepada banduan, bekas banduan yang dibebaskan, dan keluarga mereka (PARS, 2018).

Pelbagai perkhidmatan pakar disediakan untuk memecahkan halangan bekas banduan untuk menjalani gaya hidup yang positif, produktif dan bebas jenayah. Kakitangan membina keupayaan dan rasa tanggungjawab dalam setiap pelanggan untuk membuat perubahan yang boleh dicapai untuk masa depan yang lebih baik. Perkhidmatan PARS termasuk: penyediaan rangkaian sokongan dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk mengintegrasikan semula ke dalam komuniti selepas pembebasan (PARS). Salah satu program PARS adalah program mentor berkomuniti yang diberikan dalam membantu pembebasan bekas banduan yang dibebaskan untuk hidup di luar penjara. Ia menawarkan sistem sokongan oleh sukarelawan yang terlatih, untuk membantu mewujudkan rangkaian sokongan, menggalakkan pembuatan keputusan yang sihat, meningkatkan kemahiran sosial dan menggalakkan banduan yang dilepaskan untuk menavigasi kehidupan mereka secara bebas sepanjang dibebaskan (PARS, 2018).

University of Malaya

Dalam membentuk sebuah program pementoran, aspek lain yang menyumbang kepada kejayaan program pementoran berkumpulan ini adalah komponen sukarelanya. Tahap penglibatan bekas banduan adalah disebabkan oleh faktor yang mendorong mereka untuk kekal aktif dalam program ini. Faktor kualiti program dan struktur yang ditawarkan turut menentukan tahap penyertaan program mentoring ini. Selain itu, kualiti mentor yang berpengalaman "bekerja" dengan bekas banduan dan komitmen mentor di dalam mengurus kes serta merencanakan pelan kes klien mereka juga merupakan antara sumber kejayaan program ini.

Walaupun dalam format pementoran yang paling berstruktur, program mentor yang dijalankan perlu fleksibel. Peranan mentor semasa pertemuan adalah termasuk menyumbang kepada perbincangan dan memberi panduan dan sokongan yang mampu menyumbang kepada pemulihan dan rawatan berterusan kepada bekas banduan ini (Fletcher, 2007). Rajah 7.10 menggambarkan program kumpulan sokongan berasaskan pementoran dalam memupuk semangat dalam kalangan bekas banduan yang senasib ini. Rajah 7.10 ini turut melampirkan objektif-objektif yang ingin dicapai diikuti dengan strategi dan program yang ingin dilaksanakan di dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini.

University of Malaya




**Rajah 7.10:** Program Kumpulan Sokongan Berasaskan Sistem Pementoran

University of Malaya

*7.3.7 Terapeutik sosial pelbagai sistem (multisystemic therapy)*

Kajian ini turut menyarankan agar program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang dicadangkan ini turut mengaplikasikan pendekatan Terapeutik sosial pelbagai sistem atau turut dikenali sebagai *multisystemic therapy* (MST) sebagai salah satu elemen yang ditekankan di dalam program ini. Cadangan penggunaan pendekatan MST ini adalah untuk menyepadukan teras keluarga dalam pemberian rawatan bagi menghasilkan hasil yang positif buat bekas banduan yang menyertai ke dalam program ini. Terapeutik MST ini bertujuan untuk menangani penyebab kepada tingkah laku jenayah yang perlu dikenalpasti sepanjang bekas banduan ini menyertai program (Henggeler, Halliday-Boykins, Cunningham, Randall, Shapiro & Chapman, 2006; Schaeffer & Borduin, 2005).

Pendekatan terapeutik MST ini amat bertepatan dengan idea yang ingin diketengahkan oleh pengkaji dalam membentuk sebuah program yang menyeluruh apabila mengambil kira keseluruhan ekologi bekas banduan yang menyertai program ini dari institusi keluarga, pekerjaan, kejiranan, rakan-rakan dan sebagainya. Secara umumnya, terapeutik MST ini adalah sebuah program rawatan yang intensif berasaskan kekeluargaan dan komuniti yang menumpukan kepada menangani masalah yang wujud di dalam persekitaran seseorang individu yang memberi kesan kepada tingkah laku jenayah yang dibentuk (Ogden & Halliday-Boykins, 2004; Henggeler, Clingempeel, Brondino & Pickrel, 2002)

University of Malaya

Pengkaji melihat setiap elemen yang wujud di dalam ekologi bekas banduan ini sebenarnya memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku seseorang. Keadaan ini menyebabkan pengkaji mencadangkan agar setiap elemen yang wujud ini memerlukan perhatian dan perubahan yang berkesan untuk meningkatkan kualiti hidup bekas banduan selepas menyertai program yang dicadangkan ini (Henggeler et al., 2006). Pengkaji yakin akan kemampuan terapeutik MST ini untuk mengendali bekas banduan yang mempunyai sejarah penangkapan yang sangat panjang dan pengulangan jenayah yang berterusan.

Bagi menjayakan terapeutik MST di dalam program, pakar terapi MST harus berkerja secara intensif sepanjang program berjalan. Untuk terapeutik MST ini berupaya mencapai keputusan yang terbaik, pakar MST ini perlu ada 24 jam sehari, dan tujuh hari seminggu dalam membimbing bekas banduan yang mengikuti program (Henggeler et al., 2002). Matlamat utamanya adalah untuk memastikan keluarga mengambil tanggungjawab membantu mengubah tingkah laku bekas banduan (Ogden & Halliday-Boykins, 2004). Di samping itu, semua agensi dan sektor sosial dalam komuniti perlu bekerjasama untuk menjayakan terapeutik MST.

University of Malaya

## 7.4 Pengenalpastian Kumpulan Berkepentingan dan Agensi yang Releven dalam Mengemudi Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti

Dalam merealisasikan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan di dalam negara, perkara penting yang perlu diambilkira adalah mengenalpasti kumpulan berkepentingan dan agensi yang releven dan bersesuaian di dalam negara untuk

berkerjasama. Tugas menggalas tanggungjawab memulihkan bekas banduan tidak boleh dilakukan secara perseorangan lagi. Pengkaji mencadangkan agar setiap agensi yang wujud bersama-sama mengambil peranan dalam memastikan kejayaan program untuk dilaksanakan di Malaysia serta merta. Kejayaan bekas banduan untuk berintegrasi dengan baik memerlukan bantuan sepenuhnya dari setiap pihak. Kolaboratif di dalam sistem keadilan jeayah adalah bertujuan untuk mengatasi keterbatasan pendekatan tradisional terhadap isu keadilan dengan mengumpulkan kumpulan berkepentingan untuk berkongsi informasi dan berkerjasama untuk membentuk program pascapembebasan dan jagaan lanjutan (Lipsey & Cullen, 2007).

Secara idealnya, sebuah pasukan yang terdiri daripada agensi keadilan jenayah dan kumpulan berkepentingan yang berkolaboratif bersama. Kumpulan berkepentingan dan agensi yang bersesuaian yang berkhidmat sebagai penyedia perkhidmatan harus menjadi peserta aktif dalam kolaborasi agar dapat menangani masalah sosial, tingkah laku dan kesihatan yang kompleks (Sajid, 2009). Penyedia rawatan seperti kumpulan berkepentingan, badan-badan bukan kerajaan, agensi yang berkerjasama dalam membantu proses integrasi semula bekas banduan. Agensi kerajaan, negeri dan tempatan yang menyediakan sumber perumahan, latihan tenaga kerja, bantuan pendidikan harus dipertimbangkan ketika membentuk program pascapembebasan dan jagaan lanjutan ini, kerana masing-masing dapat membawa idea dan sumber yang pelbagai untuk menyelesaikan masalah yang dikenalpasti (Alpert, Rojek & Hansen, 2013; Petrosino & Soydan, 2005). Badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan Persatuan sedia ada di Malaysia tidak seharusnya bergerak secara individu berlandaskan objektif yang dipegang masing-masing. Hal ini kerana setiap daripada mereka yang mempunyai kapasiti yang berbeza-

University of Malaya

beza ini harus bergerak bersama dalam membentuk sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang menyeluruh. Setiap daripada mereka harus menawarkan kepakaran dan peranan masing-masing dalam memastikan sebuah program yang lengkap dapat dilaksanakan di dalam negara (Gilling, 2005). Kajian ini ingin mencadangkan sebuah program yang dijalankan di dalam komuniti dengan pemantauan yang sewajarnya harus dilaksanakan segera dalam memulihkan bekas banduan secara berterusan.

Agensi penting yang harus mengambil bahagian di dalam pembinaan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan adalah Jabatan Penjara sendiri dengan menawarkan pakar-pakar yang ada di dalam Bahagian Dasar untuk terlibat dalam menghasilkan perancangan yang lengkap dalam membantu bekas banduan setiap kali dibebaskan. Cadangan yang telah dinyatakan dari segi pemberian rumah perantaraan, penempatan pekerjaan, perkhidmatan rawatan kesihatan dan penyalahgunaan dadah dan sebagainya dapat dijadikan ilham dalam membina '*blue-print*' kepada pembinaan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan di Malaysia. Menerusi '*blue-print*' seperti ini dapat mewajibkan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pemulihan dan Jabatan Polis untuk turut serta dalam menjalankan program yang dicadangkan.

Kerajaan juga harus menyediakan peruntukan dalam membina sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan. Program-program sebegini sangat mahal dan memerlukan peruntukan yang tinggi. Dengan adanya peruntukan yang disediakan dalam memulihkan bekas banduan ini, Jabatan Penjara dapat menjemput badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan yang ada untuk menyertai ke dalam program untuk menawarkan peranan masing-masing. Sebagai contohnya, Persatuan IKHLAS yang

University of Malaya

berfungsi dalam menawarkan program perkhidmatan rawatan kesihatan dapat hadir ke dalam program untuk menyumbang pengalaman mereka ke dalam program. Begitu juga dengan PENGASIH yang boleh menyumbang kepakaran dari segi program-program penyalahgunaan dadah ke dalam program yang ingin dicadangkan ini.

Kajian ini ingin mencadangkan agar program ini dapat dijalankan di dalam komuniti dengan pemantauan yang bersesuaian. Seringkali persoalan yang merunsingkan pihak polisi dan akademik adalah di manakah program ini boleh dijalankan? Keadaan ini membuatkan pengkaji mencadangkan rumah perantaraan sedia ada boleh ditambahbaik dengan melengkapkan program-program seperti penempatan pekerjaan, rawatan kesihatan dan sebagainya dalam memastikan pemulihan bekas banduan yang berjalan lancar. Akhirnya, apa yang menjadi kiraan adalah bukan berapa jumlah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang telah dijalankan di Malaysia tetapi sejauhmanakah kualiti program yang ditawarkan ini mampu memulihkan bekas banduan. Tidak menjadi keperluan untuk mereka bentuk sebuah program yang baru sehingga melupakan program yang sedia ada. Keadaan ini membuatkan pengkaji mencadangkan program rumah perantaraan sedia boleh diperbaiki bagi memastikan kebolehan program untuk menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada bekas banduan.

Secara keseluruhannya, program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang disyorkan untuk kajian ini bersifat menyeluruh. Ia mengandungi sekumpulan perkhidmatan, program sosial dan program terapi pemulihan asas yang dapat memenuhi defisit-defisit keperluan yang dialami oleh bekas banduan semasa berada di dalam proses integrasi semula.

University of Malaya

Bagi membantu para pembaca mendapat gambaran menyeluruh mengenai program ini, pengkaji melakarkannya menerusi Rajah 7.11. Program-program bagi setiap perkhidmatan/program yang dipersembahkan dalam bab ini disesuaikan dengan konteks sosial dan kapasiti sosial dan fizikal yang dimiliki oleh komuniti. Para profesional yang menyelia dan menguruskan program-program berkenaan boleh menggunakan kreativiti masing-masing. Perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah program-program tersebut harus mampu membantu bekas banduan yang berada di dalam proses integrasi semula mengekalkan pemberhentian dari jenayah dan berubah menjadi anggota masyarakat yang produktif dari segi sosial dan ekonomi.

## 7.5 Kesimpulan

Perbincangan di dalam bab ini berkisar tentang idea pengkaji berhubung program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti untuk bekas banduan yang sedang berada di dalam proses integrasi semula. Implementasi program ini diharapkan dapat memberi pelbagai manfaat kepada bekas banduan dan komuniti setempat di mana proses integrasi sosial semula bekas banduan berlangsung. Pelaksanaan program ini juga diyakini dapat mengurangkan residivisme dan memudahkan integrasi semula bekas banduan ke dalam kehidupan masyarakat umum. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini dijangka dapat mengurangkan cabaran dan sekaligus membantu bekas banduan memenuhi keperluan-keperluan hidup mereka

University of Malaya




**Rajah 7.11:** Program Pascapembebasan dan Jagaan Lanjutan Berasaskan Komuniti untuk Bekas Banduan yang Berada di Dalam Proses Integrasi Semula

# BAB 8: RUMUSAN DAN PENUTUP

## 8.1 Rumusan

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti faktor-faktor risiko yang mendorong bekas banduan yang berada dalam proses integrasi semula menjadi pengulanglaku jenayah, menganalisa faktor-faktor pelindung yang menjauhkan bekas banduan daripada aktiviti jenayah dan mencadangkan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti sebagai sistem sokongan tambahan kepada banduan yang dibebaskan agar mereka mampu berintegrasi semula ke dalam kehidupan bermasyarakat yang seterusnya boleh menghalang mereka daripada menjadi pengulanglaku jenayah. Ketiga-tiga objektif kajian ini telah tercapai.

Kajian ini telah dibina berlandaskan Teori Pengkelasan Umur Sebagai Kawalan Sosial Tidak Formal yang diperkenalkan oleh Sampson dan Laub (2003). Semua dapatan utama kajian ini adalah konsisten dengan andaian-andaian teori ini yang mengatakan peralihan hidup yang dihadapi oleh individu mampu membentuk titik perubahan dalam mempengaruhi keputusan yang dipilih ketika melalui sesuatu peristiwa hidup. Dapatan kajian ini memperlihatkan yang faktor risiko dan faktor pelindung yang mendorong kepada sama ada residivisme atau pemberhentian dari jenayah hadir di dalam persekitaran bekas banduan sebaik dibebaskan dari penjara. Justeru itu, pencelahan sosial yang berkesan perlu dibina di dalam komuniti dalam berusaha membantu bekas banduan ini melalui peralihan yang lancar.

University of Malaya

Berdasarkan kepada bukti-bukti empirikal yang dikumpulkan oleh kajian ini, pengkaji juga telah mencadangkan satu program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti berasaskan komuniti yang perlu dibina berdasarkan tujuh komponen utama berikut:

1) berasaskan pendekatan penjagaan komuniti (*community care approach*),
2) menyediakan pelbagai jaringan perkhidmatan sosial yang dapat memenuhi pelbagai defisit keperluan bekas banduan,
3) menawarkan perkhidmatan spesifik untuk bekas banduan yang mempunyai keperluan khas,
4) berperanan sebagai alat pangkalan data bekas banduan yang berada di dalam komuniti,
5) program berorientasikan keluarga (*Family-oriented programmes*),
6) pemulihan berasaskan sistem pementoran (*mentoring);* dan,
7) terapeutik sosial pelbagai sistem (*multisystemic therapy*).

## 8.2 Cabaran yang bakal dihadapi dalam pelaksanaan program intervensi

Pelaksanaan program intervensi yang dirancangkan ini bukannya mudah. Ini kerana pengalaman kebanyakan negara maju yang melaksanakan program ini menunjukkan bahawa yang mereka berhadapan dengan sekurang-kurangnya lima cabaran berikut:

University of Malaya

*(1) Peruntukan kewangan pembiayaan*

Keperluan peruntukan kewangan yang besar diperlukan dalam merealisasikan program tersebut. Program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti merupakan satu intervensi induk yang mengandungi pelbagai komponen yang komprehensif dan kompleks. Penyediaan intervensi yang besar ini bukanlah murah. Ia melibatkan pembiayaan modal kewangan, modal fizikal dan modal sosial yang besar. Sama seperti kos pembiayaan institusi penjara dan pemulihan di kebanyakan negara yang meningkat setiap tahun, penyediaan program ini juga dijangka meningkatkan lagi perbelanjaan dan pembiayaan awam negara. Batasan ini mungkin menjadi faktor kritikal yang difikirkan oleh kerajaan sebelum mengambil keputusan untuk melaksanakannya.

*(2) Kapasiti modal insan yang ada bagi mengendali-urus program*

Selain kewangan, negara juga berhadapan dengan masalah defisit sumber manusia terlatih dalam pelbagai bidang perkhidmatan manusia yang diperlukan untuk menguruskan program intervensi ini serta para profesional spesifik (spt. pekerja sosial profesional yang terlatih dalam memulihkan bekas banduan, para kaunselor yang mengkhusus dalam bidang pemulihan, ahli psikologi, pegawai probasi yang terlatih) yang perlu bekerja secara langsung dengan bekas banduan yang berada di dalam program ini. Malah, ini merupakan perkara pertama yang perlu disediakan terlebih dahulu; sebelum prasarana fizikalnya dibina. Halangan lain yang dijangka boleh timbul adalah berkaitan bekalan modal insan yang sedia ada di Malaysia dalam menampung jumlah bekas banduan yang menyertai program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang dicadangkan ini. Keadaan ini boleh menjadi satu halangan yang besar buat pihak pelaksana dalam memastikan program yang ingin diadakan mampu direalisasikan dengan sempurna.

University of Malaya

*(3) Ketersediaan komuniti untuk bekerjasama*

Kebimbangan lain yang muncul adalah tahap ketersediaan komuniti untuk bekerjasama dalam menggerakkan program tersebut. Adakah masyarakat Malaysia sudah bersedia untuk menerima kehadiran bekas banduan di dalam hidup mereka, dan sama-sama bekerjasama dengan agensi kerajaan dan bekas banduan bagi membantu membina semula hidup mereka? Selagi anggota masyarakat masih mempunyai sikap menolak dan berpandangan serong terhadap bekas banduan, pihak pelaksana mungkin berhadapan dengan isu penolakan komuniti sekiranya program ini dilaksanakan di dalam *setting* komuniti. Keadaan ini menyebabkan kajian ini menyarankan agar program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang disyorkan ini berlangsung di dalam persekitaran komuniti dan diuruskan oleh komuniti sendiri. Komuniti yang sedia ada dapat menyumbang kepakaran mereka dalam mengemudi program-program yang dicadangkan ini. Kepakaran yang diberikan ini yang menentukan tahap keberkesanan sesebuah program yang ingin diadakan.

Namun bersangkutan dengan isu ini, pihak pelaksana terlebih dahulu perlu “berbincang” dengan masyarakat setempat mengenai idea program ini, memasarkan idea keperluan penyertaan anggota komuniti sebagai sumber utama program intervensi ini serta menyalurkan kemahiran-kemahiran sosial yang perlu dimiliki oleh anggota komuniti dalam pelaksanaan program ini. Ini kemudiannya mendorong kepada keperluan wujudnya kempen-kempen yang ‘mengajak’ komuniti untuk menyumbangkan kepakaran dan modal insan di dalam merealisasikan program. Pelbagai kempen yang bersifat kesedaran harus dilakukan untuk mendapat perhatian para komuniti termasuk kumpulan berkepentingan, NGO, dan persatuan yang ada untuk terlibat bersama ke dalam perangkaan program yang

University of Malaya

ingin dilaksanakan. Penglibatan komuniti yang penuh sepastinya menjanjikan pembinaan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang berkesan. Ketidakhadiran sekumpulan pakar yang bersedia untuk menyumbang menyukarkan pelaksanaan sebuah program pascapembebasan dan jagaan lanjutan dengan baik. Sekali lagi, usaha-usaha untuk mengubah persepsi masyarakat dan mendayaupayakan masyarakat merupakan cabaran yang kritikal.

*(4) Ketersediaan bekas banduan sendiri untuk di dalam menjayakan program*

Apakah gunanya program sekiranya kumpulan sasar program sendiri tidak ambil peduli mengenainya? Sudah pasti program ini akan berakhir dengan kegagalan sekiranya bekas banduan sendiri enggan atau kurang berminat untuk mengikuti program yang dibina untuk mereka. Justeru itu, para banduan perlu dimaklumkan mengenai kepentingan penglibatan mereka di dalam program pascapembebasan dan lanjutan semula sekurang-kurangnya enam bulan sebelum mereka di lepaskan dari penjara. Malah, sebagai satu tindakan proaktif, pihak penjara boleh memperkenalkan program ini sebagai salah satu daripada program institusi mereka. Dalam kalangan bekas banduan pula, mereka harus melihat program sebegini sebagai peluang kedua buat mereka membentuk sahsiah diri agar mereka berjaya berintegrasi semula ke dalam komuniti.

Aktiviti pemberdayaan (*empowerment*) harus diadakan bagi memastikan ketersediaan berterusan bekas banduan mengikuti program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti ini. Ketersediaan yang penuh dari bekas banduan ini penting dalam memastikan kejayaan program. Berkaitan dengan hal ini, kerajaan mungkin perlu menggubal satu akta khusus berkaitan penyertaan mandatori setiap bekas banduan di

University of Malaya

dalam program pascapembebasan dan jagaan lanjutan yang disyorkan. Akta sebegini penting bagi memastikan penyertaan bekas banduan ke dalam program pascapembebasaan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang diadakan ini berlangsung secara aktif. Pembentukan akta sebegini juga adalah kritikal bagi mengelakkan sebarang masalah dari segi penyertaaan bekas banduan yang enggan turut serta ke dalam program yang dibina.

*(5) Ketiadaan konsensus dalam jenis program pascapembebasan yang bersesuaian*

Permasalahan lain yang timbul apabila tiada satu domain pemulihan sosial yang dapat menangani kepelbagaian keperluan yang diperlukan oleh bekas banduan. Ianya dirumitkan lagi dengan setiap bekas banduan yang dibebaskan ini hadir dengan keperluan yang kompleks dan saling berkaitan antara satu sama lain. Apatah lagi banduan yang bakal dibebaskan ini datang dari pelbagai latarbelakang yang berbeza, dengan cabaran yang berbeza, dan keperluan yang berbeza. Ini mungkin menyebabkan pihak pelaksana tidak pasti program mana yang perlu diberi keutamaan.

Dalam keadaan di mana negara berhadapan dengan masalah kewangan untuk membiayai perkhidmatan sosial, memilih program yang benar-benar memberi manfaat kepada seluruh anggota masyarakat sering menjadi asas penting dalam pembuatan keputusan awam. Berbanding dengan kumpulan sosial yang lain (spt, kanak-kanak, orang kurang upaya, orang tua), bekas banduan merupakan salah satu kumpulan sosial yang dianggap sebagai liabiliti sosial yang bukan keutamaan di dalam perkhidmatan sosial. Ini menyebabkan kerajaan sukar untuk mendapat konsensus dan sokongan padu anggota masyarakat/rakyat apabila ingin melaksanakan program-program sosial sebegini.

University of Malaya

Pembentukan program ini harus dipertimbangkan memandangkan faedah dan keuntungan yang dapat diperolehi. Penggunaan pendekatan *Cost Benefit analysis* (CBA) dapat digunakan dalam mengukur keuntungan yang dapat dicapai dengan adanya program sebegini di dalam sistem keadilan jenayah di Malaysia. Hal ini kerana CBA merupakan sebuah pendekatan yang sistematik dalam menganggarkan kekuatan dan kelemahan sesuatu projek yang ingin dilakukan. Ianya boleh melibatkan tender, polisi, pelan, rancangan dan pelbagai lagi. Bagi kajian ini, pengkaji mencadangkan penggunaan CBA dalam mengukur program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang dicadangkan dibina ini. Pihak pelaksana boleh mengambil pendekatan ini dalam mengira dan membandingkan faedah dan kos yang dapat diperolehi daripada program pascapembebasan dan jagaan lanjutan berasaskan komuniti yang ingin dijalankan ini. CBA ini bertujuan untuk memastikan pemilihan keputusan untuk membentuk program ini adalah kukuh. Di samping itu, CBA juga berupaya digunakan untuk mengukur sama ada faedah yang diperolehi adalah melebihi daripada kos yang dikeluarkan.

Walaupun program yang disyorkan ini dijangkakan akan berhadapan dengan cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas, pengkaji berharap ia tidak akan membantutkan usaha atau menjadi penghalang untuk sistem pengadilan jenayah negara ini untuk cuba melaksanakannya. Pengkaji yakin bahawa program yang disyorkan ini merupakan satu program pemulihan yang berkesan, yang bukan sahaja mampu memastikan perbelanjaan dan pembiayaan institusi pemenjaraan dapat digunakan dengan sebaik mungkin, malah, dapat membantu peralihan bekas banduan banduan yang dibebaskan dengan lebih lancar.

University of Malaya

## 8.3 Limitasi-limitasi kajian

Selain daripada batasan yang berkaitan dengan pelaksanaan program yang disyorkan, kajian ini juga mempunyai beberapa batasan dari segi kerangka teoritikal dan metodologi yang digunakan. Limitasi-limitasi berkenaan boleh membataskan aplikasi dapatan kajian ini secara umum. Limitasi pertamanya mempunyai kaitan rapat dengan penggunaan teori yang dipilih sebagai asas analisis kajian ini. Terdapat pelbagai teori (spt. Teori Tekanan atau *Strain Theory*, Teori Pilihan Rasional atau *Rational Choice Theory*, Teori Perlabelan) yang boleh digunakan bagi menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada pengulangan jenayah dan pemberhentian dari jenayah. Namun, kajian ini memilih untuk menggunakan Teori Pengkelasan umur sebagai kawalan sosial tidak formal kerana sifat teori ini yang menyeluruh dan melibatkan semua institusi dan persekitaran sosial yang wujud di sekeliling seseorang dalam menjelaskan punca kepada pembentukan sesuatu tingkah laku. Teori ini juga, walau bagaimanapun, mempunyai beberapa limitasi. Ianya lebih memfokuskan perbincangan kepada pemberhentian dari jenayah iaitu perubahan tingkah laku antisosial yang menjadi lebih baik akibat daripada peristiwa hidup yang dialami seperti perkahwinan dan pekerjaan.

Teori ini juga tidak mampu membincangkan punca pengulangan jenayah dan pengelakkan jenayah dari sudut psikologi bekas banduan. Perbincangan yang dilakukan tentang psikologi bekas banduan adalah secara asas seperti kematangan, harapan dan motivasi dalam memahami perubahan tingkah laku yang berlaku di dalam diri. Hal ini kerana ianya adalah luar daripada kemampuan teori untuk menjelaskan secara mendalam tentang psikologi bekas banduan ketika membuat keputusan sama ada masih meneruskan jenayah atau mengelakkan diri dari jenayah. Selain itu, teori ini juga tidak bersifat dua

University of Malaya

hala. Ia hanya membincangkan titik perubahan yang berlaku daripada perspektif sebelah pihak iaitu bekas banduan sahaja dalam kajian ini dan gagal mendapatkan perspektif individu-individu sekeliling seperti ibubapa, keluarga dan masyarakat sendiri yang membawa kepada punca titik perubahan bekas banduan tersebut.

Limitasi kajian ini apabila pengkaji telah terlepas pandang untuk membincangkan peranan agama atau kepercayaan dalam mempengaruhi tingkah laku jenayah. Teori dan beberapa kajian terdahulu (sebagai contoh, O'Connor & Duncan, 2008; Johnstone & Van Ness, 2006; Pallone, 2003; O'Connor & Perreyclear, 2002) yang menunjukkan faktor agama dan kepercayaan mempunyai pengaruh dalam menentukan tingkah laku individu seseorang. Pelbagai faktor yang ditemui telah membawa kepada keperluan mengkaji kriminologi dari sudut agama di seluruh dunia. Permintaan agar gerakan Islam, Kristian dan agama-agama lain seperti Buddha dan Hindu dijalankan kepada banduan di dalam penjara. Diharap pengkaji di masa akan datang akan memberi perhatian tentang faktor agama di dalam menganalisis faktor pengulangan jenayah dan pemberhentian dari jenayah.

